

**KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA
TERHADAP KELUARGA**

DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA

DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN ISLAM

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2026

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 Februari 2026

DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI
P101410

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

Nama dan Cap Rasmi: <i>Name and Official Stamp</i>			
G. PERAKUAN TESIS SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTERS / DOCTORAL THESIS)			
Nama penuh pengarang <i>(Author's Full Name)</i>	DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI		
No. Pendaftaran Pelajar <i>(Student's Registration No.)</i>	P101410	Sesi Akademik <i>(Academic Session)</i>	
Tajuk Tesis <i>(Thesis Title)</i>	KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA		

Merujuk kepada Klausa 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai (*Tandakan ✓ bagi maklumat yang berkaitan):
*(With regard to Clause 4.2 of the UKM Student Intellectual Property Policy (Supplementary), the thesis is the student's property. I hereby declare this thesis as (*Mark ✓ on relevant information):*

- ☐ ***RAHSIA
(CONFIDENTIAL)** Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972
(Consisting of classified information under the OFFICIAL SECRETS ACT 1972)
- ☐ ***TERHAD
(RESTRICTED)** Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan
(Consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organization/ body where the research was conducted)
- ☒ ***AKSES TERBUKA/
TIDAK TERHAD
(OPEN ACCESS/
NON-RESTRICTED)** Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(I allow this thesis to be published through open access, full text or copied for study, learning and research purposes only)

Bagi kategori Akses Terbuka / Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana / Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

(For the Open Access / Non-Restricted category, I allow this (Master's / Doctoral) Thesis to be kept in the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library with the following usage conditions:)

- Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(UKM Library has the right to reproduce the thesis for study, learning and research purposes only.)
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 01	Tarikh Kuat Kuasa: 01/04/2024
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN <i>Form and Check List of Amended Thesis Submission</i>		

pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.

(UKM Library is allowed to make one (1) copy of this thesis for exchange purposes among higher education institutions and any government body/agency, subject to terms and conditions.)

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)		PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)	
 TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)		 TANDATANGAN PENYELIA / PENERUSI JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)	
Kad Pengenalan /: No. Pasport (Identity Card / Passport No.)	941218065662	Nama Penyelia/ Pengerusi JK Siswazah (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name)	Prof Madya Dr A'dawiyah binti Ismail
Tarikh: (Date)	21 Januari 2026	Tarikh: (Date)	21 Januari 2026

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia serta taufiq dan hidayah-Nya, dapatlah juga menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam ke atas Rasul junjungan Nabi Muhammad SAW yang tidak pernah berputus asa dalam menyebarkan risalah kebenaran dan ajaran Islam. Hasil daripada perjuangan baginda serta para sahabat, umat Islam hari ini dapat hidup dengan limpahan kurniaan hidayah-Nya hingga akhir hayat.

Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. A'dawiyah binti Ismail dan Dr. Khazri bin Osman, pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, selaku penyelia tesis ini yang telah banyak memberikan sumbangan berharga dalam bentuk nasihat, tunjuk ajar, perkongsian idea, dorongan serta kritikan yang membina sepanjang tempoh penyeliaan sehingga terhasilnya tesis ini.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung seperti pentadbiran Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) yang sentiasa memberi dorongan serta pelepasan kerja untuk menghadiri kuliah dan menjalani sesi penyeliaan, para pensyarah yang sentiasa memberi bimbingan tidak kira masa, Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam (FPI), peserta kajian dan panel penilai bagi kajian tesis ini dan semua yang membantu dalam proses menyiapkan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga buat abah dan ibu iaitu Encik Mohd Kadri bin Abdul Ghafar dan Nurul Azam binti Mohd Wasek serta suami Muhammad Hilmi Amri bin Mohd Salehuddin yang banyak memberi sokongan dan semangat serta semua ahli keluarga dan para sahabat yang membantu menjayakan kajian ini. Semoga Allah SWT membalas segala kebaikan kalian. Akhir kata, terima kasih diucapkan sekali lagi kepada semua yang terlibat. Sejuta kemaafan juga dipinta andai terdapat sebarang kekhilafan dan kekurangan sepanjang bekerjasama. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya daripada Allah SWT dan segala kekurangan itu datangnya daripada kelemahan diri sendiri yang merupakan insan biasa sahaja.

ABSTRAK

Peranan wanita sebagai pendakwah dalam keluarga amat penting dalam membentuk individu yang berakhlak mulia dan taat kepada Allah SWT. Wanita sebagai isteri dan ibu memainkan peranan utama dalam mendidik ahli keluarga terutamanya dalam mengamalkan ajaran Islam dan membimbing keluarga ke arah kebaikan. Namun demikian, pelaksanaan komunikasi yang berkesan dalam menyampaikan dakwah tanpa menimbulkan salah faham atau perasaan tidak senang dalam kalangan ahli keluarga menjadi cabaran utama kepada wanita. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti proses komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah wanita, mengkaji jenis pengungkapan dakwah yang efektif serta menganalisis gaya pengungkapan dakwah yang sesuai digunakan oleh pendakwah wanita bagi memastikan mesej dakwah diterima dengan baik terhadap ahli keluarga. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif. Data kajian dikumpulkan melalui temu bual. Data kajian dianalisis menggunakan Atlas.ti mengikut kaedah tematik. Hasil kajian mendapati terdapat tiga peringkat awal dalam membina proses komunikasi dakwah pendakwah wanita iaitu peringkat permulaan, perancangan dan persediaan sebelum memulakan topik perbualan. Terdapat tiga jenis pengungkapan dakwah yang efektif digunakan oleh pendakwah wanita terhadap keluarga iaitu humor, persuasif dan jenis pengungkapan psikologi. Penggunaan jenis pengungkapan ini memberi kesan yang positif terhadap penerimaan mesej dakwah dalam kalangan ahli keluarga. Selain itu, terdapat sepuluh gaya pengungkapan dakwah yang sesuai digunakan pendakwah wanita terhadap ahli keluarga iaitu ungkapan yang sopan, berunsur humor, benar dan jujur, berhemah, berunsur penceritaan, nasihat, jelas dan teratur, lemah lembut, mesra, dan mudah difahami. Dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para wanita dalam usaha penambahbaikan kualiti komunikasi dakwah wanita terhadap ahli keluarga masing-masing sekaligus mencapai keharmonian rumah tangga. Kajian ini memberi implikasi kepada unit-unit perundingcara keluarga di Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan bahagian-bahagian yang terlibat berkaitan komunikasi wanita dan keluarga bagi meningkatkan kualiti penyampaian komunikasi wanita terhadap keluarga.

EPRESSION STYLE OF WOMAN PREACHER TOWARDS THEIR FAMILY

ABSTRACT

The role of women as preachers within the family is crucial in shaping individuals who are morally grounded and obedient to Allah SWT. As wives and mothers, women serve as primary agents in educating family members, particularly in practising Islamic teachings and guiding the household towards righteousness. However, conveying *da'wah* through effective communication without causing misunderstandings or discomfort among family members remains a major challenge for women. This study therefore aims to identify the *da'wah* communication processes employed by female preachers, examine the types of effective *da'wah* expressions used, and analyse the communication styles that are most appropriate to ensure that *da'wah* messages are well received by family members. This study adopts a qualitative research design, and data were collected through interviews and analysed thematically using Atlas.ti. The findings reveal that female preachers employ three preliminary stages in developing their *da'wah* communication process, namely the initiation stage, planning, and preparation before introducing the topic of conversation. The study also identifies three effective types of *da'wah* expression used towards family members: humorous expressions, persuasive expressions, and psychologically oriented expressions. These forms of expression contribute positively to the acceptance of *da'wah* messages within the family context. In addition, ten communication styles were found to be appropriate for female preachers when delivering *da'wah* to their family members: polite expressions, the use of humour, truthfulness and honesty, courteous conduct, storytelling, providing advice, clear and organised communication, gentleness, friendliness, and ease of understanding. The findings of this study serve as a reference for women seeking to enhance the quality of their *da'wah* communication within the family, ultimately contributing to household harmony. The study also offers implications for family counselling units within the State Islamic Religious Departments and related agencies involved in women's and family communication, aiming to strengthen the effectiveness of women's *da'wah* communication practices.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
JADUAL TRANSLITERASI	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI ILUSTRASI	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Limitasi Kajian	10
1.7 Tinjauan Literatur	12
1.8 Signifikan Kajian	14
1.9 Definisi Operasi Kajian	15
1.10 Kesimpulan	18
 BAB II GAYA PENGUNGKAPAN KOMUNIKASI DAKWAH	
2.1 Pengenalan	19

2.2	Komunikasi dan Dakwah	19
2.2.1	Konsep komunikasi	21
2.2.2	Konsep komunikasi dakwah	24
2.2.3	Bentuk-bentuk komunikasi dakwah	26
2.2.4	Proses komunikasi dakwah	28
2.3	Jenis-jenis Pengungkapan Dakwah	37
2.3.1	Pengungkapan humor	38
2.3.2	Pengungkapan persuasif	40
2.3.3	Pengungkapan psikologi	41
2.4	Gaya Pengungkapan Dakwah Terhadap Keluarga	44
2.4.1	Ungkapan yang sopan	44
2.4.2	Ungkapan kiasan berunsur humor	45
2.4.3	Ungkapan yang benar dan jujur	47
2.4.4	Ungkapan yang berhemah	48
2.4.5	Ungkapan yang berunsur penceritaan	49
2.4.6	Ungkapan yang berunsurkan nasihat	51
2.4.7	Ungkapan yang jelas dan teratur	52
2.4.8	Ungkapan yang lemah lembut	53
2.4.9	Ungkapan yang mesra	54
2.4.10	Ungkapan yang mudah difahami	55
2.5	Kerangka Kerja Teoretikal dan Konseptual	57
2.5.1	Kerangka kerja teoritikal	57
2.5.2	Kerangka kerja konseptual	59
2.6	Kesimpulan	62

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Pemilihan Sampel	64
3.4	Pengumpulan Data	67
3.4.1	Prosedur menjalankan proses temu bual	68
3.4.2	Kesahan dan kebolehppercayaan kajian	71
3.4.3	Kesahan peserta kajian terhadap data temu bual	72
3.4.4	Kesahan pakar dan penilaian pakar melalui Cohen's Kappa	73

3.4.5	Kesahan terhadap unit data analisis	75
3.5	Penganalisan Data	75
3.5.1	Proses penganalisan data kualitatif	76
3.6	Kesimpulan	78
BAB IV	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	79
4.2.1	PK1 (Puan Sazilarahimi Binti Sepawi)	80
4.2.2	PK2 (Puan Maizatul Akmaliah Mohamed)	81
4.2.3	PK3 (Puan Asmak Binti Husin)	81
4.2.4	PK4 (Puan Nurul Shahidah Binti Ishak)	82
4.2.5	PK5 (Dr Hasiah Binti Mat Salleh)	82
4.2.6	PK6 (Puan Nafisah Abdul Rahim)	82
4.2.7	PK7 (Dr. Safiah Binti Abd Razak)	83
4.2.8	PK8 (Prof. Dr. Siti Rugayah Binti Hj Tibek)	83
4.2.9	PK9 (Puan Nazirah Abu Bakar)	84
4.2.10	PK10 (Dr. Nur Yani Binti Che Hussin)	84
4.3	Analisis Berkaitan Proses Komunikasi Dakwah	84
4.3.1	Proses permulaan membina komunikasi dakwah	85
4.3.2	Perancangan memulakan komunikasi dakwah	94
4.3.3	Medium komunikasi pendakwah wanita terhadap keluarga	98
4.3.4	Topik perbualan bersama ahli keluarga	102
4.4	Analisis Berkaitan Jenis-jenis Pengungkapan Dakwah	104
4.4.1	Humor dalam pengungkapan dakwah	105
4.4.2	Psikologi dalam pengungkapan dakwah	116
4.4.3	Pendekatan persuasif dalam dakwah	120
4.5	Analisis Berkaitan Gaya Pengungkapan Dakwah	134
4.5.1	Sopan	135
4.5.2	Benar dan jujur	146
4.5.3	Berunsur humor	150
4.5.4	Berhemah	154
4.5.5	Berunsur penceritaan	164
4.5.6	Berunsur nasihat	169
4.5.7	Jelas dan teratur	177

4.5.8	Lemah lembut	183
4.5.9	Mesra	188
4.5.10	Mudah difahami	198
4.6	Kesimpulan	209

BAB V PENUTUP

5.1	Pengenalan	211
5.2	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	211
5.3	Implikasi Kajian	213
5.4	Cadangan Kajian	214
5.5	Kesimpulan	218

RUJUKAN	219
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Permohonan Menjalankan Kajian	236
Lampiran B	Surat Kesahan Instrumen Kajian Pakar 1	238
Lampiran C	Surat Kesahan Instrumen Kajian Pakar 2	238
Lampiran D	Soalan Temu bual Peserta Kajian	240
Lampiran E	Kesahan Cohen's Kappa Pakar 1	242
Lampiran F	Kesahan Cohen's Kappa Pakar 2	245
Lampiran G	Kesahan Temu Bual Data Transkripsi	248
Lampiran H	Kesahan Unit Analisis Data Pakar 1	258
Lampiran I	Kesahan Unit Analisis Data Pakar 2	266

JADUAL TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālīd
د	d	ديوان	diwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	d	ضمير	ḍamīr
ط	t	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	c	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fīqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	labān
م	m	مزمар	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	yasār

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	fa ^ʿ ala
اِ	i	حَسِبَ	ḥasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ ، اِ ، اِوْ	ā	كاتب ، قاضي	kātib, qaḍā
يِ	ī	كريم	karīm
وِ	ū	حروف	ḥurūf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَوْ	aw	قول	qawl
اَيِ	ay	سيف	sayf
يِوْ	īyy, ī	رجعي	raj ^ʿ iyy, raj ^ʿ ī
وِوْ	uww, ū	عدو	ʿaduww, ʿadū

Pengecualian

1. Huruf Arab ء(hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada 'a' bukan kepada '. Contoh: أكبر, transliterasi: *akbar* bukan *'akbar*.
2. Huruf Arab ة(*tā' marbūṭah*) pada perkataan tanpa ال(al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'. Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: *wizārat al-ta^ʿlīm*, bukannya *wizārah al-ta^ʿlīm*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال(al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *tā' marbūṭah* ditransliterasikan kepada h.

Contoh

1. المكتبة الأهلية
2. قلعة
3. دار وهبة

Transliterasi

al-Maktabah al-Ahliyyah
Qal^ʿah
Dār Wahbah

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Senarai nama pakar yang telah dilantik	73
Jadual 3.2	Indikator tahap persetujuan Cohen's Kappa	74
Jadual 4.1	Latar belakang peserta kajian	80
Jadual 4.2	Permulaan komunikasi peserta kajian terhadap keluarga	94
Jadual 4.3	Medium komunikasi peserta kajian terhadap keluarga	98
Jadual 4.4	Topik-topik perbualan peserta kajian dalam keluarga	103
Jadual 4.5	Pandangan peserta kajian terhadap kesesuaian humor dalam keluarga	109
Jadual 4.6	Jenis kata-kata berpengaruh peserta kajian terhadap keluarga	132
Jadual 5.1	Masalah komunikasi dan cadangan penyelesaian	215

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 2.1	Model Komunikasi Berlo (SMCR)	23
Rajah 2.2	Kerangka kerja teoretikal kajian	59
Rajah 2.3	Kerangka konseptual kajian	60
Rajah 3.1	Proses pemilihan sampel kajian	67
Rajah 3.2	Proses pengumpulan data kajian	68
Rajah 3.3	Proses menjalankan temu bual	70
Rajah 3.4	Formula kiraan Cohen's Kappa	74
Rajah 3.5	Hasil kiraan berdasarkan formula Cohen's Kappa	75
Rajah 3.6	Proses penganalisan data kualitatif	78

SENARAI SINGKATAN

AS	<i>‘Alayh al-Salām</i>
Bil.	Bilangan
Ed.	Edisi
et al.	dan pengarang-pengarang lain
ELM	Model Kemungkinan Penjelasan
ESC	Perbualan Sokongan Emosi
FPI	Fakulti Pengajian Islam
hlm.	Halaman
Jil.	Jilid
pnvt.	Penyunting
RA	<i>Raḍiyā Allāhu ‘anhu/‘anhā</i>
SAW	<i>Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam</i>
SMCR	Sumber (<i>Source</i>), Mesej (<i>Message</i>), Saluran (<i>Channel</i>), dan Penerima (<i>Receiver</i>)
SWT	<i>Subḥānahu wa Ta‘ālā</i>
t.th.	Tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Peranan wanita dalam sesebuah institusi keluarga amat penting. Wanita bertanggungjawab menguruskan urusan rumah tangga dan memastikan kesejahteraan keluarga (Andri Nurwandi et al. 2018). Selain penguasaan ilmu pengurusan rumah tangga, kewangan dan hal ehwal anak-anak dan suami, wanita juga memainkan peranan penting dalam mendidik serta membentuk ahli keluarga menjadi hamba yang bertaqwa. Wanita adalah antara tonggak utama dalam keluarga. Peranan yang dimainkan akan mempengaruhi pembentukan tingkah laku dan keperibadian ahli dalam keluarga tersebut. Namun, peranan wanita ini tidak dapat dimainkan dengan baik sekiranya tanpa penggunaan kata-kata dan gaya bahasa komunikasi yang betul dalam menegur dan mengajak ke arah kebaikan.

Komunikasi keluarga yang berkesan, yang sering dipelopori oleh wanita merupakan elemen penting dalam mewujudkan suasana persefahaman dan keharmonian bersama dalam keluarga. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa wanita memainkan peranan strategik dalam menyampaikan nilai agama melalui komunikasi interpersonal yang berlandaskan kasih sayang, kebijaksanaan, dan nilai spiritual. Mardhiah Rubani et al. (2024) menyatakan bahawa komunikasi kekeluargaan Islam dapat memperkukuh ketahanan keluarga melalui pendekatan dakwah yang berteraskan nilai-nilai keislaman. Marlina et al. (2024) pula mendapati bahawa komunikasi interpersonal yang berpandukan nilai agama memberi kesan positif dalam memperkukuh ketahanan keluarga, terutamanya dalam menyelesaikan konflik dan memupuk perpaduan. Sementara itu, Amir et al. (2024) menekankan

peranan aktif wanita dalam menyampaikan dakwah melalui pendidikan agama dan program moral dalam keluarga dan masyarakat, menjadikan mereka sebagai ejen perubahan sosial dan spiritual. Dapatan tersebut turut disokong oleh Andiwi Meifilina et al. (2024) dengan menyatakan bahawa program latihan komunikasi interpersonal, lisan mahupun bukan lisan, telah membantu wanita memupuk perpaduan dan meningkatkan kepuasan dalam kalangan ahli keluarga. Oleh itu, persiapan para wanita sebagai pendakwah dalam keluarga dari aspek kemahiran komunikasi dan strategi penyampaian perlu dilatih dan diberi perhatian supaya komunikasi yang dilakukan lebih berkesan seterusnya membantu kemenjadian ahli keluarga yang berakhlak mulia, patuh kepada Allah SWT serta meninggalkan larangan-Nya.

Menurut Ab. Aziz (2001) pendakwah perlu menguasai kemahiran serta teknik pendekatan yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Tidak terkecuali juga bagi pendakwah wanita khususnya dalam konteks kekeluargaan untuk menyampaikan dakwah melalui kemahiran dan teknik pendekatan yang sesuai terhadap ahli keluarga mereka. Kemahiran utama dalam menyampaikan dakwah adalah kemahiran komunikasi. Maka, kajian ini digerakkan untuk meneliti aspek komunikasi dakwah yang diamalkan oleh pendakwah wanita dalam keluarga.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perbincangan berkenaan ilmu komunikasi telah dibincangkan secara meluas oleh para sarjana sejak dahulu. Tokoh-tokoh komunikasi seperti Lasswell, Wilbur Schramm, Osgood dan Rogers (Samsuddin 1993) telah menghuraikan dan membangunkan pelbagai model komunikasi yang menjelaskan proses penyampaian mesej antara individu. Komunikasi bukan sahaja dilihat dari sudut sekular, bahkan juga diberi perhatian oleh para sarjana Islam seperti Samsuddin Abdul Rahim, Toto Tasmara dan Abdullah Ghazali Sulaiman yang menekankan peranan komunikasi dalam menyampaikan mesej dakwah dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Dari perspektif Islam, komunikasi telah terjadi sejak daripada zaman Nabi Adam AS lagi iaitu manusia pertama yang diciptakan oleh Allah SWT, dan terus berkembang dalam pelbagai bentuk seperti bercakap, mendengar, membaca, menulis dan berinteraksi secara bukan lisan (Abdullah Ghazali 2007). Sebagaimana ditegaskan oleh Griffin

(2006), komunikasi merupakan aspek yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia.

Pada asalnya, menurut Adair (1973), Hashim (2001) dan Onong Uchjana (2008) komunikasi ditakrifkan sebagai usaha untuk mewujudkan kesamaan pemahaman antara penghantar dan penerima mesej. Secara umum, komunikasi terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu komunikasi lisan dan bukan lisan. Daripada perspektif Islam pula, komunikasi dilihat sebagai satu proses mengajak manusia ke arah kebaikan berlandaskan nilai-nilai keagamaan, bertujuan membawa manusia menuju kebahagiaan di dunia dan akhirat (Zulkefli et al. 2016; Abdullah Ghazali 2007). Hal ini turut disokong oleh Zaydan (1993) yang menyatakan bahawa topik utama dalam dakwah ialah Islam itu sendiri; maka setiap pernyataan atau tindakan yang berteraskan nilai Islam dianggap sebagai sebahagian daripada komunikasi Islam.

Al-Qarḍāwī (1976) juga pernah membincangkan berkenaan enam bidang ilmu pengetahuan yang wajib dikuasai oleh seorang pendakwah antaranya ialah memiliki pengetahuan bahasa dan kesusasteraan serta pengetahuan ilmu kemanusiaan agar dapat mengungkapkan pesan-pesan dakwah dalam kata-kata yang dimengerti oleh pendengar. Tambahan lagi, disebabkan dakwah itu ditujukan kepada manusia, maka pendakwah juga perlu menguasai ilmu-ilmu kemanusiaan iaitu psikologi, sosiologi, falsafah, sains dan akhlak (al-Qarḍāwī 1996). Hal ini bagi membantu menambah kandungan, topik, serta menjadi tarikan pendakwah terhadap sasaran dakwah. Tidak terkecuali bagi wanita sebagai pendakwah dalam keluarga, mereka juga perlu menguasai kemahiran dan ilmu-ilmu ini bagi memastikan komunikasi yang berlaku berjalan secara berhemah, berkesan dan membina.

Dalam konteks ini, beberapa kajian terkini memberikan sokongan jelas terhadap keperluan dan keberkesanan komunikasi dakwah oleh wanita, khususnya dalam ruang lingkup kekeluargaan. Rosmawati et al. (2024) membangunkan model komunikasi keluarga Muslim yang menekankan penerapan nilai Islam dan penggunaan teknologi digital sebagai medium interaksi yang harmoni, yang relevan dalam menyokong peranan wanita sebagai penjaga komunikasi rohani dalam rumah tangga. Mardhiah Rubani et al. (2024) pula menunjukkan bahawa wanita memainkan

peranan utama dalam membentuk ketahanan keluarga melalui komunikasi dakwah yang konsisten dan berbentuk keagamaan. Amir et al. (2024) memperkuat naratif ini apabila mendapati bahawa pendakwah wanita bukan sahaja aktif dalam pendidikan agama, tetapi juga menjadi agen perubahan moral dan sosial melalui komunikasi yang empatik dan bersifat mendidik.

Kajian oleh Karimullah (2022) turut menekankan bahawa komunikasi ibu dalam keluarga Muslim sangat penting dalam menyokong kestabilan emosi dan kesihatan mental anak-anak, yang merupakan satu bentuk dakwah tidak langsung oleh wanita dalam institusi keluarga. Distiliana dan Herlinsi (2024) pula membincangkan bagaimana wanita perlu mengimbangi antara perubahan gaya hidup era 5.0 dan peranan keibuan, serta menggunakan komunikasi dakwah psikologikal dalam menyantuni ahli keluarga. Tambahan pula, Heni Ani Nuraeni dan Novie Kurniasih (2021) menunjukkan bahawa wanita yang menyampaikan dakwah telah membantu mengukuhkan amalan keagamaan dan mempererat komunikasi spiritual dalam keluarga.

Oleh itu, kesemua dapatan ini mengukuhkan justifikasi bahawa komunikasi pendakwah wanita, khususnya dalam konteks kekeluargaan, merupakan suatu dimensi penting dalam pembentukan keluarga Muslim yang harmoni dan bertaqwa. Justeru, kajian ini menumpukan perhatian kepada bentuk komunikasi dakwah, jenis-jenis pendekatan serta gaya pengungkapan dakwah sebagai strategi penyampaian yang sesuai dan berkesan digunakan oleh pendakwah wanita terhadap ahli keluarga.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Tugas sebagai seorang pendakwah bukanlah suatu perkara yang mudah (Ahmad Redzuwan 2010). Cabaran menjadi lebih kompleks apabila sasaran dakwah terdiri daripada ahli keluarga sendiri, kerana ia melibatkan emosi, sensitiviti hubungan dan kebimbangan untuk tidak menyinggung hati insan tersayang. Namun begitu, tanggungjawab dakwah tetap perlu dilaksanakan kerana ia merupakan amanah agama.

Tugas dakwah ini dilihat lebih mencabar apabila yang melaksanakannya adalah golongan wanita. Wanita yang sudah berumahtangga memainkan peranan

sebagai isteri akan berhadapan dengan kerenah dan keegoan suami. Dalam konteks ini, kelemahan komunikasi dalam kalangan golongan wanita seperti kegagalan memahami keperluan emosi anak, keterbatasan masa dengan suami, dan penggunaan gaya komunikasi yang tidak berkesan boleh menimbulkan konflik dalaman keluarga.

Peranan wanita sebagai pendakwah dalam keluarga merupakan suatu amanah agama yang memerlukan kebijaksanaan, kesabaran dan kemahiran komunikasi yang tinggi. Walau bagaimanapun, interaksi dakwah dalam ruang domestik tidak mudah dilaksanakan kerana wanita berhadapan dengan pelbagai kekangan emosi dan hubungan kekeluargaan. Dalam konteks ini, wanita sering bergelut dengan cabaran seperti mengurus sensitiviti pasangan, memahami keperluan emosi anak-anak, menangani perbezaan personaliti, serta mengimbangi tanggungjawab rumah tangga dengan tugas menyampaikan ajaran agama.

Karpel (1994) telah mengemukakan beberapa rintangan yang menghalang keberkesanan komunikasi dalam rumah tangga, antaranya ialah kegagalan pasangan untuk saling mendengar antara satu sama lain, perbezaan jangkaan antara lelaki dan wanita dalam mencapai kebebasan dan keintiman, perbezaan corak komunikasi, serta kelemahan dalam menyelesaikan konflik secara bersama. Apabila pasangan tidak mendengar antara satu sama lain, maka berlakulah kegagalan komunikasi yang boleh mencetuskan ketegangan dalam hubungan. Kajian Syaflin et al. (2024) turut menyokong dapatan ini apabila mendapati corak komunikasi suami isteri yang tidak efektif sering menjadi penyebab utama pertelingkahan rumah tangga, khususnya disebabkan oleh perbezaan karakter dan ketidakupayaan berkomunikasi secara konstruktif ketika menghadapi konflik. Penemuan ini menunjukkan bahawa wanita sebagai pendakwah dalam keluarga perlu dilengkapi dengan strategi komunikasi yang berkesan bagi mengurangkan konflik dan membina persefahaman dengan pasangan. Kajian-kajian tersebut juga membuktikan kegagalan mendengar, perbezaan karakter, corak komunikasi yang tidak seimbang dan ketidakupayaan menyelesaikan konflik secara konstruktif menjadi faktor utama keretakan hubungan keluarga sehingga menyebabkan wanita sering menjadi pihak yang perlu memulihkan keadaan ini.

Tambahan lagi, isu wanita sebagai pendakwah dalam keluarga bukan sahaja berkaitan kelemahan komunikasi umum, tetapi berkait dengan ketidakseimbangan kuasa komunikasi antara lelaki dan wanita. Dalam konteks ini, corak komunikasi gender turut memainkan peranan penting. Kajian Nuraida dan Muhammad Zaki (2017) mendapati bahawa wanita kerap terperangkap dalam corak komunikasi “perpecahan tidak seimbang” dan “monopoli”, sehingga menyebabkan suara mereka kurang mendapat perhatian. Keadaan ini menyulitkan usaha wanita menyampaikan teguran, nasihat atau dakwah secara berkesan, seterusnya mewujudkan jarak komunikasi antara ibu dan anak mahupun isteri dan suami. Dalam kebanyakan situasi, wanita terpaksa menahan emosi, memilih ungkapan berhati-hati, atau mengelakkan isu –isu tertentu kerana bimbang mencetuskan konflik dalam rumah tangga.

Kajian Zaizul dan Jaffary (2004) menambah bahawa walaupun pasangan mampu meluahkan perasaan, mereka sering gagal untuk benar-benar mendengar antara satu sama lain, menyebabkan mesej tidak difahami secara mendalam. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi bukan sekadar ekspresi, tetapi juga memerlukan kepekaan emosi dan kesediaan menerima maklum balas. Perkara ini diperkuat oleh dapatan Abbas et al. (2019) dan Muhammad Iqbal et al. (2023) yang menegaskan bahawa ramai dalam kalangan keluarga Islam mengalami kesukaran dalam mengintegrasikan nilai cinta, hormat dan adab Islam dalam dialog harian, yang akhirnya mewujudkan jurang pemahaman antara ibu bapa dan anak-anak. Walaupun nilai agama dipegang, cara penyampaian yang tidak sistematik dan kurang refleksi dalam komunikasi harian menyebabkan mesej Islam tidak diserap secara efektif dalam hubungan keluarga.

Berdasarkan laporan terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM 2024), jumlah kes perceraian di Malaysia pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak 57,835 kes, menunjukkan penurunan sebanyak 8.7 peratus berbanding tahun 2022 yang merekodkan 63,338 kes. Kadar Perceraian Kasar (*Crude Divorce Rate*, CDR) juga menurun daripada 1.9 kepada 1.8 per 1,000 penduduk. Perincian menunjukkan bahawa penceraian dalam kalangan pasangan Islam menurun sebanyak 3.9 peratus,

manakala pasangan bukan Islam mengalami penurunan lebih drastik iaitu sebanyak 21.4 peratus.

Penurunan ini menggambarkan bahawa usaha pencegahan seperti program sokongan keluarga, kempen kesedaran dan peningkatan kemahiran komunikasi dalam rumah tangga mungkin telah mula menunjukkan kesan. Sejajar dengan perkembangan tersebut, pelbagai inisiatif pemerkasaan keluarga di Malaysia turut diperkasakan melalui program khusus yang menumpukan peningkatan kemahiran komunikasi dan pengurusan hubungan kekeluargaan. Usaha-usaha ini dapat dilihat melalui pelaksanaan program seperti Modul Keluarga Sakinah JAKIM, Program SMARTSTART LPPKN, Kursus Pra-Perkahwinan Islam, serta Program SMART Belanja & Komunikasi Harmoni, yang dilaporkan mencatat peningkatan penganjuran dan penyertaan masyarakat sejak 2019 hingga 2023. Laporan tahunan JAKIM dan LPPKN turut menunjukkan bahawa program-program ini memberi kesan positif awal, sejajar dengan data DOSM (2024) yang merekodkan sedikit penurunan kadar perceraian. Namun begitu, kadar perceraian yang masih tinggi serta dapatan kes kaunseling keluarga di pejabat agama negeri-negeri menjadi indikator bahawa komunikasi yang lemah antara pasangan terutama dari aspek empati, kejelasan mesej dan kesesuaian gaya penyampaian kekal sebagai punca dominan berlakunya konflik. Hal ini menandakan bahawa meskipun pelbagai program sokongan telah dilaksanakan dan menunjukkan perkembangan positif, usaha tersebut masih belum mencukupi untuk menangani isu komunikasi secara mendalam di peringkat keluarga, khususnya bagi wanita yang memikul peranan sebagai pendakwah dalam memastikan mesej dakwah disampaikan dan diterima dengan berkesan oleh ahli keluarga.

Dalam institusi keluarga, masalah komunikasi bukan sahaja boleh terjadi antara suami dan isteri sahaja, malah turut melibatkan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak. Wanita sebagai ibu memainkan peranan utama dalam proses ini, kerana mereka perlu menangani pelbagai ragam anak-anak sepanjang proses pembesaran yang menuntut kepekaan emosi dan pendekatan yang bersesuaian. Menurut Abu Dzar dan Mohd Arif (2017), sesebuah keluarga Islam yang bermasalah lazimnya berpunca daripada kelemahan ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Kelemahan ini boleh menimbulkan salah faham dan seterusnya mengganggu keharmonian serta

persefahaman dalam keluarga. Nurul Salmi dan Mohd Isha (2014) berpendapat bahawa pendakwah perlu menguasai kemahiran bahasa kerana dalam kehidupan seharian manusia memerlukan sebanyak 70 peratus daripada masa mereka dalam aktiviti komunikasi. Oleh itu, penguasaan bahasa dan gaya pengungkapan yang bersesuaian amat penting untuk mewujudkan persefahaman antara ibu dan anak-anak, terutamanya dalam menyampaikan mesej dakwah secara berkesan.

Selain itu, dalam era digital masa kini, corak komunikasi tradisional semakin diganti dengan komunikasi melalui peranti pintar dan media sosial sehingga menyebabkan terdapat jurang komunikasi keluarga Islam yang semakin ketara akibat perubahan gaya hidup moden dan teknologi. Kajian oleh Yulita et al. (2018) mendapati bahawa kebangkitan komunikasi digital telah mengurangkan interaksi tatap muka dalam keluarga, sekali gus memberi kesan kepada keterikatan emosi antara ahli keluarga. Platform digital juga tidak selalu menyediakan ruang yang mencukupi untuk keterlibatan emosi dan komunikasi empatik, terutamanya bagi wanita yang menjadi tunjang kepada keseimbangan emosi dalam keluarga. Kajian Lusi Satia et al. (2024) pula menunjukkan bahawa ibu yang bekerja sering menggunakan aplikasi seperti *WhatsApp* untuk berkomunikasi dengan anak-anak, namun komunikasi berbentuk teks tidak dapat menggantikan sepenuhnya keintiman dan pengaruh komunikasi lisan secara langsung dalam membentuk akhlak dan jati diri anak. Kajian Yulita et al. (2018) dan Lusi Satia et al. (2024) ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi digital mengurangkan interaksi tatap muka, menghakis keintiman emosi dan menjadikan nasihat agama daripada seorang ibu kurang berkesan. Situasi ini menambah kesukaran wanita untuk melaksanakan dakwah melalui pendekatan yang lembut tetapi berpengaruh. Kesilapan memilih gaya pengungkapan seperti penggunaan suara tegas, arahan langsung atau teguran tidak empatik boleh menyebabkan ahli keluarga menjauh, tidak mendengar atau menolak mesej dakwah (Fauziah & Bahiyah 2018).

Dalam konteks ini, peranan wanita sebagai ibu, kakak mahupun saudara terdekat amat penting dalam membendung pengaruh budaya negatif dan amalan luar yang tidak selari dengan nilai Islam melalui strategi yang efektif dan berhikmah. M. Musthofa (2023) menekankan bahawa strategi dakwah perlu sentiasa diperbaharui

agar selaras dengan keperluan, pemikiran serta tahap kefahaman *mad'uw* dalam keluarga.

Selain itu, pemilihan ungkapan tidak sesuai ketika menegur atau menasihati boleh menyebabkan ahli keluarga terasa hati lalu menjauhkan diri dan enggan meluahkan perasaan. Kajian Fauziah dan Bahiyah (2018) menunjukkan bahawa gaya komunikasi yang bersifat dominan, tidak empatik dan mengarah seperti memberi arahan tanpa mendengar pandangan boleh menimbulkan ketegangan dalam hubungan keluarga. Komunikasi yang bersifat 'berat sebelah' menjadikan ahli keluarga kurang senang dan tidak serasi dan akhirnya menolak mesej yang ingin disampaikan. Keadaan ini turut menjadi punca kegagalan dakwah kerana teknik penyampaian dakwah yang tidak sesuai dengan kaedahnya (Ab Aziz 2001). Hal ini seterusnya menyebabkan institusi keluarga berpecah antara satu sama lain.

Marlina et al. (2024) menyokong dapatan ini apabila mendapati bahawa komunikasi interpersonal berlandaskan nilai keagamaan berperanan dalam menyelesaikan konflik keluarga, serta menyemai rasa saling memahami dalam kalangan ahli keluarga. Justeru, komunikasi yang baik bukan sahaja mampu menyampaikan mesej dengan tepat, malah menghasilkan kesan positif dari segi hubungan dan tingkah laku. Komunikasi yang baik mampu menyampaikan mesej yang tepat kepada penerima seterusnya menghasilkan kesan yang positif dalam kalangan ahli keluarga. Oleh itu, bagi mewujudkan suasana keluarga yang positif, komunikasi yang baik perlu diamalkan dalam setiap keluarga. Namun begitu, sekiranya gaya pengungkapan dalam sesebuah komunikasi tidak disampaikan melalui penggunaan ungkapan yang tidak sesuai, maka komunikasi yang dilakukan tidak berkesan.

Dalam situasi ini, wanita memerlukan kefahaman yang lebih terperinci tentang bagaimana proses komunikasi dakwah berlaku dalam keluarga, jenis pengungkapan yang efektif, dan gaya penyampaian yang paling sesuai untuk suasana hubungan kekeluargaan. Kekurangan panduan berasaskan kajian empirikal mengenai pengungkapan dakwah wanita dalam konteks keluarga menyebabkan ramai wanita tidak mempunyai rujukan yang jelas untuk membimbing cara komunikasi berhemah,

empatik dan berpengaruh. Justeru, kajian ini penting untuk meneliti bagaimana pendakwah wanita membina proses komunikasi dakwah, mengenal pasti jenis dan gaya pengungkapan dakwah yang digunakan dalam keluarga, serta menganalisis keberkesanannya terhadap penerimaan mesej dakwah oleh ahli keluarga.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah proses komunikasi dakwah yang dibina oleh pendakwah wanita terhadap ahli keluarga?
- ii. Apakah jenis-jenis pengungkapan dakwah yang digunakan pendakwah wanita terhadap keluarga?
- iii. Bagaimanakah gaya pengungkapan dakwah yang sesuai digunakan pendakwah wanita terhadap keluarga?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, objektif kajian yang hendak dicapai adalah untuk:

- i. Menenalpasti proses komunikasi dakwah yang dibina oleh pendakwah wanita terhadap keluarga.
- ii. Mengkaji jenis-jenis pengungkapan dakwah yang digunakan pendakwah wanita terhadap keluarga.
- iii. Menganalisis gaya pengungkapan dakwah yang sesuai digunakan pendakwah wanita terhadap keluarga.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada pendakwah wanita yang merupakan pengamal komunikasi dakwah dalam institusi kekeluargaan. Peserta kajian terdiri daripada dua kategori utama, iaitu pendakwah wanita dalam kalangan ahli akademik dan pendakwah bebas yang aktif menyampaikan dakwah secara langsung kepada

masyarakat. Walaupun kajian ini dijalankan dengan teliti, beberapa limitasi tetap wujud seperti berikut:

a. Skop peserta kajian yang terhad

Kajian ini hanya melibatkan pendakwah wanita Muslim yang telah berkahwin lebih lima tahun, mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak, serta terlibat dalam aktiviti dakwah sekurang-kurangnya selama 10 tahun. Penemuan kajian ini tidak mewakili keseluruhan populasi wanita Muslim mahupun semua bentuk institusi kekeluargaan.

b. Fokus kepada komunikasi dalam konteks kekeluargaan

Tumpuan kajian diberikan kepada komunikasi dakwah dalam lingkungan keluarga, tanpa merangkumi komunikasi dakwah wanita dalam konteks masyarakat umum, organisasi, media sosial atau institusi pendidikan. Ini menjadikan hasil kajian bersifat spesifik kepada konteks rumah tangga.

c. Saiz sampel yang kecil

Bilangan peserta kajian dalam kajian ini adalah kecil, iaitu sepuluh orang, selaras dengan pendekatan kualitatif yang lebih mementingkan kedalaman dan keutuhan data berbanding generalisasi. Oleh itu, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi lebih besar, tetapi dapat memberikan gambaran yang mendalam dan kontekstual. Madhusudan Subedi (2023) turut menyokong dengan menyatakan bahawa, dalam kajian kualitatif, kedalaman dan kepelbagaian pengalaman peserta kajian jauh lebih penting daripada bilangan besar. Maka, dengan menggunakan saiz sampel seramai sepuluh peserta kajian dalam kajian ini adalah berasas dan sesuai.

d. Pergantungan kepada pengalaman subjektif peserta kajian

Dapatan kajian banyak bergantung kepada kejujuran dan kejelasan pengalaman yang dikongsi oleh peserta kajian semasa temu bual. Namun begitu, langkah-langkah seperti triangulasi sumber melalui temu bual bersama peserta kajian sebagai informan

pakar juga diambil untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data (Meydan & Akkaş 2024).

e. Pengaruh tafsiran penyelidik dalam analisis data

Dalam analisis kualitatif, interpretasi data sangat bergantung kepada kepekaan penyelidik terhadap konteks, bahasa dan makna tersirat dalam ucapan peserta kajian. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan kaedah triangulasi dan rujukan silang untuk mengurangkan bias dalam interpretasi.

Meskipun kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan, ia tidak menjejaskan kualiti dapatan, sebaliknya memberi kelebihan dalam meneroka secara mendalam gaya komunikasi dakwah oleh wanita dalam konteks kekeluargaan Islam kontemporari.

1.7 TINJAUAN LITERATUR

Hasil sorotan literatur menunjukkan bahawa komunikasi dalam institusi kekeluargaan Islam merupakan elemen penting dalam pembentukan nilai dan sahsiah keluarga Muslim. Aspek komunikasi ini telah dikaji dari pelbagai sudut seperti metodologi dakwah, pendekatan psikologi, komunikasi berkesan, serta pengaruh gender terhadap gaya penyampaian mesej Islam. Dalam konteks tersebut, gaya pengungkapan dakwah yang digunakan khususnya oleh pendakwah wanita telah dikenal pasti sebagai aspek signifikan yang mempengaruhi keberkesanan penyampaian nilai agama dalam keluarga. Namun begitu, pendekatan dan klasifikasi gaya ini masih belum seragam dalam kalangan pengkaji, terutama dari segi bentuk bahasa, strategi penyampaian, serta respons penerima dalam konteks kekeluargaan.

Kajian-kajian terkini yang dilakukan oleh para sarjana menampakkan hala tuju ke arah pemahaman yang lebih empirikal. Horning dan Bowen (2023) meneliti komunikasi empatik dalam konteks keluarga yang berhadapan dengan fasa akhir hayat. Walaupun bukan khusus kepada komunikasi Islam, dapatan kajian ini menyokong keperluan ekspresi emosi, kejelasan mesej dan keseimbangan antara

kejujuran dan sensitiviti menggunakan prinsip yang selari dengan nilai komunikasi dakwah secara berhemah dalam keluarga Muslim.

Kajian oleh Muhammad Mansur et al. (2022) pula membincangkan keperluan komunikasi dakwah yang bijaksana dalam keluarga Muslim, yang menurut mereka perlu menekankan keseimbangan antara ketegasan prinsip dan kasih sayang. Kajian ini mengesahkan peranan penting pendakwah wanita, terutamanya sebagai ibu dan isteri, dalam menggunakan pendekatan afirmatif dan lemah lembut seperti *qawlan layyina* dan *qawlan maysūra* sebagaimana dituntut dalam al-Quran.

Satu dimensi yang semakin diberi perhatian ialah gaya komunikasi oleh pendakwah wanita dalam ruang digital dan awam. Kloos (2021) melalui kajiannya tentang pendakwah wanita di Malaysia menjelaskan bahawa wanita Islam membentuk gaya profesional tersendiri dalam menyampaikan dakwah secara berkesan. Mereka menunjukkan keupayaan menyeimbangkan norma kesopanan dengan keberanian menyampaikan mesej Islam secara jelas dan halus. Kajian ini penting kerana ia membuktikan bahawa gaya pengungkapan dakwah wanita bukan sahaja bergantung kepada konteks keluarga, malah turut dipengaruhi oleh kefahaman terhadap audiens dan keperluan situasi.

Dalam kerangka psikososial, Safinah et al. (2020) membincangkan berkenaan komunikasi interpersonal ibu bapa sebagai satu bentuk dakwah secara tidak langsung. Komunikasi yang dibina atas prinsip penerimaan, kehangatan dan kasih sayang terbukti mampu membentuk nilai anak-anak secara berkesan. Kajian ini menyokong bahawa gaya pengungkapan dakwah yang emosional dan reflektif lebih memberi kesan daripada pendekatan instruktif semata-mata.

Kajian oleh A'dawiyah dan Siti Najihah (2021) pula memperincikan teknik komunikasi ibu menurut Islam berdasarkan enam konsep al-Quran iaitu *qawlan sadīda*, *qawlan balīgha*, *qawlan ma'rūfa*, *qawlan karīma*, *qawlan maysūra* dan *qawlan layyina*. Teknik-teknik ini, apabila diaplikasikan secara konsisten oleh golongan ibu, bukan sahaja dapat membentuk peribadi anak-anak yang baik, malah menjadi satu bentuk dakwah halus yang sangat berpengaruh dalam keluarga. Kajian

ini turut menekankan perbezaan pendekatan komunikasi berdasarkan umur anak serta pentingnya penggunaan bahasa yang tepat dan tidak kasar dalam mendidik mereka.

Begitu juga, kajian tentang gaya komunikasi oleh tokoh pendakwah wanita seperti Siti Nadzrah Sheh Omar menunjukkan bagaimana penggunaan komunikasi lembut, nasihat tersirat, serta pendekatan bercerita membentuk kesan psikologi positif terhadap anak-anak (Safinah & Intan Haziqah 2019). Hal ini turut disokong oleh kajian terhadap gaya penyampaian Ustazah Halimah Alaydrus di media sosial yang menggunakan bahasa lembut, humor sopan, dan penekanan emosi positif untuk mendidik secara tidak langsung, khususnya kepada audiens wanita dan keluarga (Siti Fatimah Azzahra & Robi'ah Machtumah Malayati 2024).

Sehubungan itu, wujud keperluan mendesak untuk memperluas pemahaman tentang gaya pengungkapan dakwah oleh pendakwah wanita, khususnya dalam konteks kekeluargaan Muslim kontemporari. Kajian-kajian sedia ada masih belum mengupas secara sistematik gaya bahasa, bentuk retorik, serta penerimaan ahli keluarga terhadap pendekatan yang digunakan. Oleh itu, kajian ini akan mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara empirikal bentuk komunikasi dan gaya pengungkapan dakwah yang diamalkan oleh pendakwah wanita, dengan harapan dapat memperkukuh pendekatan dakwah keluarga yang lebih inklusif, responsif dan strategik.

1.8 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam memperluas perbincangan ilmiah berkenaan komunikasi dakwah, khususnya melibatkan peranan pendakwah wanita dalam institusi kekeluargaan. Dari sudut disiplin ilmu, kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana komunikasi Islam yang berpaksikan nilai-nilai syariah, dengan menekankan dimensi pengungkapan sebagai elemen strategik dalam penyampaian mesej dakwah. Kajian ini penting demi memastikan para pendakwah dalam kalangan wanita menguasai kemahiran komunikasi khususnya dari aspek pengungkapan dakwah. Kemahiran komunikasi menjadi salah satu persediaan penting bagi memastikan keberkesanan dalam proses penyampaian mesej dakwah.

Di samping itu, kajian ini memberi impak positif kepada para pendakwah wanita mengenai kaedah pemilihan dan penggunaan pengungkapan komunikasi dalam kehidupan harian. Perbincangan ini penting kerana gaya pengungkapan merupakan medium utama yang digunakan dalam berkomunikasi. Kepekaan para pendakwah wanita dalam memilih, menyusun dan menggunakan gaya pengungkapan tersebut penting kerana setiap satunya membawa maksud yang mendalam dan mampu mempengaruhi perasaan dan jiwa sasaran dakwah.

Selain itu, kajian ini turut berperanan sebagai sumber motivasi dan pemerkasaan kepada para pendakwah wanita. Dengan pendedahan terhadap strategi komunikasi yang berkesan, mereka akan lebih yakin untuk melaksanakan dakwah dalam kalangan ahli keluarga, seterusnya memperkukuh institusi keluarga Muslim yang harmoni, berakhlak dan berdaya tahan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada literatur dalam bidang komunikasi dakwah dan kajian wanita, malah turut menyumbang kepada pembangunan sosial dan spiritual masyarakat Islam secara menyeluruh, bermula daripada keluarga sebagai unit asas umat.

1.9 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Kamarul Azmi (2012) mengatakan bahawa definisi operasi merujuk kepada penerangan khusus terhadap istilah atau konstruk utama yang digunakan dalam sesuatu kajian. Ia bertujuan untuk memastikan setiap konsep difahami secara tepat mengikut konteks kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, konstruk utama yang didefinisikan secara operasional ialah komunikasi, pendakwah wanita, dan keluarga.

a. Komunikasi

Perkataan komunikasi berasal daripada bahasa Latin iaitu '*communicare*' yang membawa maksud *to make common* atau "mewujudkan persamaan". Menurut Onong Uchjana (2008) manusia bertindak sebagai seorang komunikator dalam berkomunikasi. Daripada penjelasan beliau menunjukkan bahawa komunikasi dibahagikan kepada dua aspek iaitu mesej dan simbol. Aspek mesej mewakili fikiran

dan perasaan manusia manakala simbol pula mewakili aspek bahasa. Saodah et al. (2005) turut membahagikan komunikasi kepada beberapa bentuk iaitu komunikasi antara individu, kumpulan kecil, organisasi, dan massa. Dari perspektif Islam, Mohd Yusof (1990) menjelaskan bahawa komunikasi Islam berpegang kepada prinsip-prinsip syariah yang menekankan kebenaran, hikmah dan adab dalam penyampaian mesej. Maka, dalam konteks kajian ini, komunikasi ditakrifkan sebagai proses interaksi dakwah yang dilakukan oleh pendakwah wanita melalui pelbagai bentuk dan gaya pengungkapan yang selaras dengan nilai-nilai Islam, dengan tujuan membentuk dan membimbing keluarga ke arah kebaikan.

b. Pendakwah wanita

Pendakwah merujuk kepada individu yang melaksanakan tanggungjawab dakwah dengan menyeru manusia kepada kebaikan, menyampaikan ajaran Islam serta membimbing masyarakat ke arah penghayatan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian. Tanggungjawab dakwah ini merupakan suatu taklif syarie yang dipertanggungjawabkan kepada setiap Muslim, sama ada lelaki mahupun wanita, selaras dengan prinsip amar makruf dan nahi mungkar. Walau bagaimanapun, perbezaan peranan sosial dan kedudukan wanita dalam masyarakat menjadikan penglibatan pendakwah wanita sebagai pelengkap penting kepada usaha dakwah secara menyeluruh, khususnya dalam ruang-ruang yang bersifat peribadi seperti institusi keluarga. Kehadiran pendakwah wanita dapat memperkukuhkan lagi keberkesanan dakwah melalui pendekatan sekali gus memastikan mesej dakwah dapat disampaikan dan diterima secara lebih berkesan.

Dalam konteks kajian ini, pendakwah wanita merujuk kepada golongan wanita yang terlibat secara aktif dalam menyampaikan mesej Islam melalui interaksi harian dalam institusi keluarga. Istilah ini tidak terhad kepada wanita yang memegang jawatan formal sebagai pendakwah, tetapi merangkumi isteri, ibu, anak perempuan, kakak atau ahli keluarga wanita lain yang memainkan peranan sebagai penyampai nilai agama melalui komunikasi seharian. Mereka menyeru ahli keluarga ke arah kebaikan, memupuk kefahaman agama, membina akhlak dan mengukuhkan hubungan

spiritual dalam keluarga melalui gaya komunikasi yang berhikmah, berhemah dan penuh kasih sayang.

Peranan pendakwah wanita ini disokong oleh kajian-kajian terdahulu. Mardhiah Rubani (2024) menegaskan bahawa wanita merupakan tonggak pembentukan ketahanan keluarga kerana komunikasi dakwah yang konsisten mampu memperkukuh amalan keagamaan dan kestabilan nilai dalam rumah tangga. Amir et al. (2024) pula mendapati bahawa wanita bukan sahaja berperanan sebagai pendidik agama dalam keluarga, tetapi juga menjadi agen perubahan moral dan sosial melalui amalan komunikasi yang membimbing dan menyantuni. Hal ini selari dengan dapatan Karimullah (2022) yang menunjukkan bahawa komunikasi berfokuskan keibuan membantu menyokong kestabilan emosi dan kesihatan mental anak-anak, sekali gus mempengaruhi keberkesanan penyampaian dakwah dalam keluarga. Seterusnya, Heni Ani Nuraeni (2021) menegaskan bahawa wanita yang terlibat dalam penyampaian dakwah harian berupaya mengukuhkan amalan spiritual dan meningkatkan kualiti hubungan kekeluargaan. Oleh itu, definisi operasi pendakwah wanita dalam kajian ini merujuk kepada wanita yang berperanan sebagai agen pengukuh agama melalui komunikasi dakwah yang berstrategi, lembut, empatik dan berterusan, dengan tujuan membentuk keluarga Muslim yang berakhlak, stabil dan harmoni.

c. Keluarga

Keluarga merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan besar dan berkesan kepada manusia dan masyarakat khususnya dalam membentuk dan mendidik generasi manusia (Paizah 1991). Institusi keluarga adalah asas kekuatan masyarakat dan negara. Menurut A'dawiyah (2016), keluarga boleh diibaratkan seperti sel dalam tubuh manusia, jika sel itu sihat, maka sihatlah keseluruhan tubuh. Begitu juga menurut Zaydan (1987), kerosakan keluarga akan membawa kepada kerosakan masyarakat. Dalam konteks kajian ini, keluarga merujuk kepada unit sosial terdekat pendakwah wanita yang terdiri daripada suami, anak-anak, ibu bapa, atau ahli keluarga lain yang menjadi sasaran utama komunikasi dakwah.

1.10 KESIMPULAN

Penguasaan kemahiran komunikasi merupakan elemen penting dalam pembentukan peribadi dan tingkah laku manusia sejak dari kecil. Wanita, khususnya dalam berperanan sebagai isteri dan ibu, semestinya perlu memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai agama dan moral dalam institusi keluarga melalui komunikasi yang berkesan. Kemahiran dalam memilih bentuk, gaya dan pengungkapan komunikasi yang sesuai memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan dan keharmonian keluarga. Sekiranya komunikasi yang berkesan dipraktikkan dan gaya bahasa yang sesuai digunakan kehidupan dalam sesebuah institusi keluarga akan menjadi lebih tenang dan diberkati oleh Allah SWT.

Kajian ini digerakkan atas kesedaran bahawa komunikasi yang berkesan dalam keluarga bukan sekadar interaksi biasa, tetapi merupakan satu bentuk dakwah interpersonal yang memerlukan hikmah, empati dan ketelitian strategi penyampaian. Sekiranya pendekatan ini dapat dikuasai dengan baik oleh pendakwah wanita, ia bukan sahaja memperkuat institusi keluarga, bahkan turut memberi sumbangan terhadap pengurangan isu sosial seperti konflik rumah tangga dan perceraian.

Oleh itu, dalam mencapai kejayaan tersebut, kajian ini dijalankan untuk meneroka gaya komunikasi dakwah wanita dalam konteks kekeluargaan, dengan harapan dapat menyumbang kepada pembangunan satu garis panduan komunikasi dakwah yang lebih berkesan, mesra, dan sesuai diamalkan dalam kehidupan seharian sekaligus mengurangkan permasalahan perceraian dan sosial dalam masyarakat.

BAB II

GAYA PENGUNGKAPAN KOMUNIKASI DAKWAH

2.1 PENGENALAN

Menurut Ab. Aziz (2001), seseorang pendakwah perlu menguasai kemahiran dan teknik pendekatan yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Tidak terkecuali juga bagi pendakwah wanita yang berperanan menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga mereka. Kemahiran utama dalam menyampaikan dakwah adalah kemahiran komunikasi. Kajian oleh Barnes dan Olson (1985) menunjukkan bahawa komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak remaja dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan mempererat kasih sayang, seterusnya memudahkan penyelesaian konflik. Dapatan ini disokong oleh kajian Safinah et al. (2019) yang mendapati institusi kekeluargaan menjadi lebih kukuh apabila ibu bapa dan anak-anak menguasai kemahiran komunikasi secara berkesan sehingga setiap ahli keluarga merasa dihargai, dikasihi dan dimuliakan.

Dalam menyampaikan dakwah terhadap keluarga, komunikasi yang disampaikan hendaklah berteraskan prinsip dan ajaran Islam. Oleh itu, bab ini akan membincangkan mengenai konsep komunikasi dakwah, jenis-jenis pengungkapan dakwah, dan gaya pengungkapan dakwah yang sering diaplikasikan dalam proses komunikasi bersama ahli keluarga.

2.2 KOMUNIKASI DAN DAKWAH

Menurut teori *Speech Act* oleh Searle (1979), dalam komunikasi, sesuatu ungkapan atau bahasa membawa lima bentuk fungsi makna utama iaitu menyampaikan maklumat (*assertive*), memberi arahan atau mempengaruhi tindakan (*directive*),

menyatakan komitmen (*commissive*), mengungkapkan perasaan atau sikap (*expressive*), serta membuat deklarasi yang menimbulkan perubahan langsung (*declaratory*). Fungsi-fungsi ini membantu individu memahami situasi dan mengenali niat komunikasi dengan lebih jelas. Ungkapan-ungkapan ini membentuk asas kepada pemahaman dalam komunikasi interpersonal yang berkesan.

Dalam konteks dakwah pula, bahasa merupakan medium utama penyampaian mesej agama yang dikenali sebagai dakwah *bi al-lisān* (secara lisan). Mesej dakwah perlu disampaikan dengan jelas, berhemah dan bersesuaian dengan latar belakang serta sensitiviti *maʿfūw* (Zaydan 2010). Kajian Rosmawati et al. (2024) menegaskan bahawa komunikasi dakwah bukan hanya menyampaikan maklumat semata-mata, bahkan membina hubungan mesra dan harmoni antara pendakwah dan *maʿfūw*, terutamanya dalam konteks institusi kekeluargaan Muslim. Pendekatan ini memberi kesan mendalam terhadap keberkesanan mesej dakwah.

Selain komunikasi *verbal*, kajian terkini oleh Muaz et al. (2024) turut menekankan pentingnya komunikasi bukan lisan (*non-verbal*) dalam dakwah, termasuk intonasi suara, ekspresi wajah, gerak tubuh dan kesesuaian waktu. Elemen-elemen ini menyumbang kepada keberkesanan penyampaian mesej spiritual yang kompleks dan memperkukuh kefahaman *maʿfūw* dalam suasana dakwah yang lebih berempati dan intuitif.

Dalam era digital, peranan komunikasi dakwah semakin berkembang melalui platform media sosial. Kajian oleh Abdul Chalim et al. (2025) menunjukkan strategi dakwah yang berkesan dalam talian melibatkan penggunaan bahasa bersahaja, kandungan visual, interaksi dua hala dan kolaborasi dengan tokoh awam atau pengengaruh (pendakwah). Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan capaian dakwah, malah menjadikan mesej Islam lebih mudah didekati dan difahami khalayak pelbagai latar belakang. Tambahan pula, kajian oleh Yusuf (2025) mendapati penggunaan kandungan ringkas seperti *meme* agama yang berunsur nasihat dan hiburan telah menjadi satu bentuk komunikasi dakwah yang diterima baik oleh generasi milenial. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan gaya bahasa yang santai

tetapi berkesan mampu menyampaikan nilai-nilai Islam secara tidak langsung, namun mendalam.

Kesemua dapatan ini mengukuhkan hakikat bahawa bahasa dan komunikasi merupakan instrumen penting dalam strategi dakwah masa kini. Sama ada melalui pendekatan *verbal*, bukan *verbal* atau digital, keberkesanan dakwah bergantung kepada kepekaan pendakwah dalam memilih dan menggunakan bahasa yang sesuai dengan keadaan, medium dan sasaran dakwahnya. Hal ini menjadi lebih signifikan apabila melibatkan pendakwah wanita, khususnya dalam konteks kekeluargaan, kerana mereka sering menjadi individu terdekat yang memainkan peranan penting dalam membina suasana harmoni dan menyemai nilai-nilai Islam di rumah. Keupayaan pendakwah wanita untuk menggunakan bahasa yang lembut, empati, dan penuh hikmah bukan sahaja mampu menyentuh emosi *mad'uw*, malah menjadikan komunikasi dakwah lebih berkesan dan menyeluruh.

2.2.1 Konsep komunikasi

Istilah komunikasi berasal daripada bahasa latin iaitu *communicare* yang bermaksud *to make common* ataupun dalam bahasa Melayu bermaksud mewujudkan persamaan (Noraini et al, 2019; Onong Uchjana 2008; Hashim 2001). Dalam bahasa Inggeris pula, disebut *communication*. Menurut Ibn Manẓūr (2010) pula, komunikasi dalam istilah Arab disebut *ittiṣāl* (إتصال) ataupun *waṣāla* (وصل) yang membawa maksud menyampaikan.

Ramai sarjana Barat dan Islam telah menterjemahkan konsep komunikasi ini mengikut pendekatan dan kepakaran masing-masing. Mengikut sejarah, tokoh yang terawal mengkaji berkenaan ilmu komunikasi ini ialah Lasswell (1948) yang memperkenalkan model komunikasi satu hala sebagai kaedah paling mudah dalam berkomunikasi dengan menumpukan kepada lima persoalan asas iaitu siapa? mengatakan apa? melalui saluran apa? kepada siapa? dan apakah kesannya? Model ini memberi tumpuan kepada proses linear penyampaian mesej daripada pengirim kepada penerima. Daripada teori terawal ini, perbincangan berkaitan ilmu komunikasi kemudiannya dikembangkan lagi oleh Schramm (1977) dan Rogers dan Shoemaker

(1969) yang menjelaskan proses komunikasi secara dua hala melibatkan sumber dan penerima. Pendapat ini turut disokong oleh Hoveland et al. (1948) yang memahami komunikasi ini sebagai proses interaksi sosial.

Sementara itu, maksud komunikasi juga turut dijelaskan oleh Chaffee et al. (1973) sebagai sistem pengiriman maklumat, sikap dan tingkah laku. Manakala Theodorson (1969) berpendapat bahawa komunikasi adalah proses luahan emosi yang ada dalam diri seseorang individu atau kumpulan yang terlibat.

Menurut Samsuddin (1993) pula, dalam komunikasi terdapat empat pengertian yang membawa kepada makna dan aspek yang tertentu iaitu pengertian yang memfokuskan kepada aspek penyebaran maklumat, aspek pembujukan, aspek perkongsian maklumat, aspek perkongsian makna dan aspek tingkah laku dalam proses komunikasi. Dalam teori Berlo (1960), beberapa unsur penting komunikasi diperkenalkan iaitu sumber, mesej, saluran dan penerima. Setiap unsur komunikasi tersebut mempunyai ciri-ciri tertentu. Secara ringkasnya, sumber bertindak sebagai penyebar maklumat, mesej adalah maklumat untuk disebarkan dan isi kandungan yang dikategorikan oleh Berlo sebagai kod dan kandungan dan penerima ialah individu yang menerima maklumat yang disampaikan.

Dalam kajian ini, Teori Berlo dipilih sebagai rujukan yang sesuai dengan pengkhususan kajian yang memfokuskan kepada aspek pengungkapan. Teori Berlo diperkenalkan pada tahun 1960 dan model teori ini turut dikenali sebagai Model SMCR. SMCR merujuk kepada sumber (*source*), mesej (*message*), saluran (*channel*), dan penerima (*receiver*) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1. Kajian oleh Muyanga dan Phiri (2021) untuk komunikasi berkesan menggunakan Model SMCR menegaskan bahawa elemen-elemen ini saling berkait dan mempengaruhi keberkesanan komunikasi termasuk penyesuaian saluran dan konteks penerima. Daripada empat unsur tersebut, unsur utama yang difokuskan untuk kajian ini adalah mesej (*message*) yang merujuk kepada ungkapan dakwah yang digunakan kepada sasaran dakwah. Model ini dipilih kerana ia menumpukan pada mesej iaitu unsur kritikal dalam pengungkapan dakwah untuk menyelina nilai, istilah dan kandungan secara tepat dan relevan.

Dalam konteks dakwah, unsur mesej ini merujuk kepada *mawḍūʿ* (موضوع) atau topik kandungan yang dipilih untuk disampaikan kepada *maḍʿuw* (مدعو). Kajian terkini oleh Faustyna et al. (2025) dan M. Taufiq dan Abdullah (2025) menjelaskan bahawa komunikasi Islam bukan sekadar pemindahan maklumat, tetapi merupakan pertukaran mesej berlandaskan prinsip kejujuran (*ṣidq*), amanah, keadilan, hikmah dan wasatiyyah, dengan matlamat mencapai kebenaran, keharmonian serta keredhaan Allah SWT. Abdulrohim et al. (2025) turut menyatakan bahawa komunikasi Islam yang beretika berpaksikan al-Quran dan Sunnah menekankan tanggungjawab, kesopanan, serta kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej. Prinsip-prinsip ini amat penting khususnya bagi pendakwah wanita yang sering berperanan sebagai penyampai nilai dalam lingkungan kekeluargaan dan masyarakat. Keupayaan mereka memilih topik dakwah yang sesuai dan menyampaikannya dengan gaya bahasa yang lembut, berhemah dan beretika menjadikan unsur mesej bukan sahaja jelas, tetapi juga menyentuh hati dan membina keyakinan dalam kalangan *maḍʿuw*.

Berdasarkan kepada perbincangan Berlo berkenaan model ini, setiap unsur mempunyai kriteria- kriteria tertentu. Menurut Berlo, unsur mesej mempunyai kod-kod yang mewakili sesuatu simbol yang mewakili sesuatu makna. Dalam erti kata lain, mesej amat mempengaruhi kesan dan tindakan. Pendek kata, penerima dapat memahami dan menerima secara terbuka sekiranya mesej yang disampaikan tersebut jelas (Berlo 1960).

<i>S</i> (Source)	<i>M</i> (Message)	<i>C</i> (Channel)	<i>R</i> (Receiver)
Kemahiran Komunikasi	Elemen	Dengar	Kemahiran Komunikasi
Sikap	Gaya Penyampaian	Lihat	Sikap
Pengetahuan	Isi	Rasa	Pengetahuan
Sistem Sosial	Stuktur	Sentuh	Sistem Sosial
Budaya	Kod	Bau	Budaya

Rajah 2.1 Model Komunikasi Berlo (SMCR)

Sumber: Berlo 1960

2.2.2 Konsep komunikasi dakwah

Komunikasi dakwah merujuk kepada proses penyampaian mesej Islam secara terancang, berstrategi dan berpaksikan nilai syariah kepada sasaran tertentu (*madʿuw*) melalui pelbagai medium komunikasi. Ia bukan sekadar penyebaran maklumat, tetapi usaha membina hubungan, pemahaman dan penghantaran nilai Islam yang penuh hikmah.

Menurut Mohd Yusof (1990), komunikasi dakwah mempunyai maksud dan ciri-ciri yang sama dengan komunikasi Islam yang menyampaikan maklumat berpandukan kepada prinsip al-Quran dan al-Sunnah. Komunikasi Islam didasarkan pada kejujuran (*al-ṣidq*) dan kepercayaan (*al-amānah*), memastikan mesej disampaikan dengan jujur dan bertanggungjawab. Ini penting dalam mengekalkan kredibiliti dan kepercayaan dalam interaksi peribadi (Najmuddin et al. 2024; M. Taufiq & Abdullah 2025). Dalam proses tersebut, pendakwah berperanan sebagai penyampai, mesej adalah topik yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah, saluran adalah pendekatan yang digunakan sesuai dengan keadaan dan situasi *madʿuw* dan penerima adalah *madʿuw* atau sasaran dakwah. Dalam konteks kajian ini, penyampai merujuk kepada pendakwah wanita yang menyampaikan dakwah, mesej adalah gaya pengungkapan yang dipilih dalam menyampaikan sesuatu mesej, saluran adalah pendekatan yang digunakan dan penerima adalah dalam kalangan ahli keluarga.

Zulkefli et al. (2016) menjelaskan bahawa topik dakwah yang dibincangkan dalam komunikasi dakwah adalah Islam. Pendapat ini turut disokong oleh Omar Zakaria (2014) yang menyatakan bahawa pendakwah menyeru kepada Islam dengan penyampaian mesej berunsur agama serta disampaikan secara berstrategi. Sehubungan itu, Asep Syamsul (2013) mentakrifkan komunikasi dakwah sebagai satu proses penyampaian mesej Islam oleh pendakwah dengan tujuan mempengaruhi *madʿuw* agar mengamalkan ajaran Islam. Proses ini bukan sahaja memerlukan kefahaman terhadap isi kandungan dakwah, tetapi juga pelaksanaan yang berakhlak dan beradab. Menurut Erwan Effendy et al. (2023) komunikasi dakwah yang berkesan harus disampaikan

melalui kandungan yang sahih, seperti yang bersumber daripada al-Quran dan hadis, serta menekankan nilai etika, adab dan penghormatan terhadap penerima mesej.

Peranan wanita dalam keluarga sebagai penyampai dakwah diperlukan berdasarkan kepada tanggungjawabnya sebagai pengurus keluarga. Kebanyakan wanita bersikap lebih ekspresif, teratur, dan sopan dalam percakapan (Basow & Rubenfield 2003). Wanita juga menggunakan komunikasi untuk meningkatkan perhubungan sosial (Leaper 1991; Mulac et al. 2001). Hal ini menjelaskan matlamat yang dilihat oleh seorang wanita apabila berkomunikasi adalah untuk mengeratkan perhubungan dan persaudaraan dalam sesebuah keluarga.

Tambahan lagi, dari sudut penyampaian mesej dakwah, wanita berkebolehan menyampaikan maklumat dengan berkesan. Wanita secara umumnya memiliki kecenderungan yang lebih tinggi dalam membina hubungan interpersonal, menerima idea dan memberi motivasi kepada orang lain. Wanita secara umumnya menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi dalam membina hubungan interpersonal, menerima idea, dan memberi motivasi kepada orang lain, terutamanya dalam konteks sosial dan kekeluargaan. Tahap empati yang tinggi yang dilaporkan oleh wanita secara konsisten menyumbang kepada kemampuan mereka membina hubungan yang lebih intim dan penuh pengertian, selain memudahkan sokongan sosial yang lebih berkesan (Turner 1994). Perkembangan empati ini pula dipengaruhi oleh faktor sosial dan neurobiologi, termasuk proses sosialisasi awal, struktur otak dan faktor hormon, yang membentuk kemampuan wanita untuk memahami dan bertindak balas terhadap emosi orang lain dengan lebih mendalam (Rochat 2023)

Selain itu, kajian turut menunjukkan bahawa wanita lebih mahir dalam menghantar dan mentafsir isyarat *non-verbal* seperti ekspresi wajah, sentuhan ringan dan intonasi suara yang merupakan unsur penting dalam komunikasi interpersonal yang berkesan (Devi 2008; Gayathridevi & Ravindran 2011). Komunikasi bukan lisan ini memudahkan pertukaran emosi yang mendalam, yang seterusnya mengukuhkan keintiman dan keharmonian dalam sesuatu hubungan (Teja & Shailaja 2024). Hal ini menjadi kelebihan kepada wanita untuk menjadi komunikator yang baik dalam menyampaikan mesej-mesej Islam kepada ahli keluarga.

2.2.3 Bentuk-bentuk komunikasi dakwah

Menurut Zulkefli et al. (2016) menjelaskan bahawa bentuk-bentuk komunikasi dakwah melibatkan komunikasi dakwah melalui lisan, tulisan dan bukan lisan. Onong Uchjana (2008) menjelaskan bahawa proses komunikasi yang dilakukan mampu mengubah sikap, tingkah laku dan pandangan masyarakat sama ada proses tersebut dilakukan secara komunikasi lisan mahupun bukan lisan. Begitu juga dengan Toto Tasmara (1997) Proses dakwah berpandukan kepada tujuan sebenar yang ingin dicapai sekali gus menjadikannya sebagai bentuk dalam komunikasi dakwah. Namun begitu, tidak semua proses komunikasi merupakan proses dakwah. Hal ini kerana dalam proses komunikasi dakwah melibatkan bentuk-bentuk komunikasi yang khusus kepada penerima mesej Islam sehinggalah berlakunya perubahan sikap atau tingkah laku seseorang sesuai dengan ajaran Islam. Bentuk-bentuk komunikasi yang sebegini adalah komunikasi pembujukan dan mempengaruhi.

a. Mengandungi rukun dakwah

Dalam ilmu dakwah, terdapat lima rukun asas iaitu pendakwah (*dāʿī*), khalayak sasaran (*maḍʿuw*) topik (*maʿwḍūʿ*), *uṣlūb* dan *waṣilah* dakwah (Faizah Ismail 2018). Proses komunikasi dakwah melibatkan semua elemen ini bagi memastikan dakwah dapat dilakukan. Sehubungan itu, Toto Tasmara meletakkan pendakwah sebagai elemen utama iaitu sebagai seorang komunikator dalam menyampaikan mesej dakwah. Sasaran dakwah (*maḍʿuw*) hendaklah mempunyai rasa hendak mengubah sikap dan tingkah laku ke arah yang lebih baik Sementara itu, mesej dakwah atau topik yang dimaksudkan adalah maklumat dan isi penyampaian yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya, *uṣlūb* dan *waṣilah* yang digunakan oleh seorang komunikator Islam hendaklah sesuai dengan latar belakang *maḍʿuw*. Kesemua rukun ini saling bergantung dan mempengaruhi antara satu sama lain.

b. Mempunyai prinsip dan hala tuju

Mengikut kenyataan Muhammad Faisal et al. (2014) beliau menjelaskan komunikasi dan dakwah tidak dapat dipisahkan. Beliau membahagikan bentuk komunikasi kepada dua aspek iaitu perlaksanaan dan keberkesanan. Di samping itu, dakwah pula meliputi

prinsip dan hala tuju. Hal ini menggambarkan komunikasi dakwah berbeza dengan komunikasi konvensional dari sudut tujuannya. Komunikasi konvensional lazimnya memberi penekanan kepada keberkesanan penyampaian mesej kepada penerima dalam bentuk yang jelas dan berkesan. Namun, komunikasi dakwah berbeza kerana ia berlandaskan prinsip-prinsip al-Quran dan al-Sunnah sebagai garis panduan utama dalam pelaksanaannya. Dalam hal ini, kedua-dua unsur iaitu komunikasi dan dakwah saling melengkapi dan sama penting dalam penyebaran mesej Islam. Dakwah berfungsi sebagai asas teori yang menyediakan panduan nilai dan prinsip, manakala komunikasi pula menjadi medium praktikal dalam merealisasikan penyampaian mesej kepada *mad'uww*. Sebagai contoh, prinsip kebijaksanaan (*hikmah*) dan kesederhanaan (*wasatiyyah*) berperanan membimbing komunikator untuk menyampaikan mesej secara teliti, seimbang dan mengelakkan pendekatan yang ekstrem (Muhammad et al. 2025; M. Taufiq & Abdullah 2025). Nilai-nilai ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman *mad'uww*, tetapi juga membentuk komunikasi yang harmoni dan beradab.

c. Komunikasi lisan (*verbal*)

Menurut Irma (2018) komunikasi *verbal* adalah komunikasi yang menggunakan atau kata-kata, baik yang disampaikan secara lisan. Selain itu, bahasa *verbal* juga digunakan dalam membina bentuk komunikasi dakwah. Tina Kartika (2013) menjelaskan bahawa bahasa seseorang melibatkan hubungan komunikasi dua arah antara individu yang terlibat. Bentuk komunikasi ini biasa dilakukan dalam seharian. Dalam proses komunikasi ini, pemilihan kata-kata dan bahasa ungkapan amat penting dalam membujuk penerima menerima dan memahami mesej dengan baik sekaligus mencapai prinsip dan hala tuju dakwah. Alo Liliweri (2002) ada menyenaraikan empat jenis bahasa *verbal* yang dilakukan oleh seseorang mengikut kesesuaian iaitu bahasa lisan, bahasa tulisan, bahasa isyarat, dan bahasa jarak. Secara ringkasnya, penggunaan bahasa ini melibatkan vokal dan visual.

d. Komunikasi bukan lisan (*non-verbal*)

Komunikasi bukan lisan bermaksud komunikasi yang dilakukan tanpa menggunakan ungkapan secara lisan seperti bahasa tubuh badan, rupa, mimik muka atau pergerakan muka, sentuhan, tutur bahasa, pandangan dan postur badan (Sharples 2007).

Sementara itu, Tina Kartika (2003) telah mengenal pasti sembilan elemen utama yang mempengaruhi bentuk komunikasi bukan lisan seseorang, iaitu aspek pakaian, pemilihan makanan, kesesuaian waktu, penghargaan terhadap individu, hubungan sesama masyarakat, nilai dan norma sosial, rasa sendiri, proses pembelajaran kehidupan seharian, serta kepercayaan dan sikap yang dizahirkan. Kesemua elemen ini memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi serta perlu diberi perhatian bagi memahami latar budaya individu yang terlibat dalam proses komunikasi. Dalam konteks dakwah, Rasulullah SAW menunjukkan teladan komunikasi bukan lisan yang unggul melalui pendekatan seperti surat-menyurat, sikap sabar dan kelembutan, sesuai dengan keperluan *mad'uw* dan latar sosio-budaya mereka (Ridwan & Hijrayanti Sari 2021). Hal ini bermaksud proses komunikasi tidak hanya dipengaruhi oleh bahasa yang diungkapkan, malah sikap dan tingkah laku seseorang juga membawa pengaruh terhadap masyarakat atau individu yang terlibat.

2.2.4 Proses komunikasi dakwah

Proses komunikasi dakwah merujuk kepada rangka tindakan yang terancang dalam menyampaikan mesej Islam secara efektif kepada *mad'uw*, selaras dengan pandangan al-Qarḍāwī (1996) bahawa dakwah perlu dilaksanakan secara sistematik dan berpandukan hikmah serta pandangan Lasswell (1948) yang menegaskan komunikasi sebagai proses berstruktur melibatkan sumber, mesej, saluran dan penerima. Berdasarkan kerangka dakwah Islam, proses ini perlu selaras dengan prinsip *al-hikmah*, *al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujāḍalah* yang digariskan dalam Surah al-Nahl ayat 125. Prinsip ini menekankan pemilihan pendekatan mengikut keperluan, situasi emosi, tahap kefahaman dan sensitiviti *mad'uw*. Pada masa yang sama, menurut Model SMCR Berlo (1960), keberkesanan komunikasi bergantung kepada keselarasan antara sumber (*source*), mesej (*message*), saluran (*channel*) dan penerima (*receiver*). Maka, proses komunikasi dakwah menuntut perancangan dan pelaksanaan yang sistematik supaya mesej dapat diterima dan difahami dengan baik oleh ahli keluarga.

a. Permulaan komunikasi dakwah

Permulaan komunikasi dakwah merupakan fasa asas yang menentukan tahap penerimaan *mad'uw* terhadap mesej yang ingin disampaikan. Dalam perspektif dakwah Islam, permulaan ini perlu diasaskan kepada prinsip *al-hikmah*, iaitu kebijaksanaan dalam memilih masa, suasana dan pendekatan yang sesuai sebelum mesej dakwah disampaikan. Al-Qardāwī (1996) menegaskan bahawa dakwah yang berkesan tidak bermula dengan penyampaian isi secara langsung, sebaliknya dimulakan dengan pembinaan hubungan, pemahaman konteks dan kesediaan emosi *mad'uw*. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan penolakan awal serta memupuk keterbukaan penerima terhadap mesej Islam.

Seiring dengan itu, Ibn Qayyim al-Jawziyyah menekankan bahawa pendakwah perlu memahami keadaan psikologi, latar emosi dan pengalaman hidup *mad'uw* sebelum memulakan komunikasi dakwah. Menurut beliau, kegagalan memahami kondisi *mad'uw* boleh menyebabkan nasihat yang baik disampaikan pada waktu dan cara yang tidak sesuai, sekali gus mengurangkan keberkesanan dakwah. Prinsip ini menunjukkan bahawa permulaan komunikasi dakwah bukan sekadar tindakan membuka bicara, tetapi satu proses penilaian awal terhadap kesediaan penerima.

Dalam kerangka teori komunikasi, Model SMCR Berlo (1960) turut menegaskan kepentingan komponen receiver dalam menentukan keberkesanan komunikasi. Berlo menjelaskan bahawa latar belakang, sikap, nilai dan keadaan emosi penerima mempengaruhi cara mesej ditafsir dan diterima. Oleh itu, pada peringkat permulaan komunikasi dakwah, pendakwah perlu menyesuaikan pendekatan komunikasi dengan ciri penerima, termasuk tahap kefahaman agama, emosi semasa dan hubungan interpersonal yang wujud. Pendekatan ini selari dengan prinsip *receiver-oriented communication* yang menekankan komunikasi bermula dengan memahami penerima, bukan mesej semata-mata.

Dalam konteks institusi keluarga, permulaan komunikasi dakwah lazimnya berlaku dalam suasana tidak formal dan bersifat interpersonal. Pendakwah wanita sering memulakan dakwah melalui interaksi harian seperti berbual secara santai, bertanya khabar, atau menunjukkan perhatian dan keprihatinan terhadap ahli keluarga.

Karimullah (2022) mendapati bahawa pendekatan awal seorang ibu yang bersifat empatik dan menyokong mampu mewujudkan kestabilan emosi anak, seterusnya membuka ruang komunikasi yang lebih terbuka untuk penyampaian nasihat dan nilai agama. Keadaan ini menunjukkan bahawa permulaan komunikasi dakwah dalam keluarga lebih berkesan apabila dimulakan melalui hubungan emosi yang positif dan mesra.

Selain itu, kajian Mardhiah Rubani (2024) menegaskan bahawa komunikasi dakwah yang konsisten dan bermula dengan pendekatan lembut dapat membentuk ketahanan keluarga dari aspek spiritual dan emosi. Permulaan komunikasi yang berhikmah membantu wanita sebagai pendakwah mengelakkan konflik, mengurangkan rasa defensif dalam kalangan ahli keluarga, serta meningkatkan kesediaan mereka untuk mendengar dan memahami mesej dakwah. Hal ini membuktikan bahawa permulaan komunikasi dakwah merupakan fasa strategik yang berfungsi sebagai landasan kepada keseluruhan proses dakwah dalam keluarga.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa permulaan komunikasi dakwah perlu dirancang secara berhikmah dengan mengambil kira konteks emosi, hubungan interpersonal dan kesediaan *mad'uww*. Pendekatan ini bukan sahaja selari dengan prinsip dakwah Islam sebagaimana digariskan dalam Surah al-Nahl ayat 125, malah bertepatan dengan teori komunikasi yang menekankan kepentingan memahami penerima sebelum penyampaian mesej. Oleh itu, permulaan komunikasi dakwah menjadi asas penting yang menentukan keberkesanan proses komunikasi dakwah seterusnya dalam institusi keluarga.

b. Perancangan mesej dakwah

Perancangan mesej dakwah merupakan fasa seterusnya selepas pembinaan hubungan dan permulaan komunikasi yang berhikmah. Dalam konteks dakwah Islam, perancangan mesej merujuk kepada proses memilih isi kandungan, bentuk hujah, gaya bahasa dan pendekatan penyampaian yang sesuai dengan keperluan serta tahap kefahaman *mad'uww*. Al-Qardāwī (1996) menegaskan bahawa dakwah yang berkesan tidak disampaikan secara spontan tanpa pertimbangan, sebaliknya memerlukan perancangan yang teliti agar mesej yang dibawa benar-benar menyentuh keperluan

penerima dan tidak menimbulkan penolakan. Prinsip ini sejajar dengan konsep al-maw'izah al-ḥasanah yang menekankan nasihat yang baik, lembut dan membina.

Dalam kerangka Surah al-Nahl ayat 125, perancangan mesej dakwah menuntut pendakwah menyesuaikan kandungan dakwah dengan situasi dan kemampuan *maḍ'uw*, sama ada melalui pendekatan nasihat, hujah yang rasional atau dialog yang berhikmah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa mesej dakwah tidak boleh bersifat seragam untuk semua individu, sebaliknya perlu disesuaikan dengan konteks sosial, emosi dan pengalaman hidup penerima. Oleh itu, perancangan mesej menjadi elemen penting bagi memastikan dakwah disampaikan secara berperingkat dan tidak membebankan *maḍ'uw*.

Dari perspektif teori komunikasi, Model SMCR Berlo (1960) menekankan bahawa keberkesanan mesej bergantung kepada keupayaan sumber (source) menyandikan mesej (message) dengan jelas dan sesuai dengan latar penerima. Dalam konteks keluarga, pendakwah wanita perlu mempertimbangkan faktor seperti tahap pengetahuan agama ahli keluarga, sensitiviti emosi, hubungan sedia ada serta isu yang sedang dihadapi sebelum merancang mesej dakwah. Kegagalan merancang mesej dengan mengambil kira faktor-faktor ini boleh menyebabkan mesej disalah tafsir atau ditolak, walaupun kandungannya bersifat baik dan benar.

Kajian Mardhiah Rubani (2024) menunjukkan bahawa wanita berupaya membentuk ketahanan keluarga melalui komunikasi dakwah yang dirancang secara konsisten dan berfokuskan nilai agama. Perancangan mesej yang rapi membolehkan wanita memilih pendekatan yang lebih sesuai seperti penggunaan cerita, analogi kehidupan seharian atau nasihat ringkas yang tidak mengguris perasaan. Hal ini selari dengan dapatan Amir et al. (2024) yang menegaskan bahawa wanita bukan sahaja berperanan sebagai pendidik agama, malah sebagai agen perubahan moral dan sosial dalam keluarga melalui perancangan komunikasi yang membimbing dan menyantuni.

Selain itu, perancangan mesej dakwah turut melibatkan pertimbangan terhadap masa dan keutamaan topik yang ingin disampaikan. Karimullah (2022) menegaskan bahawa mesej yang disampaikan tanpa mengambil kira kesiapsiagaan emosi penerima

boleh menjejaskan kestabilan emosi, terutamanya dalam hubungan ibu dan anak. Oleh itu, pendakwah wanita perlu merancang mesej dakwah secara berperingkat, bermula dengan isu yang ringan dan dekat dengan kehidupan seharian sebelum beralih kepada topik yang lebih sensitif atau kompleks.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa perancangan mesej dakwah merupakan komponen penting dalam proses komunikasi dakwah yang menentukan kejelasan, kesesuaian dan keberkesanan penyampaian mesej Islam. Perancangan yang teliti membolehkan pendakwah wanita menyampaikan dakwah secara berhikmah, lembut dan berstrategi selaras dengan prinsip dakwah Islam dan teori komunikasi moden. Justeru, perancangan mesej dakwah menjadi asas kepada keberkesanan proses komunikasi dakwah dalam institusi keluarga.

c. Pemilihan medium dan saluran komunikasi dakwah

Pemilihan medium dan saluran komunikasi merupakan komponen penting dalam proses komunikasi dakwah kerana ia mempengaruhi cara mesej disampaikan, ditafsir dan diterima oleh *mad'uww*. Dalam kerangka komunikasi, saluran merujuk kepada medium yang digunakan untuk menyampaikan mesej sama ada secara lisan, bukan lisan atau melalui teknologi komunikasi. Menurut Model SMCR Berlo (1960), saluran komunikasi melibatkan penggunaan deria seperti pendengaran, penglihatan dan sentuhan, yang masing-masing memberi kesan terhadap keberkesanan penyampaian mesej. Oleh itu, pemilihan medium komunikasi dakwah perlu disesuaikan dengan situasi, hubungan interpersonal serta keperluan penerima bagi memastikan mesej dakwah dapat disampaikan secara berkesan.

Dalam perspektif dakwah Islam, pemilihan medium komunikasi perlu selaras dengan prinsip al-ḥikmah dan al-maw'izah al-ḥasanah sebagaimana digariskan dalam Surah al-Naḥl ayat 125. Prinsip ini menuntut pendakwah memilih kaedah penyampaian yang lembut, beradab dan tidak menyinggung perasaan *mad'uww*. Al-Qarḍāwī (1996) menegaskan bahawa pendekatan dakwah bukan sahaja terletak pada isi mesej, tetapi juga pada cara dan medium penyampaiannya. Medium yang tidak sesuai, walaupun dengan mesej yang baik, boleh menimbulkan penolakan dan mengurangkan keberkesanan dakwah.

Dalam konteks institusi keluarga, komunikasi dakwah lazimnya berlaku melalui medium lisan dan bukan lisan. Komunikasi lisan melibatkan penggunaan bahasa yang sopan, intonasi suara yang lembut serta pemilihan perkataan yang sesuai dengan tahap kefahaman ahli keluarga. Elemen bukan lisan seperti ekspresi wajah, bahasa tubuh, sentuhan dan kehadiran emosi turut memainkan peranan penting dalam menyokong penyampaian mesej dakwah. Devi (2008) menjelaskan bahawa komunikasi bukan lisan mampu meningkatkan kepercayaan dan keselesaan dalam hubungan interpersonal, sekali gus membantu mesej disampaikan dengan lebih berkesan. Dalam hubungan ibu dan anak khususnya, pendekatan bukan lisan yang bersifat empatik dapat mengukuhkan keterikatan emosi dan membuka ruang komunikasi yang lebih positif (Karimullah 2022).

Selain itu, perkembangan teknologi komunikasi telah memperluaskan medium dakwah dalam konteks keluarga melalui penggunaan platform digital seperti aplikasi WhatsApp, panggilan video dan media sosial. Kajian Yulita et al. (2018) mendapati bahawa komunikasi digital semakin menjadi pilihan dalam keluarga moden, terutamanya bagi ibu bapa yang bekerja dan keluarga yang tinggal berjauhan. Walaupun medium digital mampu memudahkan penyampaian mesej agama dan peringatan, kajian tersebut turut menegaskan bahawa komunikasi digital mempunyai keterbatasan dari segi penyampaian emosi dan keintiman hubungan berbanding komunikasi bersemuka. Oleh itu, penggunaan medium digital dalam dakwah keluarga perlu dilaksanakan secara ber hikmah dan sebagai pelengkap, bukan pengganti sepenuhnya kepada komunikasi langsung.

Kajian Lusi Satia et al. (2024) turut menunjukkan bahawa komunikasi melalui medium teks tidak sepenuhnya mampu menggantikan pengaruh komunikasi lisan dalam membentuk akhlak dan jati diri anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita perlu bijak memilih dan menggabungkan pelbagai medium komunikasi mengikut situasi dan keperluan keluarga. Pemilihan medium yang sesuai membantu memastikan mesej dakwah bukan sahaja disampaikan, tetapi turut difahami dan dihayati oleh ahli keluarga.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa pemilihan medium dan saluran komunikasi dakwah merupakan satu keputusan strategik yang perlu dirancang secara teliti. Pendakwah wanita perlu menyesuaikan penggunaan medium komunikasi dengan prinsip dakwah Islam, keperluan emosi *mad'uw* dan konteks hubungan kekeluargaan. Pemilihan medium yang tepat membolehkan mesej dakwah disampaikan secara lebih berkesan, empatik dan berpengaruh dalam membentuk keluarga Muslim yang harmoni.

d. Pemilihan topik perbualan dakwah

Pemilihan topik perbualan merupakan komponen penting dalam proses komunikasi dakwah kerana ia menentukan sejauh mana mesej yang disampaikan relevan, diterima dan dihayati oleh *mad'uw*. Dalam perspektif dakwah Islam, pemilihan topik perlu dilakukan secara berhikmah dengan mengambil kira keperluan semasa, keupayaan penerima serta situasi emosi dan sosial *mad'uw*. Prinsip ini selaras dengan tuntutan al-ḥikmah dan al-maw'izah al-ḥasanah sebagaimana digariskan dalam Surah al-Nahl ayat 125, yang menekankan bahawa dakwah hendaklah disampaikan melalui pendekatan yang sesuai dan tidak memaksa.

Al-Qarḍāwī (1996) menegaskan bahawa pendakwah perlu memahami keutamaan (*awlāwiyyāt*) dalam memilih topik dakwah agar mesej yang disampaikan benar-benar menjawab keperluan *mad'uw*. Pemilihan topik yang tidak sesuai dengan situasi atau disampaikan pada waktu yang tidak tepat boleh menyebabkan penolakan dan mengurangkan keberkesanan dakwah. Oleh itu, topik dakwah tidak seharusnya bersifat umum atau terlalu normatif, sebaliknya perlu disesuaikan dengan realiti kehidupan penerima, khususnya dalam konteks institusi keluarga yang sarat dengan elemen emosi dan hubungan interpersonal.

Dalam kerangka teori komunikasi, pemilihan topik berkait rapat dengan komponen mesej (*message*) dalam Model SMCR Berlo (1960). Berlo menegaskan bahawa kandungan mesej perlu disesuaikan dengan latar belakang, pengalaman dan jangkaan penerima bagi memastikan mesej dapat difahami dengan tepat. Dalam konteks keluarga, pendakwah wanita lazimnya memilih topik perbualan dakwah yang dekat dengan kehidupan seharian ahli keluarga seperti pembentukan akhlak,

tanggungjawab ibadah, adab dalam hubungan kekeluargaan, pengurusan emosi, penggunaan media digital serta nilai saling menghormati. Pemilihan topik yang bersifat praktikal dan kontekstual membantu *mad'uw* melihat dakwah sebagai panduan kehidupan, bukan sekadar nasihat.

Kajian Amir et al. (2024) mendapati bahawa wanita memainkan peranan penting sebagai agen perubahan moral dan sosial dalam keluarga melalui keupayaan mereka memilih topik dakwah yang relevan dengan situasi keluarga. Topik yang disampaikan secara berperingkat dan mengikut keutamaan membantu mengurangkan konflik serta meningkatkan kesediaan ahli keluarga untuk menerima nasihat. Dapatan ini selari dengan kajian Heni Ani Nuraeni (2021) yang menunjukkan bahawa penyampaian dakwah oleh wanita dapat mengukuhkan amalan keagamaan dan spiritual keluarga apabila topik yang dibincangkan bersifat dekat dengan pengalaman harian dan keperluan sebenar ahli keluarga.

Selain itu, pemilihan topik perbualan dakwah turut dipengaruhi oleh tahap emosi dan kesiapsiagaan *mad'uw*. Karimullah (2022) menegaskan bahawa topik yang disampaikan tanpa mengambil kira keadaan emosi penerima, khususnya dalam hubungan ibu dan anak, boleh menjejaskan kestabilan emosi dan menyebabkan mesej tidak dihayati. Oleh itu, pendakwah wanita perlu menanggukkan topik yang sensitif atau kompleks sekiranya suasana emosi tidak kondusif, dan memilih pendekatan yang lebih ringan seperti penceritaan atau perbualan santai sebelum beralih kepada isu yang lebih mendalam.

Pemilihan topik dakwah juga boleh dilaksanakan melalui kaedah penceritaan, sama ada kisah para nabi, tokoh teladan atau peristiwa seharian yang mengandungi pengajaran moral. Pendekatan ini selari dengan konsep *al-maw'izah al-ḥasanah* yang menekankan penyampaian nasihat secara lembut dan tidak langsung. Kaedah penceritaan didapati lebih mudah diterima kerana ia tidak bersifat mengarah, sebaliknya mengajak *mad'uw* berfikir dan membuat refleksi sendiri terhadap mesej yang disampaikan.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa proses komunikasi dakwah merupakan satu rangka tindakan yang sistematik dan berperingkat, merangkumi permulaan komunikasi yang berhikmah, perancangan mesej yang terancang, pemilihan medium dan saluran komunikasi yang sesuai, serta penentuan topik perbualan yang relevan dengan keperluan *mad'uww*. Kesemua komponen ini saling berkait dan berfungsi sebagai elemen penting dalam memastikan keberkesanan penyampaian mesej dakwah, khususnya dalam konteks hubungan interpersonal dan kekeluargaan.

Berdasarkan kerangka dakwah Islam yang digariskan dalam Surah al-Nahl ayat 125, proses komunikasi dakwah menuntut pendekatan yang berpandukan prinsip *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasanah* dan *al-mujādah*, yang menekankan kebijaksanaan dalam memilih pendekatan, kelembutan dalam penyampaian nasihat, serta kesesuaian dialog mengikut situasi dan kemampuan penerima. Prinsip ini menunjukkan bahawa dakwah bukan sekadar penyampaian mesej secara satu hala, tetapi satu proses interaksi yang memerlukan kepekaan terhadap emosi, latar sosial dan tahap kefahaman *mad'uww*.

Selari dengan itu, Model SMCR Berlo (1960) memberikan asas teori komunikasi yang menjelaskan bahawa keberkesanan komunikasi bergantung kepada keselarasan antara sumber, mesej, saluran dan penerima. Model ini mengukuhkan pemahaman bahawa proses komunikasi dakwah perlu dirancang secara menyeluruh dengan mengambil kira peranan pendakwah sebagai sumber, kandungan mesej yang disampaikan, medium komunikasi yang digunakan serta ciri penerima yang menjadi sasaran dakwah. Penyelarasan keempat-empat komponen ini menjadi faktor penentu sama ada mesej dakwah dapat difahami, diterima dan dihayati oleh *mad'uww*.

Walau bagaimanapun, analisis terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa perbincangan mengenai proses komunikasi dakwah masih banyak tertumpu kepada konteks dakwah umum dan institusi formal, manakala penelitian khusus terhadap proses komunikasi dakwah dalam institusi keluarga, khususnya yang dilaksanakan oleh wanita, masih terhad. Kebanyakan kajian lebih menekankan aspek kandungan dakwah atau keberkesanan komunikasi secara umum, tanpa menghuraikan

secara terperinci bagaimana proses komunikasi dakwah dibina, dirancang dan dilaksanakan dalam interaksi harian keluarga.

Justeru, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneroka secara empirikal proses komunikasi dakwah yang diamalkan oleh pendakwah wanita dalam institusi keluarga. Penekanan diberikan kepada bagaimana wanita memulakan komunikasi dakwah, merancang mesej, memilih medium komunikasi dan menentukan topik perbualan dalam usaha memastikan mesej dakwah dapat disampaikan dan diterima secara berkesan oleh ahli keluarga. Penjelajahan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengayaan literatur komunikasi dakwah, khususnya dalam konteks keluarga Muslim dan peranan wanita sebagai pendakwah.

2.3 JENIS-JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH

Menurut Velentzas dan Broni (2014), pertukaran idea dan pendapat boleh dicapai melalui gerak isyarat, tanda, ucapan, atau tulisan, yang semuanya merupakan bentuk pengungkapan penting untuk memastikan mesej dakwah sampai dengan berkesan kepada *mad'uww*, khususnya dalam kalangan ahli keluarga. Menurut Djamalul Abidin (1996) bahasa seorang pendakwah adalah bahasa yang mengambil kira aspek pemilihan kosa kata dalam menyusun susunan kalimah-kalimah yang dituturkan. Kata-kata yang keluar dari mulutnya adalah transmisi dari sesuatu yang terdapat dalam lubuk hati dan mindanya.

Berdasarkan kajian terkini oleh Zulkefli dan Abdul Ghafar (2022), pendakwah perlu menguasai tiga elemen utama dalam pengungkapan dakwah yang berkesan. Elemen tersebut merangkumi penyampaian mesej yang jelas dan tepat, keupayaan mendengar serta memberi maklum balas secara aktif, dan kebolehan menyesuaikan cara penyampaian dengan tahap pemahaman *mad'uww*. Ketiga-tiga elemen ini berperanan penting dalam menjamin penerimaan mesej dakwah secara holistik dan penuh hikmah, khususnya dalam konteks kekeluargaan. Dapatan ini sejajar dengan prinsip *uṣūl al-da'wah* yang merangkumi *uṣlūb* (gaya pendekatan), *manhaj* (metodologi), *wasīlah* (saluran), dan *qawā'id al-da'wah* (prinsip asas dakwah) yang menjadi asas kepada strategi dakwah Islam secara menyeluruh. Berdasarkan kerangka

ini, berikut akan dibincangkan jenis-jenis pengungkapan dakwah yang digunakan dalam komunikasi dakwah terhadap keluarga.

2.3.1 Pengungkapan humor

Menurut Nik Nurul Shuhada dan Faisal (2015) menyatakan bahawa humor ialah sesuatu yang lucu, kelakar dan menggelikan hati. Humor adalah satu rangsangan atau gejala yang membuatkan manusia cenderung untuk ketawa (Sicilia 2013). Rangsangan ini disebut sebagai '*sense of humor*' iaitu perasaan atau kesedaran yang membuatkan manusia terhibur dengan senyuman atau tertawa. Menurut Didiek Rahmanadji (2007) menyatakan bahawa proses '*sense of humor*' berlaku dengan cara merangsang manusia untuk ketawa secara mental. Iwan Marwan (2013) juga mendefinisikan humor sebagai tindak balas atau respon individu untuk bersikap positif seperti ketawa. Kebiasaannya, humor terjadi hasil dari penggunaan lisan atau perbuatan seseorang.

Dalam konteks Islam, al-Qardāwī (2002) menyatakan manusia sentiasa diuji oleh Allah SWT dengan keperitan dan kepayahan. Oleh itu, beliau menjelaskan bahawa manusia memerlukan sesuatu yang menghiburkan hati untuk memotivasikan diri dalam kehidupan seharian. Firman Allah SWT dalam Surah al-Balad, ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كَبَدٍ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia sentiasa dalam keadaan menghadapi kesulitan dan kesukaran (jasmani dan rohaninya)-orang yang mendapat petunjuk¹ (Surah al-Balad, 90:4).

Sayyid Quṭb (1967) menyatakan bahawa ayat ini menggambarkan penerangan Allah SWT mengenai kehidupan manusia yang sentiasa hidup dalam kesulitan, kepenatan demi perjuangan hidup. Menurut tafsiran ayat ini, kerana kesukaran merupakan sifat kehidupan dalam dunia manusia. Ayat ini menggambarkan, kesulitan yang dihadapi oleh orang-orang yang rugi iaitu mereka yang mengalami penderitaan

¹ Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 2010).

di dunia dan akhirat. Sebaliknya, orang-orang yang beruntung ialah mereka yang mendapat kesenangan di dunia dan kerehatan yang lama di sisi Allah SWT. Oleh itu, manusia memerlukan kepada humor dan gurauan untuk menambahkan kemesraan dalam kehidupan seharian.

Dalam aspek dakwah, Asep Syamsul (2013) menyatakan bahawa pendekatan ungkapan seorang pendakwah yang mempunyai unsur humor akan membuatkan suatu penyampaian menjadi lebih menarik. Malah, pendengar akan merasa seronok dan menganggap pendakwah sebagai seorang yang mesra dan mudah didekati (Mohammed Zain & Mohd Taib 2012; Abdullah Hassan & Ainon 2002). Dalam konteks kekeluargaan pula, unsur humor dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan menambah kemesraan antara satu sama lain. Ahli keluarga akan mudah terhibur dan jauh daripada sebarang unsur negatif yang dapat memecah belahkan sesebuah institusi keluarga.

Penemuan ini turut disokong oleh kajian kontemporari, Fenny Mahdaniar dan Alan Surya (2022) merumuskan bahawa humor dalam dakwah perlu memenuhi syarat etika tertentu, antaranya tidak mengandungi pembohongan, tidak menjatuhkan maruah, dan tidak melampaui batas masa atau syariat. Kajian Syarifuddin (2023) pula menyatakan bahawa humor telah diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat, dengan penekanan kepada penggunaan yang terkawal, benar dan tidak menghina. Dalam analisis terhadap pendekatan pendakwah popular seperti KH. Anwar Zahid, didapati bahawa penggunaan humor yang disesuaikan dengan tema mampu menarik emosi pendengar dan meningkatkan daya ingatan terhadap isi dakwah (Bobby Rachman Santoso 2023).

Tambahan pula, kajian analisis semiotik terhadap filem dakwah "*Insya Allah Sah 2*" menunjukkan bahawa humor yang disepadukan secara harmoni dengan mesej agama boleh meningkatkan daya tarikan khalayak, khususnya dalam kalangan generasi muda (Betirudin et al. 2025). Ini membuktikan bahawa humor yang digunakan secara bijaksana boleh menjadi medium penyampaian dakwah yang lebih berkesan dan menyentuh perasaan. Oleh itu, unsur humor wajar dilakukan oleh seseorang pendakwah untuk membina hubungan yang baik dengan *mad'uww*.

Al-Qarḍāwī (2002) pula menjelaskan bahawa ketawa dan gurauan adalah perkara yang dibolehkan dalam Islam. Namun begitu, hendaklah berpandukan syariat. Humor yang berkesan ialah humor yang tercipta itu mempunyai perkaitan dengan kata dan makna ketika seorang pendakwah berkomunikasi. Kajian Slamet (2009) mendapati komunikasi humor yang berkesan mestilah terdiri daripada ciri-ciri berikut:

- i. Tidak boleh mempunyai kedustaan dalam humor.
- ii. Tidak boleh mempunyai unsur penghinaan.
- iii. Tidak boleh mempunyai unsur *ghībah* (memperkecilkan) seseorang.
- iv. Tidak boleh mengambil barang seseorang.
- v. Tidak boleh menakuti seseorang.
- vi. Tidak boleh menghabiskan waktu hanya dengan humor.
- vii. Tidak boleh membatasi syariat Islam.

Oleh itu, humor merupakan salah satu gaya pengungkapan yang membantu penyampaian seorang pendakwah menjadi lebih menarik dan tidak membosankan. Walaupun begitu, humor yang digunakan perlu juga dilihat kepada kesesuaian keadaan semasa *mad'uww* supaya tidak bersifat berlebihan.

2.3.2 Pengungkapan persuasif

Persuasif adalah satu usaha memujuk yang dilakukan komunikator bertujuan mengubah sikap dan tingkah laku penerima melalui mesej yang disampaikan (Perloff 2003). Namun begitu, proses pembujukan tidak dilakukan secara paksaan terhadap seseorang. Bertepatan dengan pandangan Burgon dan Huffner (2002) bahawa proses mempengaruhi orang lain dan memujuk dilakukan tanpa unsur paksaan serta ancaman.

Dalam konteks komunikasi dakwah, Zulkefli et al. (2016) menyatakan bahawa pendakwah menggunakan teknik memujuk dan mempengaruhi *mad'uww*nya melalui penyampaian mesej yang dilakukan. Ia bagi menimbulkan keyakinan dalam kalangan *mad'uww*nya supaya mereka menerima mesej dakwah yang disampaikan. Firman Allah SWT dalam Surah Āli 'Imrān, ayat 159:

وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya:

Dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu (Surah Āli ‘Imrān, 3:159).

Sayyid Qutb (1967) menjelaskan Allah SWT menggambarkan sifat peribadi yang ada dalam diri Rasulullah SAW. Dalam ayat ini, Allah SWT menegaskan bahawa seandainya sifat Rasulullah SAW seorang yang keras hati, dan bengis, maka baginda tidak akan didekati oleh umat yang lain. Oleh itu, dek kerana sifat baginda yang mesra, bertimbang rasa, murah hati, dan sabra menjadikan baginda mudah didekati dalam penyampaian dakwah baginda.

2.3.3 Pengungkapan psikologi

Psikologi merujuk kepada kajian mental dan rohani manusia (Mahmood Nazar 1992). Tujuan psikologi menurut Siti Hawa dan Maarof Redzuwan (1990) iaitu memahami tingkah laku manusia. Bambang (2015) menjelaskan bahawa psikologi dalam komunikasi ialah satu disiplin ilmu yang membincangkan mengenai keupayaan mengubah dan membentuk sikap serta tingkah laku manusia.

Achmad Mubarak (1999) menyatakan bahawa ilmu psikologi mempunyai perkaitan dengan dakwah. Menurut beliau, psikologi dakwah dapat merungkai tingkah laku manusia semasa proses dakwah dijalankan. Kajian yang dilakukan oleh Intan Farhana (2015) mendapati pendekatan psikologi menjadikan pendakwah dapat memahami dan mempengaruhi jiwa *mad‘uwnya*. Beliau menjelaskan keadaan tersebut penting bagi mengelakkan *mad‘uw* merasa terpaksa dalam menerima mesej dakwah yang disampaikan.

Pendakwah wanita merupakan individu terdekat dalam keluarga sebagai seorang isteri, ibu, menantu dan lain-lain bergantung kepada komitmen masing-masing. Wanita turut berperanan dalam membentuk tingkah laku ahli keluarga agar mempraktikkan tingkah laku yang baik. Penggunaan psikologi dalam menyampaikan mesej dakwah kepada ahli keluarga amat penting. Sebagai ibu, memahami jiwa anak-

anak dapat membantu wanita mengenalpasti kaedah penyampaian mesej yang baik agar mudah diterima oleh anak-anak. Begitu juga sebagai isteri, memahami jiwa suami dapat membantu mencadangkan tingkah laku yang baik untuk dipraktikkan oleh suami terhadap keluarga untuk menjadi keluarga yang diredai Allah SWT.

Oleh itu, Zulkefli et al. (2016) telah mengemukakan enam ciri yang menggambarkan keberkesanan pendekatan psikologi dalam dakwah iaitu:

- i. *Mad'uw* mampu memahami dan terkesan dengan penyampaian dakwah yang dilakukan.
- ii. *Mad'uw* merasa selesa dan mudah menerima mesej dakwah yang disampaikan.
- iii. Hubungan interaksi antara pendakwah dan *mad'uw* berjaya dijalinan.
- iv. Proses penyampaian dakwah berjaya mempengaruhi dan mengubah sikap *mad'uw*.
- v. Proses penyampaian dakwah berjaya mendapat respons daripada *mad'uw*.

Daripada ciri-ciri di atas, menunjukkan bahawa pendekatan psikologi mempunyai hubungan rapat dengan persuasive (pembujukan). Zulkefli et al. (2016) menjelaskan bahawa keadaan *mad'uw* berada di tahap yang berbeza-beza. Hal ini menyebabkan pendekatan yang diambil oleh pendakwah juga berbeza mengikut kesesuaian *mad'uw*.

Dalam konteks dakwah wanita terhadap keluarga, keberkesanan pendekatan dakwah melalui psikologi dapat dilihat apabila ahli keluarga mampu memahami dan terkesan dengan penyampaian dakwah yang disampaikan oleh ibu, isteri atau golongan wanita yang berperanan pada ketika itu. Ahli keluarga juga merasa selesa dan mudah menerima mesej dakwah. Hubungan antara ibu dengan anak, isteri dengan suami mahupun menantu dan mertua juga terjalin dengan baik. Setiap kata-kata yang dikeluarkan diterima baik dan mampu mempengaruhi serta mengubah tingkah laku masing-masing. Seterusnya, maklum balas yang positif daripada ahli keluarga sama ada dari sudut perubahan sikap yang baik, kata-kata yang baik, tingkah laku yang sopan akan ditonjolkan oleh ahli keluarga.

Abdullah Hassan (2007) menjelaskan bahawa dalam usaha mengubah dan mempengaruhi sikap seseorang, terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan sesuatu penyampaian iaitu diri seorang pendakwah, mesej yang disampaikan, dan gaya bahasa yang digunakan dalam penyampaian. Dari sudut gaya bahasa pastinya mempunyai makna yang pelbagai apabila ditafsirkan oleh individu yang berbeza. Kefahaman dan tindak balas setiap manusia terhadap sesuatu makna adalah berbeza. Makna yang dimiliki oleh setiap kata itu terdiri dari sejumlah komponen. Komponen ini dapat dianalisis berdasarkan pengertian-pengertian yang dimilikinya (Erancis & Medan t.th.). Sebagai contoh, apabila menyebut perkataan ibu ianya memiliki komponen makna yang pelbagai seperti (1) manusia; (2) dewasa; (3) wanita; (4) telah berkahwin; dan (5) mempunyai anak. Begitu juga jika dikeluarkan sesuatu perkataan untuk menegur sesuatu kesilapan. Pemilihan kata amat penting oleh seorang wanita untuk diucapkan kepada ahli keluarga bagi menjaga hati dan perasaan ahli keluarga supaya dapat menerima setiap kata-kata dengan positif.

Oleh itu, Ab. Aziz (2001) menyenaraikan beberapa pendekatan bagi memastikan kelangsungan dakwah berjaya iaitu:

- i. Penggunaan ungkapan yang mudah untuk menarik perhatian *mad'uww*.
- ii. Penggunaan motivasi untuk merangsang dan mendorong *mad'uww*.
- iii. Penggunaan emosi untuk merangsang dan mendorong *mad'uww*.
- iv. Penggunaan peneguhan (*reinforcement*) untuk mempengaruhi *mad'uww*.
- v. Penggunaan status untuk mendorong dan merangsang *mad'uww*.
- vi. Dakwah berdasarkan peringkat dan perkembangan *mad'uww*.

Jelas bahawa, psikologi dalam dakwah amat membantu dalam usaha mengubah, mempengaruhi, menyentuh jiwa *mad'uww*. Pendakwah wanita yang menggunakan psikologi dalam menyampaikan mesej dakwahnya, menggambarkan bahawa ia memahami keadaan ahli keluarganya. Keadaan ini akan menimbulkan perasaan tertarik dan respon positif dalam kalangan ahli keluarga terhadap pendakwah wanita. Hasilnya, ahli keluarga akan terdorong untuk memahami dan mendengar penyampaian mesej pendakwah wanita tersebut tanpa paksaan.

2.4 GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH TERHADAP KELUARGA

Koerner dan Fitzpatrick (2002) memfokuskan dua gaya komunikasi keluarga iaitu *conversational orientation* yang merujuk kepada perbualan terbuka dengan mengemukakan idea-idea bagi mencapai sesuatu keputusan dan *conformity orientation* yang merujuk kepada sejauh mana komunikasi dapat mempengaruhi dan mencipta persamaan, kepercayaan dan pembentukan sikap (Smith et al. 2016). Kuasa komunikasi semestinya mempunyai kekuatan tersendiri dalam mempengaruhi dan membentuk sikap. Terdapat 10 jenis pengungkapan dakwah telah dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mencapai komunikasi yang berkesan terhadap sasaran dakwah.

2.4.1 Ungkapan yang sopan

Kesantunan dan kesopanan bahasa pendakwah wanita boleh dilihat dari segi tingkah laku dan penggunaan bahasanya. Bahasa yang digunakan bukan hanya menentukan corak budaya tetapi juga menentukan cara dan pola fikir. Seseorang yang berinteraksi menggunakan bahasa yang halus dan sopan dikatakan tinggi budi bahasanya, manakala seseorang yang menuturkan kata-kata kasar dan kurang sopan dikatakan biadab atau kurang ajar. Dalam Islam, Allah SWT mengajarkan umatnya supaya bersopan santun dalam percakapan sepertimana yang disebut dalam Surah al-Isrā', ayat 23:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُنِِّلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٌ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا﴾ (٢٣)

Maksudnya:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun) (Surah al-Isrā', 17:23).

Menurut tafsir Ibn Kathīr, larangan menyebut ‘ah’ kepada ibu bapa menunjukkan betapa Islam menekankan adab dalam percakapan, walaupun terhadap perkara yang kelihatan kecil. Al-Qurṭūbī pula menghuraikan bahawa larangan menengking orang tua menuntut umat Islam agar sentiasa berinteraksi dengan lemah lembut, berperasaan, dan bersuara rendah. Manakala Hamka dalam *Tafsīr al-Azhār* menjelaskan bahawa ungkapan yang sopan merupakan cerminan kasih sayang dan rasa hormat yang mendalam kepada orang tua, yang wajar diperluaskan kepada interaksi sesama manusia. Kajian perbandingan *Tafsīr al-Azhār* dan *Marāḥ Labīd* oleh Alimuddin dan Rhain (2023) mengenai ayat ini juga menyokong penekanan bahawa interaksi yang sopan, rendah diri dan sabar terhadap ibu bapa adalah penting untuk memupuk keharmonian keluarga.

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, penggunaan bahasa yang sopan oleh pendakwah wanita dapat mengelakkan konflik, membina jalinan emosi, dan membuka ruang kepada *madʿuw* untuk menerima nasihat dengan hati yang terbuka. Kesantunan bukan sahaja mencerminkan nilai akhlak Islam, malah menjadi strategi penting dalam menyampaikan mesej dakwah secara berhikmah dan menyentuh hati.

Komunikasi yang sopan dan harmoni dapat meningkatkan keseronokan dan ketenteraman jiwa, keakraban serta ketaqwaan kepada Allah SWT (Aʿdawiyah 2016). Oleh yang demikian, penutur mesti sentiasa menonjolkan perilaku yang santun dan berbudi bahasa, iaitu dengan mempamerkan tingkah laku yang baik dari segi perlakuan atau sikap. Kesopanan mencakupi bahasa bukan *verbal*, seperti bahasa muka, bahasa badan dan lain-lain. Dengan maksud lain, ungkapan yang sopan turut merangkumi penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara.

2.4.2 Ungkapan kiasan berunsur humor

Humor sesuatu yang menggelikan hati dalam cerita dan sebagainya. Humor atau jenaka mampu mewujudkan suasana gembira serta membuatkan orang lain tersenyum dan ketawa. Dalam komunikasi dakwah, terutamanya dalam konteks kekeluargaan, pendekatan humor secara kiasan sering digunakan bagi menyampaikan teguran atau nasihat secara halus tanpa menyinggung perasaan *madʿuw*. Jenaka yang sopan dan

berlandaskan kebenaran mampu menimbulkan senyuman, mencairkan suasana tegang dan membuka ruang kepada penerimaan mesej dakwah secara lembut.

Rasulullah SAW sendiri tidak asing daripada berjenaka bersama para sahabat dan ahli keluarga baginda. Hal ini turut diakui oleh ‘Ā’ishah RA yang meriwayatkan bahawa baginda SAW sentiasa menyantuni para isterinya sama seperti orang lain dengan senyuman dan ketawa menggambarkan sisi kelembutan dan kasih baginda dalam suasana kekeluargaan. Al-Tirmīdhī (1988) merekodkan, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas ibn Mālik RA, diceritakan bahawa seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW untuk meminta seekor tunggangan. Baginda menjawab secara berseloroh. Baginda bersetuju tetapi bukan unta, sebaliknya anak unta. Lantas lelaki itu membantah kehairanan kerana anak unta tidak sesuai untuk ditunggang. Baginda SAW menjawab yang bermaksud untuk bergurau. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Aku akan berikan kamu anak unta betina.” Lelaki itu hairan dan berkata, “Bagaimana aku hendak menunggang anak unta?” Rasulullah SAW menjawab: “Bukankah setiap unta adalah anak kepada unta betina?” (Riwayat al-Tirmīdhī, No. 1991; Abū Dāwud, No. 4998)

Hadis ini menggambarkan penggunaan humor dalam bentuk kiasan yang menunjukkan jawapan baginda SAW mengandungi kebenaran secara literal tetapi disampaikan dengan nada yang lucu dan mendidik. Pendekatan seperti ini memperlihatkan kebijaksanaan baginda dalam memanfaatkan bahasa figuratif yang ringan tetapi bermakna, tanpa menjatuhkan maruah sesiapa.

Namun demikian, Islam mengajar umatnya mengamalkan kesederhanaan dalam banyak perkara termasuklah bergurau. Apabila sudah melewati batas syarak, gurauan harus dihentikan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Celakalah seseorang yang berkata dusta hanya untuk membuat orang lain tertawa”. (Riwayat Abū Dāwud, no. 4990)

Hadis ini menunjukkan bahawa walaupun humor dibenarkan, ia tidak boleh mengandungi pembohongan, penghinaan, atau mempermainkan perkara yang berkaitan dengan agama. Al-Qarḍāwī (2002) menekankan bahawa Islam

menganjurkan keseimbangan dalam bergurau. Jenaka yang melampaui batas syarak harus dihentikan, terutama jika menyentuh perkara yang wajib atau sunat, atau mempermainkan hukum agama.

Pendakwah, terutamanya dalam ruang keluarga, harus mengaplikasikan humor secara terkawal dan sesuai dengan sensitiviti *mad'uww*. Humor kiasan yang halus dapat menjadi jambatan dakwah yang berkesan apabila disampaikan dengan niat yang baik, isi yang benar, dan dalam suasana yang tepat. Dalam hal ini, pendakwah wanita sering memperlihatkan keupayaan menyesuaikan nada, konteks dan ekspresi, menjadikan gaya pengungkapan mereka lebih mudah diterima dalam suasana santai kekeluargaan.

Secara keseluruhannya, penggunaan ungkapan kiasan berunsur humor dalam dakwah harus bersifat membina, mendidik, dan tidak bertentangan dengan nilai-nilai syariat. Ia bukan sahaja menceriakan suasana, bahkan membuka ruang penerimaan terhadap mesej yang disampaikan dengan cara yang berhikmah.

2.4.3 Ungkapan yang benar dan jujur

Kebenaran dan kejujuran merupakan asas penting dalam komunikasi dakwah. Setiap kata-kata memainkan peranan dalam memelihara akidah dan membina sifat amanah dalam diri pendakwah wanita. Mengikut riwayat Imam Ahmad ibn Hanbal (2001), Rasulullah SAW bersabda bahawa sesiapa yang istiqamah menjaga enam perkara antaranya jujur dalam kata-kata maka baginda jamin masuk syurga . Sifat jujur ini bukan hanya mencerminkan integriti, tetapi juga membina akidah yang teguh dan amanah terhadap Allah SWT.

Dalam hadis yang lain, diriwayatkan oleh Abū Dāwud (2009), daripada ‘Abdullāh ibn Abī al-Ḥamsā’, dia pernah membuat janji untuk berjumpa Rasulullah SAW di sesuatu tempat sebelum baginda diutuskan sebagai Rasul. Akan tetapi, Abdullah terlupa. Setelah berlalu tempoh tertentu, dia teringat lalu segera pergi ke tempat tersebut. Dia mendapati Rasulullah SAW masih setia menunggu. Baginda bersabda “Wahai pemuda, engkau telah menyusahkan aku. Aku sudah menunggu sekian lama” (Muslim, No. 4920).

Kisah ini menggambarkan sifat jujur dan keprihatinan Rasulullah SAW terhadap amanah dalam konteks dakwah. Pendakwah wanita perlu mengambil contoh ini dan menjaga setiap janji dan kata-kata mereka agar menjadi teladan yang dihormati *mad'uw*.

2.4.4 Ungkapan yang berhemah

Berhemah bermaksud bertindak dengan penuh adab, budi pekerti dan kebijaksanaan, khususnya dalam menyusun dan memilih kata-kata ketika berkomunikasi. Dalam konteks dakwah keluarga, pendakwah wanita perlu berhemah dalam memilih kata-kata agar tidak menyinggung perasaan ahli keluarga terutama dalam menegur kesalahan. Kebijaksanaan memilih kata mampu menenangkan situasi tegang dan mengelakkan konflik yang tidak perlu.

Menurut Jamiah et al. (2013), komunikasi yang baik merupakan asas penting dalam penyelesaian konflik kekeluargaan serta membentuk penyesuaian psikososial remaja dan dewasa awal. Dalam menyelesaikan konflik, manusia selalunya diuji dengan pengawalan emosi. Lazimnya, apabila marah pasti emosi terganggu. Pelbagai perkataan yang ingin dihamburkan tanpa berfikir terlebih dahulu. Islam turut mengajar umatnya agar berhemah dalam pertuturan dan menghindari kata-kata kesat. Firman Allah SWT dalam Surah Fuṣṣilat, ayat 33:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya:

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!” (Surah al-Fuṣṣilat, 41:33).

Menurut Ibn Kathīr dan al-Qurtubī dalam tafsir mereka ayat ini merujuk kepada keutamaan mereka yang menyeru kepada Islam dengan kata-kata yang baik dan akhlak yang mulia, yang menjadi cerminan kepada ajaran yang disampaikan. Fatimah Syarha (2018) turut menyatakan dalam satu artikel bahawa kata-kata yang

diucapkan ketika marah lazimnya tidak membina, bahkan boleh ‘mencincang jati diri’ orang lain. Kata-kata yang tajam dan emosi yang tidak terkawal boleh menyebabkan ahli keluarga menjauh, tidak mendengar teguran dan mewujudkan suasana yang penuh ketegangan. Sebagai contoh, apabila seorang anak melakukan kesalahan kecil seperti menumpahkan air dan menyebabkan bapanya terjatuh, tindak balas spontan yang kasar boleh menambah buruk keadaan. Jika seorang isteri berkata, “Abang ni selalu kasar dengan anak,” ini merupakan ungkapan yang menyalahkan dan bersifat menuduh. Namun, jika pendekatan berhemah digunakan, seperti: “Abang penat tu. Abang rehatlah dahulu, biar saya yang kemaskan. Kakak, ayah penat tu. Kasihan ayah. Mari dekat ibu dahulu,” maka situasi dapat dikawal dengan lebih baik, tanpa perlu membesarkan konflik.

Ungkapan yang berhemah bukan sekadar meredakan emosi, tetapi juga memperlihatkan kecerdasan emosi (*emotional intelligence*) dan kehalusan jiwa seorang pendakwah wanita dalam mengurus rumah tangga serta menyampaikan dakwah secara berhikmah. Pemilihan kata-kata yang lebih menenangkan walaupun sepatah mungkin dapat memberikan kesan yang positif dan mengawal emosi semua ahli keluarga. Oleh itu, pendakwah wanita perlu bijak dan berhemah dalam memilih kata-kata yang sesuai dengan keadaan semasa.

2.4.5 Ungkapan yang berunsur penceritaan

Penceritaan atau naratif merupakan antara bentuk komunikasi yang juga berpengaruh dalam menyampaikan mesej dakwah. Hampir semua golongan masyarakat cenderung mendengar kisah atau cerita kerana ia bersifat menghibur, mudah difahami dan berupaya menyentuh emosi pendengar. Abdullah (2007) menjelaskan, pendekatan dakwah yang menggabungkan unsur penceritaan memudahkan sasaran dakwah untuk memahami mesej dakwah yang disampaikan, dan seterusnya mendorong perubahan sikap dan tingkah laku mereka.

Pendakwah wanita khususnya dapat memanfaatkan teknik ini dalam komunikasi kekeluargaan. Kisah yang diceritakan kepada anak-anak misalnya, bukan sahaja menyampaikan ilmu dan nilai moral, malah membina hubungan emosi yang erat antara ibu dan anak. Kaedah bercerita yang mengamalkan komunikasi dua hala

seperti memberi peluang kepada anak bertanya atau mengulas watak mampu mengeratkan hubungan antara pendakwah wanita dengan keluarga. Selain mendapat ilmu, anak-anak turut mendapat maklumat dan meneladani pengajaran setiap kisah. Antara keistimewaan uslub pengisahan ialah mewujudkan suasana santai dan tidak formal, mengurangkan tekanan, dapat diselitkan dengan jenaka dan sentuhan fizikal. Apabila sampai pada plot tertentu, anak-anak dapat membayangkan diri mereka beraksi sebagai watak dalam cerita tersebut sekaligus mempercepatkan proses internalisasi nilai yang ingin disampaikan..

Al-Quran sebagai sumber primer kisah yang sahih turut menjadikan pendekatan penceritaan sebagai kaedah pendidikan rohani dan moral yang signifikan dan menampilkan kisah-kisah menarik seperti kisah para nabi, kisah Dhū al-Qarnayn, *Aṣḥāb al-Kahfī*, Maryam bintu ʿImrān dan Firaun. Namun demikian, penting bagi pendakwah wanita memilih kisah yang benar-benar bersumber sahih. Terdapat kisah yang sering diceritakan dalam ceramah atau tulisan popular tetapi dipertikai kesahihannya oleh para ulama hadis. Sebagai contoh, kisah Alqamah yang kononnya tidak dapat mengucap syahadah kerana menderhaka kepada ibunya walaupun sebenarnya riwayat ini diragui kesahihannya kerana semua sahabat bernama Alqamah dikenal sebagai soleh. Begitu juga dengan kisah Thaʿlabah yang dikatakan enggan membayar zakat lalu dihinakan Allah, yang telah disanggah oleh Ibn Hajar al-ʿAsqalānī (1994) yang menyatakan: “Aku cenderung mengatakan bahawa kisah ini tidak sahih”. Oleh itu, pendakwah mesti bersandar kepada kisah yang benar dan disaring melalui ilmu takhrij hadis atau sumber tafsir yang muktabar.

Kajian kontemporari oleh Wahyu Ilaihi et al. (2024) juga menunjukkan bahawa pendakwah wanita yang menggunakan pendekatan naratif dalam platform digital seperti vlog atau teks naratif inspirasi berjaya membina kepercayaan dan respons positif dalam kalangan *madʿuw*, khususnya wanita dan remaja. Ini membuktikan bahawa penceritaan kekal relevan dan sangat efektif sebagai pendekatan pengungkapan dalam dakwah kontemporari.

2.4.6 Ungkapan yang berunsurkan nasihat

Nasihat merupakan salah satu bentuk komunikasi dakwah yang penting, terutama dalam keluarga, kerana ia mencerminkan kepedulian serta tanggungjawab seorang pendakwah wanita terhadap perkembangan akhlak dan psikologi anak-anak dan pasangan. Kajian Fariza Md Sham (2015) menunjukkan remaja mengalami perubahan emosi antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Oleh itu, pendakwah wanita perlu memahami psikologi remaja untuk menyampaikan nasihat yang relevan, mudah difahami serta diterima secara terbuka. Nasihat tidak boleh disembunyikan kerana nasihat adalah salah satu hak Muslim yang perlu ditunaikan. Sebelum menyampaikan nasihat, pendakwah wanita hendaklah meniatkan nasihat itu kerana Allah SWT, ingin mengajak keluarga ke jalan yang benar dan bukan untuk membangga diri. Amalkan nasihat secara tertutup, sebagaimana Kharāz (2009) dan Elias (2018) menukilkan puisi daripada Imam Shāfi‘ī: “Nasihatilah aku sewaktu bersendirian, hindarilah nasihat kepadaku dalam khalayak. Nasihat dalam khalayak, satu penghinaan yang tidak ingin aku mendengarnya”.

Nasihat boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk prosa atau puisi. Dalam bahasa Arab contohnya, Khazri Osman dan Faizol Azham Mohamed (2018) membandingkan dua bentuk tersebut: unsur *manthūr* (prosa) sering digunakan secara meluas dalam masyarakat Arab, tetapi ia kurang menarik, manakala *manzūm* (puisi), walaupun jumlahnya sedikit, namun lebih berkesan dan bernilai tinggi kerana struktur dan ritmenya .

Sementara itu, Zulkefli et al. (2016) pula mencadangkan agar adab berikut diambil perhatian sebagai satu langkah seperti topik percakapan antara komunikator dengan penerima perlu yang berkaitan dengan perkara yang baik dan manfaat, perlu mengelakkan mengungkapkan perkataan yang tidak mendatangkan faedah, tidak berdusta dalam percakapannya, tidak membuka kekurangan orang lain, tidak mencela dan merendah-rendahkan orang lain dan menjaga adab perbezaan pendapat.

2.4.7 Ungkapan yang jelas dan teratur

Gaya pengungkapan pendakwah yang jelas dan teratur merupakan kriteria penting dalam komunikasi dakwah yang berkesan, khususnya bagi pendakwah wanita yang berperanan menyampaikan mesej dalam lingkungan keluarga pelbagai usia. Pengucapan yang terlalu laju, penggunaan ayat yang terlalu panjang serta penggunaan istilah sukar boleh menjejaskan pemahaman dan penerimaan *mad'uw* terhadap isi dakwah. Menurut Nor Damia Husna dan Zulkefli (2017), pendakwah yang berkomunikasi secara jelas dan teratur akan cenderung menghindari struktur ayat yang sukar, tidak berbicara terlalu laju, dan menggunakan bahasa yang mudah difahami dengan khalayak. Pendakwah wanita perlu menjauhi bahasa yang sukar difahami atau tidak popular penggunaannya. Ini selaras dengan prinsip komunikasi Islam yang mengutamakan penyampaian mesej secara berhikmah, tepat, dan mudah difahami.

Amrū bin al-^cĀṣ juga pernah mengumpamakan kata-kata sebagai ubat, bermanfaat jika digunakan dengan sederhana, tetapi memudaratkan jika berlebihan. Kata-kata, menurut beliau, mestilah digunakan mengikut keperluan, tempat dan suasana, agar tidak menjadi sia-sia atau menyakitkan (Tha^clabī 1992). Ada kalanya seperti balaghah iaitu menyampaikan maksud yang tinggi dengan jelas melalui kata-kata yang betul dan fasih serta dapat mempengaruhi. Kata-kata yang dipilih perlulah sesuai dengan keadaan dan suasana tempat golongan sasaran.

Bagi golongan kanak-kanak, contohnya, usia antara dua hingga lima tahun dikenali sebagai peringkat umur komunikasi awal yang sensitif terhadap rangsangan bahasa. Maka, bagi menggalakkan pemahaman bahasa pada kanak-kanak, pendakwah wanita perlu menggunakan pendekatan yang menyenangkan, berdasarkan minat anak-anak dan disampaikan melalui gaya yang positif serta berirama. Perkataan-perkataan seperti “nana”, “mana”, “apa” yang berirama boleh merangsang kepekaan kanak-kanak terhadap bunyi dan makna. Dalam masa yang sama, istilah-istilah kompleks seperti “sophisticated” atau “sarwa” wajar digantikan dengan padanan yang lebih mudah seperti “modern” atau “seluruh”.

Kejelasan dalam pengucapan bukan sahaja mempercepat kefahaman, malah membina hubungan komunikasi yang berkesan antara pendakwah dan *mad'uw*. Dalam

konteks keluarga, ia membantu mewujudkan suasana yang selesa, terbuka dan mendidik.

2.4.8 Ungkapan yang lemah lembut

Penggunaan kata-kata yang lembut dan bersopan lebih mudah diterima oleh *mad'uww* berbanding ucapan yang kasar atau keras. Gaya komunikasi yang bersopan bukan sahaja membantu menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, malah turut menjamin kelangsungan hubungan yang harmoni, khususnya dalam institusi kekeluargaan. Apabila komunikasi antara ibu bapa dan anak berlangsung dengan baik, hubungan kekeluargaan akan menjadi lebih erat, membina kasih sayang dan memudahkan proses penyelesaian konflik (Che Hasniza & Fatimah 2011). Al-Quran juga menggariskan pelbagai bentuk gaya ucapan, antaranya *qawlan sadīdan* (ucapan yang benar dan lurus) serta *qawlan layyīnan* (ucapan yang lembut), yang digunakan bergantung kepada konteks dan keperluan penerima mesej. Erwan Effendy et al. (2023) menekankan bahawa pemilihan gaya komunikasi ini bukan sahaja mencerminkan akhlak Islam, tetapi juga strategi dakwah yang berkesan. Salah satu contoh terbaik ditampilkan dalam kisah Nabi Musa AS, ketika diperintahkan oleh Allah SWT untuk berdakwah kepada Firaun. Meskipun Firaun adalah pemerintah zalim, Nabi Musa diperintahkan untuk menyampaikan dakwah dengan tutur kata yang lembut sebagaimana firmanNya dalam Surah Taha ayat 44:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لِّبَنَّا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut (Surah Taha, 20:44).

Ayat ini menjadi bukti bahawa pendekatan yang lembut dan berhikmah dalam menyampaikan dakwah adalah prinsip yang dituntut oleh Islam, bahkan dalam situasi yang paling mencabar.

Tambahan lagi, fitrah seorang wanita diciptakan dengan sikap penyayang dan lemah lembut. Oleh kerana itu, Allah SWT memberikan tugas mengandung dan

melahirkan anak kepada wanita. Perbezaan sikap ini menjadi kelebihan kepada pendakwah wanita untuk mengajak ahli keluarga kepada kebaikan. Kaedah yang sesuai digunakan dalam mempamerkan ungkapan yang lemah lembut ini adalah dengan memujuk ahli keluarga agar mendengar permintaannya. Oleh itu, ungkapan yang lemah lembut bukan sekadar simbol kelembutan, tetapi ia merupakan strategi komunikasi dakwah yang sangat kuat, membina dan berpaksikan akhlak Rasulullah SAW.

2.4.9 Ungkapan yang mesra

Ungkapan yang mesra merupakan salah satu bentuk komunikasi yang berupaya membina hubungan kekeluargaan yang harmoni dan berkekalan. Dalam konteks dakwah keluarga, pendakwah wanita bukan sahaja berinteraksi dengan anak-anak, tetapi juga berperanan sebagai pasangan yang menyantuni suami dengan kasih sayang dan pengertian. Meskipun setiap wanita mengimpikan suami yang sempurna dari segi akhlak dan tanggungjawab, realiti kehidupan menuntut kesediaan untuk menerima kekurangan pasangan sebagai sebahagian daripada ujian dan ibrah rumah tangga. Sifat cemburu, misalnya, perlu diletakkan pada tempat yang wajar dan tidak dilampaui, selaras dengan garis panduan syarak. Dalam keadaan tertentu, cemburu itu menunjukkan kasih, tetapi jika tidak diiringi dengan komunikasi yang tenang dan mesra, ia boleh mencetuskan konflik. Menurut A'dawiyah (2016), interaksi yang mesra, harmoni dan penuh toleransi antara pasangan mampu mengeratkan hubungan serta menjadi asas kepada pembentukan keluarga berkualiti menurut ajaran Islam. Komunikasi dalam perkara harian seperti perbincangan untuk pulang ke kampung, merancang percutian, menyertai program sosial, atau berbual mengenai hal-hal ringan, dapat menjadi platform dakwah secara tidak langsung.

Selain itu, penggunaan panggilan yang mesra dan penuh kasih sayang kepada pasangan dan anak-anak memberi kesan positif dalam membina hubungan kekeluargaan yang erat. Panggilan seperti “zawji”, “habibi”, “abang”, atau “qalbi” terhadap suami dapat menyemai rasa hormat, cinta dan penghargaan. Bagi anak-anak, panggilan manja atau gelaran yang baik seperti “sayang”, “adik solehah”, “ustaz

kecil” atau nama-nama tokoh Islam seperti sahabat Rasulullah SAW, memberi dorongan psikologi yang sehat dan meningkatkan keyakinan diri.

Sunnah Nabi SAW juga menunjukkan bahawa komunikasi mesra antara suami isteri adalah sebahagian daripada akhlak mulia. °Ā’ishah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW memanggilnya dengan gelaran yang lembut dan penuh cinta, seperti “*Yā Humayrā*” (wahai yang kemerah-merahan pipinya), manakala °Ā’ishah pula memanggil Baginda SAW dengan penuh hormat sebagai “*Yā Rasūl Allāh*”. Gelaran-gelaran ini mencerminkan hubungan yang dibina atas dasar kasih sayang, hormat dan kemesraan, serta dapat dijadikan model dalam komunikasi kekeluargaan.

Oleh itu, penggunaan ungkapan yang mesra tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk mempererat hubungan, tetapi juga menjadi cerminan kasih sayang, empati dan akhlak dakwah dalam institusi kekeluargaan Islam. Pendakwah wanita perlu memanfaatkan pendekatan ini bagi mencipta suasana rumah tangga yang tenteram dan diberkati.

2.4.10 Ungkapan yang mudah difahami

Salah satu aspek penting dalam pengungkapan dakwah yang berkesan ialah penggunaan bahasa yang mudah difahami, ringkas, dan sesuai dengan tahap kefahaman *mad’uw*. Achmad Mubarak (1999) menyatakan bahawa ciri-ciri bahasa dakwah yang mudah difahami ialah penyampaian yang bersifat ringan, sederhana, dan mudah diterima oleh pendengar. Penggunaan bahasa yang kompleks atau terlalu ilmiah dalam konteks kekeluargaan boleh menimbulkan kekeliruan, ketegangan, atau menyebabkan mesej dakwah tidak sampai. Allah SWT juga mengutuskan Rasul kepada kaumnya dengan bahasa yang difahami sesuai dengan laras bahasa mereka supaya mereka memahami setiap penjelasan baginda sepertimana firmanNya dalam Surah Ibrāhim ayat 4:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ۚ
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana (Surah Ibrāhim, 14:4).

Ayat ini menekankan prinsip komunikasi berkesan dalam dakwah: mesej yang besar harus disampaikan dalam bahasa yang dekat dengan hati penerima. Oleh itu, pendakwah wanita perlu peka terhadap keperluan ahli keluarga dan menggunakan laras bahasa yang bersesuaian, bersahaja dan tidak terlalu abstrak atau sukar. Contohnya, topik berkaitan kewangan keluarga, hutang, atau bebanan ekonomi tidak sesuai dikongsi secara terperinci kepada anak-anak kecil kerana ia di luar kerangka pemikiran mereka. Sebaliknya, tumpuan harus diberikan kepada penerapan asas-asas penting dalam Islam seperti akidah, ibadah dan akhlak melalui ungkapan yang ringan, menarik, dan mudah difahami. Sebagai contoh, pendidikan solat dan puasa boleh disampaikan melalui cerita, permainan atau aktiviti kreatif yang dekat dengan dunia mereka. Oleh itu, pendakwah wanita perlu menggunakan ungkapan-ungkapan yang lebih santai dan selesa kepada ahli keluarga sesuai dengan laras bahasa mereka.

Dalam era digital, pendakwah wanita turut boleh memanfaatkan bahan bantu visual seperti animasi, lagu dan video kartun berunsur dakwah yang banyak tersedia dalam media massa. Pendakwah hanya perlu memandu dan menerangkan mesej yang terkandung dengan jelas dan sesuai dengan tahap umur anak-anak. Kaedah ini bukan sahaja mengukuhkan pengajaran, tetapi menjadikan proses dakwah awal dalam keluarga lebih menarik dan efektif. Ringkasnya, bahasa dakwah yang mudah difahami berfungsi sebagai jambatan utama antara pendakwah dan *mad'uww*. Ia membantu mempercepatkan pemahaman, mengurangkan salah tafsir dan menyuburkan suasana pembelajaran Islam dalam keluarga dengan lebih harmoni dan santai.

2.5 KERANGKA KERJA TEORETIKAL DAN KONSEPTUAL

Kerangka kerja kajian ini terdiri daripada dua komponen utama, iaitu kerangka kerja teoretikal dan kerangka kerja konseptual. Kedua-dua komponen ini bertujuan memberikan gambaran awal dan menyeluruh terhadap pendekatan analisis yang digunakan dalam kajian ini, seterusnya menjadi landasan kepada pembinaan dapatan dan interpretasi.

2.5.1 Kerangka kerja teoretikal

Kerangka kerja teoretikal dalam kajian ini dapat dilihat menerusi ayat al-Quran yang menjadi prinsip utama dalam pendekatan dakwah sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Naḥl, ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُوَ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk (Surah al-Naḥl, 16:125).


Menurut Sayyid Quṭb (1967) menyatakan bahawa ayat ini menggambarkan pendekatan dakwah Rasulullah SAW yang sarat dengan hikmah, nasihat yang baik, dan perdebatan yang berhemah. Dakwah bukan sekadar penyampaian mesej agama, tetapi menekankan komunikasi yang sesuai dengan keadaan dan latar belakang sasaran, tanpa memaksa atau membebani mereka dengan tuntutan yang sukar difahami. Tafsiran ayat ini juga turut menyatakan bahawa pendakwah tidak seharusnya menyulitkan sasaran dengan taklif-taklif yang berat dalam komunikasi. Nor Damia Husna (2017) turut menyokong penafsiran ini dengan menegaskan bahawa pendakwah perlu mengambil kira pelbagai bentuk penyampaian yang relevan, dan mengelakkan komunikasi yang boleh menimbulkan kekeliruan atau penolakan terhadap mesej. Komunikasi perlu disampaikan dengan penuh kebijaksanaan dan

kejelasan. Oleh itu, penggunaan gaya pengungkapan yang betul dalam komunikasi menjadi medium utama dalam penghantaran mesej perlu diberi perhatian supaya ia tidak memberi kesan negatif mahupun salah faham semasa berkomunikasi. Di samping itu juga, Aliyudin (2010) turut memberi penjelasan menerusi Surah al-Nahl iaitu dalam konteks perbahasan dakwah mempunyai uslub-uslub dakwah yang istimewa. Kajian Siti Mu'awanah (2022) telah menunjukkan bagaimana wanita menggunakan pelbagai saluran dakwah, termasuk dalam majlis taklim dan media sosial, sambil mengekalkan unsur *al-maw'izah al-ḥasanah* dalam penyampaian mesej kepada ahli keluarga dan masyarakat. Maka dapat ditekankan bahawa konsep yang terdapat dalam surah ini menggambarkan asas dakwah yang utama dalam menyampaikan teknik serta uslub-uslub yang berkaitan.

Kesimpulannya, teori asas pendekatan dakwah dalam surah ini terbahagi kepada tiga iaitu pertama *al-ḥikmah* iaitu komunikasi dengan penuh kebijaksanaan, rasional dan berasaskan ilmu, kedua *al-maw'izah al-ḥasanah* merujuk kepada penyampaian mesej dengan nasihat yang baik, lembut dan menyentuh emosi, serta ketiga *al-mujādalah* iaitu berhujah atau berbincang secara berhemah dan menghormati pendapat pihak lain.

Dalam kajian ini perbincangan menumpukan kepada bagaimana pendakwah wanita mengaplikasikan prinsip-prinsip ini dalam komunikasi kekeluargaan melalui gaya pengungkapan komunikasi dalam bentuk *al-ḥikmah*, *al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah* supaya mesej dakwah dapat diterima dengan baik oleh sasaran dakwah. Berdasarkan pendekatan dakwah yang digariskan dalam Surah al-Nahl ayat 125, kajian ini berpegang kepada prinsip asas seperti *al-ḥikmah*, *al-maw'izah al-ḥasanah*, dan *al-mujādalah* sebagai panduan nilai dalam penyampaian dakwah yang berhemah. Bagi memperkukuh kefahaman terhadap proses penghantaran mesej dakwah dalam konteks keluarga, kajian ini turut mendukung model komunikasi moden iaitu Model SMCR oleh Berlo (1960) yang menekankan empat komponen asas komunikasi. Oleh itu, kerangka kerja konseptual kajian ini dibentuk secara khusus dengan merujuk kepada Model SMCR oleh Berlo (1960) tersebut. Empat komponen utama yang ditekankan dalam komunikasi iaitu *Source* (Sumber), *Message* (Mesej), *Channel* (Saluran), dan *Receiver* (Penerima).

Rajah 2.2 memaparkan hubungan antara prinsip dakwah dan struktur komunikasi dakwah keluarga berdasarkan model SMCR, khususnya bagaimana pendakwah wanita berperanan sebagai sumber dalam menyampaikan mesej dakwah melalui saluran yang sesuai agar dapat diterima dengan berkesan oleh ahli keluarga sebagai *mad'uw*.




Rajah 2.2

Kerangka kerja teoretikal kajian

Sumber: Diubahsuai daripada Teori Model SMCR oleh Berlo (1960)

2.5.2 Kerangka kerja konseptual

Menurut Zawiyah (2009) menjelaskan bahawa model merupakan satu gambaran berbentuk grafik yang bertujuan meringkaskan konsep dan menerangkan realiti yang berlaku dalam sesuatu situasi. Dalam konteks ini, kerangka kerja konseptual dibentuk bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang perjalanan kajian yang akan dijalankan, serta berfungsi sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan penyelidikan secara sistematik. Rajah 2.3 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini yang menfokuskan kepada komunikasi pendakwah wanita terhadap keluarga berpandukan kepada Model SMCR oleh Berlo (1960) yang telah disesuaikan dengan pendekatan dakwah Islam.



Rajah 2.3 Kerangka konseptual kajian

Sumber: Diubahsuai daripada Teori Model SMCR oleh Berlo (1960)

Dalam kajian ini, model komunikasi dipilih sebagai sandaran kepada kerangka konseptual kajian ialah Model Berlo (1960). Model ini mempunyai kaitan dalam memastikan komunikasi yang berkesan. Berdasarkan Model Berlo (1960), terdapat empat unsur utama yang merangkumi antara satu sama lain iaitu sumber (*source*), mesej (*message*), saluran (*channel*), dan penerima (*receiver*). Dalam aspek sumber, model ini mengandaikan seorang komunikator sebagai sumber utama (*source*) dalam membawa mesej yang disampaikan. Unsur mesej (*message*) pula melibatkan beberapa elemen khusus yang akan disalurkan melalui unsur saluran (*channel*) dan akhirnya membawa kesan dan pengaruh kepada individu yang terlibat iaitu penerima (*receiver*).

Dalam kajian ini, penekanan utama diberikan kepada komponen mesej (*message*) yang merangkumi lebih daripada sekadar isi kandungan. Berlo (1960) menegaskan unsur mesej perlu disertai dengan elemen tertentu supaya gaya penyampaian lebih berpengaruh. Terdapat lima elemen yang disenaraikan iaitu

penggunaan bahasa sama ada *verbal* atau bukan *verbal*, kod iaitu makna dan simbol yang mewakili setiap bahasa yang digunakan, struktur penyampaian seorang komunikator dan sikap serta perlakuan yang ditonjolkan oleh komunikator yang terlibat. Sehubungan itu, Berlo turut menjelaskan dalam proses komunikasi penafsiran makna bukan terletak pada perkataan semata-mata malah ia bergantung kepada makna yang ditafsirkan oleh penerima.

Sehubungan itu, dalam kajian ini, tiga elemen utama telah dikenal pasti sebagai fokus utama mesej komunikasi dakwah, iaitu bentuk komunikasi dakwah, jenis pengungkapan dakwah dan gaya pengungkapan dakwah dalam proses komunikasi berkesan. Elemen bentuk komunikasi dakwah mewakili bentuk lisan, tulisan, bukan lisan dan bahasa badan. Elemen jenis pengungkapan dakwah pula melibatkan jenis pengungkapan humor, psikologi dan persuasif manakala elemen pendekatan gaya pengungkapan dakwah pula terdiri daripada sopan, benar dan jujur, berhemah, penceritaan, nasihat, jelas, lembut, mesra dan mudah difahami. Walau bagaimanapun, tiga elemen utama ini tidak hanya terhad kepada unsur –unsur yang dinyatakan sahaja, sebaliknya terdapat ciri-ciri khusus yang akan disenaraikan sesuai dengan elemen yang disenaraikan semasa proses kajian ini dijalankan. Perbincangan lebih mendalam akan dibahas dalam bab hasil kajian nanti.

Oleh itu, diandaikan bahawa proses komunikasi dalam konteks ini dianggap berkesan apabila mesej yang disampaikan dapat difahami dan diterima oleh ahli keluarga secara tepat dan bersesuaian dengan situasi. Ini kerana, setiap elemen yang terlibat mempunyai kaitan yang akan membentuk komunikasi dakwah yang berkesan. Sesuai dengan rukun dakwah yang pada asasnya melibatkan tiga aspek utama iaitu *dā'ir*, *maḍ'uw* dan *mawḍū'* dakwah. Proses komunikasi menjadi lebih berkesan mengikut kesesuaian masa dan keadaan persekitaran *maḍ'uw* yang terlibat. Kajian Mokodenseho et al. (2024) mencadangkan bahawa adaptasi Model SMCR dalam konteks Islamik perlu menekankan bukan sahaja pemindahan mesej, tetapi juga nilai dan akhlak yang dibawa oleh pendakwah selaku sumber. Dalam Model SMCR, 'sumber' merujuk kepada individu atau entiti yang menyampaikan mesej kepada penerima. Namun, dalam konteks dakwah Islam, sumber tidak hanya menyampaikan kandungan maklumat, tetapi juga membawa bersama nilai-nilai *Rabbānīyah* seperti

keikhlasan, hikmah, kasih sayang, dan akhlak Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, keperibadian pendakwah menjadi sebahagian daripada mesej itu sendiri.

Sehubungan itu, kajian ini berpegang bahawa komunikasi dakwah yang berkesan bukan sekadar bersifat *verbal*, tetapi turut merangkumi komunikasi bukan lisan seperti bahasa badan, ekspresi wajah, nada suara, serta perlakuan empati yang sejajar dengan tuntutan syariah. Semua elemen ini menjadi indikator penting terhadap keberkesanan mesej dakwah yang disampaikan dalam institusi kekeluargaan.

2.6 KESIMPULAN

Gaya ungkapan seseorang memainkan peranan penting dalam mewujudkan kemesraan dan keharmonian dalam sesebuah perhubungan, khususnya dalam konteks kekeluargaan. Dalam usaha menyampaikan mesej dakwah yang mengajak kepada kebaikan, seorang pendakwah wanita yang menguasai gaya pengungkapan dakwah yang sesuai dengan latar *mad'uw* akan lebih mudah didekati dan diterima. Oleh itu, penguasaan gaya pengungkapan yang tepat, berhemah dan lunak amat penting bagi memastikan dakwah dapat disampaikan secara berkesan, berakhlak dan berstrategi.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian mengenai komunikasi pendakwah wanita terhadap ahli keluarga. Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami pendekatan komunikasi dakwah yang digunakan dalam konteks kekeluargaan, terutamanya daripada perspektif wanita yang berperanan sebagai pendakwah. Dalam usaha mencapai objektif tersebut, bab ini memperincikan reka bentuk kajian, pendekatan penyelidikan, kaedah pengumpulan data, strategi persampelan, prosedur pelaksanaan kajian, teknik analisis data serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Semua elemen ini dirangka dengan teliti bagi memastikan dapatan kajian bersifat sahih, relevan dan boleh dipercayai.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang berbentuk kajian kes. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam fenomena komunikasi dakwah yang berlaku dalam konteks kekeluargaan, khususnya dalam kalangan pendakwah wanita. Kajian kes membolehkan penyelidik mengkaji sesuatu fenomena secara menyeluruh dalam persekitaran sebenar serta mengambil kira konteks sosial dan budaya yang mempengaruhi tingkah laku dan pengalaman peserta kajian (Chua 2011). Sehubungan itu, reka bentuk kajian ini amat sesuai dengan skop kajian yang ingin memahami pendekatan komunikasi dakwah yang diamalkan oleh pendakwah wanita dalam kehidupan berkeluarga.

Menurut Yin (2017), kajian kes sangat sesuai digunakan apabila penyelidik berhasrat menjawab persoalan 'bagaimana' dan 'mengapa' sesuatu fenomena berlaku dalam konteks dunia sebenar. Hal ini selaras dengan matlamat kajian ini yang bertujuan memahami bagaimana pendekatan komunikasi dakwah dibentuk, diamalkan dan disesuaikan oleh pendakwah wanita dalam kehidupan seharian mereka sebagai isteri, ibu dan ahli keluarga. Kajian ini juga menyahut saranan Baxter dan Jack (2008) yang menyatakan bahawa metodologi kajian kes kualitatif membolehkan penyelidik memperoleh kefahaman yang mendalam terhadap fenomena sosial yang kompleks. Komunikasi dakwah dalam keluarga merupakan satu fenomena yang berlapis, melibatkan elemen emosi, hubungan interpersonal dan sistem nilai Islam yang saling berinteraksi dalam konteks tertentu. Maka, pendekatan ini dianggap paling sesuai untuk menangkap makna-makna tersirat di sebalik strategi komunikasi yang digunakan oleh peserta kajian. Tambahan pula, Tisdell et al. (2025) menegaskan bahawa reka bentuk kajian kes membolehkan penyelidik meneliti sistem yang terikat (*bounded system*) dalam konteks tertentu, dan hal ini sangat penting apabila fenomena yang dikaji berkait rapat dengan dimensi budaya dan nilai. Oleh itu, pemilihan kajian kes dalam penyelidikan ini memungkinkan pemahaman holistik terhadap dinamika dakwah dalam institusi kekeluargaan Muslim.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, data dikumpul daripada peserta kajian yang terdiri daripada pendakwah wanita serta ahli akademik yang terlibat secara langsung dalam dakwah kekeluargaan. Proses pengumpulan data dijalankan secara teliti bagi memastikan dapatan yang diperoleh benar-benar mencerminkan realiti pengalaman dan pendekatan komunikasi mereka. Kesemua data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan tema yang berkaitan dengan gaya pengungkapan dakwah secara berhemah.

3.3 PEMILIHAN SAMPEL

Sampel kajian ini melibatkan peserta kajian dan informan daripada individu yang sama memandangkan pendakwah wanita yang dipilih terdiri daripada golongan yang berpengetahuan dalam bidang dan masing-masing aktif di lapangan. Pemilihan ini bertujuan mendapatkan pandangan yang sahih dan mendalam daripada mereka yang

benar-benar terlibat dalam komunikasi dakwah secara langsung dalam konteks kekeluargaan.

Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Chua (2006), persampelan bertujuan merujuk kepada proses pemilihan sampel berdasarkan ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan, agar peserta yang dipilih benar-benar relevan bagi menjawab objektif kajian. Ahmad Sunawari (2015) turut menyatakan bahawa persampelan ini memerlukan ketepatan dalam penentuan ciri agar data yang diperoleh bersifat sahih dan relevan dengan objektif kajian. Sehubungan itu, pengkaji telah menetapkan kriteria tertentu yang perlu dipenuhi oleh setiap peserta kajian. Peserta kajian yang tidak memenuhi ciri yang ditetapkan tidak akan dipilih, selaras dengan pandangan Shukri dan Azizan (2012) bahawa elemen yang tidak memenuhi kriteria tidak layak dikategorikan sebagai peserta kajian. Penetapan kriteria ini adalah penting dalam kajian kualitatif bagi memastikan hanya peserta kajian yang benar-benar memahami dan mengalami fenomena yang dikaji sahaja terlibat dalam proses pengumpulan data. Menurut Othman (2014), penetapan ciri-ciri peserta kajian yang khusus adalah penting bagi mendapatkan pemahaman secara mendalam terhadap sesuatu fenomena. Tambahan pula, Ahmad dan Mohd (2014) menyatakan bahawa penentuan ciri secara tepat dapat meningkatkan kualiti maklumat yang dikumpul.

Bagi meningkatkan variasi dalam perspektif yang dikumpulkan, kajian ini turut menggunakan pendekatan variasi maksimum (*maximum variation sampling*), iaitu dengan memilih peserta kajian yang berbeza dari segi latar belakang dakwah, pengalaman hidup dan struktur keluarga. Pendekatan ini bertujuan untuk menangkap pelbagai dimensi fenomena dakwah kekeluargaan secara lebih holistik (Memon et al. 2024; Nyimbili & Nyimbili 2024).

Dari sudut etika, penyelidik menekankan keperluan agar pemilihan peserta kajian dilakukan secara teliti dan bertanggungjawab. Denieffe (2020) menekankan bahawa setiap keputusan persampelan dalam kajian kualitatif perlu mengambil kira aspek keterwakilan fenomena dan keselarasan dengan persoalan kajian. Tongco


(2007) turut menyatakan bahawa pemilihan informan mestilah berdasarkan pertimbangan akademik dan etika bagi menjamin integriti proses penyelidikan.

Bagi pemilihan informan pula, mereka dipilih berdasarkan kepakaran dalam bidang berkaitan. Kamarul Azmi (2012) menegaskan bahawa informan yang dipilih mestilah memiliki pengetahuan khusus dan pengalaman mendalam dalam bidang kajian agar data yang dikumpulkan lebih tepat dan berautoriti. Sehubungan itu, informan kajian ini merupakan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah dan kekeluargaan, dan ini memudahkan proses temu bual kerana perbincangan dapat dijalankan secara mendalam dan terarah.

Dalam kajian ini, seramai sepuluh orang pendakwah wanita telah dipilih sebagai peserta kajian dan juga informan. Pemilihan ini dilakukan berdasarkan ciri-ciri berikut:

- i. Peserta kajian mestilah seorang pendakwah wanita yang aktif berdakwah lebih daripada lima tahun dan;
- ii. Peserta kajian mestilah seorang yang telah berkahwin lebih lima tahun dan;
- iii. Peserta kajian mestilah telah memiliki sekurang-kurangnya seorang anak berumur lebih lima tahun.

Penetapan ciri-ciri ini bertujuan untuk memastikan peserta dapat memberikan pandangan yang menyeluruh berdasarkan pengalaman sebenar mereka dalam pelbagai peranan kekeluargaan seperti isteri, ibu, menantu, ipar atau anak.



Rajah 3.1 Proses pemilihan sampel kajian


Sumber: Ahmad Sunawari 2015

3.4 PENGUMPULAN DATA

Menurut Chua (2011), data kualitatif dapat dikumpulkan dengan menggunakan beberapa kaedah seperti temu bual, kumpulan fokus, pemerhatian, semakan dokumen serta bahan daripada laman web. Walaubagaimanapun, dalam kajian kualitatif, sumber utama data lazimnya diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen (Marshall & Rossman 2006). Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur sebagai teknik utama pengumpulan data. Pemilihan kaedah ini dibuat kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh data yang bersifat naratif, mendalam, dan fleksibel mengikut aliran perbualan yang berlaku antara penyelidik dan peserta kajian. Temu bual separa berstruktur juga membenarkan soalan dibentuk berdasarkan rangka yang longgar tetapi masih berpanduan kepada objektif kajian.

Kaedah ini memberi kelebihan dalam memahami pemikiran, pengalaman dan pendekatan komunikasi dakwah yang diaplikasikan oleh peserta kajian dalam kehidupan berkeluarga. Melalui sesi temu bual, penyelidik dapat menjelaskan maksud soalan, mengesan nada suara serta memerhatikan reaksi tidak lisan (*non-verbal*) yang turut memberikan maklumat penting untuk analisis data yang lebih bermakna.

Dalam pelaksanaan kajian ini, penyelidik membangunkan protokol temu bual berdasarkan persoalan kajian dan tema utama yang ingin diteroka. Setiap sesi temu bual dijalankan secara bersemuka atau dalam talian, bergantung pada kesesuaian dan ketersediaan peserta kajian. Semua sesi direkod secara audio dan ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan analisis. Rajah 3.2 berikut menggambarkan proses pengumpulan data yang dijalankan oleh penyelidik sepanjang kajian ini.



Rajah 3.2 Proses pengumpulan data kajian

Sumber: Pengkaji 2025

3.4.1 Prosedur menjalankan proses temu bual

Dalam kajian ini, kaedah utama pengumpulan data ialah temu bual separa berstruktur, iaitu salah satu daripada tiga bentuk temu bual dalam penyelidikan kualitatif, iaitu berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur (Chua 2006). Temu bual separa berstruktur dipilih kerana ia memberikan keseimbangan antara panduan soal selidik yang telah dirangka dan fleksibiliti untuk penyelidik menyesuaikan soalan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian.

Menurut Chua (2006), temu bual separa struktur dijalankan secara separa formal dan membolehkan pengubahsuaian kepada elemen soalan mengikut keperluan situasi serta kebolehan bahasa peserta kajian. Ini memberi ruang untuk mengembangkan soalan susulan atau penjelasan tambahan berdasarkan respons yang diterima. Hujah galakan minimum seperti “selepas itu”, “apakah maksud anda”, “mengapa” dan “bagaimana” digunakan secara strategik untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam sepanjang perbualan. Penyelidik juga diberi kebebasan untuk mengembangkan perbincangan secara menyeluruh berdasarkan

respons yang diberikan. Tambahan pula, kaedah temu bual juga mempunyai beberapa kelebihan. Syed Arabi (1992) dan Sidek (2002) menjelaskan bahawa teknik ini dapat menghasilkan maklum balas yang kaya dan mendalam, terutama apabila subjek kajian melibatkan pengalaman dan pandangan peribadi. Oleh itu, ia sesuai dengan keperluan kajian ini yang meneliti pendekatan komunikasi dakwah dalam konteks keluarga.


Pada peringkat awal, Proses temu bual dimulakan dengan menetapkan janji temu bersama peserta kajian untuk menentukan tarikh, masa dan lokasi yang sesuai. Sebelum sesi bermula, penyelidik menjelaskan tujuan kajian, objektif temu bual dan prosedur pelaksanaan. Penyelidik turut memaklumkan tentang jangka masa sesi dan memohon persetujuan peserta kajian untuk merakam perbualan. Menurut Rutakumwa et al. (2020), rakaman audio adalah aset penting dalam proses temu bual kerana kaedah mencatat menggunakan pen dan buku nota boleh mengganggu kelancaran temu bual serta menyukarkan pengurusan data. Maka, setelah mendapat keizinan, semua temu bual dirakam menggunakan peranti audio bagi memastikan ketepatan transkripsi.

Sepanjang sesi temu bual, penyelidik berusaha membina hubungan mesra dengan peserta kajian bagi mewujudkan suasana temu bual yang kondusif dan selesa. Bogdan dan Biklen (1997) menyatakan bahawa fasa awal temu bual sangat penting untuk membentuk hubungan saling percaya antara penyelidik dan peserta kajian. Interaksi yang mesra membantu peserta kajian berkongsi pengalaman secara jujur dan terbuka.

Temu bual dijalankan sehingga data yang diperolehi mencapai ketepuan (*data saturation*), dan jumlah peserta kajian yang dijangka adalah seramai sepuluh orang. Semua peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam bahagian 3.3. Bagi memastikan kesahan data, informan yang terdiri daripada pendakwah wanita berautoriti juga ditemu bual. Mereka mempunyai kepakaran dalam isu pembangunan wanita dan kekeluargaan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dan pandangan mereka membantu mengesahkan corak komunikasi dakwah yang dikenal pasti.

Semasa temu bual, penyelidik menunjukkan minat yang mendalam serta memberi perhatian penuh terhadap setiap butiran yang dikongsi oleh peserta kajian dan informan. Othman (2014) menyifatkan situasi ini sebagai satu bentuk hubungan interpersonal yang membina keyakinan dan kepercayaan, yang penting dalam mendapatkan maklumat autentik. Taylor dan Bogdan (1984) pula menegaskan bahawa jaminan terhadap kerahsiaan temu bual sangat penting untuk menanamkan keyakinan bahawa maklumat hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan.

Selepas sesi temu bual, penyelidik segera menyalin rakaman ke dalam bentuk transkrip penuh. Transkrip tersebut kemudiannya dihantar kepada peserta kajian untuk proses pengesahan data (*member checking*). Sekiranya terdapat sebarang pembetulan, penambahan atau penjelasan lanjut, proses semakan dan pengemaskinian akan dilaksanakan. Langkah ini penting bagi memastikan ketepatan dan kesahihan data yang diperoleh daripada sumber utama. Rajah 3.3 menunjukkan aliran prosedur yang digunakan dalam menjalankan proses temu bual bagi kajian ini.



Rajah 3.3 Proses menjalankan temu bual

Sumber: Kamarul Azmi 2010

3.4.2 Kesahan dan kebolehpercayaan kajian

Menurut Ahmad Sunawari (2015), kesahan merujuk kepada tahap sejauh mana sesuatu instrumen dapat mengukur perkara yang sepatutnya diukur dengan tepat, manakala kebolehpercayaan merujuk kepada tahap ketekalan data dan ketepatan alat pengukuran yang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua aspek ini merupakan komponen penting yang mesti dinilai dengan teliti oleh penyelidik bagi memastikan dapatan kajian mencerminkan realiti sebenar yang dikaji. Bogdan dan Biklen (1997) menyatakan bahawa penilaian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan merupakan asas kepada kesahan dalaman sesebuah kajian serta dapat mengelakkan berlakunya bias dalam proses pengumpulan dan analisis data. Othman (2014) pula menegaskan bahawa hasil kajian dianggap sah dan boleh dipercayai apabila ia mencerminkan konsistensi serta ketepatan dalam domain yang dikaji.

Chua (2006) pula menyatakan bahawa kajian dianggap berkredibiliti apabila ia berjaya menyampaikan tafsiran pengalaman manusia secara konsisten, iaitu apabila individu lain yang mengalami situasi serupa berkemungkinan besar memberikan tafsiran yang hampir sama. Oleh itu, kajian kualitatif mestilah dijalankan secara telus dan berpanduan kepada objektif yang jelas. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini, penyelidik telah melaksanakan tiga proses utama seperti yang disarankan oleh Shenton (2004), iaitu *member checking*, *peer checking*, dan *expert checking*. *Member checking* dilakukan dengan mendapatkan maklum balas daripada peserta kajian terhadap transkrip penuh temu bual untuk pengesahan data. *Peer checking* dilaksanakan semasa proses pembangunan tema bagi memastikan ketekalan dan keobjektifan dalam proses pengkodan. *Expert checking* pula melibatkan dua orang pakar dalam bidang berkaitan yang dilantik untuk menyemak dan mengesahkan tema serta subtema yang telah dikenalpasti berdasarkan unit analisis kajian. Pendekatan ini disokong oleh Chua (2011) dan Othman (2014) yang menyatakan bahawa strategi-strategi ini direka untuk memperkukuh kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif.

Selain itu, penyelidik turut mengambil kira isu perbezaan budaya, linguistik dan teknologi dalam memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data. Menurut

Wagemaker (2020) dalam penyelidikan yang melibatkan populasi yang pelbagai, cabaran berkaitan bahasa, sistem pendidikan dan latar belakang sosial memerlukan penyesuaian instrumen tanpa menjejaskan ketulenan kandungan. Walaupun kajian ini dijalankan dalam konteks tempatan, variasi latar belakang peserta kajian dari segi pendidikan dan ekspresi linguistik tetap diambil kira. Oleh itu, soalan temu bual disesuaikan dari segi aras bahasa dan struktur bagi memudahkan kefahaman peserta kajian.

Tambahan pula, penggunaan teknologi seperti rakaman audio juga diteliti secara teliti untuk menjamin ketepatan dan ketekalan data. Wagemaker (2020) menekankan bahawa dalam penilaian berskala besar, kekangan teknologi boleh menjejaskan kebolehpercayaan dapatan, dan ini turut diambil perhatian dalam kajian ini. Oleh itu, penyelidik menggunakan peranti rakaman berkualiti tinggi, memastikan persekitaran temu bual kondusif dan konsisten, serta melaksanakan prosedur transkripsi dan semakan semula secara sistematik.

Langkah-langkah ini dilaksanakan untuk menjamin bahawa data yang diperoleh mencerminkan realiti yang dikaji dengan tepat, sekaligus memperkukuh nilai kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Hal ini selaras dengan pandangan Shukri dan Azizan (2012), yang menyatakan bahawa sesuatu kajian hanya boleh dianggap kukuh apabila ia telah melalui proses verifikasi yang teliti dan berstruktur.

3.4.3 Kesahan peserta kajian terhadap data temu bual

Bogdan dan Biklen (1997) menjelaskan bahawa untuk memperoleh data temu bual yang sah dan boleh dipercayai, penyelidik perlu mendapatkan pengesahan daripada peserta kajian atau pakar dalam bidang berkaitan. Dalam kajian ini, penyelidik telah melaksanakan proses pengesahan data melalui teknik member checking terhadap semua transkrip yang dihasilkan. Teknik temu bual digunakan sebagai instrumen utama pengumpulan data, dan rakaman suara menjadi kaedah rakaman tunggal yang dipilih. Setelah sesi temu bual selesai, penyelidik segera menjalankan proses transkripsi lengkap berdasarkan rakaman tersebut. Transkrip penuh kemudian diserahkan kepada peserta kajian untuk tujuan semakan dan pengesahan. Sekiranya terdapat sebarang pindaan, penambahan atau pembetulan, penyelidik akan

mengemaskini transkripsi tersebut mengikut maklum balas peserta kajian. Melalui proses ini, data yang diperoleh mencapai tahap kesahihan yang lebih tinggi dan sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Prosedur ini berkait rapat dengan langkah-langkah yang telah digambarkan dalam Rajah 3.3. Ia menjadi bukti pelaksanaan prosedur yang teliti dan etika dalam menjamin integriti data yang dikumpulkan.

3.4.4 Kesahan pakar dan penilaian pakar melalui Cohen's Kappa

Selepas proses transkripsi data temu bual selesai, penyelidik telah menyusun data secara sistematik dan mengenal pasti tema yang sejajar dengan objektif kajian. Bagi menjamin kesahan pembinaan tema, penyelidik melaksanakan proses semakan pakar (*expert checking*) seperti yang disarankan oleh Cohen dan Manion (2000), iaitu dengan melibatkan penilai luar bagi mengesahkan kesesuaian dan ketepatan tema yang dibentuk. Dalam kajian ini, dua orang pakar dalam bidang komunikasi dan dakwah telah dilantik bagi menilai kod dan tema yang dibangunkan oleh penyelidik. Penilaian ini dilakukan menggunakan indeks Cohen's Kappa, iaitu satu kaedah statistik untuk mengukur tahap kesepakatan (*inter-rater agreement*) antara dua penilai bebas terhadap elemen yang dinilai. Jadual 3.1 memaparkan senarai pakar yang telah dilantik untuk kesahan dan penilaian pakar, menggunakan kaedah Cohen's Kappa.

Jadual 3.1 Senarai nama pakar yang telah dilantik

Bil.	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen's Kappa)
1.	Prof Fariza binti Md Sham	Fakulti Pengajian Islam, UKM	Prof. Madya, Dato' Dr.	Psikologi	1
2.	Prof. Madya Dr. Norrodzoh binti Hj. Siren	Akademi Pengajian Islam, UM	Prof. Madya Dr.	Dakwah, Media dan Komunikasi	1

Sumber: Pengkaji 2025

Berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh para pakar, nilai Cohen's Kappa menandakan bahawa pencapaian nilai ini berada pada tahap yang tinggi, iaitu melebihi 9.0 (menunjukkan tahap yang sangat tinggi), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2. Dalam konteks ini, seperti yang dikemukakan oleh Kamarul Azmi (2012), pencapaian tahap persetujuan yang sangat tinggi menjadi petanda yang terbaik bagi

memastikan kebolehpercayaan data kajian. Oleh itu, pembinaan tema yang dilaksanakan oleh pengkaji telah mendapat sokongan kedua-dua pakar yang dinyatakan dalam Jadual 3.1. Jadual 3.2 menunjukkan indikator tahap persetujuan berdasarkan nilai Cohen's Kappa.

Jadual 3.2 Indikator tahap persetujuan Cohen's Kappa

Indikator	Nilai Cohen's Kappa
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	<0.30

Sumber: Kamarul Azmi 2012

Dalam kajian ini, dapatan penilaian pakar telah diteliti menggunakan formula yang dibina oleh Cohen's Kappa untuk menentukan tahap indeksinya. Jadual di bawah menunjukkan formula yang digunakan bersama indeks kebolehpercayaan (K) seperti berikut:

$$K = \frac{f_a - f_c}{(N - f_c)}$$

Fa = kekerapan persetujuan penilai

Fc = 50% jangkaan persetujuan

N = bilangan unit (tema) yang diuji dalam nilai persetujuan

Rajah 3.4 Formula kiraan Cohen's Kappa

Sumber: Kamarul Azmi 2010

Untuk memperoleh nilai Cohen's Kappa seperti tahap indikator yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2, pengkaji melaksanakan pengiraan berdasarkan formula indeks kebolehpercayaan (K) untuk menentukan nilai Cohen's Kappa bagi setiap soalan temu bual yang telah disahkan oleh dua orang pakar bidang. Berikut merupakan kiraan pengkaji mengikut formula Cohen's Kappa. Hasil pengiraan menunjukkan bahawa nilai Cohen's Kappa yang dicapai adalah 1. Nilai ini menandakan bahawa tahap indikator setiap soalan yang dibina oleh pengkaji berada di tahap yang sangat tinggi, melebihi 0.90.

$$K = \frac{32 (fa) - 16 (fc)}{32 (N) - 16 (fc)} = 1$$

Rajah 3.5

Hasil kiraan berdasarkan formula Cohen's Kappa

Sumber: Sim & Wright 2005

3.4.5 Kesahan terhadap unit data analisis

Penilaian kesahan terhadap unit data analisis merupakan prosedur akhir bagi menjamin ketepatan dan keutuhan dapatan kajian. Setelah semua proses analisis dan pembinaan tema selesai, penyelidik menyusun hasil dapatan dalam bentuk jadual dan dokumen yang terperinci untuk dikemukakan semula kepada pakar bidang.

Pakar yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1 turut dirujuk bagi menilai sama ada tema, subtema, dan unit analisis yang dibentuk benar-benar mencerminkan kandungan data dan menyumbang secara langsung kepada objektif kajian. Ini termasuk penilaian terhadap padanan antara transkrip dan pengekodan, serta penstrukturan tema secara logik dan akademik. Proses ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme semakan akhir, malah meningkatkan kredibiliti dan kesahihan kajian secara keseluruhan. Ia juga memastikan bahawa dapatan yang diperoleh benar-benar mencerminkan pengalaman dan pandangan peserta kajian dalam konteks sebenar dakwah kekeluargaan.

3.5 PENGANALISISAN DATA

Analisis data merupakan proses sistematik yang digunakan untuk meneliti, mentafsir dan menjelaskan makna daripada data yang telah dikumpulkan sepanjang kajian. Prosedur ini melibatkan pengorganisasian dan pengkategorian maklumat secara menyeluruh untuk membolehkan penyelidik memahami fenomena yang dikaji. Menurut Othman (2014), analisis data kualitatif bertujuan untuk mencari makna yang tersembunyi di sebalik ungkapan lisan dan perlakuan individu berdasarkan konteks yang dikaji. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan deskriptif untuk menganalisis data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur. Selaras

dengan Chua (2006), pendekatan deskriptif membolehkan penyelidik menghuraikan fenomena secara mendalam dan sistematik dalam bentuk naratif yang logik dan berstruktur. Justeru, sebelum proses analisis dimulakan, penyelidik telah merancang strategi analisis secara teliti supaya selaras dengan objektif kajian dan persoalan penyelidikan yang telah ditetapkan. Proses analisis data dijalankan secara berperingkat dan merangkumi beberapa fasa utama yang akan diperincikan dalam bahagian berikutnya.

3.5.1 Proses penganalisan data kualitatif

Menurut Othman (2014), tindakan analisis merangkumi proses sistematik mengatur, menstruktur dan menginterpretasi semua data terkumpul. Terdapat enam fasa yang mesti dilaksanakan untuk menjalankan analisis data kualitatif dengan berkesan. Fasa ini termasuk menyusun atur data, membina tema dan kategori, mengekod data, menguji kefahaman terhadap data, mencari penerangan data dan menulis laporan data.

Suseela (2001) menegaskan bahawa pelaksanaan langkah-langkah ini membantu penyelidik meneliti data dengan lebih teratur, sistematik dan bermakna. Proses bermula dengan penyusunan data hasil temu bual, yang kemudiannya ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan penganalisan. Chua (2006) menyatakan bahawa data boleh dikumpul dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif; namun, dalam kajian ini, data dianalisis sepenuhnya dalam bentuk kualitatif. Penyelidik membina jadual untuk menyusun pernyataan peserta kajian secara sistematik. Kemudian, data dianalisis dengan mengekstrak tema dan subtema yang berkaitan dengan objektif kajian. Proses pengkodan dilaksanakan berdasarkan pemahaman yang mendalam terhadap kandungan temu bual. Penyelidik membaca dan mendengar semula setiap rakaman temu bual untuk memastikan bahawa setiap kod yang dibina adalah tepat dan konsisten. Othman (2014) menyatakan bahawa proses pengkodan ini perlu dilakukan secara teliti dan reflektif bagi menjamin kualiti analisis. Setelah tema dan subtema dikenal pasti, data dianalisis dan diinterpretasikan secara deskriptif serta dibincangkan secara kritikal berpandukan literatur yang berkaitan.

Bagi memperkemarkan proses penganalisan data, penyelidik telah menggunakan dua alat teknologi utama, iaitu perisian *ATLAS.ti* dan *ChatGPT*.


Penggunaan kedua-dua alat ini bertujuan meningkatkan tahap kecekapan, ketelusan serta ketepatan analisis data kualitatif dalam kajian ini. *ATLAS.ti* digunakan secara sistematik untuk tujuan pengkodan data, pemetaan hubungan antara tema, serta mengenal pasti pola dan kategori dalam data temu bual melalui antara muka visual yang teratur dan interaktif. Alat ini membolehkan penyelidik menjalankan analisis yang tersusun dan teliti, seterusnya membantu dalam penghasilan tema-tema yang tepat dan relevan.

Sementara itu, *ChatGPT* pula digunakan sebagai alat sokongan reflektif dalam proses penganalisan data. *ChatGPT* membantu penyelidik menjana semula deskripsi tema secara awal, menyemak konsistensi logik antara tema dan subtema, serta memberi cadangan tambahan terhadap pola atau kategori yang mungkin terlepas pandang semasa semakan awal data. Penggunaan *ChatGPT* ini dilaksanakan di bawah kawalan ketat penyelidik. Setiap hasil yang diperoleh melalui alat ini disemak semula secara kritikal oleh penyelidik bagi memastikan konteks asal data kekal tepat dan sah.

Penggunaan *ChatGPT* dalam proses analisis data turut disokong oleh kajian-kajian terkini. Menurut Syriani et al. (2024), *ChatGPT* mampu membantu dalam proses penapisan artikel bagi semakan sistematik, sekali gus membuktikan potensinya sebagai alat sokongan analisis kandungan awal dalam konteks penyelidikan akademik. Selain itu, Naeem et al. (2023) menggariskan proses analisis tematik secara langkah demi langkah, yang secara tidak langsung menyokong penggunaan *ChatGPT* sebagai bantuan awal dalam proses pengkodan. Tambahan lagi, Aryadi et al. (2024) dalam kajiannya mengenai penggunaan *ChatGPT* dalam penulisan akademik di peringkat tinggi, mendapati bahawa *ChatGPT* membantu mempercepatkan penjanaan idea dan memperbaiki struktur naratif, namun masih memerlukan pemantauan kritikal oleh penyelidik.

Sehubungan dengan itu, Taylor (2024) serta Medina et al. (2024) turut menegaskan bahawa penggunaan *ChatGPT* perlu dilaksanakan secara berhati-hati dan sentiasa di bawah pemantauan penyelidik untuk menjamin ketepatan serta kesesuaian konteks analisis. Justeru, integrasi *ATLAS.ti* dan *ChatGPT* dalam kajian ini telah

menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan kredibiliti proses analisis data kualitatif. Rajah 3.6 menunjukkan prosedur menganalisis data dalam kajian ini:



Rajah 3.6 Proses penganalisisan data kualitatif

Sumber: Creswell 1998

3.6 KESIMPULAN

Kajian ini merupakan penyelidikan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes. Dalam bab ini, penyelidik telah mengupas secara mendalam reka bentuk kajian kes yang dipilih serta menghuraikan justifikasi pemilihan kaedah temu bual separa berstruktur dalam proses pengumpulan data. Sampel kajian ditentukan melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), berdasarkan ciri-ciri khusus yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Selain itu, kajian rintis turut dilaksanakan bagi memastikan instrumen kajian memenuhi tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, seterusnya memperkuat integriti dapatan. Dalam analisis data, penyelidik telah menggunakan pendekatan analisis deskriptif kualitatif berdasarkan tema-tema dan subtema yang selaras dengan objektif kajian. Dalam proses analisis, penggunaan teknologi terkini seperti perisian *ATLAS.ti* dan *ChatGPT* telah membantu meningkatkan kecekapan, ketepatan, dan ketelusan dalam penganalisisan data. Di samping itu, penyelidik turut merujuk kepada sumber-sumber rujukan tambahan bagi membantu meningkatkan kefahaman dan kesahihan kajian. Secara keseluruhannya, metodologi yang diterangkan dalam bab ini menjadi asas kukuh bagi pelaksanaan kajian seterusnya serta memastikan objektif dan persoalan kajian tercapai dengan jitu dan sistematik.

BAB IV

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil analisis data temu bual yang diperoleh daripada 10 orang peserta kajian (PK1 hingga PK10) yang terdiri daripada pendakwah wanita terhadap ahli keluarga mereka. Analisis dan perbincangan ini bertujuan untuk menjawab setiap objektif kajian yang dinyatakan dalam bab ini. Bagi melindungi identiti peserta kajian, pengkaji menggunakan kod “PK” sebagai pengganti nama sebenar mereka. Analisis ini dijalankan secara deskriptif dan disusun mengikut turutan objektif kajian.

4.2 LATAR BELAKANG PESERTA KAJIAN

Sepuluh orang peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini merupakan pendakwah wanita yang bergiat aktif dalam bidang dakwah sehingga kini. Pendakwah-pendakwah wanita ini diklasifikasikan mengikut pekerjaan, tempoh aktif dalam berdakwah, usia perkahwinan dan bilangan anak. Peserta kajian terdiri daripada wanita yang berkerjaya dan aktif dalam bidang dakwah seperti ahli akademik, pentadbir universiti, pegawai di jabatan serta agensi agama Islam, pendakwah bebas dan aktivis dakwah. Tempoh aktif peserta kajian dalam bidang dakwah adalah antara 10 hingga 40 tahun. Usia perkahwinan peserta kajian paling muda adalah tujuh tahun dan paling lama selama 44 tahun. Bilangan anak peserta kajian pula adalah antara dua hingga enam orang, dengan umur anak yang paling muda tujuh bulan dan yang paling tua berumur 42 tahun. Jadual 4.1 menunjukkan data demografi latar belakang peserta kajian.

Jadual 4.1 Latar belakang peserta kajian

Responen Kajian	Pekerjaan	Umur	Tempoh Aktif Berdakwah	Usia Perkahwinan
PK1	Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama	40	16 tahun	15 Tahun
PK2	Aktivis Dakwah	33	Lebih 10 Tahun	7 Tahun
PK3	Pendakwah Bebas	48	Lebih 15 Tahun	25 Tahun
PK4	Pendakwah Bebas	38	Lebih 14 Tahun	11 Tahun
PK5	Pensyarah & Peguam	44	Lebih 20 Tahun	25 Tahun
PK6	Aktivis Dakwah	36	Lebih 10 Tahun	15 Tahun
PK7	Dekan Fakulti Pengajian Islam	56	Lebih 26 Tahun	34 Tahun
PK8	Prof Kehormat Institut Islam Hadhari	61	Lebih 40 Tahun	44 Tahun
PK9	Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM	44	Lebih 10 Tahun	14 Tahun
PK10	Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Bahagian Hal Ehwal Penyelidikan	44	Lebih 18 Tahun	19 Tahun

Sumber: Pengkaji 2025

4.2.1 PK1 (PUAN SAZILARAHIMI BINTI SEPAWI)

PK1 bernama Puan Sazilarahimi binti Sepawi, merupakan seorang wanita berusia 40 tahun yang berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Keluarga di Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Beliau bergiat aktif dalam bidang dakwah selama lebih 16 tahun dan terlibat secara langsung dalam perancangan serta pelaksanaan program pembangunan keluarga Islam. Pengalaman profesional ini memberikan pendedahan luas kepada PK1 tentang isu komunikasi, keharmonian rumah tangga dan cabaran dakwah dalam konteks keluarga moden.

Dari segi kehidupan keluarga, PK1 telah berkahwin selama 15 tahun dan mempunyai empat orang anak berusia antara 2 hingga 14 tahun. Dalam konteks ini, PK1 mempraktikkan komunikasi dakwah melalui interaksi harian bersama pasangan dan anak-anak, khususnya dalam membimbing amalan ibadah, pembentukan akhlak dan pengurusan emosi anak-anak. Peranan PK1 sebagai pegawai agama dan ibu menjadikan pendekatan komunikasinya bersifat terancang, berhikmah dan selari dengan keperluan perkembangan ahli keluarga.

4.2.2 PK2 (PUAN MAIZATUL AKMALIAH MOHAMED)

PK2 bernama Puan Maizatul Akmaliah Mohamed, merupakan seorang aktivis dakwah berusia 33 tahun yang telah aktif dalam bidang dakwah selama lebih 10 tahun. Penglibatan beliau dalam aktiviti dakwah komuniti dan kekeluargaan membentuk kefahaman praktikal tentang keperluan komunikasi berkesan dalam menyampaikan nilai agama, khususnya dalam konteks tidak formal.

Beliau telah berkahwin selama tujuh tahun dan mempunyai empat orang anak berusia antara 7 bulan hingga 6 tahun. Dalam keluarga yang masih berada pada fasa awal pembinaan, PK2 memainkan peranan utama dalam menyampaikan mesej dakwah melalui komunikasi yang bersifat mendidik, berulang dan penuh kesabaran. Pengalaman ini memberikan gambaran jelas tentang bagaimana komunikasi dakwah diaplikasikan dalam keluarga muda, terutamanya dalam membentuk asas akhlak dan amalan agama anak-anak.

4.2.3 PK3 (PUAN ASMAK BINTI HUSIN)

PK3 bernama Puan Asmak binti Husin yang merupakan seorang pendakwah bebas berusia 48 tahun. Beliau bergiat aktif dalam bidang dakwah selama lebih 15 tahun dan beliau sering terlibat dalam penyampaian dakwah secara tidak formal dan bersifat komuniti yang menuntut keupayaan menyesuaikan gaya komunikasi mengikut latar belakang penerima.

PK3 telah berkahwin selama 25 tahun dan mempunyai lima orang anak berusia antara 13 hingga 22 tahun. Dengan pengalaman membesarkan anak-anak remaja dan dewasa, PK3 mengamalkan komunikasi dakwah yang lebih bersifat dialog, nasihat dan perbincangan dua hala. Pengalaman ini membolehkan beliau menyesuaikan penyampaian mesej dakwah mengikut tahap kematangan dan kefahaman ahli keluarga, sekali gus menjadikan komunikasi lebih terbuka dan reflektif.

4.2.4 PK4 (PUAN NURUL SHAHIDAH BINTI ISHAK)

PK4 bernama Puan Nurul Shahidah binti Ishak yang berusia 38 tahun. Beliau merupakan seorang pendakwah bebas dan telah bergiat aktif dalam bidang dakwah selama lebih 14 tahun. Penglibatan beliau dalam dakwah memberi pendedahan kepada pendekatan komunikasi yang fleksibel dan bersifat mendekati masyarakat.

Beliau telah berkahwin selama 11 tahun dan mempunyai dua orang anak berusia antara 4 hingga 9 tahun. Dalam konteks keluarga dengan anak-anak kecil, PK4 banyak mengaplikasikan komunikasi dakwah melalui penceritaan, contoh teladan dan perbualan santai. Pendekatan ini membantu beliau menyampaikan mesej agama secara berperingkat dan sesuai dengan tahap perkembangan kognitif serta emosi anak-anak.

4.2.5 PK5 (DR HASIAH BINTI MAT SALLEH)

PK5 bernama Dr Hasiah binti Mat Salleh, merupakan seorang pensyarah dan peguam berusia 44 tahun dan telah aktif dalam bidang dakwah selama lebih 20 tahun. Latar belakang akademik PK5 mempengaruhi cara beliau menyusun dan menyampaikan mesej dakwah secara sistematik, berfakta dan berlandaskan hujah yang jelas.

Beliau telah berkahwin selama 25 tahun dan mempunyai empat orang anak berusia antara 16 hingga 22 tahun. Dalam konteks keluarga yang mempunyai anak-anak remaja dan dewasa, PK5 mengamalkan komunikasi dakwah yang menekankan rasional, dialog terbuka dan perbincangan berasaskan nilai. Pengalaman ini memperlihatkan bagaimana pendekatan komunikasi dakwah berubah mengikut fasa perkembangan keluarga.

4.2.6 PK6 (PUAN NAFISAH ABDUL RAHIM)

PK6 bernama Puan Nafisah Abdul Rahim, merupakan seorang aktivis dakwah berusia 36 tahun yang telah terlibat dalam bidang dakwah selama lebih 10 tahun. Penglibatan aktif dalam dakwah komuniti membentuk keupayaan beliau menyesuaikan komunikasi mengikut situasi dan penerima.

Beliau telah berkahwin selama 15 tahun dan mempunyai lima orang anak berusia antara 6 hingga 14 tahun. Dalam keluarga yang besar dan pelbagai peringkat umur, PK6 mengamalkan komunikasi dakwah yang bersifat fleksibel dan berlapis, dengan menyesuaikan pendekatan mengikut usia dan keperluan anak-anak. Keadaan ini menjadikan komunikasi dakwah bersifat praktikal dan berterusan dalam kehidupan seharian keluarga.

4.2.7 PK7 (DR. SAFIAH BINTI ABD RAZAK)

PK7 bernama Dr. Safiah binti Abd Razak, merupakan seorang dekan di Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) berusia 56 tahun dan telah bergiat aktif dalam bidang dakwah selama lebih 26 tahun. Pengalaman luas dalam bidang akademik dan pentadbiran Islam mempengaruhi pendekatan dakwah beliau yang bersifat berstruktur dan berasaskan kefahaman mendalam terhadap nilai agama.

Beliau telah berkahwin selama 34 tahun dan mempunyai empat orang anak berusia antara 21 hingga 31 tahun. Dalam konteks keluarga, PK7 mengaplikasikan komunikasi dakwah melalui dialog matang, nasihat dan perkongsian pengalaman, yang menekankan tanggungjawab individu dan kefahaman agama secara mendalam.

4.2.8 PK8 (PROF. DR. SITI RUGAYAH BINTI HJ TIBEK)

PK8 ialah Prof. Dr. Siti Rugayah binti Hj Tibek, merupakan Profesor Kehormat di Institut Islam Hadhari dan berusia 61 tahun. Beliau aktif dalam bidang dakwah selama lebih 40 tahun dan mempunyai pengalaman luas dalam penyelidikan serta pembangunan pemikiran Islam.

Beliau telah berkahwin selama 44 tahun dan mempunyai empat orang anak berusia antara 34 hingga 42 tahun. Pengalaman panjang ini membentuk pendekatan komunikasi dakwah PK8 yang menekankan keteladanan, nasihat berperingkat dan refleksi sendiri, khususnya dalam membimbing ahli keluarga dewasa melalui perbincangan yang matang dan rasional.

4.2.9 PK9 (PUAN NAZIRAH ABU BAKAR)

PK9 bernama Puan Nazirah Abu Bakar, merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM berusia 44 tahun dan telah aktif berdakwah selama lebih 10 tahun. Tugas rasmi beliau dalam bidang hal ehwal Islam memberikan pendedahan kepada isu-isu kekeluargaan dan keperluan komunikasi dakwah dalam konteks institusi.

Beliau telah berkahwin selama 14 tahun dan mempunyai enam orang anak berusia antara 2 hingga 11 tahun. Dalam keluarga besar dengan anak-anak kecil, PK9 mengamalkan komunikasi dakwah yang konsisten, berulang dan berasaskan kasih sayang, bagi memastikan nilai agama dapat diterapkan secara berterusan dalam rutin harian keluarga.

4.2.10 PK10 (DR. NUR YANI BINTI CHE HUSSIN)

PK10 ialah Dr. Nur Yani binti Che Hussin, merupakan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) berusia 44 tahun dan telah aktif berdakwah selama lebih 18 tahun. Pengalaman kepimpinan akademik membentuk pendekatan komunikasi beliau yang sistematik dan berorientasikan kefahaman.

Beliau telah berkahwin selama 19 tahun dan mempunyai empat orang anak berusia antara 10 hingga 18 tahun. Dalam konteks keluarga yang mempunyai anak remaja, PK10 mengamalkan komunikasi dakwah yang menekankan dialog terbuka, kejelasan mesej dan pembinaan kepercayaan, bagi memastikan mesej agama dapat diterima tanpa paksaan.

4.3 ANALISIS BERKAITAN PROSES KOMUNIKASI DAKWAH

Perbincangan dalam bahagian ini menjawab objektif kajian pertama, iaitu mengenal pasti bentuk-bentuk komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah wanita terhadap ahli keluarga. Menurut Zulkefli et al. (2016), pendakwah boleh mengaplikasikan pelbagai bentuk komunikasi seperti lisan, tulisan dan bukan lisan, bergantung kepada kesesuaian konteks dan sasaran dakwah. Hasil temu bual bersama

PK1 hingga PK10 menunjukkan bahawa dalam usaha membina komunikasi dakwah, terdapat tiga elemen utama yang sering menjadi asas kepada proses tersebut, iaitu peringkat permulaan, perancangan, dan pemilihan topik perbualan. Bahagian ini akan memfokuskan kepada peringkat permulaan yang dikenalpasti sebagai detik penting dalam menentukan keberkesanan komunikasi dakwah dalam konteks kekeluargaan.

4.3.1 Proses permulaan membina komunikasi dakwah

Permulaan komunikasi merupakan topik yang luas dan merangkumi pelbagai bentuk, termasuk asal usul bahasa, interaksi awal manusia dan perkembangan sistem komunikasi sosial. Dalam konteks teori, wujud pelbagai pandangan seperti teori pengajaran Allah SWT, naturalisme dan keupayaan semula jadi manusia untuk berbahasa. Menurut perspektif Islam, bahasa merupakan anugerah Allah SWT yang diajarkan secara langsung kepada Nabi Adam AS, sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran bahawa Allah SWT mengajarkan nama-nama kepada nabi Adam AS sehingga mampu berinteraksi serta memberikan respons yang menunjukkan kefahaman terhadap bahasa (Kahraman 2022). Konsep ini memberikan asas bahawa komunikasi manusia terutama dalam konteks dakwah dan kekeluargaan tidak semata-mata berpaksikan kemahiran teknikal, tetapi turut melibatkan rohani, emosi dan kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses permulaan dalam membina komunikasi dakwah dalam keluarga tidak berlaku secara tergesa-gesa. Sebaliknya, ia dimulakan dengan pendekatan yang mesra, berhemah, dan mengambil kira keadaan emosi serta suasana semasa. Pelbagai bentuk permulaan komunikasi telah dikenal pasti dalam temu bual bersama peserta kajian, yang mencerminkan kebijaksanaan dan kepekaan mereka dalam memulakan bicara dakwah kepada ahli keluarga. Pendekatan ini amat penting agar mesej dakwah dapat disampaikan dalam suasana yang tenang, diterima dengan hati terbuka, serta tidak menimbulkan tekanan mahupun rasa tersinggung.

a. Berpesan kepada diri sendiri

Peserta kajian menekankan bahawa sebelum menyampaikan sesuatu mesej dakwah, beliau terlebih dahulu melakukan muhasabah dan pengawalan emosi.

PK4 menyatakan: “Saya memang akan cuba untuk *realise me myself*, ni adalah untuk.. okay pagi ni jangan mengamuk ke, jangan cakap benda yang buruk ke... pesan kepada diri sendiri.” (ID 4:17). Beliau turut berkata: “Cakap dengan diri sendiri.. ‘Syahidah, hari ini jangan buat apa-apa yang tak sepatutnya. Sebab anak nak sekolah, suami nak cari rezeki. So, jangan membebel, jangan bersyak wasangka.” (ID 4:18).

Pendekatan ini menunjukkan pemikiran reflektif yang tinggi dalam diri peserta kajian sebagai prasyarat komunikasi berkesan. Ini sejajar dengan penemuan Low dan Overall (2025) yang menyatakan bahawa strategi seperti penilaian semula kognitif (*cognitive reappraisal*) iaitu menstruktur semula pemikiran dan tanggapan terhadap sesuatu situasi sebelum bertindak dapat membawa kesan positif dalam hubungan interpersonal. Sebaliknya, strategi seperti penindasan emosi dan ruminasi didapati meningkatkan konflik. Ini bertepatan dengan tindakan peserta kajian yang berusaha mengawal reaksi awal agar komunikasi dakwah berlangsung dalam keadaan tenang dan seimbang secara emosi.

Tambahan pula, menurut Main et al. (2025), peraturan emosi tidak berlaku secara individu semata-mata, tetapi adalah fenomena yang saling mempengaruhi dalam konteks sosial. Dalam konteks keluarga, kualiti interaksi harian seperti komunikasi antara pasangan dan anak boleh mencetuskan atau meredakan reaksi emosi. Ini menunjukkan bahawa usaha peserta kajian untuk menenangkan diri sebelum berkomunikasi adalah usaha proaktif untuk menjaga keharmonian hubungan dan mengelakkan reaksi emosi yang negatif dalam interaksi dakwah.

Sementara itu, kajian oleh Wout et al. (2010) dan Brinzea (2022) mengaitkan kecerdasan emosi dengan kemampuan membuat keputusan strategik dalam situasi interpersonal yang mencabar. Dalam konteks rumah tangga, kemampuan seperti ini diperlukan agar dakwah yang disampaikan tidak bersifat memaksa, tetapi mampu disesuaikan dengan keperluan dan kesiapsiagaan emosi ahli keluarga. Pendekatan ini

turut mencerminkan dimensi hikmah dan kasih sayang yang menjadi asas kepada komunikasi dakwah Islami.

Justeru, kemampuan untuk berpesan kepada diri sendiri sebelum menyampaikan dakwah mencerminkan tahap kematangan emosi pendakwah wanita dalam keluarga. Ia bukan sahaja menzahirkan sifat sabar dan bijaksana, malah menjadi landasan kepada penyampaian mesej dakwah yang lebih berkesan, menyentuh hati dan kekal relevan dalam suasana kekeluargaan yang pelbagai cabaran.

b. Bertanya khabar dan menunjukkan empati

Pendekatan bertanya khabar digunakan oleh ramai peserta kajian sebagai langkah awal komunikasi dakwah. Ia memberi ruang kepada hubungan yang lebih terbuka dan bersifat mendengar.

PK2 berkongsi: “*First* ayat kita akan tanya ‘Sihat ke hari ni? Okay tak hari ni?’... Itu pun mula la dia punya komunikasi.” (ID 2:8). PK5 pula menjelaskan: “Biasanya *just* bertanya khabar. Mak buat apa. Itu saja.” (ID 5:13). Manakala PK6 berkata: “Tanya khabar. Umi sihat? Dah makan ke? Dengan keluarga sendiri pun sama juga. Bila call pun sama. Kemudian tanya buat aktiviti apa.” (ID 6:16).

Kajian Marlina et al. (2024) menegaskan bahawa komunikasi yang dimulakan dengan keprihatinan terhadap emosi penerima lebih mudah membina jalinan spiritual dalam hubungan keluarga. Kajian ini menekankan bahawa kepekaan terhadap perasaan ahli keluarga seperti bertanya khabar, bertanya keadaan atau mengambil tahu aktiviti seharian boleh mencetuskan perasaan dihargai, yang seterusnya membuka ruang untuk penyampaian nilai keagamaan secara lebih lembut dan berkesan. Ini menunjukkan bahawa komunikasi empatik bukan sekadar alat sosial, tetapi menjadi jambatan penting untuk membina keintiman rohani dalam institusi kekeluargaan Islam.

Chen et al. (2024) pula memperkenalkan kerangka TriKF dalam konteks dialog sosial, yang menggabungkan perspektif peristiwa, kognisi dan kasih sayang bagi menjana soalan empati yang lebih mendalam. Dalam konteks dakwah keluarga,

pendekatan ini sangat relevan apabila soalan yang ditanya bukan sahaja bersifat rutin seperti “apa khabar”, tetapi juga bersifat menyentuh emosi dan latar konteks ahli keluarga. Ini memperkukuh lagi dapatan bahawa soalan yang bersifat empatik bukan sahaja mencetus interaksi, tetapi menzahirkan keprihatinan spiritual dan kasih sayang, iaitu inti utama dalam komunikasi dakwah.

Sementara itu, Tustonja et al. (2024) menyatakan bahawa mendengar aktif yang melibatkan pengulangan maklumat dengan parafrasa, tindak balas bukan lisan seperti anggukan atau sentuhan, serta penggunaan soalan terbuka merupakan asas komunikasi empatik yang berkesan dalam kehidupan seharian. Dalam konteks keluarga, amalan ini memberi mesej tidak langsung bahawa pendakwah benar-benar hadir secara fizikal dan emosi untuk mendengar dan memahami. Ini mewujudkan suasana yang lebih terbuka untuk perkongsian mesej dakwah yang halus tetapi mendalam.

Dalam konteks yang lebih khusus, Katz (2023) menunjukkan bahawa dalam hubungan terapeutik, empati boleh dibina melalui teknik pertanyaan yang menyentuh pengalaman dalaman seseorang. Teknik seperti “saya rasa”, “bolehkah awak kongsi lebih lanjut?”, dan pertanyaan bersifat penyiasatan membantu individu merasa didengari dan difahami. Ini secara langsung selari dengan pendekatan peserta kajian dalam kajian ini yang menggunakan pertanyaan ringan seperti “sihat ke hari ni?” atau “buat apa hari ni?” bukan sekadar pembuka bicara, tetapi sebagai saluran dakwah melalui keintiman emosi.

Oleh itu, tindakan peserta kajian bertanya khabar dan menunjukkan empati bukan hanya satu norma yang sopan, tetapi adalah strategi komunikasi dakwah yang efektif. Ia membuka ruang emosi yang selamat dan menyenangkan untuk mendengar, menerima dan berkongsi mesej. Tambahan pula, ia memperlihatkan kematangan emosi dan sensitiviti sosial pendakwah wanita dalam meletakkan asas hubungan yang kukuh sebelum menyampaikan dakwah secara lebih mendalam.

c. Menggunakan kata-kata baik dan tidak menyakitkan

Penggunaan kata-kata yang baik dan tidak menyakitkan adalah konsep pelbagai aspek yang merangkumi kesan bahasa terhadap kesejahteraan emosi dan fizikal. Kata-kata mempunyai kuasa untuk menyembuhkan atau menyakiti. Pemilihan bahasa yang lembut dan tidak mengguris menjadi prinsip utama dalam komunikasi dakwah keluarga.

PK4 menyatakan: “Saya cuba agar bicara saya ni adalah bicara yang tidak menyakitkan orang dan keluar perkara yang bermanfaat.” (ID 4:5). PK7 menambah: “Baru kita mulakan dengan kata-kata yang baik, ucapan yang baik, tanya khabar, tanya keadaan, tanya kesibukan, tanya kerja macam mana.” (ID 7:10).

Pendekatan ini sejajar dengan prinsip *al-maw'izah al-ḥasanah* dalam Surah al-Nahl ayat 125 yang menyeru penyampaian dakwah dilakukan dengan bijaksana dan berhemah. Prinsip ini bukan hanya tuntutan agama, tetapi juga disokong oleh kajian terkini yang menekankan kesan psikologi dan fisiologi kata-kata dalam komunikasi interpersonal.

Ritter et al. (2019) dan Lang et al. (2011) menunjukkan bahawa bahasa negatif, termasuk yang bersifat menyindir atau kasar, boleh mencetuskan kesan *nocebo*, iaitu peningkatan persepsi terhadap kesakitan atau ketidakselesaan akibat jangkaan negatif. Dalam konteks kekeluargaan, kata-kata yang menyakitkan meskipun tidak ditujukan secara langsung boleh meningkatkan kegelisahan ahli keluarga dan menimbulkan ketegangan emosi. Sebaliknya, penggunaan bahasa yang positif dan menyokong berupaya meredakan konflik dan mewujudkan suasana selesa untuk dakwah diterima.

Lebih mendalam, Borelli et al. (2023) dalam kajian neuropsikologi mendapati bahawa kata-kata yang menyakitkan emosi seperti celaan atau nada kasar mengaktifkan kawasan otak yang sama dengan kesakitan fizikal. Ini menunjukkan bahawa kesan kata-kata bukan hanya simbolik, tetapi mencetus tindak balas saraf yang nyata dan menjejaskan kesejahteraan emosi. Oleh itu, kepekaan dalam memilih kata-kata amat penting, terutama dalam hubungan intim seperti keluarga.

Penemuan-penemuan ini secara langsung menyokong dapatan kajian ini, yang menunjukkan bahawa pendakwah wanita cenderung memilih perkataan yang menyenangkan, membina dan tidak menyakitkan sebagai strategi utama dalam menyampaikan nasihat atau teguran kepada ahli keluarga. Tindakan ini mencerminkan kecerdasan emosi, hikmah dalam berdakwah dan kepekaan terhadap kesejahteraan rohani dan psikologi penerima.

Justeru, penggunaan kata-kata baik dalam komunikasi dakwah keluarga bukan sahaja melambangkan akhlak yang mulia, tetapi merupakan strategi saintifik yang terbukti memberi kesan positif terhadap penerimaan mesej, membina hubungan harmoni dan mengekalkan suasana emosi yang sihat dalam institusi kekeluargaan.

d. Menggunakan gelaran yang mesra dan positif

Penggunaan sapaan atau panggilan kasih sayang menjadi elemen penting dalam mewujudkan suasana mesra sebelum menyampaikan mesej dakwah. Peserta kajian menjadikan gelaran seperti “sayang”, “abang”, atau panggilan peribadi sebagai strategi lembut untuk membuka ruang perbualan yang lebih terbuka dan emosional.

PK2 menyatakan: “Mahfuzah, Mahfuzah... okay ke tak?” (ID 2:12). PK4 turut berkata: “Kalau anak, panggilan manjanya sayang. Kalau suami, babalah.” (ID 4:15). PK6 menyebut: “Akak akan panggil nama seorang-seorang dan kejutkan sampai semua bangun. Kalau dengan suami pula, saya akan panggil ‘abang, bangun’.” (ID 6:13).

Pendekatan ini terbukti berkesan dalam membina komunikasi yang positif dan memperkukuh hubungan emosi dalam keluarga. Sutarni et al. (2022) menjelaskan bahawa panggilan mesra dan sapaan yang lembut dapat membina hubungan psikologi yang lebih erat, kerana ia mencetuskan rasa dihargai dan diterima dalam diri penerima. Sapaan bukan hanya pemula komunikasi, tetapi juga penyampai nilai kasih sayang dan penghormatan.

Pendekatan ini turut dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. Dalam interaksi bersama isteri, Baginda bukan sahaja menunjukkan kasih sayang melalui perbuatan,

tetapi juga melalui gelaran manja dan positif. Baginda memanggil ‘Ā’ishah RA dengan panggilan “*Yā Humayrā*”, yang bermaksud “wahai yang kemerah-merahan pipinya”, sebagai tanda pujian dan penghargaan terhadap kecantikannya (Hariyati 2013). Menurut Dayang Sakini et al. (2024), gelaran ini bukan hanya ungkapan manja, tetapi juga berperanan sebagai usaha Rasulullah untuk mengambil hati ‘Ā’ishah RA dan menzahirkan kasih yang tulus dalam rumah tangga.

Kajian ini menunjukkan bahawa panggilan manja yang konsisten dan sesuai dengan penerima bukan sahaja membina suasana mesra, malah menjadi jambatan psikologi sebelum penyampaian dakwah atau teguran berlaku. Dalam konteks dakwah keluarga, penggunaan gelaran yang menyenangkan akan menjadikan mesej lebih mudah diterima kerana ia disampaikan dalam suasana yang tidak mengancam dan penuh kasih.

Oleh itu, strategi menggunakan gelaran yang mesra dan positif dalam komunikasi dakwah keluarga bukan sekadar unsur budaya atau kebiasaan, tetapi berpaksikan akhlak nabawi serta didukung oleh bukti psikologi dan sosiolinguistik yang memperlihatkan peranan besar bahasa dalam membina dan menyampaikan mesej secara berkesan dalam institusi keluarga.

e. Luahan perasaan sebagai pembuka bicara

Pendekatan ini digunakan sebagai strategi menzahirkan kejujuran dan membina hubungan dua hala sebelum menyampaikan mesej dakwah.

PK4 berkongsi: “Hari ni ibu rasa sedih lah... sebab baba terlalu lama kat luar... nanti dia tak ada masa dengan anak-anak.” (ID 4:62). PK5 pula berkata: “Mak hari ni macam sedih lah sikit... kita macam mulakan dengan masa nak mengadu.” (ID 5:14). Strategi ini selari dengan pendekatan dakwah afektif yang memberi ruang kepada perasaan dan empati, seperti dibincangkan dalam kajian Amir et al. (2024).

f. Bertanya tentang aktiviti harian dan perancangan keluarga

Pendekatan ini digunakan sebagai strategi menzahirkan kejujuran dan membina hubungan dua hala sebelum menyampaikan mesej dakwah dalam keluarga. Melalui teknik meluahkan perasaan, pendakwah wanita menjadikan emosi sebagai medium untuk membuka ruang perbualan yang lebih peribadi dan menyentuh jiwa.

PK4 berkongsi: “Korang buat apa hari ni? Sihat ke hari ni?” (ID 2:10). PK3 menambah: “Biasanya pagi, benda melalui perancangan harian itu la yang settle dulu... semua orang kena tahu jadual masing-masing.” (ID 3:42).

Pendekatan ini bukan hanya mencerminkan kejujuran emosi, malah mengundang empati daripada ahli keluarga yang lain, sekali gus mewujudkan ruang interaksi yang saling memahami. Strategi ini selari dengan pendekatan dakwah afektif yang memberi ruang kepada dimensi perasaan sebagai landasan komunikasi, sebagaimana dibincangkan oleh (Amir et al. 2024).

Tambahan pula, Cai et al. (2024) dan Xu et al. (2024) menekankan pentingnya ekspresi dan pengiktirafan emosi dalam perbualan sokongan emosi (*Emotional Support Conversation*, ESC). Mereka menjelaskan bahawa sistem komunikasi yang menyokong kesejahteraan emosi dibina atas keupayaan untuk mengenal pasti keadaan emosi dan bertindak balas secara empatik. Dalam konteks keluarga, apabila seorang ibu meluahkan rasa sedih atau risau, ia bukan sekadar pelepasan emosi tetapi satu cara membuka pintu dialog yang jujur dan menyentuh hati.

Zhang et al. (2024) pula melalui rangka kerja FEEL, menunjukkan bahawa pengiktirafan emosi secara tepat adalah kunci kepada dialog yang bermakna. Keupayaan mengenal pasti dan meluahkan perasaan dalam konteks sosial seperti yang diamalkan oleh peserta kajian dalam kajian ini membolehkan komunikasi berlangsung dalam suasana yang lebih terbuka dan saling menerima. Dalam hal ini, luahan perasaan bukan sekadar tindakan spontan, tetapi strategi psikososial yang boleh mencetuskan keterbukaan hati untuk menerima mesej dakwah secara lebih mendalam dan ikhlas.

Oleh itu, penggunaan luahan perasaan sebagai pembuka bicara dalam dakwah kekeluargaan tidak boleh dipandang remeh. Ia mencerminkan kematangan emosi, keikhlasan dalam berkomunikasi, dan sensitiviti terhadap suasana hati penerima. Dalam suasana yang hangat dan terbuka ini, mesej dakwah lebih mudah difahami, diterima, dan dihayati oleh ahli keluarga.

g. Membangunkan keluarga dan menunaikan solat

Beberapa peserta kajian memulakan komunikasi dakwah dalam keluarga dengan membangunkan ahli keluarga untuk menunaikan solat, terutamanya solat Subuh dan solat berjemaah. Strategi ini bukan sahaja bertujuan untuk menunaikan kewajipan agama, tetapi juga menjadi pendekatan awal dalam membina interaksi spiritual antara ahli keluarga.

PK3 berkongsi: “Sebab biasanya yang bangun awal itu saya. Lepas itu suami ini dia nak bangun itu payah sikit. Jadi sayalah kena kejutkan sokmo-sokmo dekat mana-mana pun la. So kalau saya duduk jauh pun saya akan call. Kalau anak pun sama, saya akan call, contohnya ya.” (ID 3:41). Manakala PK1 pula menyatakan dengan pendekatan yang ringkas: “Solat? Dah solat ke belum...?” (ID 1:18).

Komunikasi yang melibatkan usaha membangunkan keluarga atau mengingatkan tentang solat menunjukkan bentuk dakwah praktikal yang mesra dan konsisten. Ia berlaku dalam bentuk tindakan harian yang berulang, tetapi mempunyai kesan mendalam dari sudut spiritual dan hubungan kekeluargaan. Malah, menurut Siti Julaiha et al. (2024) amalan seperti zikir pagi dan doa harian selepas solat dapat menanamkan nilai rohani seperti syukur, disiplin dan kesedaran terhadap tanggungjawab agama, terutamanya kepada anak-anak. Kajian ini menunjukkan bahawa rutin spiritual pada waktu pagi dapat menjadi alat komunikasi yang mendidik secara tidak langsung.

Namun demikian, cabaran tetap wujud. Siti Julaiha et al. (2024) turut mencatatkan bahawa antara kesukaran yang dialami dalam mendidik anak mengerjakan solat pagi ialah ketidakmampuan mereka menumpukan perhatian untuk tempoh yang lama dan kurangnya sokongan berterusan dari ibu bapa. Maka, usaha

membangunkan keluarga untuk solat tidak boleh bersifat paksaan atau keras, sebaliknya perlu disampaikan dengan hikmah dan kasih sayang, seperti yang ditunjukkan oleh peserta kajian kajian ini.

Dari sudut kesejahteraan fizikal dan kesihatan, kajian Irfan dan Yaqoob (2024) menyokong bahawa amalan bangun awal selaras dengan waktu solat Subuh dapat meningkatkan kualiti tidur dan membina gaya hidup sihat. Ini menunjukkan bahawa tuntutan agama seperti solat Subuh bukan hanya bernilai ibadah, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan jasmani dan mental ahli keluarga.

Justeru, komunikasi dakwah yang dimulakan dengan membangunkan ahli keluarga dan mengajak kepada solat tidak hanya bertujuan memenuhi tuntutan agama, tetapi turut berfungsi sebagai ruang pembinaan disiplin, ikatan rohani, serta penjagaan kesihatan yang seimbang. Pendekatan ini mencerminkan kebijaksanaan pendakwah wanita dalam menyampaikan mesej Islam dengan hikmah, rutin dan kepekaan terhadap realiti keluarga. Jadual 4.2 memperincikan permulaan komunikasi yang digunakan oleh setiap peserta kajian berdasarkan dapatan temu bual.

Jadual 4.2 Permulaan komunikasi peserta kajian terhadap keluarga

Bil .	Permulaan Komunikasi	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	PK 7	PK 8	PK 9	PK10
1.	Berpesan kepada diri sendiri				√						
2.	Bertanya khabar dan empati		√			√	√			√	√
3.	Berkata baik dan tidak menyakitkan				√	√		√			
4.	Memberi gelaran mesra dan positif		√		√		√	√	√		
5.	Meluah perasaan				√	√					
6.	Bertanya aktiviti harian/perancangan		√	√							
7.	Membangunkan keluarga & solat	√		√							

Sumber: Pengkaji 2025

4.3.2 Perancangan memulakan komunikasi dakwah

Komunikasi dakwah yang berkesan dalam keluarga menuntut bukan sahaja mesej yang tepat dan bersesuaian, tetapi turut memerlukan perancangan awal yang

berhikmah dan strategik. Perancangan ini melibatkan kepekaan terhadap dimensi emosi, psikososial dan sosiobudaya dalam kalangan ahli keluarga agar penyampaian mesej agama dapat dilakukan dalam suasana yang harmoni dan diterima dengan terbuka.

Menurut LeBlanc (2018), komunikasi kekeluargaan berfungsi bukan sekadar untuk pertukaran maklumat, bahkan untuk membina peranan dan identiti keluarga, menyesuaikan diri dengan perubahan, serta mewujudkan rasa kepunyaan dalam kalangan ahli. Komunikasi yang dimulakan dengan pertanyaan ringan atau perhatian terhadap rutin harian misalnya, membantu mengukuhkan interaksi afektif dan meningkatkan kesediaan untuk menerima nasihat atau bimbingan. Dalam konteks ini, peserta kajian menunjukkan pemahaman intuitif terhadap keperluan merancang sebelum menyampaikan dakwah. Dua dimensi utama yang dikenalpasti ialah pertama bertanya perihal diri dan aktiviti ahli keluarga serta kedua menilai kesesuaian emosi dan kesediaan penerima.

a. Bertanya perihal diri ahli keluarga dan mengetahui aktiviti mereka

Beberapa peserta kajian memilih untuk merancang memulakan komunikasi dakwah dengan bertanyakan keadaan atau aktiviti harian ahli keluarga.

Peserta kajian PK1 menyatakan: “Along macam mana sekolah?” “Belajar macam mana?” “Along ada masalah ke?” (ID 1:8). Peserta kajian PK2 pula menggunakan pertanyaan ringan seperti: “Korang buat apa hari ni? Sihat ke hari ni?” (ID 2:10, 2:11). Manakala PK6 menyebut: “Tanya khabar. Umi sihat? Dah makan ke?... Kemudian tanya buat aktiviti apa.” (ID 6:16)

Ayat-ayat ini tidak hanya bersifat sopan dalam perbualan harian, tetapi mencerminkan pendekatan komunikasi interpersonal yang strategik. Menurut West dan Turner (2022), bentuk pertanyaan seperti ini berfungsi sebagai “*checking-in*” iaitu satu strategi awal untuk menilai emosi dan keterbukaan penerima secara halus. Pendekatan ini juga selari dengan model *Person-Centered Communication*, yang mengiktiraf pengalaman, nilai dan keadaan penerima sebagai titik permulaan komunikasi.

Secara kritikal, strategi ini boleh dikategorikan sebagai bentuk “*low-pressure opening*”, iaitu komunikasi yang tidak bersifat memaksa, sebaliknya menjalin hubungan dengan santai dan membina rasa percaya. Pendekatan ini juga mencerminkan sensitiviti afektif peserta kajian terhadap konteks kekeluargaan yang memerlukan komunikasi lebih bersifat emosional berbanding langsung.

Selain itu, peserta kajian turut menggunakan pendekatan *graduated communication*, iaitu memulakan perbualan dengan mesej yang ringan dan berkembang secara bertahap kepada isu yang lebih mendalam. Ujaran PK5 contohnya: “Kita akan tanya dulu lah, okay ke, buat apa. Kita tak terus...” (ID 5:47).

Pendekatan ini menepati prinsip *foot-in-the-door technique* dalam *sequential persuasion*. Pertanyaan kecil yang diterima akan membuka jalan kepada penerimaan mesej yang lebih besar dan mendalam selepasnya (Guadagno 2015). Ini menjadikan komunikasi dakwah tidak bersifat konfrontatif, malah berkembang secara semula jadi.

b. Melihat kesesuaian emosi dan kesediaan ahli keluarga

Selain daripada bertanya khabar, peserta kajian turut menekankan kepentingan menilai kestabilan emosi ahli keluarga sebelum menyampaikan mesej dakwah.

Peserta kajian PK5 menjelaskan: “Kita kena lihat ketika itu keadaannya sihat ke tidak, mood dia okay ke tidak, letih ke lapar ke... Kita tak akan mengganggu dia ketika dia tengah berada di kemuncak emosi itu.” (ID 5:7). Manakala PK10 pula berkata: “Kalau dia baru balik kerja... nampak air muka dia stres... tunggu lepas mandi, solat, atau lepas makan. Itu waktu yang sesuai untuk bincang.” (ID 10:10).

Ungkapan ini menunjukkan peserta kajian mengamalkan meta-komunikasi dalaman, iaitu satu proses reflektif sebelum melaksanakan interaksi sebenar. Ini melibatkan penilaian terhadap faktor luaran dan dalaman seperti emosi, tenaga fizikal, atau isyarat bukan lisan penerima. Menurut Gross (2015), tindakan ini mencerminkan keupayaan *emotional regulation* yang tinggi iaitu kebolehan menyesuaikan ekspresi dan masa komunikasi berdasarkan konteks emosi penerima.

Dari perspektif teori komunikasi, tindakan menangguk komunikasi sehingga waktu yang lebih sesuai merujuk kepada prinsip *kairos*, iaitu pemilihan masa yang paling tepat dalam menyampaikan mesej untuk keberkesanan maksimum. Hal ini menjadi amat signifikan dalam dakwah yang menyentuh aspek rohani dan moral kerana keadaan emosi yang tidak stabil boleh menimbulkan penolakan terhadap mesej yang ingin disampaikan. Lebih menarik, peserta kajian juga menzahirkan keseimbangan antara aspek rasional dan emosi. Sebagai contoh, PK5 menyatakan: “Kalau dah reda baru kita datang.” (ID 5:7). Sementara PK10 menyebut: “Kalau benda tu sensitif... *timing* kena betul.” (ID 10:10).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa meskipun mesej dakwah adalah rasional dan benar, namun waktu penyampaiannya tetap bergantung kepada kesesuaian emosi penerima. Ini penting kerana hubungan kekeluargaan bukan sekadar hubungan rasional, tetapi turut dibentuk oleh keakraban emosi dan sensitiviti psikologi yang tinggi.

Kajian psikologi emosi mendapati bahawa emosi seperti kesedihan atau tekanan akan meningkatkan kebergantungan kepada isyarat sosial untuk mengurangkan ketidakpastian, yang menjadikan ahli keluarga lebih terbuka terhadap bimbingan sekiranya waktunya sesuai (Drace & Efendić 2022). Malah, Suci Rahmadillah dan Laili Alfita (2024) juga menegaskan bahawa wanita seperti dalam konteks kajian ini lebih cenderung menunjukkan kepekaan terhadap dimensi hubungan interpersonal dan menunjukkan kesediaan untuk menangguk komunikasi jika keadaan tidak sesuai.

Perancangan komunikasi dakwah yang ditunjukkan oleh peserta kajian membuktikan gabungan antara strategi dakwah Islam, kecerdasan emosi dan prinsip psikologi komunikasi moden. Ayat-ayat yang digunakan oleh peserta kajian bukan sekadar pertuturan harian, tetapi mencerminkan pemikiran reflektif, sensitiviti sosiobudaya, dan keprihatinan terhadap suasana psikologi keluarga. Strategi komunikasi yang diguna pakai adalah bersifat interaksi afektif yang terancang, dinamik dan bukan satu hala.

Melalui pendekatan yang menggunakan bahasa bertanya, penilaian emosi dan masa yang tepat, komunikasi dakwah dalam keluarga menjadi lebih inklusif dan berkesan. Ini secara langsung mencerminkan kerangka dakwah afektif, yang memberi perhatian kepada cara dan masa penyampaian, bukan hanya isi mesej. Seperti yang ditegaskan dalam Surah al-Nahl ayat 125, dakwah yang dijalankan “*bi al-ḥikmah wa al-mawʿizah al-ḥasanah*” adalah kunci kepada penerimaan dan keberhasilan dalam membentuk keluarga yang harmoni dan berteraskan nilai agama.

4.3.3 Medium komunikasi pendakwah wanita terhadap keluarga

Pemilihan medium komunikasi yang tepat memainkan peranan penting dalam memastikan mesej dakwah dapat disampaikan secara berkesan dalam konteks kekeluargaan. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pendakwah wanita menggunakan pelbagai medium komunikasi dalam menyampaikan mesej dakwah kepada ahli keluarga mereka. Medium ini boleh dikategorikan kepada dua jenis utama, iaitu komunikasi lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non-verbal*).

Komunikasi lisan merangkumi kaedah yang melibatkan pertuturan secara langsung antara pendakwah dengan ahli keluarga. Kaedah lisan ini menunjukkan kecenderungan pendakwah wanita untuk menggunakan pendekatan langsung yang bersifat mesra, sopan dan bersifat terus kepada ahli keluarga. Pendakwah wanita juga memanfaatkan komunikasi bukan lisan sebagai medium dakwah tidak langsung tetapi berkesan. Antara bentuk komunikasi lisan dan bukan lisan yang dikenal pasti dalam dapatan adalah seperti dalam Jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3 Medium komunikasi peserta kajian terhadap keluarga

Jenis Komunikasi		Medium	Penggunaan
Komunikasi Lisan (<i>Verbal</i>)	Lisan	Bercakap secara langsung	• Digunakan dalam situasi harian seperti waktu makan, santai, atau selepas solat berjemaah
		Telefon	• Berhubung apabila berjauhan seperti anak di asrama atau pasangan bekerja luar daerah
		Bersemuka	• Interaksi terus secara fizikal untuk menyampaikan mesej atau teguran berhemah

bersambung...

...sambungan

Komunikasi Bukan Bahasa Badan
Lisan (*Non-Verbal*)

- Sentuhan melalui pelukan, tepukan bahu atau sentuhan tangan sebagai tanda kasih dan menyampaikan mesej
- Ekspresi muka, senyuman, pandangan mata untuk menyampaikan sokongan dan keprihatinan

Panggilan Video

- Menjalin hubungan emosi dan memberi nasihat secara visual apabila berjauhan

Penggunaan Media Sosial
(*WhatsApp/YouTube/Instagram/Facebook/ TikTok*)

- Menghantar teks, hadis, tazkirah atau kata-kata motivasi dalam bentuk mesej
- Menyampaikan mesej dakwah secara kreatif melalui video pendek yang menarik
- Berkongsi video dakwah, motivasi Islamik dan kisah inspirasi dalam konteks kekeluargaan

Sumber: Pengkaji 2025

a. Komunikasi lisan (*verbal*)

Komunikasi secara lisan kekal sebagai kaedah utama dalam mendekati ahli keluarga. Terdapat beberapa bentuk komunikasi lisan yang digunakan oleh peserta kajian. Antaranya adalah bercakap secara langsung, bersemuka dan melalui panggilan telefon.

Seorang peserta kajian menyatakan bahawa komunikasi secara langsung sering digunakan bersama keluarga rapat: “Kalau dengan anak-anak *most* kita akan gunakan *sense* kita lah antaranya lisan, sentuhan. Kalau dengan keluarga rapat tu lah perkara yang kita akan lakukan lah maksudnya menggunakan lisan, menggunakan sentuhan terutamanya.” (ID 4:5).

Komunikasi bersemuka pula biasanya berlaku ketika peserta kajian pulang ke kampung atau menghadiri pertemuan keluarga. Ini digambarkan oleh seorang peserta kajian: “Kalau perlu kita balik kampung, komunikasi secara bersemuka tu, kita balik kampung lah, ziarah. Tengoklah pada ketika-ketika kita lapang, cuci-cuti kita pergilah ziarah belaka ya.” (ID 7:4).

Penggunaan telefon juga sangat dominan dalam kalangan pendakwah wanita, khususnya apabila berjauhan dengan ibu bapa atau ahli keluarga yang lebih tua. Ramai peserta kajian mengakui bahawa mereka akan membuat panggilan secara berkala untuk bertanya khabar, memberi peringatan atau menyampaikan mesej nasihat: “Kalau dengan mak sendiri tu, saya *call* lah. Hari-hari saya *call*.” (ID 1:2). Respon lain, “Mak ayah kandung, banyak *call* lah. Tapi kalau mak ayah mentua ni banyak *WhatsApp*.” (ID 9:5).

Peserta kajian juga peka terhadap waktu komunikasi yang sesuai agar mesej lebih mudah diterima seperti waktu pagi atau malam: “Waktu yang lebih baik... biasanya pagi dan malam untuk orang tua ni.” (ID 5:3).

Hasil dapatan ini memperlihatkan kebijaksanaan peserta kajian dalam menyesuaikan kaedah komunikasi dengan penerima, tahap usia, dan situasi fizikal. Panggilan telefon digunakan bukan sekadar untuk menyampaikan nasihat secara langsung, tetapi juga untuk membina kesinambungan emosi dan menunjukkan keprihatinan secara konsisten. Dapatan ini disokong oleh kajian Dea Milta dan Sholihul Abidin (2023) yang menegaskan bahawa platform komunikasi seperti panggilan suara dan video memainkan peranan penting dalam mengekalkan hubungan kekeluargaan yang erat, terutamanya bagi ahli keluarga yang tinggal berjauhan. Interaksi masa nyata melalui medium ini membolehkan emosi seperti kasih sayang, rindu, dan keprihatinan dizahirkan dengan lebih berkesan, walaupun terdapat halangan jarak geografi.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa komunikasi lisan bukan sekadar satu bentuk penyampaian maklumat, tetapi berperanan sebagai medium pembentukan dan pengukuhan hubungan kekeluargaan yang bersifat emosi, spiritual dan dakwah yang konsisten serta mendalam.

b. Komunikasi bukan lisan (*non-verbal*)

Komunikasi bukan lisan turut memainkan peranan signifikan dalam konteks dakwah kekeluargaan, khususnya apabila mesej perlu disampaikan secara halus atau dalam bentuk emosi tersirat. Dalam kalangan peserta kajian, pelbagai bentuk bukan lisan

dikenal pasti digunakan untuk menyampaikan kasih sayang, perhatian, mahupun mesej keagamaan secara lembut dan bermakna. Antara bentuk komunikasi bukan lisan tersebut termasuklah sentuhan fizikal, ekspresi wajah, nada suara, simbolik makanan, dan media visual digital.

Sebagai contoh, peserta kajian menggunakan sentuhan fizikal bersama anak-anak kecil sebagai ekspresi kasih sayang yang mendalam dan sebagai pintu masuk kepada mesej dakwah: “Dengan anak-anak... kita akan gunakan *sense* kita lah antaranya lisan, sentuhan.” (ID 4:5).

Bagi warga tua pula, komunikasi *non-verbal* lebih bersifat simbolik tetapi signifikan: “Dia pegang tangan kanan. Dia tunjuk Quran. So maknanya dia nak saya sambung baca.” (ID 8:7).

Nada suara dan ekspresi wajah juga digunakan sebagai medium yang membawa makna mendalam dalam komunikasi dakwah secara tidak langsung. Seorang peserta kajian menjelaskan: “Nada memainkan peranan penting... sebenarnya komunikasi *non-verbal* ni lebih dipercayai dan lebih didengar.” (ID 10:7).

Dapatan ini menunjukkan bahawa nada suara yang tenang, lembut dan tidak menghakimi boleh membina suasana positif untuk penyampaian nasihat. Kajian Sarrah Hasyim dan Rose Mini Agoes (2020) turut menegaskan bahawa ekspresi emosi yang sesuai dan empati dalam komunikasi keluarga amat penting untuk kestabilan emosi dan perkembangan psikologi, khususnya dalam hubungan rapat seperti ibu bapa dan anak.

Dalam aspek makanan sebagai medium simbolik, peserta kajian menggunakan pendekatan menyediakan makanan kegemaran sebagai tanda perhatian dan kasih sayang: “Saya masak lauk yang dia suka... dari situ kita boleh mula berbual.” (ID 3:5). Respon lain, “Kadang kita beri makanan tu isyarat kita sayang, kita ambil berat.” (ID 6:11)

Pendekatan ini selari dengan kajian Maya Meilan Sumarna dan Rosalia Prismarini Nurdiarti (2020) yang menyatakan bahawa dalam hubungan keluarga,

makanan berfungsi sebagai alat komunikasi bukan lisan yang menyampaikan perhatian, penjagaan, dan nilai budaya secara tersirat.

Selain bentuk interaksi fizikal dan emosi, peserta kajian juga memanfaatkan teknologi komunikasi moden seperti *WhatsApp* dan *TikTok* untuk menyampaikan mesej dakwah dalam bentuk visual, audio dan teks yang bersifat tidak langsung. Walaupun platform ini biasanya dikaitkan dengan komunikasi lisan, penggunaannya yang bergantung kepada teks, emoji, video, dan imej meletakkannya dalam kategori komunikasi bukan lisan dalam konteks ini.

Sebagai contoh, PK1 menyatakan: “Memang selalu kita WhatsApp dulu, and then, kita bincanglah.” (ID 1:19). PK2 turut menambah: “Telefon tetap telefon... tapi memang tiap kali akan WhatsApp, tanya khabar.” (ID 2:10). Manakala PK7 menjelaskan: “Kalau hantar peringatan-peringatan, *TikTok* yang bagus-bagus.” (ID 7:5). PK7 juga berkata, “Tazkirah, *forward* isu apa-apa video apa-apa, lepas tu kita buat lah ulasan sikit... tapi kalau nak menegur kesilapan kita kena *call* ataupun kena jumpa lah.” (ID 7:6)

Pendekatan ini mencerminkan kemahiran dakwah digital para peserta kajian. Kaedah penyampaian disesuaikan dengan generasi muda atau ahli keluarga yang lebih responsif kepada pendekatan visual dan konten digital. Kajian Klymenko (2021) mengesahkan bahawa media komunikasi moden seperti video pendek dan mesej multimedia dapat memperkukuh hubungan antara generasi dan menyampaikan nilai dengan lebih santai tetapi berkesan.

4.3.4 Topik perbualan bersama ahli keluarga

Perbualan dalam keluarga merangkumi pelbagai topik yang berfungsi bukan sahaja sebagai saluran komunikasi harian, tetapi juga sebagai medium penting dalam membentuk identiti, nilai dan hubungan kekeluargaan. Komunikasi ini berperanan sebagai wadah untuk menyampaikan mesej dakwah secara tidak langsung, melalui suasana yang lebih santai dan semula jadi. Menurut LeBlanc (2018), keluarga lazimnya terlibat dalam perbualan berkaitan aktiviti harian, perancangan masa

hadapan dan perkongsian pengalaman, yang bukan sahaja membantu menyusun peranan keluarga tetapi turut mengukuhkan hubungan emosi antara ahli.

Perbualan keluarga memainkan pelbagai fungsi seperti mengurus kehidupan harian, memupuk identiti, menyampaikan nilai, dan juga berfungsi sebagai saluran menguruskan cabaran sosial dan psikologi. Dalam konteks komunikasi dakwah keluarga, perbualan menjadi strategi utama untuk menyampaikan mesej secara halus, bersahaja dan lebih mudah diterima tanpa menimbulkan tekanan atau rasa terpaksa. Seperti yang dijelaskan oleh Tannen et al. (2007), perbincangan tentang isu kehidupan, kepercayaan dan pengalaman harian membantu membina identiti kolektif keluarga dan memperkukuh nilai bersama. Bahkan, topik-topik tertentu yang dianggap sensitif seperti isu sosial, pendidikan atau kematian cenderung menuntut kepekaan yang lebih tinggi dalam penyampaiannya (Baxter & Akkoor 2011).

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian menjadikan perbualan harian sebagai medium penyampaian dakwah dalam pelbagai bentuk, merangkumi lima kategori utama iaitu agama dan nilai murni, kehidupan harian dan tanggungjawab keluarga, emosi dan sokongan moral, pendidikan dan pembangunan diri serta isu semasa dan kesedaran sosial. Senarai dalam Jadual 4.3 berikut memperincikan topik-topik utama yang dikenalpasti melalui temu bual:

Jadual 4.3 Topik-topik perbualan peserta kajian dalam keluarga

Bil.	Topik Perbualan	Kategori
1.	Nasihat Agama	Agama / Nilai Murni
2.	Perihal Ibadah	
3.	Perihal Adab	
4.	Perihal Agama	
5.	Motivasi	Emosi / Sokongan Moral/ Psikologi
6.	Perihal Emosi	
7.	Perihal Aktiviti Harian	Kekeluargaan/ Perhubungan/ Tanggungjawab
8.	Perihal Anak-anak	
9.	Perihal Rumah Tangga	
10.	Perihal Kebajikan Ibu Bapa	
11.	Perihal Kebajikan Keluarga	

bersambung....

...sambungan

12. Perihal Perkembangan Sosial Anak-anak	Pendidikan Anak / Sosial/ Pembangunan Diri
13. Perihal Perkembangan Diri Ahli Keluarga	
14. Perihal Pembelajaran	
15. Perihal Perancangan Aktiviti	Perancangan Keluarga / Masa
16. Perihal Kerjaya	Kerjaya / Aspirasi
17. Perihal Politik	Isu Semasa / Masyarakat/ Sosial
18. Perihal Isu Semasa	
19. Perihal Kematian	Kesedaran Agama / Kehidupan
20. Perihal Rutin Harian	Kehidupan Sehari-hari/ Gaya Hidup / Kesihatan
21. Perihal Penjagaan dan Penampilan Diri	
22. Perihal Makanan	
23. Kenderaan	
24. Perihal Melahirkan dan Menyusukan	Minat / Aktiviti
25. Perihal Minat Memasak	
26. Perihal Minat Menanam	
27. Perihal Peristiwa yang Berlaku	Sosial / Harian

Sumber: Pengkaji 2025

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa komunikasi dakwah dalam keluarga tidak terhad kepada topik agama semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kehidupan yang luas. Ini menjadikan dakwah lebih alami, tidak memaksa, dan relevan dengan konteks semasa ahli keluarga.

Kesimpulannya, komunikasi bukan lisan yang diamalkan oleh para peserta kajian memperlihatkan kepekaan mereka terhadap suasana emosi, keperluan fizikal, dan kesediaan penerima mesej. Dengan penggunaan strategi seperti sentuhan, ekspresi wajah, makanan, serta teknologi komunikasi moden, mesej dakwah disampaikan dengan penuh kasih sayang, sensitiviti, dan kebijaksanaan sejajar dengan prinsip hikmah dalam dakwah kekeluargaan.

4.4 ANALISIS BERKAITAN JENIS-JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH

Dalam menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga, pendakwah wanita tidak hanya bergantung kepada isi kandungan mesej semata-mata, malah mereka turut menitikberatkan pendekatan pengungkapan atau gaya penyampaian dakwah. Gaya

pengungkapan dakwah ini merangkumi aspek humor, psikologi dan persuasif, yang secara langsung memberi kesan kepada penerimaan dan kefahaman penerima dakwah dalam kalangan ahli keluarga.

Hasil temu bual mendapati bahawa penggunaan gaya pengungkapan ini dilakukan secara bijaksana, bergantung kepada konteks komunikasi, personaliti ahli keluarga, umur, sensitiviti situasi dan matlamat dakwah yang ingin dicapai. Terdapat tiga jenis utama pengungkapan dakwah yang dikenal pasti, iaitu pengungkapan berasaskan humor, pengungkapan psikologi, dan pengungkapan persuasif.

4.4.1 Humor dalam pengungkapan dakwah

Penggunaan humor dalam komunikasi dakwah kekeluargaan dikenal pasti sebagai satu pendekatan yang sangat strategik dan berkesan oleh pendakwah wanita. Humor bukan sahaja menceriakan suasana, malah turut berperanan sebagai pelantar awal untuk menyampaikan teguran secara berhemah. Menurut Burgos et al. (2025), humor adalah penting dalam komunikasi sehari-hari, membantu individu menyampaikan emosi dan membentuk hubungan yang baik. Hasil daripada analisis temu bual mendalam bersama peserta kajian, pengkaji telah mengenal pasti empat tema utama berkaitan penggunaan humor dalam dakwah keluarga, iaitu kepentingan gurauan dalam dakwah keluarga, kesesuaian humor dalam penyampaian mesej dakwah, reaksi penerimaan mesej dakwah melalui humor dan batasan gurauan dalam dakwah. Keempat-empat tema ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian ini bagi memahami bagaimana humor digunakan secara berstrategi oleh pendakwah wanita untuk menyampaikan dakwah secara hikmah dalam institusi keluarga.

a. Kepentingan gurauan dalam komunikasi dakwah

Gurauan merupakan elemen penting dalam komunikasi kekeluargaan yang berkesan, khususnya apabila mesej dakwah ingin disampaikan dengan pendekatan berhemah. Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian mengenal pasti bahawa elemen gurauan bukan sahaja mampu mengurangkan ketegangan, malah berperanan dalam meningkatkan keterbukaan komunikasi dan membina suasana harmoni dalam keluarga. Antara kepentingan gurauan yang dikenal pasti termasuklah:

i. Ahli keluarga lebih terbuka menerima teguran

Ramai peserta kajian menekankan bahawa humor dan gurauan adalah elemen penting untuk memudahkan penerimaan mesej nasihat, khususnya apabila menyentuh isu sensitif. Humor berfungsi sebagai pengantar yang melembutkan suasana dan menjadikan mesej lebih mudah diterima.

PK5 menyatakan: “Gurau itu memang kena keutamaan lah dalam keluarga. Sebab walaupun kita nak tegur dia, tapi kalau kita mula dengan gurauan sebenarnya dia lebih terbuka untuk menerima berbanding kalau serius sangat... sukar nak absorb benda tu.” (ID 5:20). Peserta kajian PK10 turut menambah: “Kalau menegur dalam bentuk humor, gurau-gurau jadi mungkin anak-anak kita akan rasa lebih terbuka dan tak terasa hati sangat.” (ID 10:19).

Pendekatan ini selari dengan penemuan Moon dan Lee (2024) yang membuktikan bahawa ketawa dan humor mempunyai kesan langsung dalam menurunkan gangguan mood dan mengurangkan tekanan psikologi, bukan sahaja dalam persekitaran kesihatan tetapi juga dalam hubungan interpersonal. Dalam konteks kekeluargaan, humor berperanan sebagai pelindung emosi dan saluran pengurusan emosi yang bijak, membolehkan mesej dakwah disampaikan tanpa mencetuskan konflik atau penolakan.

ii. Mewujudkan suasana yang mesra, selesa dan santai

Selain daripada membantu dalam penyampaian nasihat, peserta kajian juga menekankan bahawa gurauan adalah komponen penting dalam membina suasana kekeluargaan yang positif. Ia mewujudkan persekitaran komunikasi yang tidak terlalu formal, serta meningkatkan kesediaan ahli keluarga untuk berinteraksi secara terbuka.

Sebagai contoh, PK6 menyatakan: “Penting jugalah supaya takdelah komunikasi tu sama *tone* je, serius je.” (ID 6:26). Manakala PK10 menjelaskan: “Bila kita bergurau ni kita dapat mencipta suasana yang lebih mesra dan santai sebenarnya.” (ID 10:17). PK3 pula menegaskan: “Bila kita mudah bergurau, anak pun dia selesa nak bercerita. Bila ada gurauan ketegangan itu kurang terasa.” (ID 3:69). PK8

menambah bahawa gurauan bukan hanya relevan bersama anak-anak, tetapi turut berkesan dengan ahli keluarga pelbagai generasi: “Perlu lah ada gurau senda dalam *family* ni dengan suami, dengan anak-anak, dengan cucu, hatta dengan orang tua pun kita gurau-gurau kan untuk menceriakan suasana.” (ID 7:17).

Ulasan ini disokong oleh dapatan Fiadotava (2022) yang menekankan bahawa kanak-kanak sering menjadi pemula kepada humor dalam keluarga, sekaligus mencipta naratif bersama dan mencabar batas kuasa secara tidak langsung, tetapi membina. Hal ini memperkuat jalinan emosi antara ahli keluarga dan memperlihatkan komunikasi yang dinamik dan saling menerima.

Tambahan pula, kajian Ohira dan Ichiki (2022) menunjukkan bahawa ketawa memberi manfaat besar terhadap kesihatan kardiovaskular dan kesejahteraan hidup secara umum. Dalam konteks kekeluargaan, ia berperanan sebagai penyangga terhadap tekanan emosi harian, menjadikan gurauan sebagai mekanisme semula jadi dalam mengekalkan keseimbangan psikologi dan memperkuat institusi keluarga.

Keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa gurauan tidak hanya berfungsi sebagai hiburan, malah merupakan strategi komunikasi dakwah yang efektif. Ia mampu melembutkan hati penerima, menstabilkan emosi, serta mencipta ruang komunikasi yang lebih terbuka dan menyentuh hati, selaras dengan prinsip *bi al-hikmah wa al-maw[‘]izah al-ḥasanah* yang digariskan dalam Surah al-Naḥl ayat 125.

b. Kesesuaian humor dalam penyampaian mesej dakwah

Walaupun humor berperanan positif dalam komunikasi kekeluargaan, para pendakwah wanita dalam kajian ini menunjukkan sensitiviti yang tinggi terhadap kesesuaian konteks sebelum menggunakannya sebagai medium dakwah. Penggunaan humor tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya dinilai berdasarkan tahap keakraban, penerimaan emosi, dan sensitiviti mesej yang ingin disampaikan. Hal ini bersesuaian dengan prinsip dakwah secara hikmah, yang mengutamakan kebijaksanaan dalam pendekatan dan penghantaran mesej.

Sebagai contoh, peserta kajian PK2 menyatakan kepentingan menggunakan pendekatan yang sesuai untuk mengelakkan salah faham: “Bergurau ni sebenarnya kalau diikutkan bagus... Bagus la kalau ada cara dia, kena dengan cara. Sebab bila kalau kita terlalu serius, orang ambil serius dengan kita.” (ID 2:55). Begitu juga dengan peserta kajian PK8 yang menjelaskan keperluan memahami konteks hubungan sosial sebelum bergurau: “Orang yang dekat dengan kita (keluarga terdekat) boleh faham kita... Orang yang kita tak kenal jangan kita bergurau sebab kita tak tahu tahap mana dia boleh terima.” (ID 8:18).

Sebahagian peserta kajian berpandangan bahawa penggunaan humor tidak sesuai bagi mesej yang bersifat prinsipil dan serius seperti adab atau ibadah seperti PK4 dan PK7. Pendekatan yang lebih serius dan berhemah dianggap lebih tepat agar mesej tidak disalah tafsir atau menjadi tidak dihormati: “Kalau bab menegur tentang adab... biasanya saya tak guna pendekatan humor... adab ni bukan benda yang boleh ada negosiasi.” (ID 4:46). “Tak sesuailah... nak tegur anak, kena *straight to the point*, bukan gurau.” (ID 7:20).

Dapatan ini selaras dengan pendekatan dakwah *qaṣidah al-aḥwāl* yang menekankan keperluan menyesuaikan kaedah dakwah dengan keadaan dan individu sasaran. Pendakwah yang peka terhadap konteks dapat mengelakkan potensi penolakan mesej serta mengekalkan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Kajian Fiadotava (2022) turut menegaskan bahawa humor dalam interaksi keluarga bergantung kepada konteks sosial dan sensitiviti emosi antara ahli, agar tidak mencetuskan ketegangan.

Bagi memperlihatkan keselarasan pandangan peserta kajian terhadap isu ini, Jadual 4.5 berikut memaparkan secara terperinci kecenderungan setiap peserta kajian sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap kesesuaian penggunaan humor dalam komunikasi dakwah kekeluargaan.

Jadual 4.5

Pandangan peserta kajian terhadap kesesuaian humor dalam keluarga

Bil.	Peserta kajian	Sesuai	Tidak Sesuai	Pernyataan
1.	PK1		√	Kalau mesej serius tu tak sesuai ada humor. (ID 1:35)
2.	PK2	√		Bergurau ni sebenarnya kalau diikuti bagus... bila kita terlalu serius, orang ambil serius dengan kita. (ID 2:55)
3.	PK3	√		Bila kita educate orang kita kena ada unsur yang orang rasa selesa... Ada kita boleh bergurau, tapi ada limit. (ID 3:69)
4.	PK4		√	Kalau bab menegur tentang adab... biasanya saya tak guna pendekatan humor. (ID 4:46)
5.	PK5	√		Gurau itu memang kena keutamaan... mula dengan gurauan lebih terbuka untuk menerima. (ID 5:20)
6.	PK6	√		Dalam keluarga kami sentiasa bergurau sebab suami akak orang yang sangat suka bergurau. (ID 6:24)
7.	PK7		√	Tak sesuai... nak tegur anak, kena <i>straight to the point</i> , bukan gurau. (ID 7:20)
8.	PK8	√		Ada masanya sesuai, ada masanya tidak sesuai... jangan bergurau kalau tak kenal tahap penerimaan. (ID 8:18)
9.	PK9	√		Kena tengok karakter... ada orang terima dalam gurau, ada yang tidak. (ID 9:20)
10.	PK10	√		Kalau buat dalam bentuk elemen humor, anak-anak akan rasa lebih terbuka dan tak terasa hati sangat. (ID 10:19)

Sumber: Pengkaji 2025

Kesimpulannya, penggunaan humor dalam dakwah kekeluargaan bukan sahaja memerlukan kepekaan terhadap isi mesej, tetapi juga terhadap konteks hubungan dan emosi penerima. Strategi ini jika digunakan secara bijak, boleh menjadi pemudah cara kepada penyampaian mesej yang lembut, santai dan berkesan. Namun jika digunakan pada tempat yang tidak sesuai, ia boleh mengurangkan keseriusan mesej yang ingin disampaikan.

c. Reaksi penerimaan mesej dakwah melalui humor

Penggunaan humor dalam komunikasi dakwah kekeluargaan bukan sahaja memberi kesan kepada suasana perbualan, bahkan turut mempengaruhi tahap penerimaan mesej yang disampaikan. Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian melaporkan bahawa pendekatan gurauan berupaya melembutkan hati, meredakan pertahanan emosi, serta menjadikan mesej agama atau moral lebih mudah diterima oleh ahli keluarga. Tiga

reaksi utama terhadap penggunaan humor dikenal pasti dalam kalangan peserta kajian iaitu mudah berlapang dada, mudah menerima mesej, dan menunjukkan kesan jangka panjang terhadap perubahan tingkah laku.

i. Mudah berlapang dada

Penggunaan humor dalam komunikasi kekeluargaan terbukti meningkatkan keterbukaan emosi. Sebagai contoh, dalam kajian León-del-Barco et al. (2022) humor ibu bapa dinyatakan sebagai faktor pelindung terhadap masalah emosi dan tingkah laku dalam kalangan anak-anak. Gaya komunikasi yang positif dan ringan ini mendorong anak untuk merasa selamat secara psikologi, membolehkan mereka memberi respon yang lebih tenang dan tidak defensif terhadap teguran atau panduan. Beberapa peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan humor dalam dakwah keluarga membantu mengurangkan tekanan dan membuka ruang komunikasi yang lebih santai. Kesan ini turut dikesan apabila ahli keluarga menunjukkan reaksi yang positif, seperti tersenyum atau ketawa, sekaligus menandakan keterbukaan terhadap teguran.

Sebagai contoh, PK6 menggambarkan reaksi anaknya selepas menerima teguran dengan nada berseloroh: “Akak nampak sampailah. Dia terima ditegur. Reaksinya, dia senyum, dia gelak.” (ID 6:29). Sementara itu, PK10 menjelaskan bahawa humor mengelakkan anak-anak daripada terasa hati apabila ditegur, lalu menjadikan mereka lebih terbuka untuk mendengar: “Kalau buat dalam bentuk humor, gurau-gurau jadi mungkin anak-anak kita akan rasa lebih terbuka dan tak terasa hati sangat.” (ID 10:19).

Pendekatan ini menunjukkan bahawa humor dapat bertindak sebagai “*buffer*” psikologi dalam menyampaikan mesej yang berpotensi mencetuskan penolakan jika disampaikan secara langsung. Peserta kajian yang menyatakan anak-anak akan senyum, gelak, dan tidak terasa hati apabila mesej disampaikan dalam bentuk gurauan adalah manifestasi reaksi berlapang dada yang selaras dengan manfaat emosi yang dijelaskan dalam kajian tersebut. Kajian oleh Moon dan Lee (2024) turut mengesahkan bahawa ketawa mampu mengurangkan gangguan mood dan keletihan dalam situasi tekanan tinggi, serta meningkatkan penerimaan emosi dalam kalangan

penerima mesej. Maka, dalam konteks kekeluargaan, humor menjadi alat pelembut suasana yang menyumbang kepada kestabilan komunikasi.

ii. Mudah menerima mesej

Dalam bahagian ini, pendekatan bergurau dilihat memudahkan mesej dakwah disampaikan dan diterima, terutama dalam konteks ibu bapa-anak. Kajian oleh Liu (2019) menggariskan bahawa gaya humor ibu bapa memberi kesan langsung kepada perkembangan persepsi anak terhadap peraturan, emosi, dan keakraban hubungan. Ini menunjukkan bahawa apabila ibu bapa menggunakan pendekatan humor yang selaras dengan tahap emosi anak, mesej menjadi lebih mudah difahami dan diterima. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan humor memudahkan mesej dakwah difahami dan diterima, terutama dalam kalangan anak-anak.

Sebagai contoh, PK5 berkongsi bahawa gurauan membolehkan anaknya membuat refleksi terhadap kesalahan dan cepat berubah: “Dia akan ketawa... lepas itu dia larilah dan dia buat lah perkara tersebut. Dia terima lah gurauan tersebut... dia dapat refleks sebab benda-benda serius ni, diujung ni dia nak refleks balik dan cepat berubah.” (ID 5:27). PK9 pula menekankan pendekatan yang lebih lembut dan penuh kasih sayang selepas gurauan: “Selepas kita bergurau... kita cakap dengan nada yang rendah, dengan pelukan... dia senang.” (ID 9:22).

Kedua-dua petikan ini menunjukkan bahawa humor membuka laluan kepada komunikasi berkesan, yang kemudiannya diperkukuh dengan pendekatan empatik seperti pelukan, nada lembut, dan kata-kata positif. Peserta kajian jelas menunjukkan bahawa selepas bergurau, anak menjadi lebih responsif secara positif mereka dapat membuat refleksi (PK5) dan menerima dengan baik apabila digandingkan dengan pelukan dan nada rendah (PK9). Ini menepati dapatan Liu (2019) tentang hubungan antara gaya humor ibu bapa dengan penerimaan dan perkembangan emosi anak. Menurut kajian Fiadotava (2022), humor dalam keluarga sering menjadi medium pengukuhan hubungan, dan berfungsi bukan sahaja untuk meredakan ketegangan tetapi juga menyampaikan nilai secara berlapis. Ia mengurangkan hierarki kuasa dan menjadikan penyampaian mesej lebih humanistik dan mesra.

iii. Takut untuk mengulangi tingkah laku tidak baik

Kajian Zink (1988) memberikan dimensi psikologi yang lebih mendalam apabila menjelaskan bahawa interaksi humor antara ibu bapa dan anak sejak kecil membina asas emosi dan tingkah laku anak dalam jangka panjang. Humor berfungsi sebagai medium disiplin tidak langsung yang membina kesedaran diri, bukan tekanan luaran. Reaksi ketiga yang dikenal pasti ialah apabila humor digunakan untuk menyampaikan mesej dalam bentuk acahan atau sindiran ringan, ia meninggalkan kesan psikologi yang menjadikan penerima tidak mahu mengulangi kesalahan. Dalam hal ini, mesej tidak disampaikan secara mengancam tetapi dalam bentuk yang difahami oleh emosi kanak-kanak.

Contohnya, PK1 menggunakan pendekatan sinikal dengan nada bergurau untuk menyampaikan mesej tentang dosa: “Ha ni kalau tak buat ni kang, masuk api neraka... Ha umi tinggal je, umi babai je daripada syurga.” (ID 1:34). PK2 turut menggunakan acahan terhadap anaknya dalam bentuk humor lembut: “Muhammad, ibu bagi adik kat orang ya?”... Dia terus tak buat dah, dia cakap ‘okay, okay, okay’.” (ID 2:54).

Walaupun pendekatan ini bersifat jenaka, ia berjaya membentuk kesedaran dan refleksi dalam diri anak terhadap akibat perbuatan mereka. Dapatan kajian mendapati anak-anak mengubah tingkah laku selepas gurauan acahan seperti “nak masuk neraka ke?” atau “nak bagi adik kat orang?” menunjukkan kesan dalaman yang tercetus bukan kerana ketakutan semata-mata, tetapi melalui pemahaman akibat secara simbolik yang sesuai dengan tahap emosi kanak-kanak. Menurut laporan Ohira dan Ichiki (2022), humor bukan sahaja memberi manfaat kesihatan emosi dan psikologi, tetapi juga mampu mendorong perubahan tingkah laku secara positif melalui mekanisme kognitif yang lebih santai dan tidak mengancam. Dalam konteks ini, pendekatan dakwah melalui humor dilihat berkesan dalam menangani kesilapan tanpa mencetuskan rasa bersalah yang keterlaluan.

Dapatan ini mengesahkan bahawa humor bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan dalam keluarga, tetapi berperanan sebagai medium strategik dalam menyampaikan mesej dakwah secara psikologikal dan afektif. Keupayaan peserta

kajian untuk menyesuaikan humor dengan mesej dan konteks menunjukkan kematangan emosi serta kefahaman mendalam terhadap dakwah secara berhemah dalam institusi keluarga.

Secara tidak langsung, pendekatan ini selari dengan nilai *al-maw'izah al-hasanah* dan *qaṣad al-aḥwāl* dalam prinsip dakwah Islamiah yang menekankan penyampaian bersesuaian dengan keadaan, emosi dan penerima. Maka, humor bukan sekadar strategi pelengkap, tetapi merupakan elemen penting dalam membina jalinan dakwah yang empatik dan lestari dalam rumah tangga moden.

d. Batasan gurauan dalam komunikasi

Walaupun humor mempunyai potensi untuk menjadi medium yang berkesan dalam menyampaikan dakwah secara mesra dan tidak konfrontatif, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaannya perlu disertai dengan kesedaran batasan etika dan emosi. Pendakwah wanita dalam kajian ini sangat peka terhadap keperluan untuk menjaga maruah, sensitiviti emosi dan integriti agama apabila berinteraksi secara bersahaja dengan ahli keluarga. Sebagaimana dinyatakan oleh Lin (2024), ketawa bukan sahaja memupuk ikatan sosial, tetapi dalam konteks tertentu juga dapat menyampaikan jarak sosial, menjaga imej diri, atau menjadi mekanisme peralihan dari situasi yang memalukan. Ini menunjukkan bahawa ketawa tidak semestinya menandakan penerimaan atau keintiman dalam sesetengah keadaan, ia mungkin menjadi petunjuk tidak selesa atau cubaan menghindari konflik secara halus.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian berhati-hati terhadap empat bentuk gurauan yang dianggap tidak sesuai dalam konteks dakwah keluarga, iaitu gurauan erotik atau lucu, gurauan yang menyentuh sensitiviti emosi atau fizikal, gurauan yang menjatuhkan maruah, dan gurauan dalam isu agama.

i. Gurauan erotik atau lucu

Pendakwah wanita menolak sebarang bentuk gurauan berunsur erotik atau lucu kerana ia dianggap tidak beretika dan tidak sesuai dalam konteks kekeluargaan, apatah lagi dalam penyampaian dakwah.

Peserta kajian PK1 menegaskan: “Lucah tu tak naklah.” (ID 1:41). PK7 pula mengulas: “Kadang-kadang sampai yang porno pun dijadikan gurauan... sampai memalukan.” (ID 7:21).

Gurauan sebegini bukan sahaja bertentangan dengan adab Islam, malah boleh mencetuskan rasa malu, jijik, atau merosakkan rasa hormat, seterusnya menjejaskan keberkesanan mesej dakwah.

ii. Menyentuh sensitiviti fizikal, emosi atau sosial

Gurauan yang menyentuh isu sensitif seperti bentuk badan, warna kulit, sejarah peribadi atau situasi perkahwinan juga dikenalpasti sebagai tidak sesuai. Ini kerana ia boleh menyentuh titik kelemahan penerima dan menimbulkan rasa tersinggung atau tercabar.

PK9 menjelaskan: “Jangan nak sebut akak ni malas ke, akak ni gemuk ke, akak kurang selesa... menyentuh fizikal dan juga perangai seseorang.” (ID 9:21). PK6 turut menyatakan: “Maksudnya pada akak benda tu benda yang dia sensitif... so akak tak buat lawak lah.” (ID 6:32).

Gurauan yang kelihatan ringan pada pandangan pemberi mungkin memberi impak psikologi yang dalam kepada penerima, selaras dengan dapatan Fiadotava (2022) yang menyatakan bahawa humor yang tidak sesuai boleh mencabar hierarki kuasa dan emosi dalam keluarga.

iii. Menjatuhkan maruah atau mengaibkan

Dalam konteks dakwah, menjaga maruah ahli keluarga menjadi keutamaan. Gurauan yang memperlekeh, mengejek, atau dilakukan di hadapan khalayak boleh membawa kepada penghinaan dan kecederaan emosi, meskipun disampaikan dalam nada bergurau.

PK6 menyebut: “Jangan depan orang ramai... jangan sampai memalukan.” (ID 6:31). PK10 menegaskan: “Jangan menjatuhkan maruah, gurauan orang rasa kecil hati.” (ID 10:18).

Kajian León-del-Barco et al. (2022) menyatakan bahawa humor ibu bapa yang menjatuhkan harga diri anak-anak boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan tingkah laku mereka, yang seterusnya menghalang penerimaan terhadap nasihat atau dakwah.

iv. Gurauan dalam isu agama

Isu berkaitan aqidah, hukum, atau institusi agama dianggap terlalu serius untuk dijadikan bahan jenaka, walaupun niat asal hanya untuk mencairkan suasana. Peserta kajian menyatakan bahawa gurauan dalam hal agama boleh menimbulkan kekeliruan atau mencemarkan kesucian mesej dakwah.

PK1 menjelaskan: “So, kita kena elaboration tu, masa tu humor tak boleh pakai dah.” (ID 1:42). PK3 pula ringkas menyatakan: “Benda-benda agama tak boleh.” (ID 3:73).

Ini menunjukkan bahawa dakwah perlukan garis batas yang jelas antara usaha meraih perhatian dan menjaga kemuliaan syariat. Seperti mana dinyatakan oleh Liu (2019), kanak-kanak atau ahli keluarga muda sangat dipengaruhi oleh konteks dan gaya penyampaian; maka, humor dalam isu agama boleh mengaburkan makna sebenar jika tidak disampaikan dengan berhikmah.

Keseluruhan dapatan ini menegaskan bahawa penggunaan humor dalam dakwah kekeluargaan mestilah berpaksikan prinsip adab, empati, dan kesedaran konteks. Walaupun humor mampu membuka ruang komunikasi dan melembutkan hati, kegagalan mengawal batasnya boleh merosakkan mesej dan menjejaskan hubungan kekeluargaan. Pendakwah wanita yang berkesan ialah mereka yang bukan sahaja bijak memilih kata, tetapi juga sensitif terhadap emosi, latar sosial, dan nilai yang ingin dijaga.

4.4.2 Psikologi dalam pengungkapan dakwah

Dalam konteks dakwah keluarga, psikologi memainkan peranan penting sebagai asas strategi komunikasi yang berkesan. Pendakwah wanita dalam kajian ini telah menunjukkan pelbagai bentuk pengaplikasian psikologi dalam menyampaikan mesej dakwah kepada ahli keluarga. Psikologi yang dimaksudkan merujuk kepada kepekaan terhadap perasaan, kepercayaan, emosi, latar belakang, dan konteks interaksi, yang mempengaruhi penerimaan terhadap mesej dakwah.

Selari dengan Teori Pujukan dan Model Kemungkinan Penjelasan (ELM) dalam kajian Malik Ibrahim et al. (2023), keberkesanan sesuatu mesej banyak bergantung pada kesesuaian pendekatan dengan cara berfikir dan kepercayaan dalam komunikasi (Popescu 2012). Selain itu, Teori Disonansi Kognitif (*Cognitive Dissonance Theory*) menjelaskan bahawa seseorang akan mengalami ketidakselesaan mental apabila menerima mesej yang bercanggah dengan pegangan atau emosi semasa (Harmon-Jones 2019). Oleh itu, pengaturan strategi dakwah secara berhemah dan berlandaskan psikologi dapat membantu mengurangkan konflik serta meningkatkan penerimaan. Lima bentuk utama pendekatan psikologi yang dikenalpasti digunakan oleh peserta kajian adalah seperti berikut:

a. Memilih waktu yang sesuai untuk berbicara atau menegur

Pendakwah wanita dalam kajian ini amat menitikberatkan pemilihan waktu yang sesuai sebagai kunci kepada keberkesanan penyampaian mesej dakwah. Masa yang tidak sesuai boleh mengakibatkan mesej ditolak, atau lebih buruk, menimbulkan konflik. Sebaliknya, masa yang dipilih dengan bijaksana dapat menyediakan komunikasi secara emosi dan kognitif untuk menerima mesej.

Sebagai contoh, PK1 menyatakan: “Kalau benda yang serius, saya akan tanya: ‘Kita boleh duduk sekali tak bang? Bincang sekali benda ni...’ (ID 1:43). Frasa “boleh duduk sekali tak” berfungsi sebagai isyarat awal untuk mendapatkan persetujuan emosi dan kognitif daripada pasangan sebelum memulakan perbincangan serius. Ini selaras dengan strategi mengurangkan disonansi. Penyampai tidak terus menyampaikan mesej, sebaliknya membuka ruang kesediaan agar tidak berlaku reaksi

defensif. Tindakan ini menunjukkan penghormatan terhadap ruang psikologi penerima dan memberi peluang kepada penerima untuk bersedia dari segi mental dan emosi.

PK8 pula menyatakan: “Saya tahu masa yang sesuai... Saya tak pilih *call*, saya pilih tulis mesej. Saya pilih ketika dia sedang tidur dan di sini waktu siang.” (ID 8:16). Frasa “saya tak pilih *call*, saya pilih tulis mesej” dan “ketika dia sedang tidur” mencerminkan pemilihan medium dan masa yang penuh pertimbangan. Berdasarkan teori ELM, pemilihan mesej bertulis pada waktu yang sunyi dan tidak mengganggu menunjukkan penggunaan laluan periferi, iaitu strategi mempengaruhi emosi penerima dalam keadaan tenang. Kaedah ini juga mengelakkan konfrontasi dan membolehkan mesej ditafsirkan tanpa tekanan masa atau konflik emosi.

b. Memanggil dengan panggilan manja

Pendekatan memanggil dengan panggilan manja adalah satu bentuk komunikasi afektif yang menghubungkan mesej dakwah dengan suasana kasih sayang dan keintiman. Teknik ini bukan sahaja memperhalus nada komunikasi, tetapi juga mewujudkan keakraban yang membuka ruang bagi penerimaan nasihat.

Sebagaimana disebut oleh PK2: “Mahfuzah, Mahfuzah.. Okay ke tak?” (ID 2:21). Pengulangan nama dalam nada lembut seperti “Mahfuzah, Mahfuzah” menggambarkan keprihatinan dan kasih sayang. Berdasarkan Teori Interaksi Simbolik, panggilan seperti ini membawa makna sosial yang tersirat. Ia bukan sekadar menyebut nama, tetapi mewujudkan ikatan emosi. Frasa itu berfungsi untuk merendahkan kekerasan mesej dan menyampaikan rasa perhatian sebelum menyentuh isu yang lebih penting.

PK4 pula menyatakan: “Sayang, jom bangun mandi dan kita bertemu dengan Allah SWT dulu sebelum kita bertemu dengan makhluk lain.” (ID 4:63). Frasa “sayang” dan “kita bertemu dengan Allah SWT dulu” merupakan gabungan antara pendekatan psikologi dan spiritual. Pendakwah tidak hanya membangunkan ahli keluarga secara fizikal, tetapi turut mengangkatnya ke dalam kerangka kesedaran rohani, dengan menyeru kepada pertemuan dengan Tuhan terlebih dahulu. Gaya

penyampaian ini menggabungkan sentuhan afektif dan kesedaran agama dalam satu ungkapan yang penuh hikmah.

PK6 pula berkata: “Waktu pagi suami dan anak-anak, kita nak suruh dia bangun, akak akan panggil nama semua.” (ID 6:18). Penggunaan nama individu secara personal dalam suasana santai pagi merupakan bentuk komunikasi yang mengiktiraf identiti dan keunikan setiap ahli keluarga. Ini sejajar dengan teori komunikasi interpersonal, yang menekankan bahawa penghargaan terhadap keperibadian penerima meningkatkan keberkesanan mesej. Dalam konteks ini, komunikasi berlaku secara lembut, tanpa tekanan, tetapi tetap membuahkan kesan positif terhadap emosi dan sikap komunikan.

c. Berhati-hati dalam memilih kata

Satu lagi pendekatan psikologi yang dikenal pasti ialah kepekaan dalam memilih kata-kata yang digunakan dalam menyampaikan mesej dakwah. Pendakwah wanita berusaha menyampaikan nasihat dengan cara yang tidak mengguris perasaan, menggunakan bahasa berkias dan intonasi yang lembut bagi mengelakkan reaksi negatif. Menurut Teori Disonansi Kognitif, mesej yang bersifat konfrontatif atau bertentangan dengan kepercayaan sedia ada boleh menimbulkan ketidakselesaan mental, sekali gus menyebabkan penolakan (Malik Ibrahim et al. 2023).

Sebagaimana yang dikongsi oleh PK10: “Akak ni ambil jalan tengah lah nak. Nak berkias panjang sangat pun, zaman kita ni orang tak faham kan. Tapi, boleh lagi guna kiasan. Mungkin kita kata hidup kita ni macam roda. Kadang kita duduk kat atas, kadang kita duduk kat bawah.” (ID 10:18). Ungkapan “ambil jalan tengah” dan “hidup kita ni macam roda” merupakan penggunaan simbolik yang mengelakkan teguran langsung. Pendekatan ini seiring dengan prinsip laluan periferi dalam Model Kemungkinan Penjelasan (ELM), yang menekankan bahawa mesej akan lebih berkesan jika disampaikan melalui bentuk yang tidak mengancam kepercayaan atau ego penerima.

PK5 turut berkongsi: “Cuba pastikan komunikasi yang dilakukan dengan keluarga ni dilakukanlah penuh hikmah dan berkasih sayang... kita cuba bercakap

dengan intonasi yang baik, yang lembut.” (ID 5:55). Penekanan pada “intonasi yang baik, yang lembut” menunjukkan kefahaman mendalam terhadap kesan paralinguistik dalam komunikasi interpersonal. Dalam konteks Teori Pelanggaran Harapan (Burgoon 2015), komunikasi yang bertentangan dengan jangkaan (contohnya, intonasi kasar) boleh menyebabkan gangguan hubungan. Maka, kelembutan intonasi berfungsi sebagai pelindung mesej dakwah daripada ditolak kerana ia selaras dengan jangkaan sosial dan emosi komunikan.

d. Memberi penerangan sebelum menyampaikan mesej

Pendakwah wanita juga menggunakan pendekatan psikologi dengan memberikan penerangan awal sebelum menyampaikan teguran atau nasihat. Ini membina konteks, mengurangkan kejutan emosi, dan meningkatkan peluang penerimaan mesej. Mengikut ELM, pendekatan ini menggalakkan laluan pusat apabila komunikator bersedia berfikir secara rasional dan memahami alasan disebalik mesej (Malik Ibrahim et al. 2023; Popescu 2012).

Sebagaimana dinyatakan oleh PK8: “Kalau nak tegur, saya akan cakap dulu, okey... Maksudnya Makcik ni nak tegur ya. Ni Makcik serius. Kadang-kadang, sebab saya kata begitu, Makcik kena tegur sebab ni tanggungjawab.” (ID 8:24). Frasa “Makcik ni nak tegur ya” dan “sebab ni tanggungjawab” adalah bentuk framing awal yang memberi ruang kepada penerima untuk menyesuaikan diri secara emosi sebelum menerima teguran. Ia juga menukar persepsi mesej daripada sekadar kritikan kepada amanah agama yang mesti ditunaikan. Ini secara langsung meredakan potensi penolakan dan membina kredibiliti penyampai sebagai pendakwah.

PK4 pula menambah: “Assalamualaikum sayang... kemudian kita cerita, ‘kalau antara orang kecil dan orang tua, siapa yang beri salam dulu?’ (ID 4:21). Frasa “kita cerita” dan pertanyaan retorik yang menyusul menunjukkan teknik soal-jawab kontekstual, yang memberi ruang kepada komunikator untuk berfikir dan merasai pengajaran melalui contoh yang dekat dengan kehidupan. Ini konsisten dengan teori interaksi simbolik, yang menjelaskan bahawa sesuatu makna terbina melalui tindakan sosial yang dikongsi (Malik Ibrahim et al. 2023).

e. Mengingatkan kembali kepada Allah SWT

Pendekatan terakhir yang dikenalpasti ialah mengaitkan mesej dakwah dengan peringatan kepada Allah SWT. Pendekatan ini bersifat transendental dan digunakan bagi menyentuh hati ahli keluarga melalui nilai keimanan dan harapan ukhrawi. Dalam konteks ini, mesej bukan lagi hanya bersifat nasihat interpersonal, tetapi juga seruan spiritual yang menyentuh jiwa penerima. Teori Pujukan menunjukkan bahawa mesej yang bersesuaian dengan nilai sedia ada penerima akan lebih berkesan mengubah sikap (Malik Ibrahim et al. 2023; Petty & Cacioppo 1986).

Sebagaimana dinyatakan oleh PK1: “Takpe mak, Allah pilih mak, Allah nak uji...” Macam tulah, kita selit-selit macam. (ID 1:25). Frasa “Allah pilih mak” dan “Allah nak uji” membina naratif bahawa kesulitan adalah bentuk pemilihan ilahi. Ini memberi makna positif kepada pengalaman negatif dan menyalurkan mesej secara emosional dan spiritual, tanpa mendominasi atau menyalahkan.

PK6 pula berkata: “Kalau boleh kita nak semua orang masuk syurga. Jadi, akak akan cakap ‘ni sebab kita nak sama-sama masuk syurga’. Akak mesti akan cakap macam tu. Dia akan dengar.” (ID 6:55). Frasa “kita nak sama-sama masuk syurga” ialah contoh terbaik strategi kolektif spiritual persuasion. Dalam situasi ini, pendakwah meletakkan dirinya setaraf dengan penerima, dan mengajak secara bersama menuju matlamat ukhrawi. Pendekatan ini juga selari dengan ELM, kerana ia menyentuh nilai teras komunikasi dan memudahkan perubahan sikap melalui laluan pusat.

4.4.3 Pendekatan persuasif dalam dakwah

Pengungkapan persuasif dalam dakwah merujuk kepada penggunaan kata-kata yang mempengaruhi secara halus serta menyentuh emosi dan pemikiran agar mesej yang disampaikan diterima tanpa paksaan atau tekanan. Dalam konteks kekeluargaan, para pendakwah wanita menyedari bahawa pendekatan berbentuk pujukan lebih berkesan berbanding pendekatan yang bersifat mendesak. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan penerimaan mesej dakwah, tetapi turut membina suasana komunikasi yang harmoni, empatik, dan saling menghormati antara ahli keluarga.

a. Bentuk pengungkapan persuasif

Antara bentuk pengungkapan persuasif yang digunakan termasuklah:

i. Pujukan halus

Pujukan halus merupakan strategi komunikasi yang menggunakan bahasa lembut dan nada suara terkawal bagi menyampaikan mesej dakwah secara tidak mengancam. Strategi ini bertujuan untuk menyentuh hati penerima secara emosi dan psikologi, sekali gus meredakan ketegangan serta mengelakkan konflik terbuka. Dalam konteks kekeluargaan, penggunaan pujukan halus seringkali dilakukan secara spontan oleh pendakwah wanita melalui pilihan kata dan nada yang menenangkan.

Contohnya, peserta kajian PK4 menjelaskan bagaimana ibunya menggunakan panggilan tertentu dalam nada lembut untuk menyedarkannya agar kembali bertenang: “Macam saya sebab memandangkan saya ni ustazah kan? Jadi mak saya kata, ‘Ustazah Syahidah....’ Haaa.. begitulah, ‘Ustazah Syahidah....’” (ID: 4:67). Ungkapan tersebut bukan sekadar panggilan, tetapi berfungsi sebagai peringatan psikologi yang mengembalikan kesedaran terhadap peranan dan tanggungjawab dirinya sebagai anak dan juga sebagai seorang pendakwah. Nada ibu yang lembut menjadikan teguran tidak dirasakan sebagai satu serangan emosi, sebaliknya satu bentuk pujukan yang menginsafkan.

Begitu juga peserta kajian PK1 yang berkongsi pengalaman anak-anaknya menggunakan kata-kata halus sebagai cara untuk menenangkan beliau apabila berada dalam keadaan marah: “Ha umi marah tu, umi marah, diam, diam.” (ID: 1:59). Nada suara anak yang lembut dan berulang secara tidak langsung berfungsi sebagai ‘cermin emosi’ kepada ibu, satu bentuk peringatan bahawa emosi sedang memuncak dan perlu dikawal. Ini menunjukkan bahawa bukan hanya ibu yang memainkan peranan mendidik melalui dakwah, malah anak-anak juga berperanan mengingatkan secara halus dalam kerangka komunikasi dua hala yang harmoni.

Peserta kajian PK6 pula menggambarkan bagaimana anak-anak menunjukkan isyarat diam sebagai tanda memahami emosi ibu: “Diorang akan diamlah... Macam

terkejut, takutlah...” (ID: 6:64). Tindakan diam itu boleh ditafsirkan sebagai bentuk penerimaan teguran secara pasif bukan kerana takut semata-mata, tetapi sebagai cara untuk tidak memanjangkan konflik. Dalam konteks ini, keheningan berfungsi sebagai isyarat komunikasi yang sarat makna seperti penghormatan, keinsafan, dan keinginan untuk menjaga keharmonian.

Dapatan ini sejajar dengan kajian Dayang Sakini et al. (2020) yang menekankan pentingnya gaya pengungkapan sopan dan penuh kelembutan dalam konteks dakwah kekeluargaan. Kajian tersebut mengenal pasti bahawa bahasa yang bersifat halus dan tidak mengancam cenderung memudahkan pemindahan nilai agama serta meningkatkan tahap penerimaan dalam kalangan ahli keluarga. Hal ini turut disokong oleh penemuan Sarrah Hasyim dan Rose Mini Agoes (2020) yang menyatakan bahawa penggunaan pendekatan lembut dalam komunikasi keibubapaan dapat mengurangkan rintangan psikologi dalam kalangan anak-anak, serta meningkatkan keberkesanan penyampaian nilai moral dan agama.

Kebijaksanaan dalam memilih kata-kata serta nada suara menunjukkan tahap kepekaan emosi dan kecerdasan sosial pendakwah wanita dalam berinteraksi dengan ahli keluarga. Pujukan halus bukan sahaja menyampaikan mesej dakwah dengan penuh hikmah, tetapi juga memperkukuh hubungan kekeluargaan melalui empati dan saling memahami.

Secara keseluruhan, dapatan ini memperlihatkan betapa pentingnya pujukan halus sebagai medium komunikasi berkesan dalam dakwah keluarga. Pendekatan ini bukan sahaja mampu meredakan emosi, tetapi juga membina suasana penuh kasih sayang, mendorong interaksi yang saling menyokong, serta memudahkan penerimaan mesej agama tanpa tekanan. Ia menjadi cerminan kepada falsafah dakwah Nabi SAW yang mengutamakan kelembutan, hikmah, dan sabar dalam menyampaikan kebenaran kepada umat manusia.

ii. Memberi ruang untuk meluahkan perasaan

Memberi ruang untuk meluahkan perasaan merupakan salah satu elemen penting dalam pendekatan persuasif yang diamalkan oleh pendakwah wanita dalam konteks

kekeluargaan. Strategi ini menekankan keperluan untuk membenarkan individu menyatakan emosi mereka terlebih dahulu sebelum sebarang teguran atau nasihat disampaikan. Pendekatan ini bersifat empatik dan tidak mendesak, malah menunjukkan penghargaan terhadap hak emosi ahli keluarga. Dalam komunikasi dakwah, ia membantu mengurangkan tekanan psikologi, meningkatkan kefahaman dua hala, dan membina suasana harmoni.

Peserta kajian PK6 menceritakan pendekatannya apabila berhadapan dengan suami atau anak-anak sedang marah: “Kalau abi marah pun, kita bagi dia ruang untuk dia cakap, dia nak bebel, nak luahkan. So sama macam akak...” (ID: 6:65). Perkongsian ini mencerminkan kefahaman mendalam peserta kajian terhadap keperluan emosi ahli keluarga. Dalam situasi sebegini, beliau tidak terus menegur atau membalas kemarahan, sebaliknya membenarkan suami dan anak-anak meluahkan isi hati mereka dahulu. Memberi ruang sedemikian membantu menstabilkan emosi, menurunkan ketegangan, dan menyediakan suasana yang lebih sesuai untuk komunikasi dakwah yang berkesan.

Begitu juga peserta kajian PK9 yang mengisahkan bagaimana anak-anaknya akan bertanya kembali tentang teguran yang diberikan selepas emosi mereka reda: “Kalau anak-anak dia diam, tapi bila nanti kita dah baik balik, dia akan tanya balik, kenapa mama cakap macam tu eh?” (ID: 9:44). Kenyataan ini menunjukkan bahawa tindakan memberi ruang bukan sahaja berfungsi untuk menenangkan, tetapi turut membuka laluan kepada proses refleksi dan komunikasi dua hala. Anak-anak yang mulanya bertindak diam sebagai reaksi emosi, akhirnya menunjukkan keinginan untuk memahami dan mendalami maksud teguran secara sukarela. Ini mencerminkan satu bentuk penerimaan yang tulus, lahir daripada pendekatan yang tidak bersifat memaksa atau menyerang.

Pendekatan memberi ruang untuk meluahkan perasaan ini selaras dengan prinsip dalam komunikasi berkesan yang digariskan oleh pendekatan psikologi humanistik, yang menekankan penghargaan terhadap pengalaman emosi dan pengiktirafan terhadap perasaan individu (Rogers 1995). Ia juga disokong oleh kajian oleh Mazita et al. (2025), yang mendapati bahawa komunikasi berasaskan empati

dalam keluarga Muslim berperanan besar dalam menstabilkan emosi dan mengukuhkan nilai spiritual dalam kalangan anak-anak.

Tambahan pula, pendekatan ini menunjukkan kesediaan ibu bapa untuk mengamalkan *active listening*, iaitu mendengar dengan niat memahami, bukan sekadar membalas. Tindakan mendengar tanpa gangguan sebelum memberikan nasihat menunjukkan pengendalian komunikasi yang beretika dan berkesan, sepertimana yang ditekankan dalam pendekatan dakwah berasaskan *ta'lim wa tarbiyyah* (pendidikan dan pengasuhan) yang menekankan aspek sabar, kasih sayang dan hikmah. Kajian oleh Rosmawati et al. (2024) turut menegaskan bahawa pendekatan komunikasi dalam keluarga Muslim termasuk cara mendengar dan menyampaikan nasihat, mempengaruhi kefahaman, respons emosi, dan keberkesanan penyampaian nilai agama dalam kalangan anak-anak.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa memberi ruang untuk meluahkan perasaan merupakan asas kepada komunikasi dakwah yang inklusif, empatik dan membina. Ia mengurangkan risiko salah faham, memperkukuh kepercayaan antara ahli keluarga, dan mewujudkan ruang selamat (*safe space*) untuk menyuarakan isi hati. Dalam konteks dakwah keluarga, pendekatan ini sangat berkesan kerana ia mengangkat martabat emosi sebagai sebahagian daripada proses memahami dan menerima nilai keagamaan dengan hati yang terbuka.

iii. Menggunakan humor untuk meredakan ketegangan

Penggunaan humor atau elemen kelakar dalam komunikasi keluarga merupakan salah satu strategi persuasif yang efektif dalam meredakan ketegangan, mencairkan suasana, dan meningkatkan keterbukaan ahli keluarga terhadap mesej dakwah. Humor dalam konteks ini bukan bermaksud gurauan kosong, sebaliknya merupakan pendekatan psikososial yang dapat mengalihkan emosi negatif kepada suasana lebih santai, membina dan harmoni. Pendakwah wanita menyedari bahawa dalam suasana tegang atau emosi memuncak, pendekatan humor dapat berperanan sebagai alat peleraian yang memudahkan komunikasi.

Peserta kajian PK5 menceritakan bahawa dalam situasi konflik, ahli keluarga sering kali menggunakan kelakar untuk mengalihkan perhatian daripada ketegangan: “Kalau terkeluar itu, semua akan senyap... Ada yang cuba alihkan perhatian kepada perkara lain. Ada yang buat kelakar.” (ID: 5:61). Situasi ini menunjukkan bahawa humor berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk memecahkan kebekuan komunikasi, selain membantu meredakan emosi yang mungkin tidak terkawal. Tindakan “buat kelakar” ini berlaku secara spontan, namun memberi impak positif dalam mengubah suasana daripada tegang kepada lebih tenang dan bersedia untuk mendengar.

Peserta kajian PK10 pula menjelaskan bagaimana elemen humor disisipkan secara sengaja dalam penyampaian teguran kepada anak-anak: “Kalau buat dalam bentuk elemen humor, gurau-gurau jadi mungkin anak-anak kita akan rasa lebih terbuka dan tak terasa hati sangat.” (ID: 10:19).

Menurut beliau, pendekatan ini dapat melembutkan teguran yang pada asalnya mungkin bersifat kritikan langsung. Teguran yang terlalu serius atau keras boleh mencetuskan rasa defensif atau ancaman dalam kalangan anak-anak, tetapi dengan sentuhan humor, mesej tersebut lebih mudah diterima. Ini menandakan bahawa humor bukan hanya sebagai alat hiburan, tetapi juga sebagai strategi psikologi dalam dakwah kekeluargaan.

Pendekatan ini berasaskan prinsip bahawa humor mampu mengaktifkan suasana afektif yang positif dalam komunikasi interpersonal. Kajian oleh Azida Zaini dan Syawaluddin (2024) mendapati bahawa humor yang digunakan dalam konteks komunikasi keagamaan berupaya mengurangkan tekanan emosi serta meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej, terutamanya apabila disampaikan dalam situasi berisiko seperti konflik atau ketegangan dalam keluarga. Humor juga dikenal pasti sebagai medium yang merapatkan hubungan sosial dan memperkukuh ikatan emosi antara ahli keluarga.

Lebih jauh, pendekatan ini selari dengan konsep *empathic communication*, yang menekankan keperluan menyesuaikan bentuk komunikasi dengan kepekaan emosi audiens. Dalam konteks keluarga Muslim, humor bukan sekadar penenang

suasana, tetapi juga pendekatan dakwah yang mencerminkan kasih sayang, kebijaksanaan, dan kepekaan terhadap perasaan ahli keluarga. Ia mencipta ruang selamat (*safe emotional space*) untuk menerima teguran atau mesej agama secara lebih lapang dada.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa humor merupakan mekanisme komunikasi persuasif yang sangat berkesan dalam menyampaikan dakwah keluarga. Ia mengurangkan risiko salah faham, memupuk suasana keterbukaan dan harmoni, serta membantu setiap ahli keluarga menerima nasihat dengan hati yang lebih lapang dan positif. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej, tetapi juga memperkukuh hubungan emosi antara ahli keluarga, satu asas penting dalam keberhasilan dakwah berhemah di peringkat rumah tangga.

iv. Memohon maaf dan menjadi contoh teladan

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, tindakan memohon maaf bukan sahaja berperanan memulihkan hubungan, tetapi juga menjadi medium pendidikan moral yang sangat signifikan. Pendakwah wanita menyedari bahawa permohonan maaf secara terbuka memberi kesan mendalam kepada proses pembentukan nilai dalam diri anak-anak. Ia menjadi satu bentuk komunikasi persuasif yang sangat berpengaruh kerana bukan sahaja menyampaikan mesej, tetapi menunjukkan contoh teladan melalui tindakan yang autentik.

Peserta kajian PK7 misalnya menyatakan: “Ada ketikanya... Lepas tu, ‘Alah ibu minta maaf lah...’ Kita kena minta maaf sebab nak ajar dia minta maaf...” (ID: 7:39). Kenyataan ini menggambarkan kesedaran ibu untuk memberikan contoh akhlak mulia secara langsung. Permohonan maaf yang diungkap secara ikhlas di hadapan anak menunjukkan kepada mereka bahawa mengakui kesalahan bukanlah satu kelemahan, sebaliknya adalah kekuatan moral yang membentuk nilai keinsafan, tanggungjawab, dan kerendahan hati. Tindakan ini bukan sekadar menyelesaikan konflik, tetapi turut memberikan pelajaran praktikal tentang kejujuran dan keinsafan diri.

Begitu juga peserta kajian PK10 menjelaskan pendekatannya apabila nada suara terhadap anak terlalu kasar: “Dengan anak-anak kalau kita ternada kasar, saya memang latihkan untuk *it’s okay to express* kalau tak selesa...” (ID: 10:36). Peserta kajian bukan sahaja melatih anak-anak untuk menzahirkan ketidakselesaian secara terbuka, malah turut menunjukkan teladan dengan mengakui kelemahannya sebagai ibu. Ini menunjukkan bahawa komunikasi dua hala yang terbuka dan saling menghormati dibina bukan atas dasar kuasa, tetapi melalui contoh akhlak. Ibu sebagai pendakwah dalam keluarga bukan hanya menyampaikan nilai agama secara lisan, tetapi menghidupkannya melalui tingkah laku yang konsisten.

Pendekatan ini memperlihatkan bahawa komunikasi dakwah yang berkesan memerlukan aspek keberanian moral iaitu keupayaan untuk meminta maaf apabila melakukan kesilapan. Seperti yang dihuraikan dalam kajian oleh Safinah et al. (2025) ibu bapa Muslim yang menunjukkan sikap merendah diri dan bersedia mengakui kesalahan memberi kesan positif terhadap pembentukan akhlak anak-anak. Kajian tersebut menekankan bahawa permohonan maaf daripada ibu bapa bukan sahaja mengurangkan jarak emosi antara generasi, tetapi juga meningkatkan kepercayaan, rasa hormat, dan keterbukaan dalam komunikasi keluarga.

Di samping itu, pendekatan ini turut selari dengan prinsip dakwah nabawi yang menekankan keteladanan sebagai instrumen utama dakwah. Nabi Muhammad SAW sendiri menjadi contoh melalui akhlak baginda yang sentiasa mengakui kesilapan umatnya dengan hikmah dan tidak memperkecilkan mereka suatu nilai yang kini diterjemahkan oleh para ibu dalam konteks rumah tangga melalui kesediaan untuk meminta maaf dan memperbaiki kesilapan.

Secara keseluruhannya, strategi memohon maaf dan menjadi contoh teladan ini bukan sahaja melembutkan hati penerima teguran, tetapi juga membina landasan yang kukuh untuk penanaman nilai akhlak dalam keluarga. Ia memperkukuh komunikasi dua hala yang berasaskan kejujuran, keterbukaan dan saling hormat, serta menjadi elemen penting dalam menjadikan dakwah keluarga lebih berkesan, menyentuh hati dan diterima dengan rela.

v. Bertoleransi dan memahami emosi

Pendakwah wanita menekankan kepentingan memahami isyarat emosi anak-anak agar teguran disampaikan secara lebih berkesan. Contoh, PK10: “Bagi akak sebenarnya boleh... Tapi kalau *direct* anak-anak akan *interpret* sebagai marah...” (ID: 10:19).

Seterusnya, PK6: “Macam terkejut... semua diam macam anak tu semua diam...” (ID: 6:64). Bertoleransi dan memahami emosi adalah strategi penting yang diambil oleh para pendakwah wanita untuk memastikan mesej dakwah dalam keluarga diterima dengan lebih baik. Dapatan ini menunjukkan bahawa para ibu bapa memberi perhatian mendalam kepada bahasa tubuh dan reaksi emosi anak-anak sebelum memberi teguran.

PK10 misalnya, menyedari bahawa teguran langsung yang keras sering kali ditafsir oleh anak-anak sebagai “serangan” emosi. Oleh itu, beliau memilih untuk menggunakan pendekatan yang lebih berlapik, kerana memahami bahawa keadaan emosi anak-anak akan mempengaruhi penerimaan mereka terhadap teguran tersebut.

Sementara itu, PK6 turut menggambarkan bagaimana anak-anak yang tiba-tiba diam dan terkejut menjadi tanda bahawa mereka sudah cukup terkesan. Ini menjadi isyarat bahawa tidak perlu lagi menambah tekanan, tetapi sebaliknya memerlukan pendekatan yang lebih lembut dan sabar.

Secara keseluruhannya, strategi ini menunjukkan bahawa para pendakwah wanita bukan sahaja menyampaikan mesej dakwah, tetapi juga menekankan kepekaan emosi dan toleransi. Ini membantu mengekalkan keharmonian dalam komunikasi keluarga dan memastikan teguran yang disampaikan diterima dengan penuh penghayatan.

vi. Menyedarkan kesalahan dengan lembut

Bertoleransi dan memahami emosi merupakan pendekatan penting dalam pengungkapan dakwah keluarga, khususnya apabila melibatkan teguran terhadap anak-anak. Pendakwah wanita dalam kajian ini menunjukkan kepekaan tinggi

terhadap bahasa tubuh, nada suara, dan reaksi emosi anak-anak, sebelum menyampaikan nasihat atau teguran. Strategi ini bukan sahaja memperhalusi kaedah penyampaian mesej dakwah, malah mengelakkan konflik emosi yang boleh mengganggu keharmonian komunikasi kekeluargaan.

Peserta kajian PK10 menyatakan secara jujur bagaimana pendekatan langsung boleh membawa kesan negatif: “Bagi akak sebenarnya boleh... Tapi kalau direct anak-anak akan interpret sebagai marah...” (ID: 10:19). Pengalaman ini memperlihatkan bahawa teguran secara terus dan keras mudah ditafsir oleh anak-anak sebagai bentuk kemarahan atau serangan emosi. Oleh itu, pendekatan yang lebih berlapik dan mengambil kira kesiapsiagaan emosi anak-anak dianggap lebih sesuai. Kepekaan terhadap persepsi emosi ini menjadi asas kepada penyampaian dakwah yang penuh hikmah dan empati.

Peserta kajian PK6 turut menggambarkan bagaimana anak-anak memberi isyarat emosi yang jelas apabila sesuatu teguran sudah sampai ke tahap yang memberi kesan mendalam: “Macam terkejut... semua diam macam anak tu semua diam...” (ID: 6:64). Diam dalam konteks ini bukan sekadar keengganan untuk bercakap, tetapi refleksi terhadap reaksi psikologi anak-anak yang mungkin berasa terganggu atau sedang memproses emosi mereka. Dalam situasi sebegini, ibu bapa tidak lagi menambah tekanan dengan nasihat berpanjangan, sebaliknya memberi ruang untuk anak-anak menenangkan diri. Strategi ini menunjukkan kefahaman terhadap had emosi dan pentingnya keseimbangan antara menyampaikan mesej dan menjaga emosi penerima.

Pendekatan ini selaras dengan dapatan kajian oleh Sarrah Hasyim dan Rose Mini Agoes (2020) yang menegaskan bahawa komunikasi dakwah yang berkesan dalam keluarga Muslim perlu diasaskan pada kepekaan terhadap emosi audiens, terutamanya anak-anak. Kajian tersebut menekankan bahawa apabila ibu bapa mampu membaca isyarat emosi secara tepat dan menyesuaikan bentuk komunikasi mereka, maka mesej moral dan agama lebih mudah diterima serta difahami tanpa penolakan psikologi.

Di samping itu, pendekatan bertoleransi dan memahami emosi ini turut menepati prinsip *rahmatan lil ʿalāmīn* dalam dakwah Islamiah yang mengangkat nilai belas kasihan dan empati sebagai teras penyampaian mesej agama. Dakwah yang dilakukan tanpa menyakiti emosi atau merendahkan pihak lain jauh lebih berkesan, kerana ia menyentuh hati dan disampaikan dalam suasana yang selamat serta penuh kasih sayang.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita bukan sahaja berperanan menyampaikan mesej agama, tetapi juga mendidik melalui kepekaan emosi dan toleransi yang tinggi. Strategi ini membantu mewujudkan komunikasi yang seimbang antara mesej dan suasana serta memastikan teguran diterima dengan penuh penghayatan dan tanpa keretakan emosi dalam hubungan kekeluargaan.

vii. Menggalakkan komunikasi dua hala

Menggalakkan komunikasi dua hala merupakan prinsip asas dalam membina komunikasi dakwah yang harmoni dan lestari dalam keluarga. Teguran atau nasihat yang diberikan tidak seharusnya bersifat satu hala, sebaliknya perlu diiringi dengan ruang untuk perbincangan, penjelasan, dan refleksi bersama. Pendakwah wanita dalam kajian ini menunjukkan kepekaan terhadap pentingnya memberi peluang kepada anak-anak meluahkan perasaan serta bertanya bagi mendapatkan kefahaman yang lebih jelas terhadap teguran yang diterima.

Sebagai contoh, peserta kajian PK9 berkongsi: “Kalau anak-anak dia diam... kemudian bertanya balik...” (ID: 9:44). Ungkapan ini menunjukkan bahawa walaupun reaksi awal anak-anak terhadap teguran adalah dengan berdiam diri mungkin kerana terkejut atau sedang mengawal emosi namun selepas suasana kembali tenang, mereka menunjukkan minat untuk memahami isi teguran dengan bertanya semula. Perkara ini menandakan adanya hubungan komunikasi yang terbuka dan saling mempercayai antara ibu dan anak.

Begitu juga dengan peserta kajian PK6 yang menekankan pentingnya memberi ruang agar pihak yang ditegur boleh menyatakan perasaan mereka dengan tenang:

“Kalau abi marah pun, kita bagi dia ruang...” (ID: 6:65). Memberi ruang dalam konteks ini bukan hanya meredakan emosi, tetapi membuka peluang kepada wujudnya komunikasi timbal balik. Ruang emosi yang tenang ini menjadikan anak-anak lebih bersedia untuk menyuarakan pendapat, berkongsi rasa tidak puas hati, atau meminta penjelasan tanpa rasa takut atau terancam. Maka, komunikasi dakwah tidak terhenti selepas nasihat diberikan, sebaliknya diteruskan dalam bentuk dialog yang mendidik.

Pendekatan ini turut disokong oleh Sarrah Hasyim dan Rose Mini Agoes (2020) yang menyatakan bahawa corak komunikasi keluarga yang terbuka dan dialogikal berperanan sebagai perantara penting dalam membentuk empati dan kefahaman dalam kalangan anak-anak. Komunikasi dua hala membolehkan mesej keibubapaan dan nilai moral disampaikan dengan lebih berkesan kerana anak-anak merasa dilibatkan, didengari, dan dihormati. Dalam jangka panjang, corak ini menyuburkan nilai saling percaya dan persefahaman dalam keluarga Muslim.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa komunikasi dua hala menjadi asas penting dalam keberkesanan dakwah keluarga. Ia menuntut lebih daripada sekadar penyampaian mesej selain menuntut kesediaan untuk mendengar semula, membina dialog, dan menyesuaikan respons secara empatik. Pendakwah wanita bukan sahaja menyampaikan mesej agama dengan bahasa yang lembut dan pendekatan yang berhemah, tetapi juga memastikan wujud ruang emosi yang kondusif untuk komunikasi timbal balik.

b. Kata-kata yang mempengaruhi

Selain pendekatan persuasif yang bersifat lembut dan berhemah, hasil kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan kata-kata yang mempengaruhi (*influential words*) merupakan komponen penting dalam menyampaikan mesej dakwah secara berkesan dalam konteks kekeluargaan. Pemilihan kata-kata yang tepat dan diungkapkan dengan nada suara yang sesuai berupaya menyentuh dimensi emosi dan pemikiran ahli keluarga, sekali gus meningkatkan penerimaan terhadap mesej yang disampaikan. Dalam hal ini, pendakwah wanita menggunakan pelbagai bentuk ungkapan yang bersifat positif, penuh penghargaan, empatik, berterus terang, dan berpaksikan nilai agama untuk mengukuhkan komunikasi yang harmoni dan mendidik.

Jadual 4.6 berikut memperincikan beberapa bentuk kata-kata yang mempengaruhi sebagaimana dinyatakan oleh peserta kajian kajian:

Jadual 4.6 Jenis kata-kata berpengaruh peserta kajian terhadap keluarga

Peserta kajian	Jenis Kata-kata Berpengaruh	Contoh Ayat Peserta Kajian	Penerangan
PK4	Kata-kata positif dan penuh kasih sayang	“Sayang, jom bangun mandi dan kita bertemu dengan Allah taala dulu...”	Mewujudkan suasana penuh kasih sayang yang membantu mempererat hubungan dan memudahkan penerimaan nasihat.
	Kata-kata tidak menyinggung dan berkesan	“Bicara saya ni adalah bicara yang tidak menyakitkan orang dan keluarnya adalah perkara yang bermanfaat.”	Menunjukkan keprihatinan terhadap emosi penerima; menekankan keperluan memilih ungkapan yang tidak mencetuskan konflik.
	Kata-kata memperlihatkan empati	“Saya tak nak marah Boom macam tu... Saya akan sebut 3 kali benda yang saya nak dia buat.”	Menunjukkan empati dan kesabaran dengan memberikan ruang untuk anak memahami arahan secara lembut.
	Kata-kata berkaitan dengan rutin dan disiplin	“Mandi dan terus solat. Mandi dan barulah dia akan bersiap untuk pakai baju sekolah.”	Teguran berasaskan disiplin harian yang mendidik secara konsisten tanpa unsur paksaan atau tekanan.
	Kata-kata berpaksikan nilai agama	“Allah is the first”; “kita bertemu dengan Allah taala dulu.”	Mesej dakwah diperkukuh dengan nilai spiritual, menjadikan komunikasi lebih bermakna dan berakar pada nilai ketuhanan.
PK9	Kata-kata terbuka dan berterus terang	“Saya akan berterus-terang dengan abang.”	Kejujuran dalam menyampaikan teguran secara langsung membina kepercayaan dan mengelakkan salah faham.
PK8	Kata-kata penghargaan	“Kalau dia masak sedap, tolonglah kata sedap.”	Memberi pengiktirafan atas usaha ahli keluarga sebagai dorongan positif dan pengukuhan hubungan.

Sumber: Pengkaji 2025

Dalam konteks dakwah keluarga, penggunaan kata-kata yang mempengaruhi atau persuasif menjadi elemen penting yang dapat menentukan keberkesanan penyampaian mesej. Jadual data yang dianalisis menunjukkan bagaimana pendakwah wanita menggunakan pelbagai bentuk kata-kata persuasif yang berbeza, namun saling melengkapi antara satu sama lain. Kajian oleh Hendra dan Pribadi (2019) menekankan prinsip-prinsip etika komunikasi Islam dalam keluarga berdasarkan al-Quran seperti *qawlan ma'rūfan* (perkataan baik), *qawlan laṭīfin* (perkataan lembut), dan *qawlan balighan* (perkataan yang sampai ke jiwa). Kajian ini mendapati bahawa kandungan

mesej dan cara penyampaiannya bukan semata-mata isi untuk menentukan keberkesanan komunikasi dalam keluarga Muslim sebaliknya, kata-kata yang dipilih perlu berhati-hati dan penuh hikmah agar dapat menyumbang kepada persekitaran komunikasi yang positif dan membina.

Pertama, kata-kata yang lembut dan penuh kasih sayang seperti panggilan “sayang”, “jom bangun”, dan “kita bertemu dengan Allah taala dulu” bukan sekadar ungkapan rutin. Sebaliknya, ia berperanan mencipta suasana mesra dan menyentuh hati penerima. Kata-kata ini menonjolkan pendekatan penuh kasih sayang dalam keluarga, yang bukan sahaja memudahkan penerimaan nasihat, tetapi juga mempereratkan hubungan emosi antara ahli keluarga.

Kedua, kata-kata yang menunjukkan empati dan kepekaan emosi seperti “Saya tak nak marah Boom macam tu... Saya akan sebut tiga kali benda yang saya nak dia buat” pula mencerminkan keupayaan ibu bapa memahami keadaan emosi anak-anak. Pendakwah wanita ini memahami bahawa teguran yang disampaikan tanpa pertimbangan perasaan akan mudah mencetuskan konflik dan jarak emosi. Maka, pendekatan penuh empati menjadi alat utama untuk meredakan suasana dan mendidik secara berhemah.

Selain itu, penggunaan kata-kata yang berkait dengan rutin dan disiplin seperti “Mandi dan terus solat, Mandi dan barulah dia akan bersiap untuk pakai baju sekolah” menjadi bukti bahawa dalam keluarga, dakwah tidak semestinya bersifat langsung keagamaan sahaja, tetapi juga berkaitan dengan pembinaan disiplin harian. Ini menjadi bukti bahawa komunikasi dalam keluarga yang berteraskan dakwah perlu menekankan konsistensi dan keteraturan dalam kehidupan seharian.

Menariknya, kata-kata yang bersifat terbuka dan berterus-terang, misalnya “Saya akan berterus-terang dengan abang” menunjukkan keikhlasan dalam menyampaikan teguran. Kejujuran dan keterbukaan ini bukan sahaja mengelakkan salah faham, tetapi juga memupuk suasana saling percaya dan menerima teguran dengan hati yang terbuka.

Dalam masa yang sama, kata-kata yang didasari oleh nilai agama seperti “Allah *is the first* dan kita bertemu dengan Allah taala dulu” memberikan arah yang jelas bahawa setiap tingkah laku dan nasihat dalam keluarga diikat oleh nilai keagamaan. Ini memperlihatkan bahawa mesej dakwah dalam keluarga bukan hanya bersifat rutin harian, tetapi juga berpandukan ajaran agama sebagai sumber kekuatan dan panduan utama.

Akhirnya, penghargaan seperti “Kalau dia masak sedap, tolonglah kata sedap” mencerminkan bahawa komunikasi keluarga juga memerlukan pengiktirafan terhadap usaha ahli keluarga. Kata-kata penghargaan ini menegaskan bahawa setiap individu berhak mendapat penghargaan atas peranan dan sumbangan mereka, yang seterusnya mengukuhkan kepercayaan diri dan keharmonian keluarga.

Keseluruhannya, jadual ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita dalam keluarga memanfaatkan kata-kata yang mempengaruhi secara strategik: mereka tidak hanya memberi teguran atau nasihat, tetapi juga merangkumi pendekatan yang positif, berempati, terbuka, berteraskan agama, dan menghargai. Gabungan pelbagai pendekatan ini menjadikan komunikasi dakwah dalam keluarga lebih mesra, berkesan, dan mendalam – selari dengan prinsip dakwah secara hikmah yang dianjurkan dalam Islam.

4.5 ANALISIS BERKAITAN GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH

Bahagian ini membincangkan analisis mendalam tentang gaya pengungkapan dakwah yang digunakan oleh pendakwah wanita dalam konteks kekeluargaan. Berdasarkan dapatan data kualitatif dan tinjauan literatur yang telah dihuraikan, gaya pengungkapan dakwah menjadi elemen penting dalam memastikan mesej dakwah diterima dengan baik oleh ahli keluarga. Gaya pengungkapan ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai murni yang selaras dengan prinsip dakwah Islamiah.

Pendekatan yang pelbagai seperti gaya yang sopan, benar dan jujur, berhemah, humor, penceritaan, nasihat, jelas dan teratur, lemah lembut, mesra, serta mudah difahami telah dikenal pasti sebagai gaya yang berkesan dalam komunikasi dakwah.

Setiap gaya ini mempunyai kekuatan tersendiri dalam menyesuaikan diri dengan latar belakang penerima, tahap emosi, dan konteks keluarga. Pendekatan ini mencerminkan hikmah dan kebijaksanaan yang diperlukan oleh seorang pendakwah wanita agar setiap kata-kata yang diungkapkan tidak hanya menyentuh akal tetapi juga meresap ke hati dan emosi ahli keluarga.

Analisis ini juga memberikan perhatian kepada bagaimana gaya pengungkapan dakwah ini diadun dengan nilai-nilai psikologi, budaya keluarga, dan keperluan emosi ahli keluarga. Pendekatan yang berhati-hati dan empati ini selaras dengan tuntutan syariat Islam yang mengutamakan kelembutan dan kasih sayang dalam komunikasi. Justeru, perbincangan dalam subtopik ini akan memperincikan bagaimana setiap gaya pengungkapan dakwah digunakan secara praktikal, cabaran yang dihadapi dalam melaksanakannya serta keberkesanan yang terhasil daripada pendekatan ini dalam membina komunikasi keluarga yang harmoni, terbuka, dan berpaksikan nilai-nilai agama.

4.5.1 Sopan

Gaya pengungkapan yang sopan merupakan asas penting dalam komunikasi dakwah keluarga. Dalam hal ini, pendakwah wanita memberi penekanan kepada penggunaan kata-kata yang beradab dan nada suara yang lembut agar tidak menyinggung perasaan ahli keluarga. Kehalusan tutur kata dan ketelitian dalam memilih ungkapan menjadikan mesej dakwah lebih mudah diterima dan dihayati. Komunikasi yang sopan dalam keluarga juga memberi kesan besar terhadap perkembangan watak kanak-kanak. Ia membantu mereka belajar menyelesaikan masalah, memahami orang lain, dan membina kematangan emosi (Irham Ritonga et al. 2024). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip Islam yang mengutamakan akhlak mulia dan adab dalam berkomunikasi.

Antara ciri gaya pengungkapan yang sopan yang diamalkan oleh para pendakwah wanita adalah menggunakan bahasa yang mesra, penuh hormat dan empati. Mereka juga berusaha mengelakkan perkataan yang keras atau menyakitkan hati, sebaliknya menggunakan pendekatan lembut dan penuh kasih sayang. Hal ini dapat dilihat dalam contoh penggunaan kata-kata seperti “tolong,” “terima kasih,” dan

nada berlapis-lapis ketika menegur atau memberi pandangan. Pendakwah wanita juga mengambil kira konteks emosi penerima mesej yang mengawal emosi sendiri dan menunjukkan rasa hormat dalam setiap perbualan.

Bukan sahaja pada kata-kata, kesopanan juga tercermin pada perbuatan memohon maaf apabila melakukan kesilapan, mempraktikkan komunikasi yang dua hala, dan sentiasa bersedia mendengar pandangan ahli keluarga. Pendekatan ini menonjolkan bahawa dalam dakwah kekeluargaan, keutamaan diberikan kepada penyampaian mesej dengan cara yang beradab, agar setiap nasihat atau teguran menjadi peluang untuk membina hubungan yang lebih erat dan saling memahami.

Dapatan ini sekali gus memperlihatkan bahawa gaya sopan bukan sekadar keperluan retorik, tetapi menjadi prasyarat penting dalam membina suasana keluarga yang harmoni dan memastikan mesej dakwah menyentuh hati penerima dengan hikmah.

a. Berlapis-lapis dalam berbicara (tidak *direct*)

Salah satu gaya pengungkapan dakwah yang menonjol dalam konteks keluarga ialah pendekatan berlapis-lapis atau tidak *direct*. Kaedah ini menjadi keutamaan bagi pendakwah wanita kerana ia berperanan sebagai alat untuk menjaga perasaan penerima, mengelakkan konflik, dan memudahkan penerimaan mesej. Gaya ini selaras dengan prinsip Islam yang mengutamakan adab dan kelembutan dalam menyampaikan kebenaran.

Seperti yang dijelaskan oleh peserta kajian PK3: “Kalau adik beradik ustaz ini kalau kita nak cerita tentang sesuatu dia berlapis-lapis. Tak boleh cerita *direct*, tak setuju ke apa, jaga hati sebab diorang ini adalah seorang yang, mereka ini keluarga yang Kota Bharu yang asal, diorang berlapis-lapis, berbasa-basi.” (ID: 3:61). Penggunaan gaya berlapis ini menunjukkan bagaimana pendakwah wanita berhati-hati dalam berbicara agar mesej yang disampaikan tidak menyinggung, tetapi tetap sampai ke hati penerima. Meskipun berlapis, mesejnya tetap tegas dan tidak mengurangkan kejelasan maksud. Ini juga memberi peluang kepada penerima untuk lebih mudah menerima nasihat kerana tidak terasa diserang secara langsung.

Contoh lain ditunjukkan oleh peserta kajian PK9: “Kalau dengan *husband* akak lebih selesa *straight to the point*. Tapi bukanlah bermakna dengan kasar. Maknanya mesejnya itu *direct*.” (ID: 9:31). Peserta kajian PK9 menerangkan bagaimana, walaupun mesej disampaikan secara *direct*, ia tetap dilakukan dengan sopan, tanpa nada yang menyinggung perasaan. Ini menunjukkan bahawa “tidak *direct*” bukanlah bermakna tidak tegas, tetapi lebih kepada memilih kata-kata yang sesuai dan halus supaya teguran diterima dengan baik.

Pendekatan berlapik ini menggambarkan kepekaan emosi dan kecerdasan sosial pendakwah wanita. Mereka sedar bahawa ahli keluarga memiliki keunikan emosi dan latar belakang yang berbeza, dan kata-kata yang tidak berhati-hati boleh melukakan atau mencetuskan salah faham. Justeru, dengan berbicara secara berlapik, mereka bukan sahaja menyampaikan mesej dakwah, tetapi juga membina suasana keluarga yang lebih harmoni dan saling menghormati.

Secara keseluruhannya, gaya berlapik-lapik ini menjadi bukti kehalusan dakwah dalam keluarga yang bukan sahaja tentang menyampaikan isi, tetapi tentang cara ia disampaikan. Keberkesanan dakwah sangat bergantung pada keupayaan pendakwah wanita untuk menyeimbangkan antara ketegasan mesej dan kehalusan komunikasi, agar mesej bukan sahaja difahami, tetapi diterima dengan hati yang terbuka.

b. menggunakan kata-kata permintaan dengan ‘tolong’ dan ucapan terima kasih

Salah satu strategi komunikasi yang sering digunakan oleh pendakwah wanita dalam keluarga ialah penggunaan kata-kata permintaan yang lembut seperti “tolong” dan ucapan terima kasih. Perkataan “tolong” lazimnya digunakan untuk mengurangkan tekanan atau ancaman terhadap perasaan penerima, terutamanya apabila sesuatu permintaan berkemungkinan mengganggu atau jika penerima menunjukkan keengganan untuk menurut. Ungkapan ini berperanan melembutkan permintaan dan mengekalkan keharmonian dalam hubungan sosial (Chalfoun et al. 2025). Gaya ini mencerminkan budi bahasa yang halus dan nilai kasih sayang dalam komunikasi keluarga. Selain menambahkan kelembutan dalam interaksi harian, ia turut menjadi contoh yang baik kepada anak-anak tentang kepentingan adab dan rasa hormat dalam kehidupan seharian.

Sebagaimana dikongsi oleh peserta kajian PK4: “Saya tanya suami saya, kalau ‘ibu nak minta baba tolong...’ dan dia akan tanya ‘ibu suka yang mana?’ macam tu.. jadi kalau saya, saya kata ‘saya suka gunakan perkataan tolong’... macam tu.” (ID: 4:47). Kata-kata “tolong” di sini menjadi kata kunci yang menenangkan suasana dan memudahkan penerimaan mesej. Ini juga menjadi ajaran praktikal kepada anak-anak, bahawa permintaan harus disertai dengan kata-kata yang menunjukkan kesopanan.

Lebih jauh lagi, PK4 turut menekankan pentingnya ucapan terima kasih dan doa sebagai pelengkap kepada budaya komunikasi lembut ini: “Jadi saya akan *implement* kepada anak-anak saya. Ok ‘kakak boleh tak kakak tolong ibu sekian sekian...’ itu antara bahasa, saya kita suka yang tu. sopan lah maksudnya. ‘Kakak boleh tak kakak tolong ni, kakak tolong mandikan adik’ dan bila dia dah buat tu, ucapan kalimat terima kasih dan doa. ‘Terima kasih sayang, semoga Allah taala reda..’” (ID: 4:47). Penggunaan “tolong” dan “terima kasih” ini bukan sekadar ungkapan sopan, tetapi menjadi “alat” mendidik anak-anak tentang nilai adab dan penghargaan dalam kehidupan seharian. Ia mengajar mereka bahawa setiap bantuan adalah bentuk kebaikan yang perlu dihargai, dan ini menjadi asas kepada budaya saling membantu yang harmoni dalam keluarga.

Analisis dapatan ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita memanfaatkan kata-kata halus ini bukan hanya untuk mempermudah komunikasi, tetapi juga untuk membentuk keperibadian anak-anak yang peka, beradab, dan tahu menghargai orang lain. Penggunaan kata-kata permintaan yang sopan dan ucapan terima kasih membantu mengurangkan nada keras dalam komunikasi dan menjadikan setiap arahan atau permintaan diterima dengan lebih terbuka.

Secara keseluruhannya, gaya ini menjadi asas penting dalam dakwah keluarga: ia menunjukkan bahawa teguran atau arahan yang disampaikan dengan kata-kata lembut dan penuh adab lebih mudah diterima, sekaligus membina suasana komunikasi yang mesra, berkesan, dan penuh kasih sayang.

c. Menggunakan nada lembut dan berhemah dalam menegur

Nada suara yang lembut dan berhemah merupakan elemen penting dalam gaya pengungkapan dakwah keluarga yang diamalkan oleh pendakwah wanita. Pendekatan ini membantu mengelakkan konfrontasi, memelihara keseimbangan emosi ahli keluarga, dan menjadikan mesej dakwah lebih mudah diterima. Penyelidikan dalam bidang komunikasi risiko mendapati bahawa nada suara yang bersifat hangat dan meyakinkan lebih berkesan berbanding nada yang neutral. Kajian Jiang et al. (2024) menunjukkan bahawa penggunaan nada lembut ketika menegur dapat meningkatkan kesan persuasif mesej, sekali gus mendorong penerima untuk lebih terbuka menerima dan bertindak balas terhadap teguran tersebut. Nada yang lembut juga memberi isyarat bahawa teguran itu disampaikan sebagai nasihat yang penuh kasih sayang, bukannya kritikan atau serangan peribadi.

Sebagaimana dinyatakan oleh peserta kajian PK8: “Bonda ni, tak tahulah secara automatik je, Kalau nampak bonda masih angkat suara tinggi-tinggi, itu tak marah tau. Macam, Eh, kenapa jadi macam ni? Itu tak marah. Tapi kalau dengar Bonda kata, nak, dengar sini. Nada dah perlahan. Itu marah tahu.” (ID: 8:19). Dialog ini memperlihatkan bagaimana pendakwah wanita mengatur nada suara untuk menyampaikan maksud dengan berhemah, walaupun sedang marah. Nada yang perlahan menjadi isyarat bahawa mesej yang ingin disampaikan serius, tetapi tetap dijaga agar tidak melukai perasaan ahli keluarga.

Selain itu, PK10 turut menjelaskan kepentingan menyesuaikan intonasi dan kelajuan percakapan supaya mesej lebih jelas dan tidak menimbulkan ketidakselesaan: “Sebab akak, anak-anak autism. Diorang ni tau boleh tau cakap panjang dan banyak arahan. Seeloknya kita guna bahasa yang mudah, simple dan kelajuannya sederhana.” (ID: 10:35). Nada lembut di sini berperanan sebagai “penapis” emosi yang mungkin timbul, sekaligus memastikan teguran diterima tanpa beban emosi negatif. Dalam konteks keluarga, penggunaan nada berhemah ini bukan sahaja menjadi contoh adab berkomunikasi, tetapi juga memudahkan setiap ahli keluarga untuk mendengar dan memahami mesej yang disampaikan.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa nada lembut dan berhemah menjadi alat penting dalam memastikan komunikasi dakwah berkesan. Ia menjadi bukti bahawa bagi pendakwah wanita, menyampaikan nasihat tidak cukup hanya dengan kata-kata yang baik, tetapi juga nada yang menenangkan dan tidak menyinggung. Pendekatan ini mengajarkan nilai sabar dan hikmah dalam berdakwah, sekaligus mengukuhkan hubungan kekeluargaan yang saling menghormati.

d. Menggunakan bahasa sopan dalam berkomunikasi seharian

Salah satu unsur utama dalam gaya pengungkapan dakwah pendakwah wanita ialah penggunaan bahasa yang sopan dan halus dalam komunikasi sehari-hari. Bahasa sopan tidak hanya menjadi amalan dalam majlis-majlis rasmi atau ketika menasihati, tetapi menjadi asas komunikasi dalam rumah tangga. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Dan (2017) mengemukakan Prinsip Kesopanan oleh Leech yang menekankan pentingnya memaksimumkan kesopanan dalam komunikasi bagi mewujudkan suasana saling menghormati dan harmoni. Prinsip ini menggambarkan kesopanan sebagai satu fenomena sejagat yang membantu melancarkan interaksi sosial dengan mengurangkan potensi konflik. Pendekatan ini turut mengangkat nilai hormat dan kelembutan sebagai asas penting dalam membina hubungan kekeluargaan yang sejahtera.

Peserta kajian PK5 menekankan bagaimana bahasa sopan menjadi budaya dalam keluarganya: “Kita orang duduk di negeri Pahang sebab bahasa dia lebih sopan. Jadi, yang paling disukai oleh ahli keluarga adalah bahasa yang sopan tersebut dan mereka senang terima.” (ID: 5:29). Penggunaan bahasa sopan ini menjadikan ahli keluarga lebih terbuka kepada sebarang nasihat atau teguran. Ia mencipta suasana komunikasi yang penuh saling menghormati, dan sekaligus memudahkan penerimaan mesej dakwah.

Lebih mendalam, peserta kajian PK8 turut menekankan usaha untuk mengelakkan kata-kata yang kasar atau negatif dalam komunikasi keluarga: “Mungkin kita dididik daripada kecil, ada perkataan-perkataan yang tak boleh sebut. Faham tak? Macam bohong, bodoh. Tak pernah dengar dalam keluarga kami perkataan itu tak ada.” (ID: 8:26). Penerapan bahasa sopan ini bukan sekadar amalan tradisi, tetapi

menjadi satu bentuk pendidikan akhlak kepada anak-anak supaya dapat mengajar mereka untuk sentiasa menilai kata-kata dan mengutamakan kelembutan dalam komunikasi. Ini bukan sahaja memelihara hubungan kekeluargaan, tetapi juga membentuk akhlak generasi seterusnya.

Analisis dapatan ini menunjukkan bahawa gaya bahasa sopan yang konsisten dalam komunikasi keluarga berperanan penting dalam membentuk penerimaan mesej dakwah. Apabila kata-kata disusun dengan sopan dan berhati-hati, setiap nasihat atau teguran menjadi lebih mudah diterima dan difahami. Ini juga menjadi bukti bahawa dakwah keluarga tidak hanya bergantung pada isi mesej, tetapi juga pada “bagaimana” mesej itu disampaikan.

Secara keseluruhannya, pendekatan bahasa sopan ini mengukuhkan nilai-nilai Islam yang menganjurkan akhlak yang mulia dan kasih sayang dalam komunikasi. Ia menjadi asas untuk membina suasana rumah tangga yang penuh ketenangan, saling memahami, dan menjadikan dakwah lebih berkesan.

e. Menggunakan panggilan mesra dan hormat dalam keluarga

Penggunaan panggilan mesra dan hormat dalam keluarga menjadi salah satu cara pendakwah wanita menyemai kasih sayang dan mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan. Panggilan seperti “sayang”, “abang”, “nak” atau nama penuh dengan nada lembut bukan sahaja menonjolkan rasa hormat, tetapi juga mendidik anak-anak untuk membalas dengan bahasa yang sopan dan menghormati antara satu sama lain.

Sebagaimana dikongsi oleh peserta kajian PK7: “Mungkin ada lagi manis, manja ke. Tapi biasa kita guna sayang, abang, kalau orang muda *bie*, tak tahu lah orang-orang muda sekarang.” (ID: 7:22). Panggilan seperti “sayang” dan “abang” ini menunjukkan perhatian dan penghargaan. Ia menjadi jambatan emosi antara ahli keluarga, mengurangkan jarak hierarki, dan memupuk suasana yang lebih mesra.

Peserta kajian PK10 pula menekankan penggunaan nama penuh yang dianggap sebagai doa: “Kami di rumah, kami tak memanggil Along, Angah macam keluarga-keluarga yang lain tau. Namanya adalah doa, jadi kami memang panggil nama.

Akmal, Abishah, macam itu, Atif.” (ID: 10:21). Dialog ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita memandang nama sebagai lambang identiti yang baik, bukan sekadar panggilan biasa. Apabila nama anak-anak disebut penuh, ia disertai dengan doa dan pengharapan yang baik, menjadikan komunikasi dalam keluarga lebih bermakna.

Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan panggilan mesra dan hormat bukan sahaja membantu mendekatkan hati antara ahli keluarga, tetapi juga menjadi refleksi ajaran Islam yang mengutamakan adab dalam pergaulan. Panggilan mesra ini menjadi pintu masuk kepada komunikasi yang lebih lembut dan penerimaan nasihat yang lebih positif.

Secara keseluruhannya, penggunaan panggilan mesra dan hormat menjadi unsur penting dalam pengungkapan dakwah keluarga yang penuh kasih sayang. Pendekatan ini menanamkan nilai-nilai akhlak yang mendalam dan memperkukuhkan ikatan keluarga, menjadikan setiap nasihat dan teguran lebih mudah diterima dengan hati yang lapang.

f. Menyampaikan teguran secara halus tanpa menyinggung perasaan

Menyampaikan teguran secara halus dan penuh hikmah adalah salah satu gaya utama yang diamalkan oleh pendakwah wanita dalam keluarga. Pendekatan ini memerlukan kepekaan tinggi terhadap emosi penerima, agar nasihat atau teguran yang disampaikan tidak menyinggung perasaan tetapi dapat diterima dengan baik.

Sebagaimana dikongsi oleh peserta kajian PK8: “Bonda eh, marah dan sedih dua perkara yang sama. Jadi saya tak nak... anak-anak merasa saya memang biasa keras. Jadi mereka kena alert kalau saya dah mula berlembut tu, dah mula panggil ‘nak.. kena ingat ni! itu perlu ambil perhatian.” (ID: 8:19). Dialog ini menunjukkan bagaimana teguran disampaikan dengan nada yang lebih perlahan dan bahasa yang lebih lembut. Pendekatan ini bukan hanya tentang apa yang disampaikan, tetapi bagaimana ia disampaikan agar anak-anak tidak merasa tertekan atau diserang.

PK8 menegaskan bahawa marah tidak perlu ditunjukkan dengan suara tinggi: “Kalau saya tenking, dia boleh jadi terus jawab. Bonda eh, marah dan sedih dua perkara yang sama.” (ID: 8:19). Ini menunjukkan bahawa bagi pendakwah wanita, emosi marah perlu dikawal supaya mesej tidak hilang hikmahnya. Mereka menggunakan pendekatan yang lebih mendekati hati penerima, bukan memaksa dengan nada keras.

Analisis dapatan ini menunjukkan bahawa teguran yang disampaikan secara halus membantu mewujudkan suasana komunikasi yang lebih selamat, terbuka, dan tidak menakutkan. Pendekatan ini memberi peluang kepada ahli keluarga untuk memahami mesej dengan lebih mendalam, tanpa rasa terancam atau defensif.

Secara keseluruhannya, menyampaikan teguran secara halus menjadi salah satu kunci kepada keberkesanan dakwah keluarga. Ia selaras dengan akhlak Nabi Muhammad SAW yang menegaskan bahawa kelembutan adalah kunci kepada perubahan dan pembinaan akhlak. Teguran yang disampaikan dengan kasih sayang dan penuh empati ini mampu melembutkan hati penerima dan membuka ruang kepada pembinaan keluarga yang lebih harmoni.

g. Mengawal emosi dan bertutur dengan berhati-hati

Mengawal emosi dan bertutur dengan penuh pertimbangan adalah salah satu strategi penting yang diamalkan oleh pendakwah wanita dalam menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga. Menurut Nurulizzati dan Wan Hishamudin (2019), Imam al-Ghazālī telah menekankan supaya mengeluarkan ucapan yang terhad dan perbualan yang dipercayai dalam komunikasi untuk mengelakkan salah faham dan konflik dalam keluarga. Hal ini penting kerana kata-kata yang diucapkan ketika emosi memuncak boleh membawa kesan yang mendalam, sama ada membina atau merosakkan hubungan kekeluargaan.

Sebagaimana dijelaskan oleh peserta kajian PK6: “Kita orang jenis berterus terang, suami akak dan akak. Kalau macam ada benda yang tak puas hati kita orang akan sikit down, kita orang akan cakap. Tak ada selindung lah. Cuma kasar tu memang sangat tak suka. Memang tak gunakan sebab boleh menyakiti.” (ID: 6:35).

Dialog ini menekankan bagaimana kejujuran dalam komunikasi tetap dipraktikkan, namun nada dan cara penyampaian tetap dijaga supaya tidak menyinggung atau menyakitkan hati. Ini menunjukkan bahawa kejujuran tidak bermakna kebebasan untuk berkata apa sahaja tanpa mengambil kira kesan kepada emosi orang lain.

PK9 pula menyedari perbezaan gaya komunikasi antara beliau dan suami: “Akak kalau di rumah, akak cakap lebih sedikit, lebih kurang berbanding dengan *husband*. Kalau *husband* aku ni, memang dia kalau dia cakap banyak lebar.” (ID: 9:42). Ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita peka terhadap keadaan dan perbezaan gaya komunikasi pasangan. Mereka menyesuaikan diri agar komunikasi lebih berkesan dan tidak menimbulkan konflik yang tidak perlu.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita menekankan pentingnya mengawal emosi agar teguran dan nasihat yang disampaikan tidak menjadi punca perpecahan. Penggunaan nada yang berhati-hati dan sikap saling menghormati dalam berkomunikasi menjadi asas kepada suasana keluarga yang harmoni.

Pendekatan ini juga mendidik anak-anak untuk menghormati perasaan orang lain dan membentuk budaya komunikasi yang lebih matang dan berhemah. Dengan itu, pengungkapan dakwah dalam keluarga bukan hanya menjadi ritual kata-kata, tetapi menjadi contoh teladan dalam mengurus emosi dan membina hubungan yang saling menghargai.

h. Bersedia memohon maaf apabila melakukan kesilapan

Kesediaan untuk memohon maaf apabila melakukan kesilapan adalah salah satu prinsip utama dalam komunikasi berhemah yang diamalkan oleh pendakwah wanita. Pendekatan ini bukan sahaja menunjukkan kerendahan hati dan kejujuran, tetapi juga menjadi teladan kepada anak-anak bahawa setiap orang tidak lari daripada kesalahan dan perlu bertanggungjawab terhadapnya.

Sebagaimana yang dikongsi oleh peserta kajian PK1: “Umi minta maaf, Umi cubit Suhail sebab Suhail dah banyak kali buat. Umi dah cakap jangan buat adik.” (ID:

1:49). Dalam contoh ini, ibu tidak hanya memohon maaf atas tindakannya, tetapi juga menjelaskan sebab tindakan tersebut diambil. Ini membantu anak memahami bahawa kesalahan tidak semestinya menafikan kasih sayang, tetapi adalah bentuk mendidik dengan cara yang betul.

Peserta kajian PK1 juga menekankan kepentingan memohon maaf secara terbuka: “Eh aku ni salah ni, kita mengaku dan kita kena minta maaf. Itu sebab saya dengan anak-anak, saya memang kalau saya salah, tersalah cakap ke kasar apa, memang saya minta maaf.” (ID: 1:61). Permohonan maaf di sini bukan sahaja untuk memperbaiki keadaan, tetapi juga untuk menunjukkan kepada anak-anak nilai kejujuran dan keberanian mengakui kelemahan. Ini adalah teladan yang sangat penting dalam mendidik generasi seterusnya menjadi insan yang tidak takut untuk mengakui kesalahan.

PK6 turut menyebutkan pentingnya menjelaskan emosi ketika memohon maaf: “Umi minta maaf tau, umi tersalah cakap tadi. Sebenarnya tak boleh buat macam ni. Cuma tadi marah macam emosi sikit.” (ID: 6:44). Dalam konteks ini, ibu bukan sahaja memohon maaf tetapi juga berkongsi keadaan emosi yang menjadi punca. Ini membantu anak memahami bahawa manusia tidak lari daripada keterbatasan emosi, dan bahawa permohonan maaf adalah jalan untuk memperbaiki dan menyatukan kembali hubungan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa kesediaan memohon maaf adalah kunci kepada keharmonian dalam keluarga. Ia menunjukkan bahawa dakwah dalam keluarga bukan sekadar memberi nasihat, tetapi juga menjadi contoh bagaimana menangani kelemahan dan memulihkan hubungan dengan rendah hati dan kasih sayang.

Secara keseluruhannya, penggunaan gaya sopan dalam komunikasi dakwah keluarga memainkan peranan penting dalam memastikan mesej diterima dengan baik. Melalui bahasa yang berlapik, nada lembut, penghargaan, serta permohonan maaf yang jujur, pendakwah wanita mencipta suasana komunikasi yang penuh kasih sayang dan hormat. Pendekatan ini bukan sahaja mengelakkan konflik, tetapi juga menjadi teladan akhlak yang mendalam, seterusnya membentuk keluarga yang harmoni dan saling memahami.

4.5.2 Benar dan jujur

Gaya pengungkapan benar dan jujur dalam komunikasi dakwah keluarga menjadi asas kepada terbentuknya hubungan yang harmoni dan saling mempercayai. Pendakwah wanita menyedari bahawa mesej dakwah bukan hanya terletak pada apa yang disampaikan, tetapi juga pada sejauh mana kejujuran dan konsistensi mesej itu ditunjukkan melalui tingkah laku harian. Nilai kejujuran ini tidak hanya diungkapkan dalam kata-kata, tetapi juga diterapkan dalam tindakan sehingga menjadikan prinsip “*walk the talk*” sebagai panduan yang penting. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan komunikasi yang benar dan jujur dengan ahli keluarga.

a. Jujur dalam tindakan dan kata-kata

Jujur dalam tindakan dan kata-kata merupakan asas utama gaya pengungkapan dakwah yang berkesan. Kejujuran bukan sahaja ditunjukkan dalam perkataan, tetapi juga diterjemahkan melalui perbuatan yang konsisten dengan apa yang disampaikan.

Seperti yang ditegaskan oleh PK2, “Kena cakap yang betul. Kena jujur. Jangan ada tipu-tipu..” (ID: 2:67). Pendekatan ini membantu membina kepercayaan antara pendakwah wanita dan ahli keluarga, kerana kata-kata yang benar memberikan rasa hormat dan keyakinan bahawa tiada kepura-puraan dalam komunikasi tersebut.

Selain itu, PK2 menambah lagi dalam dialognya, “Kita buat.. jangan cakap saja” (ID: 2:69). Kata-kata tersebut menunjukkan bahawa setiap kata-kata perlu diiringi dengan tindakan nyata. Dalam konteks keluarga, hal ini menjadi lebih penting kerana anak-anak menilai kejujuran ibu bapa melalui konsistensi antara apa yang dikatakan dan yang dilakukan.

PK10 turut menguatkan pandangan ini dengan menyatakan, “Anak-anak percaya pada kita asasnya mesti jujur dan konsisten apa yang kita cakap... memastikan tindakan kita selari dengan kata-kata.” (ID:10:26). Hal ini menunjukkan bahawa kejujuran bukan hanya menjadi prinsip, tetapi juga menjadi model teladan yang penting dalam mendidik anak-anak agar mengamalkan sikap yang sama.

PK5 pula berkongsi pengalaman bahawa suaminya menjadi contoh terbaik dalam kejujuran: “Satu perkara yang saya sangat belajar daripada suami ialah... tak ada istilah menipu langsung.” (ID 5:38). Nilai ini menjadi tunjang kepada pembentukan komunikasi yang jujur. Tiada ruang untuk kebohongan atau kepalsuan dalam membina kepercayaan keluarga.

Secara keseluruhan, pendekatan ini menunjukkan bahawa gaya pengungkapan yang benar dan jujur bukan sahaja mempermudah penerimaan mesej dakwah, tetapi juga membentuk asas kepercayaan yang mendalam antara pendakwah wanita dan ahli keluarga. Nilai ini menjadi panduan utama dalam memastikan komunikasi dakwah berlangsung dengan berkesan dan dihargai oleh semua pihak.

b. *Walk the talk* dan menjadi contoh

Walk the talk, atau kesesuaian antara kata dan perbuatan, menjadi tema penting yang muncul dalam pengungkapan dakwah para pendakwah wanita. Prinsip ini menekankan bahawa kata-kata sahaja tidak cukup untuk mempengaruhi hati orang lain. Sebaliknya, apa yang disampaikan perlu selari dengan tindakan nyata, sehingga meyakinkan penerima bahawa nasihat itu bukan sekadar retorik.

Hal ini dijelaskan oleh PK3 yang menegaskan: “*Walk the talk* maknanya apa yang kita kata itu memang kita buat... jadi dia pun faham la.” (ID 3:86). Ungkapan ini menunjukkan bahawa ibu bapa perlu menjadi contoh teladan yang hidup. Tindakan yang selari dengan kata-kata memberi pengaruh yang mendalam dan membina kepercayaan anak-anak terhadap ibu bapa.

PK4 pula menggunakan ungkapan serupa, “*Lead by example. Walk the talk.*” (ID 4:70). PK4 menekankan kepentingan memberi teladan melalui perbuatan. Pendakwah wanita tidak hanya menekankan nilai kebaikan melalui perkataan, tetapi menunjukkan kesungguhan melalui tingkah laku yang sepadan dengan apa yang dinasihatkan. Ini membentuk persepsi positif dalam minda anak-anak dan membina hubungan yang lebih erat dan harmoni.

Lebih lanjut, PK9 menambah, “*Basicnya* mungkin kita *walk the talk*... Kita mampu, kita bantu. Kita tak mampu, kita senyap lah.” (ID 9:35). Ini menekankan bahawa teladan bukan hanya pada masa mudah, tetapi juga ketika menghadapi keterbatasan. Kejujuran dalam mengakui apa yang mampu dan tidak mampu dilakukan juga menjadi cerminan integriti yang dihargai anak-anak.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa *walk the talk* dan menjadi contoh adalah unsur penting dalam gaya pengungkapan dakwah. Ia memberikan kredibilitas kepada pendakwah wanita dan memastikan mesej dakwah diterima dengan penuh penghayatan dalam keluarga.

c. Bina kepercayaan melalui komunikasi

Bina kepercayaan adalah teras kepada komunikasi yang berkesan, dan dalam konteks dakwah keluarga, kepercayaan tidak lahir hanya daripada kata-kata, tetapi daripada keselarasan antara ucapan dan tindakan. Dialog para pendakwah wanita menunjukkan betapa pentingnya membina keyakinan melalui pengungkapan yang benar, telus dan konsisten.

PK1 menegaskan: “kita sendiri tu kena membina kepercayaan tulah... kita pun buat apa yang kita nasihatkan.” (ID 1:54). Ini menekankan bahawa seorang ibu yang menasihati anaknya perlu lebih dahulu menunjukkan sikap dan tindakan yang konsisten dengan nasihatnya. Sikap ini membentuk asas kepada keyakinan anak-anak bahawa yang disampaikan itu benar dan patut dicontohi.

PK8 pula menyebut: “Kalau memang selama ni kita cakap benar, dia akan percaya... keyakinan ini terserlah pada akhlak kita.” (ID 8:30). Kata-kata ini menunjukkan bahawa membina kepercayaan bukan soal ucapan semata-mata, tetapi bagaimana ucapan itu menjadi sebahagian daripada akhlak dan keperibadian ibu bapa. Sikap jujur yang konsisten dalam keluarga menjadi ‘jambatan’ untuk menyampaikan dakwah yang lebih mendalam dan menyentuh hati.

Begitu juga dengan PK4 yang menekankan: “Kalau kita nak kejujuran ada dalam keluarga, kita juga mesti bertindak sebagai orang yang jujur. Berterus

teranglah.” (ID 4:53). Ini menambah bahawa kepercayaan hanya dapat dibina melalui keterbukaan dan keberanian untuk menyatakan kebenaran secara konsisten.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa kepercayaan adalah hasil daripada kejujuran dan konsistensi dalam pengungkapan dakwah. Apabila pendakwah wanita dapat menunjukkan keteladanan yang sama antara kata dan perbuatan, komunikasi keluarga menjadi lebih terbuka, amanah terjaga, dan nilai dakwah lebih mudah diterima oleh setiap ahli keluarga.

d. Mendidik mengikut ajaran Islam

Dalam konteks pengungkapan dakwah keluarga, ajaran Islam menjadi asas yang tidak terpisah. Dialog peserta kajian menunjukkan bagaimana nilai-nilai kejujuran, telus dan adil yang diajar oleh agama dijadikan asas untuk mendidik dan membina komunikasi keluarga yang berkesan.

PK7, misalnya, menekankan bahawa mendidik anak-anak perlu kembali kepada prinsip Islam: “Maknanya anak-anak kita ni, kita beritahu bahawa Islam tu adalah agama ad-din an-naseehah... jadi mereka akan yakin dan berpegang sampai bila-bila.” (ID 7:29). Ini menunjukkan bahawa ibu bapa menggunakan dalil dan prinsip agama untuk menguatkan mesej kejujuran dan mendidik anak-anak tentang nilai kehidupan yang betul.

Selain itu, gaya pengungkapan ini memberi ruang kepada anak-anak untuk melihat bahawa nilai dakwah bukan hanya perkara nasihat kosong, tetapi benar-benar menjadi sebahagian daripada ajaran Islam yang syumul. Hal ini memberikan kekuatan tambahan, kerana apa yang disampaikan bukan hanya dari sudut logik atau pengalaman peribadi, tetapi juga disandarkan pada wahyu Ilahi dan sunnah Nabi Muhammad SAW.

Kesimpulannya, mendidik mengikut ajaran Islam mengukuhkan nilai dakwah dalam keluarga. Ibu bapa menjadi pembimbing yang bukan hanya mendidik secara lisan, tetapi juga memimpin anak-anak kepada kebenaran yang hakiki. Inilah yang

menjadikan dakwah lebih berkesan, kerana anak-anak meyakini bahawa apa yang disampaikan selaras dengan prinsip-prinsip agama yang mereka anuti dan hormati.

Secara keseluruhan, pendakwah wanita menggunakan gaya pengungkapan yang berteraskan kejujuran untuk memastikan mesej dakwah disampaikan secara berkesan dan diterima dalam keluarga. Tema-tema yang muncul ialah kejujuran dalam tindakan dan kata-kata. Ibu bapa bukan sahaja berkata benar, tetapi memastikan setiap perkataan selari dengan tindakan mereka. Prinsip *walk the talk* menjadi asas dalam membina contoh teladan, agar anak-anak bukan sekadar mendengar kata-kata nasihat, tetapi juga melihat sendiri bagaimana ibu bapa hidup dengan nilai tersebut. Kejujuran ini menjadi asas kepada pembinaan kepercayaan melalui komunikasi yang telus, lembut dan penuh empati, serta memupuk keyakinan dalam hubungan kekeluargaan. Kesemuanya berpaksikan pada ajaran Islam yang menekankan nilai ad-din an-naseehah, mendidik anak-anak bahawa dakwah dan komunikasi keluarga yang baik adalah sebahagian daripada ibadah dan amanah, yang harus dipegang dan diamalkan sepanjang hayat.

4.5.3 Berunsur humor

Dalam komunikasi dakwah keluarga, penggunaan humor menjadi salah satu gaya pengungkapan yang penting dan berkesan. Humor bukan hanya berfungsi sebagai alat hiburan semata-mata, tetapi juga menjadi strategi untuk menyampaikan mesej dakwah secara lebih santai dan tidak membebankan emosi penerima. Melalui humor, suasana keluarga menjadi lebih ringan dan mesra, membolehkan setiap nasihat dan teguran diterima dengan hati yang terbuka. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan berunsur humor dengan ahli keluarga.

a. Humor dalam perbualan harian

Humor dalam perbualan harian menjadi salah satu strategi yang sering digunakan oleh pendakwah wanita dalam interaksi keluarga. Ia membantu mencipta suasana yang santai, mesra dan menenangkan emosi ahli keluarga, sekaligus memudahkan penerimaan mesej dakwah yang ingin disampaikan.

Contohnya, peserta kajian PK1 menggambarkan bagaimana dia menggunakan humor ketika berbual dengan suami mengenai penat bekerja: “Kalau macam suami tu, bergurau, bergurau apa ni... Cerita-cerita pasal hal-hal kerja semua sambil-sambil tu selitlah, ‘Ayang je buat kerja ni, penatlah buat kerja ni’ Hahaha” (ID: 1:30). Melalui gurauan ini, keletihan kerja disampaikan dengan nada ceria yang meringankan suasana.

Begitu juga dengan PK6 yang berkongsi pengalaman bahawa humor menjadi alat untuk menegur tentang penjagaan kesihatan suaminya: “Akak ni sebenarnya bukanlah orang yang suka bergurau tapi sebab suami akak adalah orang yang sangat suka bergurau. Dia tak pernah serius tau. Kalau kita tengah cakap contoh: ‘Ni nak kena cut sugar ni, badan dah berisi.’ Dia pun pergi ambil pisau bagi, hah nah cut sugar. Haha” (ID 6:24). Humor dalam interaksi harian ini bukan sahaja menambah keceriaan dalam keluarga tetapi juga menjadi medium untuk menyampaikan mesej halus seperti kesihatan dan kesejahteraan keluarga.

Humor dalam perbualan harian terbukti menjadi jambatan komunikasi yang memupuk ikatan emosi antara ahli keluarga, menyelesaikan masalah tanpa menimbulkan ketegangan, serta memberikan ruang untuk berbual dalam suasana yang lebih selesa dan terbuka.

b. Humor dalam teguran untuk mendidik

Humor bukan hanya menjadi hiburan, tetapi juga berperanan dalam menyampaikan teguran secara mendidik dan lebih santai. Pendakwah wanita menggunakan humor dalam menegur ahli keluarga, terutamanya anak-anak, untuk mengelakkan suasana menjadi tegang atau menyinggung perasaan mereka.

Peserta kajian PK1 misalnya, menggunakan humor untuk menyampaikan teguran berkaitan kewajipan agama: “Ha ni kalau tak buat ni kang, masuk api neraka. Ha umi tinggal je, umi babai je daripada syurga.” (ID 1:34). Ungkapan ini menunjukkan bagaimana peserta kajian menggunakan humor untuk mendidik anak-anak secara santai, tanpa rasa tertekan.

Begitu juga dengan PK5 yang berkongsi tentang humor digunakan untuk menegur hal kebersihan: “Diawal contohnya mulut berbau... kita cakap mulut dia berbau, ‘Eh ada bau apa-apa tak?, Eh, ada orang tak gosok gigi kot’. Contohnya, ‘Kenapa lalat ada ni. Ada orang tak mandi ke?’” (ID 5:24). Teguran ini disampaikan dengan kelakar supaya anak-anak tidak terasa malu atau ditekan, tetapi tetap memahami maksud teguran tersebut.

Selain itu, PK2 menggunakan humor dalam bentuk ancaman manja: “Ambil rotan kang” dia akan “oh.. okay ibu” (ID 2:40). Ancaman ini bukanlah untuk menakutkan, tetapi sebagai cara santai untuk mendisiplinkan anak-anak dan memastikan mesej teguran sampai.

Dapatan ini menunjukkan bahawa humor menjadi alat efektif dalam menyampaikan teguran, kerana ia memudahkan penerimaan nasihat, memupuk suasana positif dan tidak membuatkan anak-anak merasa rendah diri atau diserang secara langsung. Humor mengekalkan hubungan yang mesra dan terbuka, sekaligus menjadikan proses pendidikan dakwah lebih berkesan dan menyeronokkan.

c. Humor untuk mencipta kemesraan

Humor bukan sekadar hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai jambatan yang merapatkan hubungan dan mencipta kemesraan antara ahli keluarga. Pendakwah wanita sering menggunakan humor dalam percakapan harian untuk mengekalkan suasana yang mesra dan menyenangkan.

Sebagai contoh, PK10 berkongsi bagaimana humor berperanan untuk membuatkan anak-anak lebih mudah menerima teguran dengan suasana santai: “Okay, jadi humor-humor yang ringan ni dia jadikan anak-anak lebih mesra dan dia orang terima dan cenderung untuk suka kepada cara yang santai... Dalam syurga tu ada sungai mengalir, ada air milo, kita minum banyak-banyak, oh iya ke Ibu? Boleh minum banyak-banyak. Kembung perut, diorang gelak contoh ni kan.” (ID 10:28). Humor di sini bukan sahaja menjadi penghibur, tetapi juga membantu menjalin keakraban dalam keluarga.

Begitu juga dengan PK5 yang mengakui bagaimana humor memainkan peranan penting dalam hubungan keluarga: “Saya pernah di awal perkahwinan ditegur. Dia kata saya serius. Jadi, di situ saya banyak belajar dan macam itu juga dengan keluarga lah... komunikasi dengan keluarga kena ada unsur ketawa dulu.” (ID 5:10). Hal ini menunjukkan bahawa humor boleh menjadi “peleraian” yang memecah kebekuan komunikasi dan menggalakkan suasana harmoni.

Selain itu, PK8 menggunakan humor untuk menasihati anak lelaki tentang pemakanan: “Kalau dah boroi sangat peliklah, bini kamu okey je...” (ID 8:17). Mesejnya disampaikan secara bersahaja dan mesra, tanpa menimbulkan rasa rendah diri pada anak.

PK10 pula menggunakan humor dalam bentuk nasihat untuk menyatukan adik-beradik: “Kalau satu hari nanti adik tak nak tarik tangan masuk syurga nanti ibu tak tahu” (ID 10:20). Ini membuktikan bahawa humor membantu menenangkan emosi, menyelesaikan konflik dengan penuh kasih sayang, serta mengekalkan keharmonian dalam komunikasi keluarga.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa humor adalah alat berkesan dalam mewujudkan suasana kekeluargaan yang positif dan mesra. Humor membantu memecahkan tembok komunikasi, mengurangkan ketegangan dan menambah nilai kasih sayang dalam dakwah kekeluargaan.

Kesimpulannya, humor memainkan peranan penting dalam berkomunikasi dengan keluarga. Ia bukan sekadar menjadi hiburan tetapi juga menjadi strategi untuk mendidik anak-anak, meredakan ketegangan emosi, dan memupuk kemesraan antara ahli keluarga. Penggunaan humor yang santai dan sesuai dengan konteks membantu menjadikan suasana komunikasi lebih selesa dan penuh kasih sayang. Strategi humor ini bukan sahaja memudahkan penyampaian mesej dakwah, tetapi juga menekankan nilai keakraban dan kefahaman bersama dalam keluarga yang harmoni.

4.5.4 Berhemah

Gaya pengungkapan berhemah menjadi salah satu prinsip penting dalam dakwah keluarga yang diamalkan oleh pendakwah wanita. Pendekatan ini menekankan kepada kebijaksanaan dan sensitiviti emosi dalam menyampaikan mesej dakwah, agar ia diterima dengan penuh penghormatan dan tanpa rasa tersinggung. Ia merangkumi aspek seperti bertanya dan berbincang, menggunakan sentuhan emosi, memilih masa yang sesuai, serta pendekatan kasih sayang yang mendalam. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan berhemah ini untuk memastikan mesej dakwah tidak hanya difahami tetapi juga menyentuh hati penerima dengan hikmah.

a. Bertanya dan berbincang

Dalam gaya pengungkapan dakwah yang berhemah, peserta kajian menunjukkan bahawa bertanya dan berbincang adalah langkah penting sebelum memberi teguran atau nasihat kepada ahli keluarga. Pendekatan ini menekankan bahawa komunikasi yang baik perlu bersifat dialogis dan bukan hanya sehalu.

Sebagai contoh, PK2 menjelaskan bahawa apabila melihat anak-anak melakukan kesalahan, mereka akan menanyakan sebab terlebih dahulu: “Contohnya, kalau dia buat silap, kita tanya betul-betul, kenapa awak buat macam tu?” (ID 2:71). Ini membantu anak-anak merasa didengari dan difahami, sekaligus mengurangkan rasa defensif dan membuka ruang untuk penerimaan teguran yang lebih baik.

Dalam situasi lain, PK2 berkongsi tentang bagaimana beliau mendekati pertengkaran antara anak-anak: “Bila dia akan bergaduh, *first* sekali kena pastikan kenapa bergaduh. Contohnya, kenapa gaduh? Muhammad Adam kenapa awak buat? Mawaddah rampas...” (ID 2:44). Dengan pendekatan ini, peserta kajian tidak hanya melihat kesalahan secara luaran, tetapi cuba memahami latar belakang dan niat di sebalik tingkah laku anak-anak. Ini menunjukkan bahawa bertanya dengan sabar membantu membuka jalan untuk perbincangan yang lebih berkesan dan penuh empati.

Bertanya dan berbincang juga membantu mengelakkan prasangka dan salah tafsir. Hal ini sangat penting kerana dakwah yang berkesan tidak hanya menegur atau memberi arahan, tetapi mendidik dan membimbing dengan kefahaman bersama. Apabila ibu bapa memberi ruang untuk anak-anak menjelaskan dan meluahkan perasaan mereka, ia bukan sahaja membentuk suasana komunikasi yang lebih selesa, tetapi juga menanamkan nilai hormat-menghormati dan saling mendengar dalam keluarga. Strategi ini turut menjadi asas dalam membentuk keyakinan diri dan kepercayaan anak-anak kepada ibu bapa, sekaligus mencerminkan prinsip dakwah yang berhemah, iaitu menasihati dengan penuh pertimbangan, sabar dan kasih sayang.

b. Sentuhan emosi dan interaksi fizikal

Dalam dakwah keluarga yang berhemah, pendekatan bukan hanya berbentuk lisan tetapi juga disampaikan melalui sentuhan emosi dan interaksi fizikal yang penuh kasih sayang. Berdasarkan data yang diperoleh, pendekatan ini diakui sangat berkesan dalam menenangkan emosi penerima teguran dan mewujudkan rasa disayangi.

Peserta kajian PK2 menekankan pentingnya menggunakan bahasa tubuh yang mesra dan lembut sebagai tanda keprihatinan dan kasih sayang ketika berhadapan dengan anak-anak. Contohnya, beliau berkata: “Meh sini. Tak boleh buat macam tu.. (Peserta kajian menunjukkan gaya pelukan dan tangan yang membelai anaknya.) Maknanya ada sentuhan.” (ID 2:73). Sentuhan fizikal seperti ini bukan sahaja menyampaikan mesej teguran secara tidak langsung, tetapi juga menenangkan anak dan mewujudkan keakraban emosi.

Selain itu, peserta kajian PK6 menggunakan pendekatan yang unik untuk menggalakkan anak-anak bangun qiamulail dengan cara yang lembut dan penuh sentuhan emosi. Beliau berkongsi video motivasi disertai emoji sedih, yang menunjukkan rasa keprihatinan dan kasih sayang: “Kalau kita nak suruh dia bangun qiamulail, kita share video dan letak emoji sedih.” (ID 6:54). Walaupun sekadar emoji, ia merupakan simbol sentuhan emosi yang memberi isyarat halus tentang kepentingan perbuatan tersebut tanpa menyinggung hati anak-anak.

Peserta kajian PK7 pula menjelaskan bahawa teguran yang disampaikan tidak sekadar bersifat “memperbetulkan”, tetapi juga menjadi bentuk sokongan emosi kepada anak-anak: “Beritahu mereka bahawa teguran kita itu untuk membina dia, menjadikan dia lebih baik pada masa akan datang.” (ID 7:25). Ini menunjukkan bahawa setiap teguran harus datang dari hati yang penuh kasih, bukan hanya sekadar menegur tetapi menyentuh jiwa anak-anak agar mereka merasakan sokongan dan kasih sayang daripada orang tua.

Kesemua dapatan ini memperlihatkan bahawa sentuhan emosi dan interaksi fizikal bukanlah sekadar tambahan, tetapi menjadi elemen penting yang mempengaruhi penerimaan mesej dakwah dalam keluarga. Dalam konteks keibubapaan Islam, pendekatan ini selari dengan nilai-nilai rahmah (kasih sayang) dan tarbiah (pendidikan), yang menekankan bahawa setiap nasihat atau teguran perlu disampaikan dengan lembut dan penuh empati. Pendekatan ini bukan sahaja mampu melembutkan hati penerima, tetapi juga membina rasa percaya dan kedekatan yang lebih erat dalam keluarga. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa sentuhan emosi dan interaksi fizikal adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam mengamalkan dakwah berhemah dalam keluarga.

c. Masa yang sesuai

Dalam komunikasi dakwah keluarga yang berhemah, memilih masa yang sesuai menjadi salah satu strategi penting yang diperhatikan oleh para pendakwah wanita. Hasil kajian menunjukkan bahawa masa yang dipilih untuk menyampaikan teguran atau nasihat boleh mempengaruhi keberkesanan mesej dakwah dan mengelakkan konflik yang tidak perlu.

Peserta kajian PK3 contohnya menekankan kepentingan masa yang santai untuk menegur anak-anak: “Biasanya kalau bab tegur, kita tegur lepas solat. Macam time usrah la, time itu la kita buat teguran.” (ID 3:76). Beliau memahami bahawa waktu selepas solat atau dalam suasana kekeluargaan yang lebih santai adalah waktu yang paling sesuai kerana emosi anak-anak lebih tenang dan terbuka untuk mendengar.

Peserta kajian lain, PK6, turut menekankan kepentingan memilih masa yang sesuai: “Kalau nak tegur dia, akan cari masa yang sesuaiilah.” (ID 6:37). Ini menunjukkan bahawa proses menegur tidak dilakukan secara tergesa-gesa, tetapi menunggu keadaan yang sesuai agar tidak menyinggung perasaan anak.

Lebih mendalam, peserta kajian PK7 berkongsi bagaimana mereka memastikan suasana yang baik sebelum menegur: “Kesilapan ni kita tengok dulu keadaan yang sesuai, tengok keadaan emosi dia kan...Kemudian barulah kita mulakan dengan kata-kata yang baik, kata-kata yang lembut.” (ID 7:25). Ini menunjukkan bahawa selain daripada masa, keadaan emosi penerima juga menjadi pertimbangan sebelum nasihat disampaikan.

PK10 pula menekankan sensitiviti situasi dan keperibadian anak dalam pemilihan masa: “Selalunya kalau kita nak tegur kesilapannya waktu dan situasi yang sesuai. Jadi jangan menegur mereka dihadapan orang lain, dihadapan kawan dan public, khalayak ramai sebab kita kena faham anak dia ada maruah dia juga.” (ID 10:29). Beliau menekankan bahawa menjaga maruah anak ketika memberi teguran sangat penting supaya teguran itu tidak menjadi sumber konflik atau memalukan anak.

Sementara itu, PK5 turut menekankan pentingnya memilih masa yang santai: “Biasa masa memang sama-sama duduk atas katil juga lah... kita akan tengok dia tengah relaks, dah siap makan, dia gembira-gembira...” (ID 5:42). Ini menunjukkan bahawa masa yang tepat – ketika suasana santai, anak-anak sedang relaks dan emosi mereka stabil – menjadi faktor yang sangat penting untuk memastikan teguran diterima dengan hati terbuka dan tidak menjadi punca konflik.

Kesemua data ini menegaskan bahawa pemilihan masa yang sesuai bukan sahaja membantu kelancaran komunikasi, tetapi juga melambangkan kepekaan dan empati ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Masa yang sesuai menjadikan teguran lebih mudah diterima, membina kepercayaan, dan mengekalkan keharmonian dalam keluarga. Dalam konteks dakwah Islam, pemilihan masa yang sesuai juga menggambarkan kesedaran akhlak dan hikmah dalam menyampaikan kebaikan, selari dengan prinsip dakwah yang mengutamakan kelembutan dan kebijaksanaan. Hasil

kajian mendapati bahawa memilih masa yang tepat adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya dakwah yang berhemah dalam keluarga.

d. Penggunaan teknik perbandingan dan kiasan

Pendekatan berhemah dalam dakwah keluarga juga melibatkan penggunaan teknik perbandingan dan kiasan untuk menyampaikan mesej dengan lebih halus dan tidak menyinggung perasaan penerima. Teknik ini digunakan bagi memudahkan anak-anak memahami maksud sebenar nasihat yang diberikan, tanpa perlu merasa diserang secara langsung.

Peserta kajian PK5 menekankan bagaimana kiasan digunakan dalam komunikasi keluarga: “Memang banyak kepada kiasan lah... macam bab mulut tak gosok gigi tu pun kita macam banyak kiasan. Kiasan lepas tu gurauan lepas tu baru nasihat.” (ID 5:51). Ini menunjukkan bahawa nasihat atau teguran sering disampaikan melalui simbol dan contoh yang dekat dengan kehidupan harian agar lebih mudah difahami dan diterima oleh anak-anak.

Dalam konteks ini, penggunaan kiasan membantu pendakwah wanita mengurangkan suasana tegang dan menenangkan emosi anak-anak yang mungkin sensitif atau mudah tersinggung. Pendekatan ini juga sejajar dengan prinsip akhlak Rasulullah SAW yang sering menggunakan kiasan dalam mendidik umatnya, agar mesej yang disampaikan lebih melekat di hati penerima.

PK5 juga menekankan penggunaan simbol atau contoh umum ketika ingin menegur agar tidak menyentuh emosi secara langsung: “Biasa kita tak akan cerita benda itu yang berlaku dalam diri kita. Cuma kita akan simbolikkan, ‘Abang, macam mana kalau ada satu orang tu macam tu macam ini?’.” (ID 5:45). Dengan cara ini, mesej dakwah disampaikan secara tidak langsung tetapi tetap memberikan kesan yang mendalam. Anak-anak atau pasangan yang mendengar akan lebih mudah merenung dan memahami mesej yang disampaikan, tanpa rasa defensif.

Keseluruhan dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan kiasan dan perbandingan adalah pendekatan bijak dan penuh hikmah dalam komunikasi dakwah

keluarga. Ia bukan sahaja memudahkan penerimaan mesej, tetapi juga membina suasana komunikasi yang lembut, tenang dan penuh kasih sayang. Dalam amalan dakwah, pendekatan ini menjadi salah satu strategi penting yang perlu diberi perhatian agar mesej kebaikan bukan sahaja sampai, tetapi juga membekas di hati dan membina perubahan yang positif.

e. Teguran secara tidak langsung

Dalam pengungkapan dakwah berhemah, salah satu pendekatan yang banyak diamalkan oleh pendakwah wanita dalam keluarga ialah teguran secara tidak langsung. Kaedah ini digunakan untuk menegur tanpa menjatuhkan maruah atau menyentuh perasaan secara terus, terutamanya kepada anak-anak atau pasangan. Ia membolehkan mesej disampaikan dengan cara yang lebih lembut dan berkesan, sekaligus mengekalkan suasana harmoni dalam komunikasi keluarga.

Sebagai contoh, PK5 berkongsi: “Biasa kita tak akan cerita benda itu yang berlaku dalam diri kita. Cuma kita akan simbolikkan, ‘Abang, macam mana kalau ada satu orang tu macam tu macam ini?’.” (ID 5:45). Ini menunjukkan peserta kajian menggunakan pendekatan simbolik dan tidak menyatakan secara langsung siapa yang melakukan kesilapan. Pendekatan ini membantu penerima memahami mesej tanpa merasa tersinggung.

Dalam konteks lain, PK5 turut menggunakan peraturan rumah sebagai satu cara tidak langsung untuk mendidik anak tentang batas dalam penggunaan bahasa: “Kita tak boleh gunakan perkataan tu... macam ada *rules* juga kat rumah tu. Siapa yang gunakan kata pelik-pelik masa kecil, kita orang akan denda juga bayar.” (ID 5:36). Menerusi ‘peraturan rumah’, mesej dakwah disampaikan dengan jelas tanpa perlu berleter. Ia juga mencerminkan satu sistem pendidikan yang konsisten dan tidak konfrontasi.

Teknologi juga dimanfaatkan oleh peserta kajian untuk menyampaikan teguran secara tidak langsung. Menurut PK5: “Kadang kita banyak video-video motivasi, so kita akan forward dalam group. Kami ada group family.” (ID 5:52). Begitu juga

dengan PK6 yang berkata: “Kadang kita *share* video yang ada kata-kata tu kan... So kita screenshot kata-kata ustaz dan kita *share*.” (ID 6:54).

Kedua-dua pendekatan ini menunjukkan penggunaan bahan luaran, seperti video dan mesej ustaz, bagi menyampaikan teguran dengan lebih halus. Cara ini bukan sahaja mengekalkan ketenangan suasana, malah lebih mudah diterima kerana mesej tidak dilihat sebagai serangan peribadi.

Keseluruhannya, teguran secara tidak langsung dalam dakwah keluarga merupakan strategi yang bijaksana. Ia berperanan menjaga perasaan dan maruah penerima, membina suasana positif, serta menggalakkan refleksi sendiri. Hasil kajian mendapati pendekatan ini mampu mengekalkan hubungan kekeluargaan yang harmoni dan saling menghormati, dengan menyampaikan mesej kebaikan secara hikmah dan penuh kelembutan.

f. Pendekatan kasih sayang dan empati

Pendekatan dakwah dalam keluarga tidak hanya bergantung kepada apa yang disampaikan, tetapi sangat bergantung kepada bagaimana mesej itu disampaikan, khususnya dalam suasana yang dipenuhi dengan kasih sayang dan empati. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa para ibu, sebagai pendakwah dalam keluarga, sangat peka terhadap emosi dan perasaan anak-anak. Mereka memilih untuk tidak menegur secara keras, sebaliknya menggunakan pendekatan yang merangkul emosi dan perasaan ahli keluarga.

Sebagai contoh, PK8 menekankan pentingnya berkongsi pengalaman diri ketika ingin menegur anak-anak. Beliau menyatakan, “Kalau anak terangkat suara, kita tak terus tegur depan anak... kita berkongsi pengalaman ‘mama pun dulu pernah begitu’ untuk menenangkan.” (ID: 8:07). Ini menunjukkan satu bentuk empati yang tinggi, apabila ibu memilih untuk tidak menjatuhkan air muka anak dengan mengaitkan teguran kepada pengalaman sendiri, sekali gus menjadikan mesej lebih mudah diterima.

Begitu juga dengan PK5 yang mendedahkan bagaimana ibu bapa menunjukkan kasih sayang secara langsung melalui kata-kata afirmatif seperti, “Ummi sayang Adik. Adik pun sayang Ummi.” (ID: 5:77). Komunikasi sebegini memberi kesan emosi yang mendalam dan membina keyakinan diri anak. Dalam suasana ini, teguran bukan lagi dilihat sebagai penghukuman, sebaliknya satu bentuk perhatian yang tulus.

Menariknya, PK5 turut menjelaskan amalan peraturan komunikasi dalam keluarganya: “Kita tak boleh gunakan perkataan tu... macam ada *rules* juga kat rumah tu. Siapa yang gunakan kata pelik-pelik masa kecil, kita orang akan denda juga bayar.” (ID: 5:36). Ini menunjukkan bagaimana kasih sayang turut diterapkan melalui disiplin yang konsisten dan mendidik. Pendekatan ini bukan bersifat menghukum semata-mata, tetapi dilakukan dalam suasana yang difahami dan disepakati bersama – satu bentuk empati dalam membina akhlak keluarga.

Gabungan antara kelembutan, sentuhan pengalaman diri, dan peraturan yang adil mencerminkan kesungguhan ibu bapa untuk membentuk keluarga yang sangat menghormati dan memahami. Pendekatan kasih sayang dan empati ini terbukti mampu mewujudkan komunikasi dakwah yang lebih berkesan apabila nasihat tidak ditolak, tetapi diraikan dengan hati yang terbuka.

g. Mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW

Dalam menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga, para peserta kajian dalam kajian ini menunjukkan bahawa mereka amat menekankan aspek mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW sebagai model utama komunikasi yang berhemah. Akhlak Rasulullah yang penuh hikmah, kelembutan, serta bijak dalam menegur menjadi panduan dalam membentuk pendekatan dakwah yang tidak bersifat menghukum tetapi mendidik dengan penuh kasih sayang.

Sebagai contoh, peserta kajian PK7 menjelaskan bagaimana beliau menggunakan penceritaan tentang kehidupan Nabi SAW sebagai pendekatan untuk menyampaikan teguran kepada anak-anak. Beliau menyebut: “Kadang-kadang kita tegur, kita tak tegur *direct*... Kita bawa dalam bentuk penceritaan ‘adik tahu tak Nabi

dulu...” (ID: 7:26). Pendekatan ini membuktikan bahawa dakwah yang berkesan dalam keluarga tidak semestinya bersifat arahan terus, tetapi lebih kepada menyuntik kesedaran secara tidak langsung dengan mengambil teladan daripada kisah-kisah kehidupan Rasulullah SAW. Cerita tentang sifat sabar, kasih sayang Nabi terhadap anak-anak, serta kebijaksanaan dalam mendidik menjadi saluran penyampaian nilai secara halus namun signifikan.

Manakala PK4 pula menyatakan dengan jelas bagaimana pendekatan baginda Nabi menjadi garis panduan dalam teguran kepada pasangan. Katanya: “Kalau nak tegur anak, saya guna pendekatan tauladan melalui Nabi. Contoh kalau macam kita nak... macam nak cakap dengan *husband* kan. Kita bagitahu lah ‘Nabi pun tak buat macam ni.’” (ID: 4:61). Di sini, dapat dilihat bagaimana komunikasi dalam rumahtangga juga dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam yang diasaskan daripada contoh akhlak Nabi SAW. Dengan menyandarkan teguran kepada sirah, mesej lebih mudah diterima kerana ia bukan datang semata-mata daripada diri si penegur, tetapi dari ajaran agama yang lebih besar dan dihormati.

Pendekatan ini bukan sahaja meredakan konflik, tetapi menjadikan komunikasi dakwah dalam keluarga lebih berhikmah dan berkesan. Anak-anak dan pasangan lebih cenderung mendengar apabila mesej disampaikan dengan pendekatan yang membina, berteraskan nilai Islam yang dekat dengan hati mereka. Ia juga membina kepercayaan terhadap peranan ibu atau bapa sebagai pendakwah dalam keluarga, bukan kerana kedudukan mereka, tetapi kerana pendekatan mereka sejajar dengan nilai-nilai luhur agama.

Kesimpulannya, mencontohi akhlak Nabi SAW dalam komunikasi dakwah keluarga bukan sahaja memperhalus gaya penyampaian, malah meningkatkan keberkesanan penerimaan mesej serta memperkukuh ikatan kekeluargaan berdasarkan nilai iman, kasih sayang, dan hormat-menghormati.

h. Memberikan penghargaan

Memberikan penghargaan merupakan antara pendekatan berhemah yang memainkan peranan besar dalam komunikasi dakwah kekeluargaan. Penghargaan yang dinyatakan

secara lisan bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi ahli keluarga, tetapi juga menunjukkan bahawa sumbangan dan usaha mereka diiktiraf. Dalam konteks ini, penghargaan bukan sekadar pujian kosong, tetapi satu bentuk dorongan yang bersifat membina dan menyuburkan kasih sayang.

Sebagai contoh, peserta kajian PK8 menzahirkan pendekatan ini melalui kata-kata: “Kalau dia pandai masak nasi lemak, kita cakap ‘rindu nasi lemak kamu’. Bukan mengampu, tapi kita menghargai.” (ID: 8:13). Dialog ini jelas menunjukkan bahawa penghargaan tidak perlu disampaikan secara dramatik atau berlebihan, tetapi cukup dengan pengiktirafan yang tulus dan tepat pada waktunya. Malah, pemilihan kata-kata seperti “rindu nasi lemak kamu” memberi kesan emosi yang mendalam dan mencetuskan rasa dihargai dalam kalangan ahli keluarga. Kata-kata tersebut juga memperkukuh hubungan dan meningkatkan keyakinan diri individu yang menerima pujian.

Pendekatan menghargai ini turut membawa elemen pendidikan emosi kepada anak-anak. Ia menanam nilai bahawa usaha yang dilakukan, walaupun kecil, mempunyai nilai di sisi keluarga dan wajar diraikan. Dalam konteks dakwah, ini membuka ruang kepada penyampaian mesej dengan lebih efektif kerana penerima merasakan diri mereka tidak dihukum atau dikritik, tetapi diterima dan dihargai. Perasaan dihargai menjadikan mereka lebih terbuka menerima nasihat dan lebih yakin untuk memperbaiki diri.

Lebih menarik lagi, penghargaan yang dinyatakan dalam bentuk kata-kata positif juga menjadi amalan yang dicontohi oleh anak-anak. Apabila ibu bapa membiasakan diri mengungkapkan pujian atau pengiktirafan terhadap perbuatan baik, ia akan menjadi satu budaya dalam keluarga. Budaya ini akan membentuk komunikasi dua hala yang lebih mesra dan positif. Ia juga selari dengan sunnah Nabi SAW yang sering memuji sahabat baginda apabila mereka menunjukkan kebaikan, menjadikan pujian sebagai kaedah dakwah yang amat berkesan.

Secara keseluruhan, pemberian penghargaan secara *verbal* dalam komunikasi kekeluargaan memperlihatkan kematangan dan kebijaksanaan dalam dakwah. Ia

memperhalus gaya penyampaian, membina jalinan emosi yang lebih erat, serta menjadikan keluarga sebagai medan tarbiah yang subur dengan kasih sayang dan penghormatan.

Kesimpulannya, pendekatan berhemah dalam pengungkapan dakwah keluarga menggambarkan kepekaan emosi dan kehalusan komunikasi para pendakwah wanita. Mereka tidak sekadar menyampaikan mesej secara langsung, tetapi menekankan aspek bertanya dan berbincang terlebih dahulu, memilih masa dan suasana yang sesuai, serta menggunakan pendekatan simbolik seperti kiasan dan penceritaan untuk mengelakkan rasa tersinggung. Sentuhan emosi, interaksi fizikal yang mesra, serta peniruan akhlak Nabi Muhammad SAW menjadi landasan utama dalam mengekalkan kelembutan dan hikmah dalam menegur. Dalam masa yang sama, penghargaan dan ungkapan kasih sayang diberi ruang besar sebagai elemen penting untuk membina keyakinan dan penghormatan dalam keluarga. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan berhemah bukan sekadar kaedah komunikasi, tetapi juga satu bentuk pendidikan jiwa yang menyentuh hati dan menyuburkan kasih dalam dakwah kekeluargaan.

4.5.5 Berunsur penceritaan

Penceritaan merupakan antara gaya pengungkapan dakwah yang berkesan dalam konteks kekeluargaan kerana ia menyampaikan mesej secara tidak langsung, santai, dan mudah dihayati. Teknik ini bukan sahaja menimbulkan minat pendengar, malah mampu menyentuh hati dan mencetuskan refleksi diri tanpa perlu menggunakan pendekatan konfrontasi. Dalam kalangan pendakwah wanita, penceritaan sering digunakan untuk menyampaikan kisah teladan seperti kisah para Nabi, pengalaman hidup, atau kisah seharian yang membawa mesej pengajaran. Ini menjadikan dakwah lebih halus, tidak mengguris perasaan, dan bersifat membina. Kaedah ini juga membantu anak-anak memahami sesuatu nilai secara semula jadi dan konsisten dalam kehidupan seharian. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan dakwah berunsur penceritaan agar mesej yang disampaikan lebih berkesan dan menyentuh jiwa.

a. Penceritaan kisah Nabi sebagai pedoman

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, penceritaan kisah-kisah para nabi menjadi antara pendekatan yang paling signifikan dan berkesan dalam kalangan pendakwah wanita. Cerita-cerita ini bukan sekadar naratif sejarah, malah menjadi instrumen pendidikan yang merangkumi nilai akhlak, prinsip moral, dan kebijaksanaan Islami yang dapat diserap oleh ahli keluarga secara emosional dan intelektual. Melalui kisah para nabi, mesej dakwah dapat disampaikan dengan cara yang lembut namun sarat makna, seterusnya menjadikan proses pendidikan Islam dalam rumah tangga lebih berkesan dan menyentuh hati.

Hasil kajian mendapati bahawa kisah Nabi Muhammad SAW merupakan sumber rujukan utama yang sering digunakan oleh peserta kajian untuk mengaitkan akhlak harian dengan teladan Rasulullah SAW. Sebagai contoh, PK1 menyatakan: “Nabi Muhammad ni dia banyak relate dengan kehidupan semua kan. Dia ada pembelajaran lah.” (ID 1:56). Manakala PK2 dan PK4 turut mengakui keberkesanan mendekatkan kisah Rasulullah dengan kehidupan harian melalui ungkapan: “Banyak-banyak kisah Nabi Muhammad la... Yang dekat.” (ID 2:79). “Biasanya kisah Nabi lah. Kisah Nabi Muhammad.” (ID 4:58).

Kisah-kisah ini digunakan dalam pelbagai situasi untuk menanam nilai seperti amanah, kasih sayang, kesabaran, dan tanggungjawab. Misalnya, PK1 menggunakan pendekatan ini ketika menegur anaknya: “Suhail tahu tak? Bila Suhail tak angkat beg, tu maksudnya Suhail tak bertanggungjawab. Tak amanah. Ha... Sifat nabi kan.” (ID 1:27). Dalam contoh ini, nilai amanah ditanamkan dengan cara membandingkan kelakuan anak dengan sifat Nabi. Teguran tidak disampaikan secara langsung atau kasar, sebaliknya dibingkai melalui peribadi yang dikagumi dan disanjung dalam agama. Ini menjadikan mesej lebih mudah diterima dan dihayati.

Selain itu, penceritaan kisah Nabi Yusuf turut digunakan sebagai pedoman dalam membentuk kekuatan dalaman dan kawalan diri terhadap nafsu. PK7 menerangkan: “Kisah Nabi Yusuf tu kita ceritakan kepada anak-anak... bagaimana sabarnya Nabi Yusuf... mengawal hawa nafsu kita lah daripada terjebak kepada perkara yang Allah larang.” (ID 7:28). Kisah ini digunakan untuk menyampaikan nilai

sabar dan menjaga diri daripada perkara yang dilarang, secara hikmah dan mendalam, tanpa perlu bersifat menekan atau menghakimi. Bukan itu sahaja, peserta kajian juga menyebut penggunaan kisah-kisah nabi lain seperti Nabi Sulaiman dan Nabi Nuh dalam komunikasi harian: “Akak biasanya akan selalu guna kisah Nabi. Semua Nabi. Contoh hari ini Nabi Sulaiman, esok Nabi Nuh.” (ID 6:57).

Amalan ini menjadikan penceritaan kisah nabi sebagai elemen rutin yang bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik anak-anak secara konsisten dalam suasana yang santai dan tidak memaksa. Selain itu, kisah Nabi Ibrahim turut dijadikan contoh untuk memperkenalkan konsep keimanan, pengorbanan dan ketaatan kepada perintah Allah SWT. PK7 menyatakan: “Sebagai contoh, kita ambiklah contoh kisah Nabi Ibrahim.” (ID 7:28). Kisah ini digunakan bukan sahaja untuk memperkukuh kefahaman terhadap tauhid dan aqidah, malah untuk membina keteguhan jati diri sebagai Muslim.

Bagi anak perempuan pula, kisah Sayyidatina Maryam dijadikan inspirasi untuk menanam nilai kesolehan dan ketekunan dalam ibadah. PK7 berkongsi: “Kadang-kadang ustazah bawa kisah Maryam sebab ustazah ni ramai anak perempuan. Maryam ni seorang perempuan yang solehah, yang ahli ibadah. Sehingga dengan ibadah dia tu Allah angkat darjat dia.” (ID 7:28). Ini menunjukkan bahawa pemilihan tokoh-tokoh Nabi dan Rasul bukan sahaja berdasarkan keumuman cerita, tetapi juga berdasarkan kesesuaian jantina, keperluan emosi dan perkembangan anak-anak yang berbeza.

Secara keseluruhan, penceritaan kisah Nabi digunakan bukan hanya sebagai alat menyampaikan cerita, tetapi sebagai satu bentuk pendekatan psikologi dan spiritual yang sangat berkesan. Ia membantu menjadikan pengajaran agama lebih ‘hidup’, relevan dan dekat dengan pengalaman seharian ahli keluarga. Ini menjadikan komunikasi dakwah bukan sekadar penyampaian maklumat, tetapi satu proses pembinaan nilai dan hubungan hati ke hati. Pendekatan ini juga selari dengan sunnah Rasulullah SAW yang banyak menyampaikan dakwah dan pengajaran melalui kisah, perumpamaan dan dialog berunsur hikmah. Maka, hasil kajian ini memperlihatkan bahawa penceritaan kisah Nabi adalah satu strategi dakwah kekeluargaan yang amat

signifikan dan berpotensi membentuk generasi yang lebih faham dan mencintai agama secara tulus dan alami.

b. Penceritaan sebagai pendekatan tidak langsung (*indirect approach*)

Dalam kalangan pendakwah wanita, pendekatan tidak langsung melalui penceritaan merupakan strategi yang berkesan untuk menyampaikan mesej dakwah tanpa menimbulkan rasa tertekan atau dituding kepada penerima. Teknik ini membolehkan mesej disampaikan secara halus, berlapik dan lebih mudah diterima, khususnya apabila menyentuh kesilapan atau kekurangan dalam kalangan ahli keluarga.

Misalnya, PK5 berkata: “Kita akan simbolikkan, ‘Abang, macam mana kalau ada satu orang tu macam tu macam ini... Okey ke orang itu buat macam itu?’” (ID 5:45). Dalam petikan ini, peserta kajian tidak menegur anak secara langsung, sebaliknya menggunakan pendekatan simbolik dengan watak rekaan untuk menggambarkan kesilapan yang sedang berlaku. Kaedah ini membolehkan anak menilai sendiri kesilapan tanpa berasa disindir atau disalahkan secara terus. Secara tidak langsung, ia mendidik anak menjadi lebih reflektif terhadap tingkah laku mereka sendiri. Selain itu, pendekatan ini membantu mengurangkan ketegangan dan mendorong perbincangan secara terbuka.

Manakala PK7 menyatakan: “Kadang-kadang kita tegur, kita tak tegur direct, contoh kita bawa ceritalah...” (ID 7:26). Peserta kajian ini juga mengakui bahawa dalam sesetengah keadaan, menegur secara terus mungkin tidak berkesan atau boleh menyinggung perasaan. Justeru, penceritaan digunakan sebagai medium alternatif untuk menyampaikan mesej secara lebih berhikmah. Pendekatan ini bersifat mendidik dan pada masa yang sama memelihara keharmonian dalam hubungan kekeluargaan.

Kaedah penceritaan tidak langsung ini mempunyai elemen psikologi yang halus, kerana pendekatan ini mengekalkan maruah individu yang ditegur sambil membina kesedaran melalui penghayatan terhadap kisah yang disampaikan. Ia juga menyerlahkan kemahiran komunikasi empatik oleh ibu bapa dalam menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan.

c. Penggunaan Penceritaan berkaitan keadaan sekeliling

Salah satu pendekatan penceritaan yang berkesan dalam gaya pengungkapan dakwah adalah dengan mengaitkan mesej secara langsung kepada peristiwa atau keadaan sekeliling yang sedang berlaku. Pendekatan ini menjadikan mesej dakwah lebih kontekstual, segar, dan mudah difahami kerana ia berpaksikan realiti yang sedang dialami atau dilihat oleh penerima dakwah. Dalam kalangan pendakwah wanita, kaedah ini sering digunakan semasa dalam kenderaan, semasa makan bersama atau ketika berlaku sesuatu situasi harian yang memberi peluang untuk menyampaikan nilai pendidikan.

Sebagai contoh, R 9 menyatakan: “Cuba tengok tu, orang naik Grab... kita ni syukur, Alhamdulillah duduk di atas.” (ID 9:41). Dalam situasi ini, dakwah disampaikan ketika sedang melihat orang lain menaiki Grab (pengangkutan *e-hailing*), manakala mereka sendiri berada dalam kenderaan sendiri. Peserta kajian memanfaatkan peluang ini untuk menanamkan rasa syukur dalam kalangan ahli keluarga, dengan membezakan keadaan mereka dengan orang lain secara halus. Tanpa menyebut secara terus terang, beliau mengajak anak-anak merenung nikmat yang mereka miliki agar tidak menjadi insan yang kufur nikmat. Pendekatan ini bukan sahaja tidak memaksa, malah membentuk kesedaran secara semula jadi melalui pemerhatian dan renungan.

Dalam satu lagi contoh, R 4 berkata: “Maksudnya makanan ni bukan ibu bapa yang beli kan. Ini semua ni, Allah Taala sebut dalam Quran. ‘Aku yang memberi makan dan memberi minum.’” (ID 4:59). Di sini, peserta kajian mengaitkan sumber rezeki dengan ajaran agama secara langsung dan praktikal. Dalam konteks ini, ibu menyampaikan nilai tawakal dan kesedaran terhadap ketuhanan, dengan menekankan bahawa makanan yang diperoleh bukan sekadar hasil titik peluh manusia semata-mata, tetapi adalah kurniaan Allah SWT. Ini mendorong anak-anak untuk memahami hakikat rezeki dan mengembangkan rasa syukur, serta mengelakkan rasa sombong atau mengambil mudah terhadap nikmat kehidupan.

Melalui pendekatan ini, penceritaan menjadi alat penting dalam mendidik hati, kerana mesejnya disampaikan melalui realiti yang boleh dilihat dan dirasakan,

menjadikan mesej dakwah lebih dekat dan relevan. Ia juga menggalakkan proses pembelajaran yang reflektif dan mendorong pemikiran kritis dalam kalangan ahli keluarga terhadap pengalaman harian mereka.

Secara keseluruhannya, pendekatan penceritaan dalam gaya pengungkapan dakwah telah terbukti sebagai strategi yang berkesan dalam konteks kekeluargaan. Penceritaan kisah para Nabi, penyampaian pengajaran melalui kisah kehidupan, penggunaan pendekatan tidak langsung, dan penceritaan berkait situasi sekeliling membolehkan mesej dakwah disampaikan dengan cara yang lembut, mendalam dan mudah difahami. Kaedah ini bukan sahaja menghidupkan nilai agama dalam kehidupan seharian, tetapi juga merapatkan hubungan kekeluargaan kerana ia mendorong interaksi yang bersifat reflektif dan menyentuh emosi. Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam mengamalkan penceritaan sebagai gaya dakwah, antaranya ialah pemilihan konteks yang sesuai, penyampaian yang bersahaja serta penggunaan bahasa yang mesra dan penuh hikmah.

4.5.6 Berunsur nasihat

Nasihat merupakan salah satu elemen penting dalam gaya pengungkapan dakwah, terutamanya dalam konteks kekeluargaan yang memerlukan pendekatan yang berhemah dan penuh hikmah. Pendakwah wanita sering memilih gaya pengungkapan yang lembut dan mendalam, bukan sekadar menegur kesalahan secara langsung, tetapi menyelitkan nasihat melalui pelbagai pendekatan yang lebih mesra dan mudah diterima. Ini termasuk penggunaan penceritaan sebagai medium nasihat, penyampaian secara tidak langsung untuk menjaga sensitiviti emosi, serta memelihara maruah penerima nasihat. Di samping itu, nasihat juga disampaikan secara bersahaja dalam aktiviti harian keluarga atau berteraskan prinsip dan hukum agama, agar nilai yang disampaikan lebih berkesan dan berakar dalam jiwa. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan dakwah berunsur nasihat agar mesej yang disampaikan tidak menimbulkan penolakan, sebaliknya diterima dengan hati yang terbuka dan penuh penghayatan.

a. Nasihat melalui penceritaan

Penceritaan menjadi salah satu teknik yang paling banyak digunakan oleh pendakwah wanita dalam menyampaikan nasihat kepada ahli keluarga, khususnya kepada anak-anak. Cerita, sama ada bersumberkan kisah Nabi, dongeng tempatan, mahupun situasi kehidupan seharian, digunakan sebagai pendekatan yang mudah difahami dan lebih dekat dengan pemikiran kanak-kanak. Penceritaan ini bukan sekadar hiburan, malah sarat dengan nilai-nilai moral dan pengajaran yang halus, tanpa perlu menegur secara keras atau berkonfrontasi.

Sebagai contoh, PK10 menyatakan: “Bercerita adalah salah satu perkara yang bagus... cerita kisah-kisah Nabi... contohnya Nabi Muhammad yatim... boleh timbulkan rasa syukur mereka. Cerita dongeng macam Sang Kancil pun ada mesej, dan di akhir penceritaan kita ulaskan mesej tu.” (ID 10:34). Kedua-dua contoh ini menunjukkan bahawa penceritaan dijadikan alat komunikasi dakwah yang berstruktur, dimulakan dengan naratif dan diakhiri dengan refleksi atau pengajaran. Ini selaras dengan kaedah Nabi SAW yang sering menggunakan kisah-kisah terdahulu untuk memberi ibrah (pengajaran) kepada umatnya. Dalam konteks keluarga, pendekatan ini membantu anak-anak memahami nilai tanggungjawab, empati dan kesyukuran tanpa merasa digurui atau dimarahi.

Begitu juga dengan PK4 yang berkata: “Contoh anak-anak bergaduh sebab makanan... kita buka Quran, cerita pasal dia. Maksudnya, semua rezeki ini daripada Allah, kita kena berkongsi. Jadi tidak ada istilah memunya.” (ID 4:31). Dalam contoh ini, kisah al-Quran dijadikan naratif untuk menjelaskan nilai perkongsian dan menolak sikap mementingkan diri. Ia menunjukkan bagaimana penceritaan mampu disampaikan dalam bahasa agama yang sesuai dengan kefahaman anak-anak dan bersifat mendidik secara tidak langsung.

Selain itu, PK7 juga menekankan teknik bercerita untuk menyampaikan nilai sabar dan ibadah: “Contohnya kadang-kadang kita tegur, kita tak tegur direct contoh kita bawa ceritalah. Kita bawa dalam bentuk penceritaan ‘adik tahu tak Nabi dulu atau Rasul dulu atau ada seorang ulama dulu’. Kita bawakan cerita, kemudian kita buat moralnya begini-begini. Jadi itulah, ‘Ibu rasa adik kena contohi cerita begini’.” (ID

7:26). Melalui pendekatan ini, nasihat disampaikan dalam bentuk simbolik dan penuh hikmah, tanpa memperlekeh atau menyakiti emosi anak. Penceritaan bukan sahaja melembutkan suasana, tetapi juga menjadikan nilai dakwah itu lebih melekat dan mudah diingat.

Kesimpulannya, gaya nasihat melalui penceritaan merupakan satu strategi yang efektif dan sesuai digunakan dalam komunikasi kekeluargaan. Ia menggabungkan elemen emosi, intelektual dan spiritual, menjadikan mesej dakwah lebih santai tetapi menyentuh jiwa. Pendekatan ini bukan sahaja memberi impak kepada kefahaman anak-anak, tetapi turut menyumbang kepada hubungan kekeluargaan yang lebih harmoni dan berkesan.

b. Nasihat secara lembut dan tidak langsung

Pendakwah wanita dalam konteks kekeluargaan cenderung menggunakan pendekatan lembut dan tidak langsung dalam menyampaikan nasihat. Gaya ini dilihat lebih berkesan kerana dapat mengelakkan reaksi defensif daripada ahli keluarga, khususnya anak-anak dan pasangan. Nasihat disampaikan melalui gaya bahasa yang tenang, empatik dan penuh perasaan, serta menggunakan *timing* yang tepat. Pendekatan ini bukan sahaja mencerminkan kematangan emosi pendakwah, malah selari dengan prinsip dakwah bil hikmah, iaitu menyampaikan kebenaran dengan penuh kebijaksanaan.

Peserta kajian PK4, sebagai contoh, menjelaskan bagaimana beliau memulakan nasihat dengan meluahkan perasaan terlebih dahulu untuk mengundang perhatian dan empati: “Biasanya saya akan melontarkan perasaan. Memulakan itu dengan melontarkan perasaan lah. ‘Hari ni ibu rasa sedih lah...’ nanti dia akan tanya ‘kenapa?’ ‘... sebab baba terlalu lama dekat luar. Kita tahu kan anak-anak kita ni ada masa beberapa tempoh je.’ Jadi dia macam, ‘Oh iya ke? Abang minta maaf?’” (ID 4:37). Melalui gaya ini, PK4 tidak terus menegur atau menyalahkan, sebaliknya mencipta ruang komunikasi yang terbuka dan menyentuh emosi. Ini membina kesedaran dalam diri anak secara sukarela, bukan melalui paksaan.

Pendekatan ini turut disokong oleh PK5 yang menyatakan: “Biasanya bila dia dah tenang, baru kita datang, baru bertanya dan biasanya mulakan dengan sentuhan... Kalau tak serius, senyum dulu, ketawa dulu, baru bercakap.” (ID 5:18). Tindakan ini menekankan pentingnya mengurus emosi anak sebelum menyampaikan mesej nasihat. Sentuhan, senyuman dan gelak ketawa ringan bukan sahaja menjadi peleraian suasana tegang, malah mencipta persekitaran yang kondusif untuk teguran diterima dengan baik. Ia sekaligus menunjukkan keupayaan ibu untuk membaca emosi anak, satu ciri penting dalam komunikasi berkesan.

Peserta kajian PK7 juga memberikan penekanan yang sama: “Jadi maknanya kita cari yang sesuai, kemudian barulah kita mulakan dengan kata-kata yang baik, kata-kata yang lembut. Beritahu mereka bahawa teguran kita itu untuk membina dia, menjadikan dia lebih baik pada masa akan datang.” (ID 7:25). Di sini, tujuan nasihat dinyatakan secara jelas – bukan untuk menyalahkan, tetapi untuk membantu dan membina keperibadian yang lebih baik. Gaya ini bukan sahaja mengekalkan hubungan mesra dalam keluarga, malah memperkukuh penghormatan anak kepada ibu bapa.

Keseluruhannya, gaya nasihat secara lembut dan tidak langsung ini sangat sesuai untuk konteks kekeluargaan yang harmoni. Ia mencerminkan kesedaran emosi, keprihatinan dan pendekatan psikologi yang matang. Hasil dapatan menunjukkan bahawa apabila ahli keluarga merasa difahami dan dihormati, mereka lebih terbuka untuk mendengar, mengakui kesilapan dan menerima nasihat dengan hati yang lapang.

c. Nasihat dengan penghargaan terhadap maruah

Salah satu pendekatan yang ditekankan oleh pendakwah wanita ialah memberi nasihat dengan menjaga maruah dan air muka ahli keluarga. Prinsip ini sejajar dengan etika dakwah yang menekankan adab dalam menegur dan menghormati keperibadian individu. Dalam konteks kekeluargaan, menjaga harga diri ahli keluarga terutama di hadapan orang lain sangat penting bagi mengekalkan keharmonian dan kepercayaan antara satu sama lain. Teguran yang dibuat secara terbuka dan keras boleh mencetuskan rasa malu, kecewa dan akhirnya membawa kepada penolakan terhadap mesej yang ingin disampaikan.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh PK5: “Benda yang serius, kita bergurau selepas tegur untuk menutup situasi itu kepada harmoni... Jadi dia tak jadi sedih. Kita nak kena jaga air muka dia orang sebenarnya.” (ID 5:24). Peserta kajian memilih untuk menutup situasi tegang dengan elemen humor selepas menegur anak. Ini bukan sekadar untuk menceriakan suasana, tetapi juga untuk mengurangkan kesan negatif emosi dan mengelakkan anak berasa terhina atau dipersalahkan secara keterlaluan. Ia mencerminkan kehalusan pendekatan dakwah dalam menjaga sensitiviti dan perasaan anak-anak.

Selain itu, PK4 berkongsi bagaimana beliau menangguk teguran kepada suami jika suasana tidak sesuai dan memilih untuk berbincang secara tertutup: “Kalau kami *husband* and wife ni, kami tak tegur depan anak. Teguran-teguran adalah benda yang menyendiri. Mesti *private*... Kalau tak setuju dengan suami pun (pada masa itu), kita biarkan saja. Nanti kita tanya kemudian.” (ID 4:32). Tindakan ini menunjukkan penghormatan terhadap pasangan dan pengurusan komunikasi yang matang. Ia juga memberi teladan kepada anak-anak tentang cara berhemah dalam menangani konflik.

PK10 turut menegaskan prinsip yang sama dalam mendidik anak-anak: “Selalunya kalau kita nak tegur kesilapannya waktu dan situasi yang sesuai. Jadi jangan menegur mereka di hadapan orang lain, di hadapan kawan dan *public*, khalayak ramai sebab kita kena faham anak dia ada maruah dia juga.” (ID 10:29). PK10 juga menambah, “Kalau suami pun bukan yang sempurna. Dia pun buat salah dan kita pun buat salah. *It's okay* untuk kita menegur tapi sama jugalah, jangan tegur di tengah khalayak orang, jangan gunakan nada yang membentak-bentak.” (ID 10:30). PK10 memberi penekanan kepada dua aspek penting: pertama, tidak memalukan ahli keluarga di hadapan orang ramai; dan kedua, menghindari penggunaan nada suara yang tinggi atau keras kerana ia boleh merosakkan hubungan dan menjatuhkan maruah orang yang ditegur.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa nasihat yang disampaikan dengan mempertimbangkan maruah ahli keluarga bukan sahaja memperlihatkan kecerdasan emosi pendakwah, tetapi juga memperkukuh jalinan kasih sayang dan kepercayaan dalam keluarga. Gaya ini bukan sekadar menyampaikan mesej, tetapi

membina hubungan yang saling menghormati dan memuliakan. Pendekatan ini penting dalam mendidik tanpa menjatuhkan, membimbing tanpa mengaibkan.

d. Nasihat melalui aktiviti bersama

Aktiviti bersama dalam keluarga bukan sahaja menjadi waktu yang santai dan menyenangkan, tetapi juga membuka ruang dakwah yang efektif. Pendakwah wanita menggunakan kesempatan semasa makan, beriadah, atau menjalankan tugas harian bersama sebagai momen untuk menyampaikan nasihat dengan cara yang lebih santai, mesra dan tidak menekan. Pendekatan ini mengurangkan rasa tegang atau defensif dalam kalangan ahli keluarga dan menjadikan mesej yang disampaikan lebih mudah diterima serta difahami.

Contohnya, PK7 menyatakan: “...kita makan selalu, makan sama-sama, makan berjemaah... kalau tak larat masak pun kita makan nasi bungkus sama-sama... sebab masa makan tu lah banyak benda kita boleh cerita dan nasihatkan.” (ID 7:22). Dalam konteks ini, makan bersama menjadi peluang untuk mendidik secara lembut dan natural. Ia menunjukkan bagaimana interaksi seharian dapat dijadikan landasan untuk menyampaikan nilai-nilai Islamik tanpa memerlukan suasana formal atau khas. Teguran dan nasihat yang disampaikan dalam suasana santai seperti ini memberi kesan lebih mendalam kerana ia berlaku dalam keadaan hati yang tenang dan hubungan yang erat.

Peserta kajian PK3 pula menekankan peranan aktiviti kekeluargaan sebagai platform untuk menyemai nilai agama: “Biasanya kalau anak ada peluang berkumpul... dia akan bagi tazkirah sikit. Itu wajib... bukan tazkirah yang beria-ia tapi tengok kepada aktiviti dia... Kita train anak melalui aktiviti-aktiviti, macam itu.” (ID 3:10). Ini menunjukkan bahawa dalam keluarga peserta kajian, program seperti solat berjemaah, usrah, perbincangan santai dan aktiviti luar seperti “*family day*” dijadikan medium untuk menyampaikan nasihat dan ilmu agama secara praktikal. Anak-anak juga dilatih menjadi pembimbing dalam kalangan ahli keluarga, misalnya ditugaskan sebagai AJK atau pemberi tazkirah, yang akhirnya membantu membentuk kemahiran kepimpinan dan kesedaran dakwah sejak awal.

PK9 turut menjelaskan pendekatan “one to one” dalam konteks yang santai dan peribadi: “Saya suka bawa dia keluar, pergi mana-mana ke, makan ke. Lepas itu kita bercakap dengan dia orang. Kalau pun tak pergi makan, katalah dah malam sangat, kita duduk berdua, akak suka kita *one to one* dengan dia.” (ID 9:39). Peserta kajian memilih pendekatan yang lebih intim dan jujur dalam memberi nasihat. Perbualan peribadi seperti ini lebih mudah menyentuh emosi anak dan membuka ruang untuk refleksi serta komunikasi dua hala. Ia juga mencerminkan pendekatan dakwah yang bersifat menyantuni dan mendidik melalui kebersamaan.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti bersama bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan, tetapi juga menjadi wahana dakwah yang berkesan. Pendekatan ini menepati prinsip dakwah bil hikmah, iaitu menyampaikan ajaran dengan cara yang berhikmah, sesuai dengan suasana dan emosi penerima, serta mampu membentuk karakter secara perlahan dan mendalam.

e. Nasihat menggunakan hukum dan prinsip agama

Pendekatan nasihat yang bersandarkan kepada dalil al-Quran dan hadis merupakan satu bentuk dakwah yang sangat berkesan dalam konteks keluarga. Dalam kalangan pendakwah wanita, pendekatan ini bukan sahaja memberi autoriti kepada mesej yang disampaikan, tetapi juga membentuk kefahaman yang jelas bahawa setiap teguran adalah berpandukan wahyu, bukan semata-mata pendapat peribadi. Cara ini dapat menanamkan rasa hormat terhadap ajaran agama dan menjadikan ahli keluarga lebih yakin serta mudah menerima nasihat.

Sebagai contoh, PK7 menyatakan: “Kita sampaikan nasihat itu dengan ilmiah jugaklah. Jadi mereka akan fahamlah. Mereka akan nampak, oh rupanya begitu, rupanya begini dan mereka akan yakin dan mereka akan berpegang dan ingat sampai bila-bila.” (ID 7:29). Peserta kajian menekankan bahawa setiap nasihat perlu disampaikan dengan penjelasan yang berdasarkan ilmu, bukan sekadar emosi. Ini termasuk menyebut dalil dan hujah yang sesuai dengan tahap pemahaman ahli keluarga, agar ia dapat dihayati dan kekal dalam ingatan. Teguran seperti ini bukan bersifat menyalahkan, tetapi mendidik dengan cara berhemah dan berasaskan syarak.

Dalam dialog yang sama, PK7 menyambung: “Adik jangan lupa baca sepuluh kali pagi, sepuluh kali petang atau malam. Ini Nabi sebut dalam hadis. Begitu lah maknanya. Kena ingat, ini para ulama tak pernah lupa amalan-amalan yang Nabi pesan.” (ID 7:29). Nasihat ini bersifat praktikal dan memberi contoh amalan sunnah yang mudah dilaksanakan. Dengan mengaitkannya kepada hadis dan amalan para ulama, mesej menjadi lebih kuat dan diyakini. Ia juga membuka ruang untuk ahli keluarga mengamalkan ajaran agama secara konsisten dalam kehidupan seharian.

PK4 pula mengaitkan nilai perkongsian dan rasa syukur dengan ayat al-Quran: “Sebenarnya makanan ni bukan ibu bapa yang beli kan. Ini semua ni, Allah taala sebut dalam Quran... ‘Aku (Allah) yang memberi makan dan memberi minum’. Maksudnya kita semuanya berkongsi... Tidak ada istilah memunya.” (ID 4:31). Dengan merujuk kepada firman Allah, peserta kajian mendidik anak-anak agar tidak berebut makanan dan menghindari sikap tamak. Nasihat ini membawa nilai tauhid yang tinggi kerana ia menekankan kebergantungan kepada Allah dan tanggungjawab sosial dalam kalangan ahli keluarga.

Selain itu, PK10 menunjukkan kebijaksanaan dalam menyampaikan prinsip agama kepada anak-anak istimewa dengan pendekatan kreatif: “...nak cakap tentang hadis, tentang ayat Quran, mereka belum sampai nak terima tu. Tapi kita kata, ‘Okey. Dalam syurga tu ada sungai mengalir, ada air milo...’ Jadi saya cakap kita boleh menggunakan humor untuk menyampaikan pengetahuan tentang agama selagi kita tahu batas.” (ID 10:22). Peserta kajian memahami keperluan menyesuaikan pendekatan dengan tahap penerimaan anak-anak. Beliau menggunakan unsur humor dan imajinasi untuk menarik perhatian dan menjadikan nilai agama lebih mudah difahami. Walaupun tidak menyebut dalil secara langsung, mesej disampaikan tetap berpaksikan prinsip syarak.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa nasihat yang berdasarkan prinsip agama memberi kesan yang lebih mendalam dan tahan lama. Ia membina kefahaman yang kukuh, menggalakkan pengamalan agama yang berterusan, dan menjadikan komunikasi dalam keluarga lebih berorientasikan nilai Islam.

Pendekatan ini menepati matlamat dakwah iaitu menyampaikan ajaran Islam dengan cara yang paling berkesan, berhemah dan sesuai dengan latar penerima.

Kesimpulannya, penyampaian nasihat oleh pendakwah wanita dalam konteks kekeluargaan tidak hanya terhad kepada teguran langsung, tetapi diolah melalui pendekatan penceritaan, kelembutan, penghargaan terhadap maruah, penglibatan bersama dan rujukan kepada prinsip agama. Kaedah-kaedah ini membentuk komunikasi dakwah yang lebih mesra, berkesan dan mudah diterima, selain mengukuhkan nilai Islam dalam rutin harian keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan nasihat sangat bergantung kepada kebijaksanaan pendakwah dalam memilih masa, gaya bahasa dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan emosi serta tahap kefahaman ahli keluarga.

4.5.7 Jelas dan teratur

Gaya pengungkapan yang jelas dan teratur memainkan peranan penting dalam memastikan mesej dakwah dapat difahami dengan mudah dan diterima secara positif oleh ahli keluarga. Ia bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi melibatkan susunan idea yang sistematik, penggunaan kata-kata yang lembut dan berhati-hati, serta kesesuaian intonasi dengan latar penerima. Pendakwah wanita yang mengutamakan ketelitian dalam penyampaian cenderung menggunakan struktur komunikasi yang tersusun, bermula dengan penjelasan yang ringkas sebelum dihuraikan dengan contoh, analogi atau persoalan yang merangsang pemahaman. Kaedah ini bukan sahaja mengelakkan kekeliruan, malah memupuk suasana dialog yang harmoni dan membina dalam keluarga. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan dakwah yang jelas dan teratur agar mesej dapat disampaikan dengan berkesan dan berpanjangan.

a. Penggunaan kata-kata yang lembut dan berhati-hati

Gaya pengungkapan yang jelas dan berhemah dalam konteks dakwah kekeluargaan sangat berkait rapat dengan keupayaan memilih kata-kata yang lembut, sopan dan tidak menyakitkan hati. Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, malah menjadi refleksi kepada keprihatinan, empati dan adab seseorang dalam

menyampaikan sesuatu mesej. Pendakwah wanita dalam kajian ini menunjukkan kepekaan tinggi terhadap aspek ini, terutamanya apabila berinteraksi dengan ahli keluarga yang pelbagai latar usia dan emosi.

Sebagai contoh, PK9 menekankan bahawa walaupun sesuatu disampaikan dalam nada bergurau, pemilihan kata tetap penting untuk mengelakkan kesan negatif terhadap emosi pendengar: “Kalau gurau pun, jangan sebut akak ni malas ke, gemuk ke... Tak suka lah, bahasa mudah. Sebab walaupun orang gelak, kita kecil hati.” (ID 9:27). Dialog ini mencerminkan bahawa walaupun komunikasi berlaku dalam suasana santai, kata-kata yang mengandungi unsur sindiran atau boleh menjejaskan maruah tetap memberi kesan psikologi. Dalam hubungan kekeluargaan, kesan ini boleh mengganggu suasana harmoni dan menimbulkan rasa tersinggung yang memerlukan masa untuk dipulihkan. Maka, keterampilan dalam memilih bahasa yang sesuai adalah suatu kemahiran dakwah yang sangat penting.

Tambahan pula, PK10 mengetengahkan dimensi bukan *verbal* dalam pengungkapan dakwah melalui penggunaan nada dan intonasi: “Saya menekankan nada sebenarnya. Nada yang lembut, nada yang sesuai... sebenarnya intonasi dan nada ni adalah komunikasi *non-verbal*... komunikasi bukan *verbal*.” (ID 10:22). Huraian ini menunjukkan bahawa komunikasi berkesan bukan hanya bergantung kepada makna literal sesuatu perkataan, tetapi juga cara ia disampaikan. Intonasi yang rendah, tidak meninggi suara, dan tempo pertuturan yang terkawal boleh memberi kesan psikologi yang lebih mendalam berbanding kata-kata yang terlalu berterus terang tetapi disampaikan dalam nada yang keras. Intonasi juga menjadi alat untuk menyampaikan emosi positif seperti kasih sayang, simpati dan penghargaan dalam teguran atau bimbingan kepada anak-anak.

Peserta kajian PK2 pula berkongsi contoh penggunaan gaya bahasa lembut dalam situasi sebenar ketika menasihati suami untuk memakai tali pinggang keledar: “Abang, rasa macam tak okay ni... ha kita cakap macam tu. Tapi dengan cara lemah lembut la... jangan kita marah, kita cakap dengan lemah lembut.” (ID 2:15). Teguran ini tidak disampaikan secara langsung dengan nada perintah atau menyalahkan, sebaliknya menggunakan gaya insiniasi yang lembut dan diplomatik. Pendekatan ini

sangat berkesan kerana ia menghindari penolakan daripada penerima dan menjadikan mesej mudah diterima dengan hati yang terbuka. Dalam psikologi komunikasi, pendekatan ini dikenali sebagai komunikasi berorientasikan empati (*empathetic communication*), iaitu menyampaikan mesej dengan mengambil kira keadaan emosi dan harga diri penerima mesej.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa gaya pengungkapan dakwah yang berhemah bermula daripada keupayaan memilih bahasa dan nada dengan cermat. Kejelasan tidak perlu disampaikan secara keras, dan kebenaran tidak semestinya perlu dinyatakan secara terus terang yang menyakitkan. Sebaliknya, pendekatan yang mengutamakan kelembutan, kesantunan dan kepekaan emosi jauh lebih berkesan dalam membina komunikasi yang sihat dan berpengaruh dalam konteks kekeluargaan Islam.

b. Struktur yang teratur dalam penjelasan

Struktur komunikasi yang teratur merupakan salah satu ciri utama gaya pengungkapan dakwah yang berkesan dalam sesebuah keluarga. Dalam konteks ini, bukan sahaja kandungan mesej menjadi perhatian, bahkan cara mesej itu disusun dan disampaikan turut memainkan peranan penting dalam menentukan kefahaman dan penerimaan ahli keluarga, terutamanya kanak-kanak. Penjelasan yang terlalu abstrak, berpusing-pusing atau tidak konsisten boleh menimbulkan kekeliruan, kehilangan fokus dan akhirnya menjejaskan keberkesanan dakwah yang ingin disampaikan.

Sebagai contoh, PK2 menjelaskan bahawa beliau lebih cenderung untuk menggunakan bahasa yang mudah difahami, terus kepada maksud dan tidak berlapik secara berlebihan: “Bahasa lembut tapi *straight to the point*... Bahasa mudah. Tak payah berkias-kias. Contoh kita tegur cakap, abang sepatutnya la kita kena buat hitam putih... kalau main cakap mulut ni, nanti orang mengungkit.” (ID 2:16). Penyataan ini menunjukkan bahawa komunikasi yang teratur bukan bermaksud perlu panjang atau bersifat akademik, tetapi cukup dengan penggunaan struktur ayat yang ringkas, padat dan terarah. Ini sangat penting dalam konteks rumah tangga yang sering berhadapan dengan kekangan masa dan situasi yang tidak ideal. Mesej dakwah perlu disampaikan dengan pantas tetapi tetap berhikmah. Dalam kes ini, PK2 juga menunjukkan bahawa

walaupun menggunakan gaya langsung, nada dan perkataan yang dipilih tetap lembut dan mesra, agar tidak menyinggung perasaan pasangan.

Peserta kajian PK3 pula menyatakan pendekatannya sebagai seorang yang ‘*tactical*’: “Saya ni orang yang *tactical*... kalau saya bercakap A, kadang-kadang saya ni nak B ke C. Suami saya dah tahu dah saya punya taktik.” (ID 3:17). Kenyataan ini mengisyaratkan bahawa ada kalanya mesej disampaikan melalui pendekatan berstrategi atau tidak langsung, tetapi masih teratur dan tersusun. Walaupun tidak menyampaikan terus kepada isu pokok, komunikasi tetap difahami oleh pasangan kerana wujudnya konsistensi dalam gaya penyampaian dan maksud yang ingin disampaikan. Ini menunjukkan wujudnya “rangka komunikasi dalaman” yang telah terbina melalui pengalaman dan interaksi yang berulang dalam keluarga.

Selain itu, peserta kajian PK8 menyebut tentang pemilihan kata sejak anak-anak masih kecil sebagai strategi komunikasi yang berstruktur dan konsisten: “Dalam keluarga kami, tak pernah sebut perkataan bohong, bodoh... sebab dari kecil memang mak marah.” (ID 8:18). Perkataan yang dipilih dalam sesebuah keluarga mencerminkan nilai dan budaya komunikasi yang ditanam sejak awal. Dalam hal ini, ketegasan untuk hanya menggunakan kata-kata yang baik dan tidak kasar menunjukkan struktur penjelasan yang jelas dari aspek bahasa dan moral. Ini mencerminkan pengukuhan nilai Islam yang berlaku secara berterusan, bukan hanya ketika berlakunya konflik atau kesilapan, tetapi melalui pemilihan bahasa harian yang bersih dan mendidik.

Kesimpulannya, struktur komunikasi yang teratur bukan hanya menekankan susunan ayat, tetapi juga ketekalan dalam mesej, kejelasan matlamat dan kesinambungan dalam amalan harian. Apabila pendakwah wanita menyampaikan mesej dakwah dalam keluarga dengan struktur yang terancang dan mudah difahami, ia bukan sahaja membantu menyampaikan ilmu dengan berkesan, bahkan membina disiplin komunikasi yang mencerminkan kematangan, ketelusan dan kesungguhan dalam mendidik ahli keluarga mengikut acuan Islam.

c. Mengelak kekeliruan melalui bahasa mudah dan terus terang

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, kejelasan maklumat bukan sahaja bergantung kepada isi kandungan yang disampaikan, tetapi juga kepada bentuk penyampaiannya. Gaya pengungkapan yang terlalu berlapik atau bersifat kiasan boleh menyebabkan mesej tidak sampai, terutamanya apabila berdepan dengan anak-anak kecil atau golongan yang kurang cenderung kepada komunikasi simbolik. Oleh itu, peserta kajian dalam kajian ini menekankan pentingnya penggunaan bahasa yang mudah, langsung dan terus terang bagi mengelakkan kekeliruan, salah faham, serta memperkukuh kefahaman nilai dakwah yang ingin disampaikan.

Sebagai contoh, PK10 menyatakan: “Kalau anak-anak kecil, kita sebut straight, ‘kita buat ni sebab Allah suruh’, sebab dia belum boleh terima ayat pusing-pusing sangat.” (ID 10:31). Ungkapan ini jelas menunjukkan kesedaran peserta kajian terhadap tahap perkembangan kognitif anak-anak kecil. Mereka belum mampu mentafsir bahasa yang berlapik atau metafora, dan hanya dapat memahami mesej secara literal. Maka penggunaan ayat yang lurus dan beralasan agama seperti “kerana Allah suruh” menjadikan mesej lebih mudah diterima dan lebih bermakna secara spiritual.

Peserta kajian PK6 turut mengakui keperluan gaya penyampaian yang terus terang, terutamanya apabila menasihati anak lelaki: “Kalau nasihat anak lelaki, tak boleh pusing jauh sangat. Dia akan tanya ‘apa maksud ibu?’. Jadi saya cakap terus terang.” (ID 6:19). Hal ini mencerminkan bahawa pendekatan komunikasi juga perlu disesuaikan mengikut jantina dan kecenderungan kognitif penerima. Anak lelaki yang lebih cenderung kepada pemikiran linear dan konkrit memerlukan komunikasi yang langsung agar tidak menimbulkan kekeliruan atau kehilangan fokus terhadap mesej yang disampaikan. Ini sekali gus menegaskan bahawa kejelasan dan ketepatan makna adalah asas dalam menyampaikan dakwah secara efektif dalam keluarga.

Selanjutnya, PK7 menekankan keperluan untuk tidak berselindung di sebalik gurauan apabila ingin menyampaikan teguran terhadap kesilapan anak: “Tak perlu bergurau, *straight to the point* lah... kita sebagai ibu, sebagai bapa nak tegur anak kita kesilapan dia, kena serius lah... bila kita tegur tu, kita beritahu, ‘ni adik, adik tak patut,

adik tak boleh buat begitu sebabnya begini-begini’.” (ID 7:23). Dalam contoh ini, PK7 memilih untuk memberikan teguran yang jelas dan disertakan dengan sebab rasional, agar anak-anak memahami bukan sahaja kesilapan mereka, tetapi juga akibat dan rasional mengapa tindakan tersebut tidak diterima. Cara ini bukan sahaja mengelakkan anak daripada mengulangi kesilapan, tetapi juga membina kefahaman akhlak dan prinsip secara lebih berkesan.

Akhir sekali, PK9 pula menjelaskan kepentingan menyatakan sempadan secara langsung kepada anak remaja: “Sekarang ni anak-anak akak dah masuk usia remaja... bila cakap dengan dia itu, bukan kita nak bagi dia rasa dia boleh dapat semua benda... Tapi ada benda yang kita kena ajar dia supaya dia tak boleh. Ini tak boleh. Itu tak boleh.” (ID 9:11). Dialog ini memperlihatkan kepentingan komunikasi yang tegas, tidak kabur, dan tidak bersifat terlalu memujuk, terutamanya apabila menyampaikan prinsip atau larangan dalam Islam. Gaya komunikasi seperti ini membantu anak memahami batas dan sempadan yang perlu dihormati, seterusnya membentuk disiplin diri dan kepatuhan terhadap nilai agama dalam kehidupan seharian.

Kesimpulannya, gaya pengungkapan yang mengelakkan kekeliruan menerusi bahasa mudah dan terus terang dapat memperkukuh penyampaian dakwah dalam keluarga. Ia bukan sahaja memastikan mesej sampai dengan jelas, tetapi juga memudahkan pemahaman terhadap nilai-nilai Islam. Keberkesanan komunikasi dakwah tidak hanya bergantung pada isi, tetapi juga pada cara ia disampaikan – yakni sesuai dengan tahap pemikiran, latar belakang dan sensitiviti ahli keluarga yang menjadi sasaran dakwah.

Secara keseluruhannya, gaya pengungkapan yang jelas dan teratur memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dakwah secara berkesan dalam keluarga. Pemilihan kata-kata yang lembut, penggunaan intonasi yang sesuai serta struktur penjelasan yang tersusun bukan sahaja membantu memperjelas maksud, malah mengelakkan kekeliruan dan salah faham yang boleh menjejaskan keharmonian komunikasi. Pendakwah wanita dalam kajian ini menunjukkan kepekaan terhadap emosi ahli keluarga dengan menyesuaikan gaya komunikasi mengikut tahap pemahaman dan konteks situasi. Hasil kajian ini membuktikan bahawa kejelasan

dalam berkomunikasi bukan sahaja memudahkan penerimaan dakwah, tetapi juga memupuk suasana kekeluargaan yang penuh kasih sayang, saling menghormati dan membina kepercayaan antara satu sama lain.

4.5.8 Lemah lembut

Gaya pengungkapan yang lemah lembut merupakan teras penting dalam komunikasi dakwah kekeluargaan kerana ia mencerminkan akhlak terpuji dan mampu menyentuh emosi ahli keluarga secara halus namun berkesan. Pendekatan ini tidak hanya merujuk kepada kelembutan dalam suara, tetapi juga merangkumi pemilihan bahasa yang berhikmah, keupayaan mengawal emosi, serta memberi ruang untuk ahli keluarga meluahkan perasaan tanpa rasa dihakimi. Dalam konteks dakwah oleh pendakwah wanita, lemah lembut menjadi instrumen komunikasi yang membina suasana harmoni, mengelakkan konfrontasi dan menggalakkan dialog yang lebih terbuka. Selain itu, sifat ini juga berperanan sebagai teladan kepada anak-anak dalam membentuk keperibadian berakhlak dan penyayang. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan yang lemah lembut agar mesej dakwah dapat disampaikan dengan berkesan, penuh kasih sayang dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa penerima.

a. Mengawal nada dan bahasa

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, kawalan terhadap nada suara dan pemilihan bahasa memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan penyampaian mesej. Nada yang tinggi atau kasar berpotensi menimbulkan ketakutan, kekeliruan atau penolakan dalam kalangan ahli keluarga, manakala nada yang lembut dan bahasa yang mesra dapat menenangkan suasana serta mewujudkan ruang komunikasi yang lebih terbuka dan harmoni. Gaya pengungkapan yang lembut ini bukan sahaja menzahirkan adab dalam berdakwah, malah menjadi cerminan kasih sayang dan hormat terhadap penerima mesej.

Sebagai contoh, PK5 menceritakan bagaimana perubahan loghat yang digunakan oleh suaminya memberi kesan terhadap penerimaan anak-anak: "...ada masa kalau marah, ada masa dia keluar bahasa Negeri Sembilan dia tu, anak-anak jadi

shock... tapi kita kena naturalkan balik dengan bahasa Pahang yang lebih lembut, mengalir, cair tu kan.” (ID 5:30). Kenyataan ini memperlihatkan kepekaan terhadap reaksi anak-anak apabila berlaku pertukaran dalam intonasi atau gaya bahasa. Loghat Negeri Sembilan yang lebih tegas ditanggapi sebagai marah oleh anak-anak, justeru peserta kajian memilih untuk ‘menaturalkan’ kembali situasi tersebut dengan menggunakan loghat Pahang yang lebih lembut dan menenangkan. Ini menunjukkan bahawa dakwah dalam keluarga tidak semata-mata bergantung pada isi nasihat, tetapi juga sangat dipengaruhi oleh bagaimana nasihat itu disampaikan.

Peserta kajian PK10 pula menjelaskan bagaimana beliau secara sedar melatih anak-anak supaya peka terhadap intonasi dan nada suara, serta menggalakkan budaya menegur secara sopan apabila berlaku kekasaran dalam nada: “Dengan anak-anak kalau kita ternada kasar, anak-anak akak ni akak memang latihkan daripada awal dulu untuk *it's okay to express* kalau dia orang tak selesa... Jadi *it's okay* untuk kita minta maaf dan kita betulkan intonasi kita semula.” (ID 10:36). Petikan ini mencerminkan usaha membina komunikasi dua hala yang terbuka dan saling menghormati dalam keluarga. Ibu bapa bukan sahaja perlu mengawal nada suara mereka, malah bersedia untuk mengakui kesilapan dan membetulkan nada jika ia keterlaluan. Latihan sejak kecil kepada anak-anak untuk menyuarakan ketidakselesaan mereka terhadap intonasi kasar turut memperkasa mereka dalam aspek emosi dan sosial. Dalam masa yang sama, ia membina iklim keluarga yang lebih tenang, terbuka dan penuh empati.

Secara keseluruhannya, kawalan terhadap nada dan bahasa menjadi aspek penting dalam dakwah berhemah yang lemah lembut. Gaya pengungkapan seperti ini memberi isyarat bahawa mesej dakwah disampaikan bukan untuk menghukum, tetapi untuk membimbing dan menyayangi. Dalam konteks dakwah kekeluargaan, pengaruh emosi sangat signifikan, dan nada yang lembut sering kali menjadi pintu masuk kepada hati dan kefahaman. Hal ini selari dengan prinsip *qawlan layyinan* dalam al-Quran, iaitu menyampaikan kebenaran dengan kelembutan dan hikmah, sebagaimana yang diperintahkan Allah SWT kepada Nabi Musa AS ketika berdakwah kepada Firaun.

b. Memberi ruang kepada ahli keluarga untuk meluahkan perasaan

Pendekatan dakwah secara lemah lembut dalam keluarga tidak hanya tertumpu kepada penyampaian mesej yang berhemah, tetapi juga melibatkan kesediaan untuk memberi ruang kepada ahli keluarga menyatakan perasaan mereka. Memberi ruang ini termasuklah membuka laluan untuk berbicara secara jujur, mendengar tanpa menghakimi, serta mencipta suasana yang kondusif untuk komunikasi dua hala. Strategi ini menzahirkan bahawa dakwah bukanlah komunikasi satu hala yang bersifat memerintah, sebaliknya ia adalah interaksi yang saling memahami dan menghormati.

Sebagai contoh, PK4 menjelaskan bagaimana beliau memulakan komunikasi dengan menyatakan perasaannya terlebih dahulu, yang kemudiannya membuka ruang untuk anak-anak bertanya dan memberi respons: “Biasanya saya akan melontarkan perasaan. Memulakan itu dengan melontarkan perasaan lah. ‘Hari ni ibu rasa sedih lah..’ nanti dia akan tanya ‘kenapa?’... Jadi dia macam, ‘Oh iya ke? Abang minta maaf?’” (ID 4:32). Strategi ini menunjukkan bahawa keterbukaan dalam menyuarakan emosi secara jujur memberi kesan terhadap penerimaan dan tindak balas anak-anak. Dengan memberi ruang kepada emosi, komunikasi dakwah menjadi lebih manusiawi dan membina hubungan yang lebih rapat antara ibu bapa dan anak.

Peserta kajian PK7 pula menggunakan soalan-soalan harian sebagai pembuka bicara yang membolehkan ahli keluarga berkongsi perasaan tanpa rasa terpaksa: “Maksudnya kalau kita nak memulakan perbualan itu, mulakan dengan, ‘macam mana hari ni, belajar macam mana, kerja macam mana’... Kalau dia ada cerita masalah, kita hiburkan dia. Kita sabarkan dia.” (ID 7:38). Pendekatan ini secara tidak langsung mencipta peluang untuk ahli keluarga meluahkan isi hati mereka. Ia memperlihatkan kepekaan terhadap keperluan emosi dan meletakkan asas kepada dakwah yang membina, bukannya bersifat menyalahkan.

Dalam situasi lain, peserta kajian PK5 menjelaskan bahawa kadangkala memberi ruang senyap juga merupakan satu bentuk sokongan, khususnya ketika seseorang ahli keluarga sedang berada dalam keadaan tegang: “Biasa kalau terkeluar [nada kasar] tu, semua akan senyap... bagi masa untuk dia bertenang. Dan kita akan senyap sebab semua dah besar pun kan. Dia senyap, lepas tu ada yang cuba alihkan

perhatian kepada perkara lain.” (ID 5:27). Kepekaan terhadap keperluan untuk ‘ruang diam’ ini adalah cerminan empati dalam komunikasi. Dakwah dalam keluarga tidak semestinya berlaku secara *verbal* atau segera; kadangkala diam juga satu bentuk hikmah yang menghormati hak emosi ahli keluarga.

Peserta kajian PK6 turut mengakui kepentingan memberi ruang ketika berlaku ketegangan. Dalam contoh berikut, beliau menjelaskan bahawa ketika berlaku pertengkaran, tindakan terbaik ialah mendengar dan tidak terus membalas: “Kalau abi marah pun, kita bagi dia ruang... Sama juga dengan anak ni kan, gaduh kita dengar dia membebel... Kita mendengar dulu.” (ID 6:65). Ini menegaskan bahawa komunikasi berhemah dalam dakwah menuntut keupayaan untuk mengawal reaksi dan meletakkan pendengaran sebagai keutamaan. Kesediaan untuk mendengar terlebih dahulu sebelum memberi maklum balas membantu menurunkan ketegangan dan memperlihatkan rasa hormat terhadap perasaan pihak lain.

Kesimpulannya, memberi ruang kepada ahli keluarga untuk meluahkan perasaan adalah antara ciri utama pendekatan dakwah secara lemah lembut. Ia menandakan kesediaan untuk memahami dan tidak tergesa-gesa menghakimi. Dalam suasana keluarga yang sihat, ruang untuk menyuarakan emosi secara jujur menjadi tunjang kepada komunikasi dakwah yang lebih mendalam dan berkesan. Dengan cara ini, nilai Islam yang ingin disampaikan bukan sahaja diterima secara intelektual, tetapi juga dirasakan secara emosi.

c. Mengutamakan kesabaran dan memahami budaya diam dalam keluarga

Salah satu ciri penting dalam gaya pengungkapan dakwah yang berasaskan kelembutan ialah kesediaan untuk bersabar dalam menghadapi reaksi yang berbeza-beza daripada ahli keluarga. Tidak semua nasihat atau teguran akan dibalas secara serta-merta mahupun melalui ekspresi *verbal* yang jelas. Dalam sesetengah keluarga, budaya diam merupakan bentuk komunikasi tidak langsung yang menandakan ketidakselesaan, kejutan atau proses refleksi dalaman terhadap sesuatu teguran. Kefahaman terhadap ekspresi diam ini amat penting supaya tidak berlaku salah tafsir atau tindak balas terburu-buru. Dakwah yang berhemah perlu mengambil kira gaya

komunikasi tertutup ini, dan tidak memaksa ahli keluarga memberi respons dalam keadaan emosi yang belum stabil.

Sebagaimana dinyatakan oleh peserta kajian PK9: “Kalau anak-anak, memang diam. Termasuklah dengan *husband*, memang diam. Tak tahulah, mungkin kita jadi budaya pun kan? Ketika kita kena marah ke, kita dalam keadaan salah ke, diam itu kadang-kadang, nasiblah. Nak kata terkejut dan semua itu, jaranglah dizahirkan, tapi akak rasa banyaknya diam lah.” (ID 9:43). Petikan ini menjelaskan bahawa diam bukan tanda penolakan, sebaliknya merupakan mekanisme kawalan emosi dan bentuk reaksi pasif dalam budaya komunikasi sesetengah keluarga. Oleh itu, dakwah perlu disampaikan dengan penuh sabar dan hormat, memberikan ruang agar mesej dapat dicerna mengikut kadar kemampuan emosi dan mental penerima.

Peserta kajian yang sama turut menyatakan bahawa anak-anak hanya akan memberi respons selepas suasana kembali tenang: “Kalau anak-anak dia diam, tapi bila nanti kita dah baik balik, dia akan tanya balik, ‘kenapa mama cakap macam tu eh? Kenapa baba buat macam tu eh?’ Nah, contoh... Bila tak tanya maknanya kalau kita diam kan, kita simpan dalam je lah. Biasanya macam tu.” (ID 9:44). Ini menggambarkan bahawa mesej dakwah tetap diterima, namun memerlukan masa dan suasana yang kondusif sebelum reaksi dapat dizahirkan. Diam bukanlah penolakan mutlak, tetapi refleksi yang menuntut pendekatan dakwah yang lebih halus, sabar dan berstrategi.

Kesimpulannya, mengutamakan kesabaran dan memahami budaya diam dalam komunikasi kekeluargaan merupakan aspek penting dalam dakwah berhemah. Ia menunjukkan bahawa kelembutan tidak hanya dizahirkan melalui kata-kata sopan, tetapi juga melalui kesediaan menunggu, menghormati ruang emosi, dan mengizinkan proses pemahaman berlaku secara alami. Dalam konteks ini, dakwah menjadi lebih bersifat rahmah dan mendidik, selari dengan sunnah Rasulullah SAW yang bersabar terhadap manusia dan memahami watak mereka secara individu.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pengungkapan dakwah secara lemah lembut dalam keluarga merangkumi tiga pendekatan utama,

iaitu mengawal nada dan bahasa, memberi ruang kepada ahli keluarga untuk meluahkan perasaan, serta mengutamakan kesabaran dan memahami budaya diam. Ketiga-tiga pendekatan ini menzahirkan kepekaan terhadap emosi dan keadaan penerima dakwah, menjadikan komunikasi lebih berkesan dan diterima dengan hati terbuka. Nada yang lembut dan bahasa yang menenangkan menghindarkan suasana tegang, manakala pemberian ruang untuk ahli keluarga menyuarakan perasaan mereka menggalakkan komunikasi dua hala yang jujur dan terbuka. Dalam masa yang sama, kesabaran dalam menghadapi reaksi diam serta kefahaman terhadap budaya komunikasi tidak langsung memperlihatkan kematangan dalam berdakwah. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *qawlan layyinan* dalam al-Quran, yang menekankan kelembutan dan hikmah dalam menyampaikan kebenaran. Oleh itu, dakwah yang bersifat lemah lembut bukan sahaja mencerminkan adab dan kasih sayang, malah berperanan penting dalam membina hubungan kekeluargaan yang harmoni dan memberdaya nilai Islam dalam kehidupan seharian.

4.5.9 Mesra

Gaya pengungkapan dakwah yang mesra dalam konteks kekeluargaan merupakan satu pendekatan yang menekankan elemen hubungan interpersonal yang positif, saling menghargai dan menyenangkan. Kemesraan bukan sekadar ditunjukkan melalui kata-kata manis atau layanan yang baik, tetapi ia lebih mendalam sebagai satu bentuk komunikasi yang membina kepercayaan, mengurangkan jarak psikologi antara ahli keluarga, serta menjadikan dakwah sebagai amalan yang hidup dalam suasana kasih sayang. Dalam suasana kekeluargaan yang semakin kompleks hari ini, kemesraan berperanan sebagai jambatan penting yang menghubungkan mesej dakwah dengan hati penerima, sekali gus mendorong perubahan secara sukarela dan tanpa tekanan. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan dakwah yang mesra dalam keluarga.

a. Menjalin komunikasi berkualiti secara konsisten

Dalam konteks komunikasi kekeluargaan yang berkesan, menjalin komunikasi secara konsisten merupakan asas kepada hubungan yang sihat dan harmoni. Dakwah yang ingin disampaikan kepada ahli keluarga tidak boleh berlaku secara sporadik atau

hanya ketika berlakunya masalah, sebaliknya perlu menjadi sebahagian daripada rutin harian yang menyenangkan dan membina kepercayaan. Komunikasi yang konsisten bukan sahaja berperanan sebagai medium penyampaian nilai, malah membentuk keterbukaan dalam menerima nasihat dan membincangkan isu yang lebih berat. Beberapa peserta kajian dalam kajian ini mengamalkan pendekatan komunikasi harian sebagai usaha berterusan dalam membina hubungan yang kukuh.

Sebagai contoh, PK1 menyatakan: "...kita kan tanya anak-anak 'macam mana sekolah...?' semua kan. So, komunikasi tu ada dekat situ lah." (ID 1:64). Petikan ini menggambarkan bahawa komunikasi harian walaupun secara ringkas seperti bertanya khabar selepas sekolah tetap mempunyai impak dalam memastikan hubungan kekal rapat dan terbuka.

Peserta kajian PK4 turut menceritakan bagaimana beliau berusaha menggantikan masa berkualiti yang terlepas bersama anak-anak melalui aktiviti santai yang sekaligus menjadi ruang komunikasi yang bermakna: "Jadi apa kita nak buat untuk ganti balik masa tu, 'Jom kita tengok lampu...', kami hanya jalan keluar pergi ke bandar tu... cukup sekadar tu, then balik." (ID 4:69). Petikan ini memperlihatkan bahawa komunikasi tidak semestinya berlaku secara *verbal* semata-mata. Aktiviti ringan yang dilakukan bersama juga dapat menjadi bentuk komunikasi emosional yang menyampaikan mesej kasih sayang dan keprihatinan.

Peserta kajian PK10 pula menekankan kepentingan komunikasi berterusan walaupun berjauhan dengan ibu yang telah lanjut usia: "Hampir hari-harilah juga untuk kita *call*. Kalau akak tak *call*, anak akak yang *call*. Jadi kita berborak." (ID 10:11). Dialog ini menzahirkan kesedaran bahawa komunikasi harian adalah bentuk perhatian yang bermakna. Walaupun dilakukan melalui teknologi, ia tetap menjadi medium untuk menyampaikan mesej kasih sayang dan dakwah secara tidak langsung kepada ahli keluarga.

Peserta kajian PK2 juga menunjukkan pendekatan komunikasi konsisten melalui soalan-soalan harian yang mudah kepada anak-anak: "Anak-anak macam kalau... pagi-pagi... Okay ke tak?... Macam balik sekolah, belajar apa hari ni?" (ID

2:41). Soalan-soalan asas seperti ini membuka ruang kepada anak-anak untuk meluahkan pengalaman mereka dan menunjukkan keprihatinan ibu bapa terhadap kehidupan harian mereka. Ini secara tidak langsung memperkukuh kepercayaan anak terhadap ibu bapa, yang menjadi landasan penting dalam penyampaian nasihat atau mesej dakwah.

Manakala PK7 menjelaskan bagaimana komunikasi bermula dengan pertanyaan dan ucapan baik walaupun sesama ahli keluarga yang tinggal serumah: “Walaupun satu rumah ni... sambil duduk kat sofa, baru kita mulakan dengan kata-kata yang baik, ucapan yang baik, tanya khabar, tanya keadaan...” (ID 7:35). Perkara ini membuktikan bahawa komunikasi mesra dan konsisten tidak memerlukan suasana formal atau waktu khusus, sebaliknya bergantung kepada kepekaan dan kemahuan untuk berinteraksi dengan niat yang baik secara berterusan.

Kesemua petikan ini memperlihatkan bahawa komunikasi yang konsisten dan berkualiti bukan sahaja menjadi asas kepada hubungan kekeluargaan yang utuh, malah memperkukuh penyampaian dakwah yang berlaku secara semula jadi dalam kehidupan seharian.

b. Mewujudkan suasana kekeluargaan berasaskan rasa hormat dan kasih sayang

Pendekatan dakwah yang mesra dalam keluarga dapat direalisasikan melalui aktiviti harian yang dilakukan secara bersama-sama. Aktiviti seperti makan bersama, memasak, bersiar-siar atau menonton televisyen secara kolektif bukan sahaja menjadi ruang untuk berinteraksi, malah mencerminkan kasih sayang yang tidak perlu dinyatakan secara *verbal*. Interaksi ini membina perasaan saling dihargai dan difahami dalam kalangan ahli keluarga, yang seterusnya memperkukuh hubungan kekeluargaan dan membuka laluan kepada penyampaian dakwah secara lebih halus dan berkesan.

Peserta kajian PK1 menjelaskan bahawa waktu makan dijadikan ruang eksklusif untuk berinteraksi secara santai bersama anak-anak, terutamanya pada hujung minggu: “Setiap pagi kalau hujung minggu, memang saya syaratkan makan sama-sama. Makan sama-sama. Lepas tu masa makan tu ada perbualanlah? Ada, ada. Ada perbualan. Ada bincang apa benda dia nak tanya, semua...” (ID 1:64). Petikan ini

menunjukkan bahawa tindakan mewajibkan makan bersama secara konsisten bukan sahaja menjadikan suasana keluarga lebih mesra, tetapi juga membuka peluang kepada komunikasi dua hala yang lebih jujur dan terbuka. Aktiviti ini turut menyediakan ruang bagi ibu bapa menyelitkan nilai dan nasihat dalam perbualan tanpa kelihatan mendesak.

Peserta kajian PK7 turut menekankan kepentingan aktiviti bersama sebagai medium komunikasi dan pengukuhan nilai kekeluargaan: “Kita makan sama-sama, berbual-bual sambil makan... beribadah bersama-sama, baca yasin bersama-sama.” (ID 7:80). Kenyataan ini menggambarkan bahawa waktu makan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan fizikal, tetapi dimanfaatkan sebagai waktu berharga untuk memperkukuh hubungan rohani dan emosi antara ahli keluarga. Gabungan antara aktiviti jasmani dan ibadah memberi kesan yang mendalam dalam mewujudkan keharmonian serta menjadikan nilai agama sebagai sebahagian daripada budaya keluarga.

Sementara itu, PK8 menyatakan bahawa beliau secara aktif mengajak anak-anak melibatkan diri dalam aktiviti rumah dan riadah sebagai cara mendekatkan diri: “Eratkan hubungan, masak sendiri, ajak dia makan. Ajak anak-anak makan kat rumah. Relax, tengok TV sama-sama, apa benda-benda. Macam itulah. Secara spontan.” (ID 8:21). Pendekatan yang bersifat santai dan spontan ini mencerminkan bahawa kemesraan tidak perlu dirancang secara kaku, sebaliknya cukup dengan kesediaan untuk meluangkan masa bersama anak-anak dalam suasana yang menyeronokkan dan tidak menekan.

Peserta kajian PK9 pula berkongsi amalan beliau meluangkan masa secara berpasangan bersama suami sebagai usaha mengekalkan keharmonian rumah tangga: “Kita ada dalam sebulan tu beberapa hari yang kita akan keluar berdua. Minum kopi malam-malam ke. Ataupun kita set untuk apa, *breakfast* sama-sama.” (ID 9:40). Petikan ini memperlihatkan bahawa aktiviti berdua, walaupun ringkas, memberi kesan besar terhadap kemesraan suami isteri. Ia juga menjadi ruang refleksi dan komunikasi yang lebih mendalam, sekaligus mengukuhkan asas dakwah dalam institusi kekeluargaan.

Kesemua petikan ini menunjukkan bahawa suasana kekeluargaan yang berasaskan rasa hormat dan kasih sayang dapat dipupuk melalui aktiviti bersama yang konsisten. Aktiviti harian yang dilaksanakan dengan kesedaran untuk mengeratkan hubungan membuka jalan kepada dakwah yang lebih bermakna dan berkesan, tanpa perlu terlalu bersifat formal atau memaksa. Inilah yang menjadikan gaya pengungkapan dakwah mesra bukan sekadar strategi komunikasi, tetapi sebagai gaya hidup yang mengakar dalam kebersamaan keluarga.

c. Mengajak kepada ibadah secara bersama dan tidak mengarah

Dalam konteks dakwah kekeluargaan yang mesra, ajakan kepada ibadah tidak boleh dilakukan secara memaksa, mengarah atau berbentuk autoritatif. Sebaliknya, ahli keluarga perlu diajak secara bersama-sama melibatkan diri dalam ibadah agar mereka dapat merasai bahawa amalan agama merupakan rutin yang dikongsi dan dihargai bersama. Melalui pendekatan ini, nilai-nilai Islam dapat dipupuk secara semula jadi, tanpa tekanan dan lebih mudah diterima. Beberapa peserta kajian dalam kajian ini menekankan pentingnya melibatkan diri bersama anak-anak dan pasangan dalam pelaksanaan ibadah harian seperti solat berjemaah, membaca al-Quran, dan aktiviti spiritual lain.

Sebagai contoh, peserta kajian PK6 menyatakan bahawa beliau dan keluarganya membudayakan solat berjemaah lima waktu serta membaca al-Quran bersama sebagai satu bentuk rutin dan contoh: “Kita memang solat berjemaah. Subuh Zohor Asar, Maghrib Isyak, semua kitorang solat jemaah. Kalau lelaki pergi surau. Ayah dia pun pergi, *so* senang lah kita nak cakap benda tu. Mengaji pun lepas maghrib. Semua mengaji, umi pun mengaji. Kalau ikutkan, kita dah tak payah mengaji kan, dah pandai. Tapi kita cakaplah kenapa umi pun kena mengaji juga.” (ID 6:64). Kenyataan ini menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah dalam keluarga lebih terserlah apabila ibu bapa turut sama melibatkan diri dalam aktiviti ibadah, bukan sekadar menyuruh atau mengarahkan anak-anak. Ini menunjukkan pendekatan teladan yang mengukuhkan kefahaman dan pembudayaan nilai agama.

Peserta kajian PK7 pula menjelaskan bahawa ibadah bersama seperti membaca Yasin turut dilakukan sebagai amalan keluarga: “Kita makan sama-sama, berbual-bual

sambil makan... beribadah bersama-sama, baca yasin bersama-sama.” (ID 7:80). Keterlibatan bersama dalam ibadah mencipta suasana spiritual yang menyenangkan dan tidak mengongkong. Ia juga memperkukuh hubungan emosi antara ahli keluarga yang berkongsi nilai yang sama.

Peserta kajian PK1 turut menceritakan pengalaman bersama suami dan anak-anak melakukan solat berjemaah walaupun latar belakang suaminya bukan daripada pendidikan agama: “Saya sendiri walaupun suami saya bukan basic Islamic background. Tapi dia sendiri kata, ‘Okay, Maghrib, kita solat jemaah...’” (ID 1:63). Petikan ini menunjukkan bahawa penyertaan dalam ibadah bersama boleh menjadi titik permulaan kepada perubahan positif dalam keluarga, termasuk kepada ahli keluarga yang kurang terdedah dengan asas agama.

PK4 pula mengamalkan pendekatan peringatan yang lembut kepada anak-anak untuk mengulang hafalan dan mengaji berdasarkan rutin: “Maghrib biasanya anak-anak akan mengulang hafalan, mengaji contohnya. Kalau dia tiba-tiba buat perkara lain, jadi kita cakap ‘sebenarnya masa ni untuk apa eh?’ ‘O.. *sorry sorry* ibu, sekarang ni waktu mengaji’.” (ID 4:27). Ungkapan ini memperlihatkan pendekatan tidak mengarah tetapi tetap tegas dalam menetapkan masa ibadah sebagai keutamaan. Apabila ia dilakukan secara konsisten, ia akan menjadi rutin yang diterima oleh anak-anak dengan lebih mudah.

Akhir sekali, PK3 menyatakan bahawa dalam keluarganya, waktu Maghrib dan Isyak sering dipilih sebagai ruang untuk aktiviti usrah dan ibadah secara kolektif: “Biasanya kita pilih antara maghrib dengan isyak. Kecuali ustaz ada kuliah la. Lagipun bukan hari-hari kita pilih. Tapi kalau time RP kita special sikit la... kita buat hampir setiap hari... ada tugas, ada aktiviti, ada presentation...” (ID 3:19). Amalan seperti ini menggabungkan nilai ibadah dan nilai kekeluargaan, sekali gus memperkukuh fungsi dakwah dalam konteks keluarga besar yang terancang dan berpadu.

Kesimpulannya, mengajak kepada ibadah secara bersama jauh lebih berkesan daripada pendekatan mengarah. Ibu bapa yang menunjukkan contoh, mengajak tanpa

memaksa, dan menjadikan ibadah sebagai aktiviti kolektif akan lebih mudah menyemai nilai-nilai agama dalam diri anak-anak. Gaya ini bukan sahaja mendekatkan hati ahli keluarga kepada Allah, tetapi juga kepada sesama sendiri.

d. Menggunakan komunikasi teknologi dengan berhemah

Dalam era digital masa kini, penggunaan teknologi komunikasi seperti *WhatsApp*, mesej suara, panggilan video dan perkongsian media sosial telah menjadi norma dalam interaksi kekeluargaan. Pendekatan dakwah yang mesra turut menyesuaikan diri dengan saluran ini, dengan syarat ia dilakukan secara berhemah, berpanduan adab, serta berteraskan niat menyampaikan kebaikan. Mesej-mesej pendek dan santai yang dikongsi dalam platform keluarga membolehkan nilai-nilai Islam terus dipupuk, walaupun berada di lokasi yang berbeza dan dalam kesibukan harian masing-masing.

Sebagai contoh, PK7 menjelaskan bahawa beliau aktif menggunakan *WhatsApp* untuk menghantar pelbagai kandungan yang bersifat ilmiah dan menceriakan dalam kumpulan keluarga: “Dalam *WhatsApp* ni, kita hantar yang lucu-lucu sikit di samping yang ilmiah-ilmiah... poster-poster, doa-doa, tazkirah-tazkirah ringkas, tiktok-tiktok sikit... video pendek 2-3 minit... selamat pagi, apa khabar semua...” (ID 7:40). Petikan ini memperlihatkan keseimbangan antara elemen ringan dan serius yang dihantar melalui teknologi. Kandungan seperti ini bukan sahaja menyampaikan dakwah dalam bentuk yang mudah dicerna, tetapi turut mengekalkan keakraban emosi dalam kalangan ahli keluarga.

Peserta kajian PK5 turut berkongsi pendekatan yang sama melalui perkongsian video motivasi dan mesej berbentuk refleksi dalam kumpulan *WhatsApp* keluarga: “*Of course*. Kadang kita banyak video-video motivasi, so kita akan *forward* dalam *group*... Jadi, mereka akan tengok. Kita akan kadang-kadang tanya, ‘Abang, apa yang abang faham?’” (ID 5:67). Pendekatan ini mencerminkan usaha menyampaikan mesej dakwah secara tidak langsung tetapi tetap menggalakkan interaksi. Ia membina ruang reflektif dalam kalangan ahli keluarga untuk berfikir dan bertanya kembali, bukan sekadar menerima secara pasif.

Peserta kajian PK9 pula menjelaskan bahawa penggunaan media sosial seperti *WhatsApp* dan *Instagram* menjadi saluran utama untuk berkongsi perkara yang bermanfaat. Namun beliau menekankan keperluan untuk bersikap sensitif dan tidak menyampaikan segala mesej secara terbuka: “Kalau kita ada video-video apa yang kita rasa best, kita nak *share*, memang kita *share* je *reel* dalam *inbox* masing-masing... Tapi ada isu-isu yang kalau perlu personal, kita personal je. Tidaklah semua yang diceritakan secara terbuka lah.” (ID 9:40). Ini menunjukkan keprihatinan terhadap batas privasi dan emosi dalam komunikasi kekeluargaan. Dakwah melalui teknologi perlu disampaikan dengan berhikmah, bukan bersifat mendesak atau memperlakukan.

Sementara itu, PK10 menekankan bahawa teknologi seperti *WhatsApp* membantu beliau berhubung secara konsisten dengan ibu yang sudah uzur sebagai satu bentuk perhatian dan kasih sayang: “Mak sekarang ni dia tak larat sangat... cuba *call* dia hari-hari sebabnya untuk dia rangsang balik minda dia... kita guna *WhatsApp* yang sedia ada ni untuk kita menjalinkan perhubungan dan berkomunikasi dengan mak kita lah.” (ID 10:11). Komunikasi seperti ini walaupun kelihatan biasa, sebenarnya menjadi medium penting dalam menyampaikan rasa cinta, tanggungjawab dan nilai ihsan dalam konteks dakwah kekeluargaan.

Peserta kajian PK3 pula menyatakan bahawa walaupun komunikasi teknologi tidak dapat menggantikan sepenuhnya interaksi fizikal, namun ia tetap berfungsi sebagai jambatan yang menyambung hubungan antara ahli keluarga yang sibuk dan sering berjauhan: “*Whatsapp* ini kalau you letak *emoticon* dia *emotionless*... Tapi anak-anak ini memang kalau daripada kecil dia akan *follow* la pergi mana-mana *outstation*... komunikasi itu banyak teknologi lah.” (ID 3:22). Kesemua petikan ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi secara berhemah merupakan satu strategi dakwah kekeluargaan yang sesuai dengan realiti masa kini. Ia membantu menyampaikan nilai Islam secara berterusan dan tidak membebankan, selagi dikawal dengan adab dan kepekaan terhadap perbezaan sikap serta tahap penerimaan dalam kalangan ahli keluarga.

e. Permohonan maaf dan refleksi diri

Salah satu elemen penting dalam dakwah kekeluargaan yang mesra ialah kesediaan untuk memohon maaf dan melakukan refleksi diri. Permohonan maaf bukan sahaja merapatkan hubungan, malah mendidik ahli keluarga agar mengenal nilai rendah hati, bertanggungjawab terhadap kesilapan, dan berusaha memperbaiki diri. Dalam konteks ini, ibu bapa yang bersedia mengakui kesalahan mereka dan meminta maaf kepada anak-anak bukan menunjukkan kelemahan, bahkan menjadi contoh teladan yang besar dalam membina adab dan akhlak Islam.

Sebagai contoh, PK7 menegaskan bahawa tindakan memohon maaf sejurus selepas menyedari kekasaran kata-kata boleh menautkan kembali hati dan hubungan: “*Of course* lah kita ni, kadang manusia ni kita kan ada kelemahan, kekurangan, kadang-kadang time penat, kadang-kadang time marah tu terkeluarlah kata-kata yang macam kasar sikit dan kita nampak daripada riak muka tu ahli keluarga kita macam berasa hati, sedih. So kita minta maaf lah. Kita minta maaf dan cuba pastikan benda itu tak berulang lagi... Permohonan maaf itu tadi akan menautkan lagi hati dan menambah ikatan hubungan.” (ID 7:23).

PK6 pula menjelaskan bahawa permohonan maaf dilakukan secara langsung, termasuk di hadapan anak-anak lain agar mereka turut belajar untuk mengakui kesalahan: “Anak-anak pun sama. Bila kita rasa kita marah dia tu macam terlebih kan... So kita akan panggil dia lah minta maaf. Kalau akak marah dia depan anak-anak, akak akan minta maaf dengan dia depan anak-anak yang lain juga supaya anak lain pun nampak.” (ID 6:65). Pendekatan ini bukan sahaja memulihkan hubungan, malah mengukuhkan proses pendidikan akhlak secara praktikal dan teladan.

Peserta kajian PK8 menekankan bahawa budaya memohon maaf dalam kalangan ibu bapa harus dinormalisasikan tanpa rasa malu atau takut hilang autoriti: “*Of course* lah minta maaf. *Without you* rasa malu, rasa turun darjat. Sebenarnya ibu bapa minta maaf pada anak-anak itu normal, sepatutnya dinormalise kan... Kalau kita tak pandai minta maaf kepada anak-anak, anak-anak pun tak pandai minta maaf kepada orang lain.” (ID 8:90). Kenyataan ini menunjukkan bahawa sikap merendah

diri membawa impak yang mendalam dalam pembentukan watak anak-anak, terutamanya dalam menanam sifat empati dan tanggungjawab sosial.

PK10 pula menjelaskan bahawa permohonan maaf harus disertai dengan penjelasan yang jujur agar anak-anak memahami sebab di sebalik reaksi ibu bapa: “Sebenarnya tidak ada istilah mak ayah tak boleh minta maaf dengan anak, tak ada. Tuhan suruh kita minta maaf dengan ikhlas dengan anak kita dan nyatakan dan beritahu mengapa kita bereaksi macam itu.” (ID 10:36). Pendekatan ini menekankan elemen kejujuran dan komunikasi terbuka dalam proses refleksi diri dan pemulihan hubungan.

PK3 turut menyatakan bahawa walaupun pada mulanya sukar, beliau berusaha membiasakan diri memohon maaf, sama ada secara langsung mahupun melalui mesej yang disusun dengan baik: “Kalau dengan suami kita mengalah je la. Kadang-kadang bukan salah kita pun, tapi kita cakap je la minta maaf, tapi saya banyak guna mesej... Kalau dengan anak-anak pun, kita minta maaf lah.” (ID 3:29).

Peserta kajian PK9 pula mengaitkan permohonan maaf dengan kepekaan jiwa, dan menjadikan pelukan serta penjelasan sebagai medium untuk memulihkan hubungan: “Jadi bila tengok anak dia diam, senyap tu dia salah ke kita salah ke tetap kita rasa bersalah. Sebab itu biasanya akak akan minta maaf... Kita peluk dia, cerita dia, kenapa kita buat macam tu... Tapi akhirnya kita akan berakhir dengan minta maaf.” (ID 9:44)

Kesemua contoh ini menunjukkan bahawa permohonan maaf dalam keluarga bukan sekadar memulihkan keadaan, tetapi juga merupakan bentuk dakwah yang meresap ke dalam nilai akhlak dan pendidikan jiwa. Ia membantu membentuk budaya saling menghormati, tolak ansur dan empati, elemen yang sangat penting dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan Islam.

Keseluruhannya, gaya pengungkapan dakwah yang mesra dalam keluarga dapat dilihat melalui lima pendekatan utama, iaitu menjalin komunikasi berkualiti secara konsisten, mewujudkan suasana kekeluargaan melalui aktiviti bersama, mengajak kepada ibadah secara bersama dan tidak mengarah, menggunakan

komunikasi teknologi dengan berhemah, serta mengamalkan permohonan maaf dan refleksi diri. Kelima-lima pendekatan ini menekankan pentingnya hubungan emosional yang positif, komunikasi yang terbuka dan amalan teladan dalam kehidupan seharian. Dakwah yang disampaikan secara mesra bukan sahaja menjadikan suasana kekeluargaan lebih harmoni, tetapi turut memupuk nilai-nilai Islam secara semula jadi dan menyentuh hati, menjadikan ia lebih mudah diterima oleh setiap ahli keluarga.

4.5.10 Mudah difahami

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, kefahaman terhadap mesej yang disampaikan adalah kunci kepada penerimaan dan penghayatan nilai Islam. Oleh itu, gaya pengungkapan yang mudah difahami menjadi aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dalam menyampaikan dakwah secara berkesan. Dakwah yang disampaikan dalam bentuk yang terlalu kompleks, berbahasa tinggi atau tidak sesuai dengan tahap penerimaan pendengar, khususnya anak-anak, boleh menyebabkan mesej tersasar atau ditolak secara halus. Justeru, penggunaan bahasa yang ringkas, dialog yang bersifat reflektif, penjelasan yang bertahap serta penggunaan visual dan cerita menjadi strategi komunikasi yang memudahkan penerima menghayati mesej secara mendalam. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya pengungkapan dakwah yang mudah difahami dalam keluarga.

a. Dialog reflektif untuk menyemai kesedaran

Dalam dakwah kekeluargaan, penggunaan dialog reflektif merupakan satu pendekatan komunikasi yang berkesan dalam menyemai kesedaran dan nilai dalaman dalam kalangan anak-anak. Berbeza dengan arahan langsung atau hukuman tanpa penjelasan, pendekatan ini menekankan elemen interaksi dua hala yang mengajak anak berfikir tentang tindakan mereka sendiri. Ia menggalakkan proses muhasabah, meningkatkan kefahaman terhadap sebab dan akibat, serta menjadikan nasihat lebih mudah dihayati secara emosional dan intelektual.

Sebagai contoh, PK1 menggambarkan bagaimana beliau memanfaatkan situasi selepas menegur anak untuk membina kesedaran melalui dialog yang bersifat soal jawab: “Suhail tahu tak kenapa Umi marah Suhail, cubit-cubit Suhail? Sebab Suhail dah banyak kali buat. Umi cakap, Umi cakap jangan.” (ID 1:48). Dialog ini menunjukkan bahawa ibu tidak sekadar menegur atau menghukum, tetapi turut memberi ruang kepada anak untuk memahami sendiri kesalahan yang dilakukan. Soalan reflektif seperti ini membantu anak menyedari bahawa perbuatan yang berulang tanpa perubahan akan mengundang tindakan tegas. Dalam masa yang sama, anak belajar bahawa setiap teguran mempunyai sebab dan bukan berpunca daripada emosi semata-mata.

Peserta kajian PK2 turut menunjukkan penggunaan ayat yang pendek namun sarat dengan nilai dan prinsip, khususnya dalam mendidik adab sosial: “Mawaddah, kita tak boleh rampas mainan, minta izin.” (ID 2:44). Walaupun tidak berbentuk soalan, penyampaian ini tetap bersifat reflektif kerana ia membina kesedaran tentang hak milik dan kepentingan meminta izin sebelum mengambil sesuatu. Anak diajar secara langsung tentang batas adab melalui teguran yang tenang dan bersifat membetulkan, bukan memarahi.

Manakala PK6 pula berkongsi pengalaman mengajak anak berbincang tentang penggunaan wang secara berhemah. Beliau memulakan komunikasi dengan pertanyaan yang mengajak anak menilai sendiri: “Ni Umi bagi RM5, Umar belanja apa kat sekolah?... Kenapa kena habis sampai RM5?” (ID 6:47). Petikan ini memperlihatkan keupayaan ibu untuk memandu anak berfikir tentang keputusan harian mereka dan akibatnya. Dalam konteks ini, dialog digunakan bukan untuk memarahi, tetapi untuk mendidik secara reflektif. Anak tidak hanya dimaklumkan bahawa tindakannya salah, tetapi didorong untuk menilai sebab tindakannya itu tidak wajar.

Melalui pendekatan ini, komunikasi dakwah dalam keluarga menjadi lebih terbuka dan membina. Dialog reflektif tidak hanya menyampaikan maklumat, tetapi membentuk kesedaran dalaman yang menjadikan anak lebih bertanggungjawab terhadap kelakuannya. Ia selaras dengan prinsip dakwah bil hikmah, iaitu

menyampaikan teguran secara berhikmah, lembut dan membimbing, bukan menghukum. Dalam jangka masa panjang, pendekatan ini berpotensi membina individu yang lebih berakhlak, matang dan memiliki keinsafan yang lahir dari dalam diri sendiri.

b. Bahasa mudah dan ringkas, sesuai tahap pemahaman anak

Dalam konteks dakwah kekeluargaan, penyampaian mesej melalui bahasa yang mudah dan ringkas memainkan peranan penting dalam memastikan kefahaman yang menyeluruh, terutama kepada anak-anak kecil. Keupayaan anak untuk memahami sesuatu mesej amat bergantung kepada tahap kognitif dan perkembangan bahasa mereka. Maka, pemilihan kosa kata yang sesuai, ayat yang pendek dan struktur ayat yang mudah difahami menjadi strategi yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dalam menyampaikan nilai-nilai Islam.

Sebagai contoh, PK4 menjelaskan bagaimana beliau menyampaikan adab memberi salam kepada anak dengan menggunakan bahasa yang sangat mudah dan dialog yang bersifat interaktif: “Assalamualaikum sayang... Kalau antara orang kecil dengan orang tua, orang kecil ni lebih afdal bagi salam pada orang tua”. “Kalau macam tu kakak bagi salam dulu pada ibu?”. “*Yes, that’s the right word.*” (ID 4:10). Dialog ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa mudah dan mesra mampu mendorong anak-anak untuk memahami nilai adab secara spontan dan tidak mendesak. Ia juga membolehkan anak-anak berfikir dan menyatakan kefahaman mereka dengan tenang.

PK7 turut menekankan pentingnya penggunaan sapaan yang menggembirakan hati sebagai salah satu bentuk komunikasi mesra yang mudah diterima oleh anak-anak: “Untuk anak kita pun kita guna perkataan sayang. ‘Sayang apa khabar?’... Benda-benda gitu... menggembirakan hati.” (ID 7:36). Hal ini menunjukkan bahawa bahasa yang lembut dan manis bukan sahaja menyampaikan makna, malah membina hubungan emosi yang sihat antara ibu bapa dan anak. Dakwah melalui komunikasi seperti ini bukan sahaja diterima dengan senang, malah membentuk hubungan kasih sayang yang mendalam.

Selain itu, PK1 menggunakan pendekatan mendidik berkenaan sentuhan selamat melalui bahasa yang sangat ringkas dan terus kepada isu: “Eh tak boleh tu, Suhail belajar tak sentuhan selamat, sentuhan tak selamat?”. “Belajar, tapi dia selalu buat Suhail”. “Nanti Suhail cakap dengan dia, Umi tak bagi.” (ID 1:40). Ungkapan ini menggambarkan bagaimana isu yang serius dapat disampaikan dalam bentuk yang mudah tanpa mengabaikan intipati mesej. Anak diberikan solusi praktikal melalui ayat yang pendek dan mudah diikuti.

Peserta kajian PK6 turut menjelaskan bahawa beliau memilih gaya bahasa yang sesuai dengan dunia anak-anak, khususnya ketika bercerita tentang akhlak: “Akak akan baca kemudian akak akan terang guna bahasa yang mudah, bahasa anak-anak.” (ID 6:49).

Sementara itu, PK10 turut menegaskan bahawa intonasi dan kadar kelajuan pertuturan perlu dikawal agar selari dengan keupayaan anak-anak menerima maklumat: “Sebab anak-anak kita ni autism jadi dengan mereka akak kena turunkan intonasi... guna bahasa yang mudah, simple dan kelajuannya sederhana.” (ID 10:31). Penegasan ini memperlihatkan keperluan bukan sahaja dari segi pilihan perkataan, tetapi juga dari sudut teknik penyampaian yang mengambil kira keperluan khas atau sensitiviti anak-anak.

Kesimpulannya, bahasa yang mudah dan ringkas menjadi asas penting dalam penyampaian dakwah kekeluargaan yang berkesan. Ia bukan sahaja membantu kefahaman anak, malah menunjukkan keprihatinan ibu bapa dalam menyesuaikan komunikasi dengan dunia anak-anak. Pendekatan ini bukan tanda merendahkan nilai dakwah, tetapi satu strategi dakwah berhemah yang menjadikan agama lebih dekat dan relevan dalam kehidupan seharian mereka.

c. Penjelasan berperingkat dan bertahap

Dalam komunikasi dakwah kepada anak-anak, keupayaan mereka untuk memahami mesej agama amat bergantung kepada tahap usia, perkembangan kognitif dan pengalaman hidup. Justeru, penyampaian dakwah perlu dilakukan secara berperingkat dan bertahap agar mesej tidak terlalu kompleks atau mendadak. Gaya pengungkapan

seperti ini bukan sahaja meningkatkan tahap kefahaman anak, tetapi juga menjadikan mesej dakwah lebih mesra, mudah diterima dan tidak menimbulkan tekanan.

Peserta kajian PK1 menegaskan bahawa isu-isu berkaitan sensitiviti agama seperti aqidah perlu dijelaskan mengikut kemampuan pemikiran anak dan tidak boleh disampaikan secara tergesa-gesa: "...batasan sensitiviti agama tengok pada keadaan anak... kalau dia tak boleh faham lagi tentang konsep Aqidah, *at least* kita kena buat, ada batasanlah." (ID 1:45). Hal ini memperlihatkan bahawa ibu bapa perlu bijak menilai keupayaan anak untuk memahami konsep agama tertentu, dan perlu memulakan dengan prinsip asas terlebih dahulu sebelum memperkenalkan perkara yang lebih mendalam.

Sementara itu, PK3 menyatakan bahawa anak-anak mungkin tidak dapat memahami mesej agama secara serta-merta, tetapi pengalaman hidup akan membantu mereka memahami dengan lebih baik apabila mereka meningkat dewasa: "Sebabnya budak-budak dulu mungkin dia tak faham sangat, tapi lama-lama bila dia dah meningkat dewasa ini dia pun melalui sendiri." (ID 3:23). Kenyataan ini mengesahkan bahawa keberkesanan dakwah kepada anak-anak tidak semestinya dilihat dalam jangka masa pendek. Penanaman nilai secara berperingkat akan membina asas kefahaman yang kuat untuk dimanfaatkan apabila mereka berhadapan dengan cabaran kehidupan sebenar.

PK6 pula menjelaskan bahawa anak kecil lazimnya tidak memahami kesan sesuatu perbuatan, maka ibu bapa perlu memberikan penjelasan yang lebih jelas dan berulang: "Anak kecil dia tak nampak kesan dia buat benda tu. *So* memang kita kena *explain* lebih sikit." (ID 6:47). Petikan ini menekankan keperluan menyampaikan maklumat dengan sabar dan menggunakan pendekatan bertingkat, selari dengan daya tangkap anak yang masih terbatas.

Tambahan pula, PK9 berkongsi bahawa beliau akan mendahulukan soalan berbentuk semakan pemahaman sebelum menerangkan isu secara terperinci: "Kalau anak-anak hari ini, dia bukan bercerita dulu... kita kena tanya dia. 'Kakak, kakak faham tak masalah aurat ni kan?'" (ID 9:46). Pendekatan ini mencerminkan bahawa

ibu bapa tidak seharusnya terus menyampaikan larangan atau teguran, tetapi perlu terlebih dahulu mengenal pasti sejauh mana kefahaman anak terhadap isu yang ingin dijelaskan. Ini membolehkan maklumat disampaikan secara bertahap, sesuai dengan kapasiti penerimaan mereka.

Akhir sekali, PK7 menunjukkan fleksibiliti dalam pendekatan dengan menggunakan bahan bantu seperti video dan aktiviti praktikal untuk membantu proses pemahaman secara bertingkat: “Kalau perlu praktikal, praktikal lah. Kalau perlu kita cari bahan-bahan untuk dia lebih faham, video, share video... Kadang dia tak faham kan. Jadi kena ada pembantu juga lah, alat teknologi itu.” (ID 7:29). Hal ini menunjukkan kesediaan ibu bapa untuk menyesuaikan kaedah penyampaian mengikut keperluan anak, serta kesedaran bahawa tidak semua maklumat dapat difahami hanya melalui lisan semata-mata.

Kesimpulannya, penjelasan secara berperingkat dan bertahap adalah pendekatan penting dalam dakwah berhema kepada keluarga. Ia mengiktiraf perbezaan tahap kefahaman, memberi ruang kepada proses belajar yang progresif, dan membina kefahaman yang lebih kukuh dan tahan lama dalam diri anak-anak. Gaya ini selari dengan prinsip dakwah Nabi Muhammad SAW yang menyampaikan ajaran secara bertahap mengikut kemampuan dan kesediaan penerima.

d. Menjelaskan larangan dengan logik dan hikmah

Gaya pengungkapan dakwah yang berkesan bukan sekadar menyatakan larangan secara keras, sebaliknya memerlukan penjelasan yang logik dan berasaskan hikmah agar dapat diterima secara terbuka oleh ahli keluarga, khususnya anak-anak. Penjelasan yang rasional dan berhikmah bukan sahaja membantu anak memahami sebab di sebalik sesuatu larangan, malah membentuk kesedaran sendiri serta mendorong pematuhan secara sukarela, bukan paksaan. Dalam konteks kekeluargaan, gaya ini mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan ibu bapa dalam mendidik tanpa menyakiti emosi anak.

Sebagai contoh, peserta kajian PK2 menjelaskan bahawa beliau tidak hanya melarang anak melakukan sesuatu yang tidak baik, sebaliknya menjelaskan bahawa

perbuatan tersebut tidak disukai oleh Allah. Beliau berkata: "...kadang-kadang ada terpukul kan. Patu kita akan cakap la, cakap benda... benda ni tak baik, tak elok... Allah marah... memang apa-apa pun akak akan cakap kat dia Allah tak suka." (ID 2:89). Penjelasan ini menunjukkan bahawa larangan disampaikan bukan dalam bentuk kemarahan semata-mata, tetapi dengan logik agama yang mudah difahami dan bersifat mendidik. Ini membina hubungan antara akhlak dan kefahaman spiritual sejak usia kecil.

Sementara itu, PK6 menekankan bahawa anak kecil belum mampu melihat kesan terhadap sesuatu perbuatan, justeru penjelasan yang mendalam dan disertai logik adalah penting: "Anak kecil dia tak nampak kesan dia buat benda tu. So memang kita kena explain lebih sikit." (ID 6:47). Ia menggambarkan pentingnya menjelaskan larangan bukan sekadar dengan menyuruh atau melarang, tetapi menerangkan impaknya kepada diri dan orang lain agar membina kefahaman yang lebih matang.

Selain itu, PK8 turut menjelaskan pendekatan yang digunakan dalam memberi nasihat kepada anak-anak supaya larangan dapat difahami dengan lebih berkesan. Beliau menyebut: "Kalau benda yang tak baik tu kita ajar dia jangan buat... maknanya benda tu tak baik, tak elok... Allah marah... cakap kan." (ID 8:90). Hal ini menegaskan bahawa gaya larangan yang bersandarkan nilai agama dan rasional mampu menggerakkan kesedaran dalaman anak.

Lebih menarik, PK9 menekankan kepentingan nada yang rendah dan komunikasi yang penuh empati apabila ingin menegur sesuatu kesalahan. Beliau berkongsi: "Sebab anak, *the way* kita cakap dengan dia, selepas kita bergurau dengan tujuan nak nasihat ni, kita cakap dengan bahasa perut. Dia cakap dengan nada yang rendah, dengan pelukan. Dia senang, akak suka macam tu." (ID 9:38). Pendekatan ini menunjukkan bahawa menyampaikan larangan dengan sentuhan emosi dan kasih sayang mampu mengurangkan penolakan dan membina hubungan komunikasi yang lebih kukuh.

PK7 pula menggunakan pendekatan ilmiah dan bahan visual untuk menjelaskan larangan serta perkara yang perlu di jauhi dalam Islam: “Kita sampaikan nasihat itu dengan ilmiah juga... mereka akan faham... mereka akan nampak, oh rupanya begitu... mereka akan ingat sampai bila-bila.” (ID 7:29). Ia menggambarkan bahawa komunikasi larangan bukan sekadar larangan literal, tetapi boleh diperkuatkan dengan pendekatan visual, saintifik dan bercerita untuk memperkukuh kefahaman dan memori.

Kesimpulannya, menyampaikan larangan dalam dakwah kekeluargaan memerlukan gaya yang berhemah, berasaskan logik dan berpaksikan hikmah. Ia bukan sahaja menyemai kefahaman, tetapi juga menanam keyakinan bahawa setiap larangan agama membawa maslahat dan memelihara kesejahteraan diri. Gaya ini amat bertepatan dengan prinsip dakwah Islam yang mendidik dengan kasih sayang, hujah yang jelas, dan pendekatan yang tidak menekan jiwa penerima.

e. Teknik bertanya soalan mudah dan terbuka

Salah satu strategi dalam menyampaikan dakwah yang mudah difahami dan membina hubungan komunikasi dua hala dalam keluarga ialah dengan mengemukakan soalan yang bersifat mudah dan terbuka. Teknik ini memberi ruang kepada anak-anak untuk berfikir secara sendiri, menyuarakan pendapat, dan seterusnya memahami nilai yang disampaikan melalui refleksi dan pemikiran. Ia bukan sahaja berkesan dalam membentuk kesedaran dalaman, tetapi juga menjadikan dakwah lebih bersifat mesra, empatik dan interaktif.

Sebagai contoh, PK1 menjelaskan bahawa beliau akan bertanya semula kepada anak apabila ditanya sesuatu isu, bagi menggalakkan pemikiran kritis dan kesedaran sendiri: “Kalau anak saya tanya, ‘kenapa kita tak buat macam dia buat?’ saya jawab balik dengan tanya, ‘Apa pendapat Suhail?’” (ID 1:38). Pendekatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa bukan hanya berperanan memberi jawapan, tetapi juga membimbing anak menilai tindakan dan membuat keputusan berdasarkan nilai yang telah ditanam secara berperingkat.

Peserta kajian PK4 pula memanfaatkan soalan terbuka sebagai ruang untuk membina komunikasi yang lebih mesra dan terbuka, terutamanya untuk menilai emosi dan perasaan anak-anak: “Saya akan tanya dia dengan *open ended question*... ‘kakak apa perasaan kakak?’ dia beritahu ‘kakak gembira hari ni.’ ‘Kenapa?’ saya tanya.” (ID 4:33).

Beliau juga melaksanakan rutin bertanya tiga soalan setiap hari untuk membina perbualan yang bermakna bersama anak: “Saya akan tanya tiga benda setiap hari... ‘kakak makan apa hari ni?’... ‘Apa yang menggembirakan kakak hari ni?’... dan ‘apa yang menyebabkan kakak rasa nak luah something kepada ibu?’” (ID 4:34). Teknik ini bukan sahaja membina kebiasaan komunikasi harian yang positif, tetapi juga membantu anak-anak belajar mengenal emosi dan membentuk keyakinan diri untuk berbicara secara terbuka.

PK6 pula menggunakan soalan reflektif untuk mendorong anak berfikir dan mengurus keputusan dengan lebih bijaksana, termasuk dalam hal pengurusan kewangan: “‘Ni Umi bagi RM5, Umar belanja apa kat sekolah? Kenapa kena habis sampai RM5?’ Kita akan tanya lah kan. Sebab kita nak dia fikir, kita nak cuba dia selesaikan masalah itu.” (ID 6:47). Melalui soalan yang mudah ini, ibu bapa dapat menyampaikan nilai tanggungjawab, amanah, dan pengurusan diri tanpa perlu memberi syarahan panjang atau menegur secara langsung.

Akhir sekali, PK10 berkongsi pendekatan yang serupa, iaitu dengan memberi situasi dan bertanya kembali kepada anak untuk mengukur sejauh mana kefahaman mereka terhadap sesuatu nilai: “Kadang-kadang kita boleh tanya balik anak kita untuk nak clarify... kita beri situasi yang berbeza supaya anak boleh *apply* balik apa yang kita cerita tadi kepada realiti hidup dia.” (ID 10:27). Ini menunjukkan bahawa teknik bertanya tidak hanya terbatas kepada soal rutin atau emosi, tetapi boleh diaplikasikan untuk membina pemikiran kritis dan aplikasi nilai dalam kehidupan sebenar.

Kesimpulannya, teknik bertanya soalan mudah dan terbuka dalam dakwah kekeluargaan membantu membina kesedaran melalui komunikasi dua hala yang bersifat reflektif dan membina. Anak-anak dididik bukan hanya untuk mendengar,

tetapi untuk berfikir dan bertindak atas kefahaman sendiri, menjadikan dakwah lebih hidup dan berkesan dalam membentuk jiwa yang memahami serta mengamalkan nilai Islam.

f. Gaya bercerita dan visualisasi

Gaya penceritaan merupakan satu bentuk pengungkapan dakwah yang efektif dan mudah difahami, terutama apabila berinteraksi dengan anak-anak. Kaedah ini mampu membangkitkan imaginasi, mencetuskan empati, serta menyampaikan nilai dan pengajaran secara tidak langsung. Dalam konteks dakwah kekeluargaan, bercerita tidak sekadar menyampaikan kisah, tetapi juga menjadi medium untuk menyemai nilai keagamaan, membina jati diri dan menjadikan mesej dakwah lebih berkesan dan melekat dalam ingatan.

Sebagai contoh, peserta kajian PK7 menjelaskan bahawa beliau sering menggunakan kisah para nabi seperti Nabi Yusuf untuk mendidik anak-anak tentang kesabaran dan ketabahan menghadapi ujian hidup: “Contohnya kadang-kadang kita tegur, kita tak tegur direct contoh kita bawa ceritalah. Kita bawa dalam bentuk penceritaan ‘adik tahu tak Nabi dulu atau Rasul dulu atau ada seorang ulama dulu’. [...] Kita ambil contoh kisah Nabi Ibrahim ataupun kisah Nabi Yusuf... bagaimana sabarnya Nabi Yusuf tu dalam menghadapi cabaran hidup... kita semua kena contohi dari sudut mengawal diri.” (ID 7:41). Penceritaan ini juga tidak terhad kepada anak-anak, tetapi turut digunakan untuk menyampaikan mesej kepada suami secara berhemah, menandakan fleksibiliti pendekatan ini dalam pelbagai hubungan kekeluargaan.

Peserta kajian PK4 pula menggunakan kisah daripada al-Quran seperti surah-surah berkaitan konsep rezeki untuk mengajarkan nilai perkongsian kepada anak-anak, terutamanya apabila berlaku perebutan makanan: “Kalau macam anak-anak dia bergaduh sebab makanan... buka Quran, cerita pasal dia. Sebenarnya makanan ni bukan ibu bapa yang beli... Ini semua Allah taala sebut dalam Quran... semua yang Allah taala rezeki daripada kita itu kita semua berkongsi.” (ID 4:44). Kaedah ini menanam kefahaman bahawa semua nikmat berasal daripada Allah dan perlu

dikongsi, sekaligus memupuk sifat syukur dan empati melalui pendekatan naratif yang bersumberkan wahyu.

PK6 pula memanfaatkan sesi waktu malam untuk bercerita secara kreatif kepada anak-anak, termasuk menggunakan gaya suara dan aksi dramatik bagi menarik perhatian dan memudahkan pemahaman: “Akak biasanya akan selalu guna kisah Nabi... Contoh harini Nabi Sulaiman, esok Nabi Nuh. Kalau marah tu kita tunjukkan... akak panjat katil je nak cerita... sebab dia orang *excited* dengan akak punya cerita. Akak suka macam tu.” (ID 6:49). Teknik ini menunjukkan bahawa penglibatan emosi dan visualisasi melalui gaya penyampaian yang dramatik dapat menjadikan anak-anak lebih fokus dan terlibat dengan isi cerita.

Dalam pada itu, PK10 turut berkongsi bahawa beliau menggunakan kisah Nabi Muhammad SAW yang menjadi yatim piatu sebagai pendekatan membina rasa syukur dalam kalangan anak-anak: “Akak ada cerita kisah Nabi Muhammad, yatim, kan dibesarkan oleh atuk mereka ... boleh menimbulkan rasa syukur mereka lah. Yang mereka ada mak, mereka ada ayah, ada beradik...” (ID 10:30). Selain kisah nabi, beliau juga menggunakan cerita rakyat seperti sang kancil dan mengakhiri setiap cerita dengan pengajaran, menunjukkan kesungguhan dalam memastikan mesej sampai secara reflektif dan kontekstual kepada anak-anak.

Akhir sekali, PK1 berkongsi penggunaan pendekatan visualisasi dengan humor untuk menarik perhatian anak dan memasukkan mesej agama: “Ha ni kalau tak buat ni kang, masuk api neraka. Ha umi tinggal je, umi babai je daripada syurga.” (ID 1:47). Walaupun disampaikan secara gurauan, anak-anak tetap menerima mesej tersebut dengan berkesan kerana digabungkan dengan unsur emosi dan imaginasi.

Kesimpulannya, gaya bercerita dan visualisasi merupakan pendekatan dakwah yang bukan sahaja bersifat interaktif dan menghiburkan, tetapi juga memperkukuh pemahaman nilai secara emosi dan spiritual. Dengan menyampaikan mesej melalui naratif yang hidup dan berkesan, nilai-nilai Islam dapat diterima dengan lebih mendalam dalam jiwa ahli keluarga, khususnya dalam kalangan anak-anak.

Secara keseluruhannya, gaya pengungkapan dakwah yang mudah difahami memainkan peranan penting dalam memastikan mesej Islam diterima dengan jelas, khususnya dalam kalangan ahli keluarga yang berbeza tahap pemahaman. Melalui penggunaan dialog reflektif, bahasa yang mudah dan ringkas, penjelasan secara bertahap, larangan yang disampaikan dengan logik dan hikmah, soalan terbuka yang menggalakkan pemikiran, serta gaya bercerita dan visualisasi yang membekas dalam ingatan, ibu bapa bukan sahaja dapat menyampaikan nilai agama secara berkesan, tetapi juga membina komunikasi yang harmoni, mendidik dengan kasih sayang, dan membentuk kefahaman yang berakar dari dalam diri. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam mengamalkan gaya dakwah yang mudah difahami dalam keluarga.

4.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab ini merupakan hasil daripada pengalaman sepuluh orang peserta kajian yang terdiri daripada ibu bapa Muslim. Pengalaman mereka dianalisis secara tematik dan membentuk tema-tema utama yang menjawab ketiga-tiga persoalan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Persoalan kajian tersebut terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu bentuk komunikasi dakwah dalam keluarga, jenis-jenis pengungkapan dakwah, dan gaya pengungkapan dakwah yang berhemah dan berkesan dalam kalangan keluarga Muslim.

Bagi persoalan bentuk komunikasi dakwah, dapatan kajian mendapati bahawa komunikasi berlaku melalui tiga bentuk utama iaitu komunikasi lisan, komunikasi bukan lisan dan komunikasi digital. Komunikasi lisan melibatkan penggunaan kata-kata harian yang mengandungi nilai agama seperti doa, pujian dan nasihat, manakala komunikasi bukan lisan merangkumi ekspresi wajah, pelukan, nada suara dan gerak tubuh yang menyampaikan mesej dakwah secara tersirat. Komunikasi digital pula menggunakan platform seperti *WhatsApp*, mesej suara dan video pendek untuk menyampaikan mesej keislaman dalam suasana yang lebih santai dan mudah diakses.

Bagi persoalan jenis-jenis pengungkapan dakwah dalam keluarga, kajian mendapati empat jenis pengungkapan utama iaitu pengungkapan emosi, psikologi,

persuasif dan langsung. Pengungkapan emosi menyentuh aspek kasih sayang dan sokongan, pengungkapan psikologi menumpukan kepada kepekaan terhadap perasaan dan ruang untuk meluahkan, pengungkapan persuasif menggunakan pendekatan memujuk dan memberi pilihan, manakala pengungkapan langsung melibatkan penyampaian mesej secara tegas dan jelas.

Manakala bagi persoalan yang ketiga berkaitan gaya pengungkapan dakwah yang berhemah dan berkesan, sepuluh gaya utama telah dikenalpasti. Gaya-gaya tersebut ialah gaya yang sopan, gaya yang benar dan jujur, gaya yang berhemah, gaya humor, gaya penceritaan, gaya nasihat, gaya jelas dan teratur, gaya lemah lembut, gaya mesra, dan gaya mudah difahami. Kesemua gaya ini menunjukkan bahawa komunikasi dakwah dalam keluarga tidak berlaku secara kaku, tetapi disampaikan dengan pelbagai pendekatan yang mengambil kira konteks, sensitiviti emosi dan tahap pemahaman penerima. Pendekatan yang berhemah, penuh kasih sayang dan bersifat reflektif membuktikan bahawa dakwah kekeluargaan yang berkesan bukan sahaja menyampaikan mesej, tetapi juga menyemai nilai, membina hubungan, dan mengukuhkan keharmonian dalam institusi keluarga Muslim.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan kesimpulan kepada keseluruhan dapatan kajian yang telah dijalankan bermula daripada Bab I sehingga Bab IV. Bab ini merangkumi tiga komponen utama iaitu kesimpulan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian. Perbincangan dalam bab ini disusun mengikut struktur yang menjawab ketiga-tiga objektif kajian berkaitan komunikasi dakwah dalam kalangan pendakwah wanita terhadap keluarga. Kajian ini memberi penumpuan kepada bentuk komunikasi, jenis-jenis pengungkapan dakwah, serta gaya pengungkapan dakwah berhemah yang diaplikasikan dalam konteks kekeluargaan. Seterusnya, bab ini turut menjelaskan implikasi dapatan kepada empat kategori utama iaitu kepada penulis lanjutan, pendakwah wanita, jabatan agama Islam negeri-negeri dan masyarakat. Akhir sekali, beberapa cadangan turut dikemukakan berdasarkan dapatan kajian bagi memberi sumbangan terhadap perkembangan amalan dan kajian dalam bidang komunikasi dakwah kekeluargaan.

5.2 RUMUSAN KESELURUHAN HASIL KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneliti secara mendalam bagaimana komunikasi dakwah dilaksanakan oleh pendakwah wanita dalam konteks institusi keluarga, dengan memberi tumpuan kepada proses komunikasi, jenis pengungkapan dakwah dan gaya pengungkapan dakwah berhemah yang diamalkan dalam interaksi seharian. Berasaskan pendekatan kualitatif dan temu bual mendalam bersama sepuluh orang pendakwah wanita Muslim, dapatan kajian ini dianalisis secara tematik bagi

memahami realiti komunikasi dakwah dalam ruang kekeluargaan yang bersifat peribadi, emosional dan dinamik.

Berdasarkan objektif pertama, dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi dakwah dalam keluarga tidak berlaku secara linear atau spontan, sebaliknya melalui proses komunikasi yang bersifat fleksibel dan kontekstual. Pendakwah wanita menyesuaikan cara penyampaian mesej dakwah berdasarkan keadaan hubungan, emosi dan situasi ahli keluarga, sama ada melalui komunikasi lisan, bukan lisan atau penggunaan medium digital sebagai sokongan. Analisis menunjukkan bahawa bentuk komunikasi ini bukan berfungsi secara terasing, tetapi saling melengkapi dalam membina suasana dakwah yang mesra, berterusan dan tidak menghakimi. Dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa keberkesanan dakwah dalam keluarga lebih bergantung kepada keupayaan menyesuaikan bentuk komunikasi dengan konteks hubungan kekeluargaan berbanding pemilihan satu medium tertentu secara dominan.

Bagi objektif kedua, kajian ini mengenal pasti tiga jenis pengungkapan dakwah utama, iaitu pengungkapan psikologi, persuasif dan langsung, yang digunakan oleh pendakwah wanita dalam menyampaikan mesej agama kepada ahli keluarga. Pengungkapan psikologi berfungsi untuk menyantuni emosi dan memberi ruang kepada kefahaman serta refleksi sendiri, manakala pengungkapan persuasif digunakan bagi memujuk dan mempengaruhi secara halus tanpa paksaan. Pengungkapan langsung pula diaplikasikan secara terhad dalam situasi tertentu yang memerlukan ketegasan, namun tetap disampaikan secara beradab dan mempertimbangkan hubungan kekeluargaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita tidak bergantung kepada satu bentuk pengungkapan secara mutlak, sebaliknya menggunakan pendekatan berlapis yang disesuaikan dengan keperluan *mad'uw* dan tahap penerimaan mereka.

Seterusnya, bagi objektif ketiga, kajian ini mengenal pasti sepuluh gaya pengungkapan dakwah berhemah yang menjadi ciri utama komunikasi dakwah wanita dalam keluarga, iaitu sopan, benar dan jujur, berhemah, berunsur humor, penceritaan, nasihat, jelas dan teratur, lemah lembut, mesra serta mudah difahami. Gaya-gaya ini

tidak muncul secara kebetulan, sebaliknya terbentuk melalui pengalaman hidup, peranan sosial wanita serta sensitiviti terhadap hubungan kekeluargaan. Analisis mendapati bahawa gaya pengungkapan berhemah membolehkan mesej dakwah disampaikan secara tersirat, menyentuh emosi dan mengelakkan konflik, sekali gus meningkatkan penerimaan mesej agama dalam kalangan ahli keluarga.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa komunikasi dakwah dalam institusi keluarga memerlukan kebijaksanaan, kesabaran dan keupayaan menyesuaikan pendekatan komunikasi mengikut konteks hubungan dan situasi. Kajian ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman tentang peranan komunikasi dalam pembinaan keluarga Muslim, malah mengangkat wanita sebagai agen dakwah yang berkesan dalam ruang domestik melalui komunikasi yang berhemah dan berstrategi. Oleh itu, dapatan kajian ini wajar dijadikan asas rujukan dalam usaha memperkasa institusi kekeluargaan Islam serta merangka pendekatan komunikasi dakwah yang lebih kontekstual dan realistik dalam kehidupan seharian.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian kualitatif ini mempunyai kepentingan yang besar dalam memperkukuh kefahaman terhadap amalan dakwah dalam konteks kekeluargaan Islam. Ia menonjolkan peranan signifikan pendakwah wanita dalam menyampaikan nilai agama melalui komunikasi yang berhemah, penuh hikmah dan mesra. Dapatan kajian ini membawa implikasi penting kepada beberapa pihak seperti penulis lanjutan, pendakwah wanita, jabatan agama Islam negeri-negeri dan masyarakat umum dalam memperkasakan komunikasi dakwah dalam rumah tangga Muslim.

a. Implikasi untuk penulis-penulis lanjutan

Kajian ini memberikan asas empirik yang kukuh untuk penulisan dan penyelidikan lanjutan dalam bidang komunikasi dakwah kekeluargaan, khususnya dari perspektif wanita. Kajian ini mengisi jurang kajian lepas yang lebih bersifat teoritikal, dengan memberi tumpuan kepada pengalaman sebenar serta pendekatan berasaskan nilai Islam. Penulis lanjutan boleh meneroka aspek-aspek lain seperti kesan gaya

komunikasi terhadap pembentukan akhlak anak-anak atau dinamika komunikasi suami isteri dalam konteks dakwah kekeluargaan.

b. Implikasi untuk pendakwah wanita

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita perlu diberi latihan dan pendedahan khusus berkaitan kemahiran komunikasi dakwah yang bersifat emosi, psikologi dan berhemah. Gaya komunikasi yang dibincangkan dapat dijadikan panduan dalam menyampaikan mesej dakwah kepada keluarga dengan pendekatan yang lebih santun, tersusun dan reflektif. Hal ini penting bagi memastikan mesej keislaman disampaikan dengan keberkesanan dan diterima dengan hati terbuka.

c. Implikasi untuk jabatan agama Islam negeri-negeri dan bahagian-bahagian yang terlibat berkaitan komunikasi wanita dan keluarga

Jabatan agama negeri-negeri dan bahagian yang terlibat dengan hal ehwal keluarga wajar meneliti dapatan ini bagi merangka program latihan dan modul pembangunan pendakwah yang menggabungkan elemen komunikasi dakwah berhemah dalam institusi keluarga. Penekanan boleh diberikan kepada pendekatan yang sesuai untuk pelbagai peringkat umur dalam keluarga dan kaedah penyampaian yang relevan dengan realiti masyarakat masa kini.

d. Implikasi untuk masyarakat

Kajian ini memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa dakwah bukan hanya berlaku di ruang publik, tetapi lebih utama bermula di rumah. Nilai-nilai komunikasi dakwah yang bersifat hikmah, kasih sayang dan reflektif dapat dijadikan amalan harian oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak dan membentuk keluarga yang berteraskan nilai Islam. Masyarakat Muslim wajar menjadikan pendekatan ini sebagai model dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan dan menjadikan rumah sebagai madrasah awal yang penuh dengan nilai dakwah.

5.4 CADANGAN KAJIAN

Cadangan kajian adalah seperti berikut:

a. Saranan kepada penulis lanjutan

Kajian ini membuka ruang kepada penulisan lanjutan untuk menyambung kajian terhadap komunikasi dakwah dalam keluarga dari sudut yang lebih mendalam dan praktikal. Fokus utama kajian ini adalah terhadap bentuk komunikasi, jenis pengungkapan dakwah, dan gaya pengungkapan dakwah yang berhemah dalam kalangan pendakwah wanita. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengupas secara terperinci isu-isu kritikal komunikasi yang dihadapi dalam rumah tangga seperti konflik pasangan, pengaruh digital, atau dinamika interaksi antara generasi.

Hasil temu bual mendapati bahawa terdapat pelbagai masalah komunikasi yang kerap berlaku dalam rumah tangga Muslim, antaranya termasuk kekurangan kemahiran asas komunikasi, prasangka terhadap pasangan, ketidakseimbangan antara komunikasi fizikal dan digital, komunikasi yang lebih cenderung dengan orang luar berbanding keluarga sendiri, serta kurangnya penguasaan terhadap komunikasi yang berhemah dan assertif. Selain itu, isu seperti penggunaan gajet yang berlebihan, perbezaan gaya komunikasi antara lelaki dan perempuan, serta sikap ego dan tidak tahu menjaga sempadan dalam komunikasi turut dikenal pasti sebagai penghalang kepada keharmonian keluarga.

Jadual 5.1 Masalah komunikasi dan cadangan penyelesaian

Masalah Komunikasi	Cadangan Penyelesaian
- Kurang kemahiran komunikasi - Ego dan prasangka - Komunikasi lebih banyak dengan orang luar	- Komunikasi berasaskan ilmu dan adab - Amalkan empati dan tolak ansur - Fokus kepada komunikasi fizikal dalam keluarga
Tidak tahu jaga sempadan	Praktikkan komunikasi <i>assertif</i> dan penjagaan <i>boundary</i>
Pengaruh gajet dan media sosial	Seimbangkan interaksi digital dan bersemuka

Sumber: Pengkaji 2025

Sebagai respon kepada permasalahan tersebut, para peserta kajian mencadangkan beberapa penyelesaian yang wajar diperhalusi dalam kajian lanjutan. Antaranya ialah membina komunikasi berasaskan perbincangan dan kerjasama, memperkembangkan akhlaq seperti sabar dan tolak ansur, serta memastikan

komunikasi sentiasa berpaksikan ilmu dan adab. Mereka turut menyarankan agar pendekatan empati dan keupayaan menyesuaikan komunikasi dengan situasi semasa diberi perhatian. Komunikasi asertif dan penjagaan sempadan juga dianggap penting untuk diterapkan dalam komunikasi harian.

Oleh itu, penulisan lanjutan dicadangkan untuk mengembangkan kajian ke arah pembentukan model komunikasi dakwah rumah tangga berasaskan prinsip Islam yang menggabungkan unsur ilmu, adab, psikologi kekeluargaan dan pendekatan semasa. Kajian ini juga boleh diperluaskan kepada populasi yang lebih besar, merentas negeri, status sosial dan latar belakang budaya bagi membina suatu kerangka praktikal komunikasi dakwah dalam institusi kekeluargaan Islam yang lebih inklusif dan berkesan.

b. Saranan kepada pendakwah wanita

Kajian ini menunjukkan bahawa pendakwah wanita memainkan peranan penting dalam menyampaikan dakwah dalam konteks kekeluargaan, bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai pemangkin keharmonian dan penerapan nilai Islam. Oleh itu, disarankan agar pendakwah wanita diberi latihan khusus dalam bidang komunikasi kekeluargaan, termasuk komunikasi berhemah, gaya pengungkapan dakwah yang sesuai dengan peringkat umur dan latar belakang ahli keluarga, serta kemahiran menyampaikan mesej agama secara empati dan reflektif. Pendakwah wanita juga digalakkan untuk memperkaya pendekatan mereka dengan elemen penceritaan, gaya bertanya terbuka, dan penggunaan teknologi komunikasi secara bijak. Tambahan pula, pengkaji mencadangkan agar institusi dakwah menyediakan modul khas bagi mendidik para pendakwah wanita berkenaan pengurusan konflik komunikasi rumah tangga serta pendekatan dakwah yang mampu menyeimbangkan antara ketegasan prinsip dan kelembutan penyampaian. Hal ini penting agar mesej dakwah bukan sahaja sampai, tetapi juga diterima dan dihayati dalam suasana keluarga yang aman dan berkat.

c. Saranan kepada jabatan agama Islam negeri-negeri dan bahagian-bahagian yang terlibat berkaitan komunikasi wanita dan keluarga

Jabatan agama Islam negeri-negeri serta bahagian berkaitan seperti unit pembangunan wanita dan keluarga digesa untuk mengambil kira dapatan kajian ini sebagai asas bagi merangka program pemeraksanaan komunikasi kekeluargaan dalam kalangan Muslimah. Kajian mendapati terdapat banyak isu komunikasi rumah tangga yang berpunca daripada kekurangan kefahaman mengenai adab dan hikmah dalam penyampaian mesej Islam, termasuk kurangnya kemahiran mendengar, menyampaikan nasihat secara berhemah, serta mengurus komunikasi digital dengan bijaksana. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar jabatan agama membangunkan modul latihan komunikasi dakwah berteraskan prinsip rahmah dan hikmah, khusus untuk para ibu, isteri, dan pendakwah wanita. Modul ini haruslah menyentuh isu semasa seperti ketidakseimbangan komunikasi fizikal dan digital, pengaruh media sosial, serta cara mengurus konflik dan perbezaan rutin harian dalam keluarga. Pihak jabatan juga boleh bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam menjalankan kajian tindakan, latihan komuniti serta penilaian impak program komunikasi Islam dalam kalangan masyarakat.

d. Saranan kepada masyarakat

Dapatan kajian ini turut menggariskan beberapa kelemahan komunikasi dalam rumah tangga yang wajar diberi perhatian oleh masyarakat umum. Antara masalah yang dikenal pasti ialah sikap menyangka pasangan sepatutnya faham tanpa perlu dijelaskan, kegagalan membezakan antara “memberitahu” dan “berbincang”, serta pengaruh media sosial yang menyebabkan jurang komunikasi. Oleh itu, masyarakat disaran untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya komunikasi beradab, empati dan terbuka dalam institusi keluarga. Ibu bapa khususnya, perlu berperanan sebagai pendakwah dalam rumah dengan menyesuaikan gaya komunikasi mengikut tahap pemahaman anak-anak dan pasangan, serta menjadikan nilai-nilai Islam sebagai asas dalam berinteraksi. Golongan muda yang belum berkahwin juga disarankan untuk mendalami ilmu komunikasi Islam sebagai persediaan membina rumah tangga. Sementara itu, komuniti setempat wajar menganjurkan program pembudayaan

komunikasi Islam, agar masyarakat bukan sahaja mahir dalam berkata-kata, tetapi juga dalam menyampaikan mesej dakwah dengan hikmah, lembut dan berkesan.

5.5 KESIMPULAN

Penulisan dalam bab ini memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap keseluruhan dapatan kajian yang telah diperoleh berdasarkan pengalaman dan pandangan sepuluh orang pendakwah wanita dalam menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga mereka. Hasil analisis telah menjelaskan bentuk komunikasi, jenis pengungkapan dakwah, serta gaya pengungkapan dakwah berhemah yang diaplikasikan oleh para pendakwah wanita dalam konteks kekeluargaan Muslim. Implikasi daripada kajian ini telah diuraikan mengikut keperluan empat kumpulan sasaran utama, iaitu implikasi kepada penulisan lanjutan, kepada para pendakwah wanita, kepada Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan bahagian-bahagian berkaitan komunikasi keluarga, serta kepada masyarakat umum.

Begitu juga dengan cadangan yang telah dikemukakan, ia ditujukan secara khusus kepada penulis lanjutan agar memperluas lagi dimensi kajian terhadap gaya komunikasi Islamik dalam konteks keluarga, serta kepada para pendakwah wanita agar terus memperkasakan kemahiran komunikasi dakwah yang reflektif, empatik dan bersifat hikmah. Selain itu, cadangan juga diutarakan kepada pihak jabatan agama agar dapat merangka modul komunikasi dakwah kekeluargaan yang lebih menyeluruh, dan kepada masyarakat agar memupuk budaya komunikasi Islam yang berteraskan kasih sayang, adab dan kefahaman terhadap perbezaan gaya komunikasi dalam keluarga. Keseluruhannya, dapatan dan saranan dalam bab ini mengukuhkan kepentingan untuk menjadikan nilai-nilai komunikasi dakwah Rasulullah SAW sebagai asas dalam memperkasa hubungan kekeluargaan Muslim masa kini.

RUJUKAN

al-Qur'ān al-Karīm.

A'dawiyah Ismail & Siti Najihah Mansor. 2021. Teknik komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak menurut Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 131–144.

A'dawiyah Ismail. 2016. *Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Berkerjaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abbas, M., Ali, H., & Khan, S. 2019. Integrating Islamic values in family communication: Challenges and practices. *Journal of Islamic Studies* 45(2): 123-145.

Abdul Chalim, St. Rahmah, Randi Rudiana & Jasafat. 2025. Digital da'wah: Effective strategies in spreading Islam through social media. *Journal of Noesantara Islamic Studies* 2(1): 33–42.

Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah Ghazali Sulaiman. 2007. *Komunikasi dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdulrohim, E., Mahmudulhassan, M., Abuzar, M., Ahmed, E., Khondoker, S. U. A., Riazul, S. M., & Rahman, O. 2025. Islamic communication in the 21st Century: Principles, methods, practices, digital transformation and contemporary applications. *Bulletin of Islamic Research* 3(4): 571–594.

Abu Dzar Ahmad & Mohd Arif Nazri. 2017. Komunikasi keluarga berdasarkan uslub nabi SAW. *al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah* 2(1): 54-64.

Achmad Mubarak. 1999. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Pusaka Firdaus.

Adair, J. 1973. *Effective Communication: The Most Important Management Skill of All*. London: Pan Books.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2010. Pendekatan dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 57–64.

- Ahmad Sunawari Long. 2015. *Kaedah Penyelidikan Kualitatif dalam Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alimuddin, M. F. & Rhain, A. 2023. The interpretation of birrul walidayn in QS Al-Isra [17]: 24 (A comparative study of Tafsir Al-Azhar and Marah Labid). *Proceedings of the ISETH (International Summit on Science, Technology, and Humanity)*, hlm. 2798–2805.
- Aliyudin. 2010. Prinsip-prinsip metode dakwah menurut al-Qur'ān. *Jurnal Ilmu Dakwah* 4(15): 1010–1025.
- Amir Syarifudin, S. Ali Jadid Al Idrus, Subki & Abdul Haris Rasyidi. 2024. Exploring the contribution of women in da'wah: case study of women's community on thousand mosque island. *Path of Science* 10(5): 3094–3102.
- Andiwi Meifilina, Aris Sunandes & Nurmaida Magfiroh. 2024. Peran komunikasi keluarga dalam menciptakan saling pengertian dan sarana keharmonisan keluarga pada komunitas Tangan Di Atas (TDA) Perempuan Blitar. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Nusantara (JPMN)* 4(1): 58–66.
- Andri Nurwandi, Nawir Yuslem & Sukiati. 2018. Kedudukan dan peran perempuan sebagai kepala keluarga menurut hukum Islam (Studi terhadap kelompok Pemberdayaan Perempuan Kepala Keluarga-PEKKA di Kabupaten Asahan). *At-Tafahum: Journal of Islamic Law* 2(1): 68-85.
- Arianto. 2020. The cohesiveness of veiled women's da'wah communication group. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 14(2): 341–362.
- Aryadi Manuel Gultom, Ashadi, Fatnalaila, Shofiah Nur Azizah & Dyana Maftuhatu Rosyidah. 2024. The use of chat GPT for academic writing in higher education. *Formosa Journal of Sustainable Research* 3(8): 1713–1730.
- Azida Zaini Br. Sembiring & Syawaluddin Nasution. 2024. Persuasive communication strategies of religious extension workers in maintaining religious tolerance between communities in Berastagi District. *JISI: Jurnal Ilmu Sosial Indonesia* 5(1): 32-44.
- Barnes, H. L. & Olson, D. H. 1985. Parent-adolescent communication and the circumplex model. *Child Development* 56(2): 438–447.
- Barnwell, A. 2025. Listening to interviews: Attending to aurality, emotions, and atmospheres in qualitative analysis. *Forum Qualitative Sozialforschung* 26(1): 1-20.
- Baxter, L. A. & Akkoor, C. 2011. Topic expansiveness and family communication patterns. *Journal of Family Communication* 11(1): 1–20.

- Baxter, P. & Jack, S. 2008. Qualitative case study methodology: Study design and implementation for novice researchers. *The Qualitative Report* 13(4): 544–559.
- Berlo, D. K. 1960. *The Process of Communication: An Introduction to Theory and Practice*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Betirudin, Moehammad Iqbal Sultan, Muliadi Mau & Fadeliyah Ikhwan. 2025. Humor sebagai media dakwah (Analisis semiotika dalam film *Insya Allah Sah* 2. *Jurnal PIKMA: Publikasi Ilmu Komunikasi Media dan Cinema* 7(2): 476-498.
- Bobby Rachman Santoso. 2023. Unification of humor in da'wah: Da'wah bil-lisan KH. Anwar Zahid. *Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan* 27(2): 244–260.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 1997. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. Edisi Ke-4. Boston: Allyn & Bacon.
- Borelli, E., Benuzzi, F., Ballotta, D., Bandieri, E., Luppi, M., Cacciari, C., Porro, C. A. & Lui, F. 2023. Words hurt: common and distinct neural substrates underlying nociceptive and semantic pain. *Frontiers in Neuroscience* 17: 1234286.
- Brinzea, N. 2022. Emotional intelligence, the ability to access or generate feelings. *Technium Social Sciences Journal* 36: 570-575.
- Burgoon, J. K. 2015. Expectancy violations theory. Dlm. Berger, C. R. & Roloff, M. E. (pnyt.). *The International Encyclopedia of Interpersonal Communication*, hlm. 1–9. Malden, MA: Wiley-Blackwell.
- Burgos, M. V, Politico, J. F., & Vergara, M. M. 2025. The use of humor, irony, and metaphors in everyday communication: An exploratory investigation. *Journal of Interdisciplinary Perspectives* 3(2): 134-141.
- Cai, M., Wang, D., Feng, S. & Zhang, Y. 2024. Pecer: Empathetic response generation via dynamic personality extraction and contextual emotional reasoning. *Proceedings of the IEEE International Conference on Acoustics, Speech and Signal Processing (ICASSP)*, hlm. 10631–10635.
- Chaffee, S. H., McLeod, J. M. & Wackman, D. B. 1973. Family communication patterns and adolescent political participation. Dlm. Dennis, J. (pnyt.). *Socialization to Politics: Selected Readings*, hlm. 349–364). New York: John Wiley & Sons.

- Chalfoun, A., Rossi, G. & Stivers, T. 2025. The magic word? face-work and the functions of please in everyday requests. *Social Psychology Quarterly* 88(1): 66–88.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoff. 2011. Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3(2): 46–62.
- Chen, T., Shen, Y., Chen, X., Zhang, L. & Zhao, S. 2024. TriKF: Triple-perspective knowledge fusion network for empathetic question generation. *IEEE Transactions on Computational Social Systems* 11(6): 7186–7199.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Cohen, L. & Manion, L. 2000. *Research Methods in Education*. Edisi Ke-5. London: Routledge Falmer.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Cyna, A. M. & Lang, E. V. 2011. How words hurt. *Pain* 1(3). <https://www.researchgate.net/publication/265234600> [25 April 2025].
- Dan, Z. 2017. An overview of politeness. *Advances in Computer Science Research (ACSR)* 73: 653–655.
- Dayang Sakini Mohd Kadri, A'dawiyah Ismail & Khazri Osman. 2024. Komunikasi dakwah Rasulullah SAW terhadap keluarga. *Jurnal YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs* 4(2): 1–21.
- Dayang Sakini Mohd Kadri, Khazri Osman & A'dawiyah Ismail. 2020. Expression style of woman preacher towards their family. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 10(5): 1025–1033.
- Dea Milta & Sholihul Abidin. 2023. Analisis komunikasi keluarga antara perantau dengan orang tua (Studi pada perantau Sumatera Selatan di Kota Batam). *Scientia Journal: Jurnal Ilmiah Mahasiswa* 5(3): 2131–2138.
- Denieffe, S. 2020. Commentary: Purposive sampling: complex or simple? Research case examples. *Journal of Research in Nursing* 25(8): 662–663.

- Department of Statistics Malaysia. 2024. *Statistik Perceraian, Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2024*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- Devi, K. S. G. 2008. Kinesics pattern study in social interactions. *Journal of Contemporary Research in Management* 3(4): 51-62.
- Distiliana, D. & Herlinsi, H. 2024. The role and challenges of women in realizing harmonious families towards *society era 5.0 from an Islamic law perspective*. *Indonesian Journal for Islamic Studies* 2(2): 59–66.
- Drace, S. & Efendić, E. 2022. The effect of emotions on conformity. *Psihologija* 55(1): 45–56.
- Elias, A. A. 2018. Shafi'i on Nasihah: Sincere advice is given in private, not public. https://www.abuaminaelias.com/dailyhadithonline/2018/01/21/shafiee-advice-private/?utm_source=chatgpt.com [24 Jun 2025].
- Erwan Effendy, Dden Bagus Pangestu & Juwita Yanti Panggabean. 2023. Metode, tujuan, dan prinsip-prinsip komunikasi Islam. *Da'watuna: Journal of Communication and Islamic Broadcasting* 3(4): 1320–1326.
- Faustyna, Leylia Khairani, Rahmanita Ginting. 2025. Islamic da'wah communication strategy in the digital era: An analysis of the utilization of social media to spread Islamic values. *Proceedings of the International Seminar on Islamic Studies*, hlm. 2131–2138.
- Fauziah Ismail & Bahiyah Omar. 2018. Kesan gaya komunikasi doktor perubatan terhadap kepuasan pesakit. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34(3): 73–95.
- Fenny Mahdaniar & Alan Surya. 2022. Perumusan etis humor dalam desain pesan dakwah. *INTELEKSIA: Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah* 3(2): 291–312.
- Fiadotava, A. 2022. Children as agents, targets, and intermediaries of family humour. *Folklore: Electronic Journal of Folklore* 86: 59–78.
- Gayathridevi, K., & Ravindran, D. D. S. 2011. Kinesics pattern study of dyads in interactions and its implications. *Far East Journal of Psychology and Business* 2(6): 82–88.
- George, T. 2022. Semi-structured interview: Definition, guide, and examples. <https://www.scribbr.com> [25 Mei 2025].
- Griffin, E. M. 2006. *A First Look at Communication Theory*. Edisi Ke-6. New York. McGraw-Hill.

- Gross, J. J. 2015. Emotion regulation: Current status and future prospects. *Psychological Inquiry* 26(1): 1–26.
- Guadagno, R. E. 2015. Social influence online: The six principles in action. Dlm. Cialdini, R. B. (pnyt.). *Wiley Encyclopedia of Management*, 91–113. Oxford: Oxford University Press.
- Hariyati Ariffin. 2013. Strategi pujuk rayu dalam perkahwinan: tanggapan dan pengalaman lelaki Melayu dalam konteks komunikasi interpersonal. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pemikiran dan Kepimpinan Melayu 2013*, hlm. 107-118.
- Harmon-Jones, E. E. 2019. *Cognitive Dissonance: Reexamining A Pivotal Theory in Psychology*. Washington: American Psychological Association.
- Hashim Fauzy. 2001. *Prinsip Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendra, Y., & Pribadi, R. 2019. Family Communication model in forming pious children. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal): Humanities and Social Sciences* 2(1): 28–38.
- Heni Ani Nuraeni & Novie Kurniasih. 2021. The role of social media da'wah in improving individual piety during the Covid 19 pandemic. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 15(2): 343–364.
- Horning, M. A., & Bowen, M. E. 2023. Characterizing end-of-life communication in families. *Palliative Care and Social Practice* 17: 26323524231193030.
- Hoveland, C. I., Lumsdaine, A. A. & Sheffield, F. D. 1948. *Experiments on Mass Communication*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad ibn Mukarram ibn ʿAlī ibn Aḥmad. 2010. *Lisān al-ʿArab*. Bayrūt: Dār al-Sādir.
- Irfan, B. & Yaqoob, A. 2024. Between Fajr and Isha: understanding sleep dynamics in Islamic prayer timings and astronomical considerations. *Cureus* 16(4): e58911.
- Irham Ritonga, Muhammad Yazid & Lahmuddin. 2024. Pola komunikasi keluarga dalam pembentukan karakter anak. *Reslaj: Religion Education Social Laa Roiba Journal* 6(11): 5147–5154.
- Jiang, Y., Yao, Y. & Qian, X. 2024. Hear me out: the role of competent and warm vocal tones in risk communication. *The Journal of Social Psychology* 1: 1–15.

- Kahraman, F. 2022. İletişimin doğuşu: Köken dil ve dillerin çeşitlenmesi (The birth of communication: The origin of language and the diversification of languages). *Marife Dini Araştırmalar Dergisi* 1(22): 91–111.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012a. Analisis data dalam penyelidikan kualitatif. Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3, Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Johor, 22-23 Mei.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012b. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1, Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Melaka, 28-29 Mac.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012c. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1, Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Melaka, 28-29 Mac.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012d. Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial. Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1, Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Melaka, 28-29 Mac.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012e. Tesis pra lapangan kajian dalam penyelidikan kualitatif. Kertas kerja dibentangkan dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Puteri Resort, Melaka, 28–29 Mac.
- Karimullah, S. S. 2022. The urgency of building good communication in Muslim families and its implementation on children's mental health. *JADID: Journal of Quranic Studies and Islamic Communication* 2(2) 216–234.
- Karpel, M. A. 1994. *Evaluating Couples: A Handbook for Practitioners*. New York: W. W. Norton & Company.
- Katz, M., Christensen, M. J., Vaz, A. & Rousmaniere, T. 2023. Empathy training part 2: Stroking, “I Feel” statements, and inquiry techniques. Dlm. *Deliberate Practice of TEAM-CBT*, 35–39. Cham: Springer.
- Kloos, D. 2021. Risky appearances, skillful performances: Female Islamic preachers and professional style in Malaysia. *American Anthropologist* 123(2): 278–291.
- Klymenko, T. 2021. The influence of modern means of communication on intergenerational communication and the formation of new family ties. Dlm.

Family Communication for the Modern Era: A Typology, hlm. 43–59. Cham: Primedia eLaunch LLC.

Lang, E. V., Hatsiopoulou, O., Koch, T., Berbaum, K., Lutgendorf, S., Kettenmann, E., Logan, H., & Kaptchuk, T. J. 2011. Can words hurt? Patient-provider interactions during invasive procedures. *Pain* 152(3): 574–581.

Lasswell, H. D. 1948. The structure and function of communication in society. *The Communication of Ideas* 37(1): 136-139.

LeBlanc, H. P. 2018. Communicating inclusion: An analysis of family conversation. *International Journal of Linguistics* 6(2): 1–11.

León-del-Barco, B., Mendo-Lázaro, S., Polo-del-Río, M.-I., Fajardo-Bullón, F. & López-Ramos, V.-M. 2022. A protective factor for emotional and behavioral problems in children: The parental humor. *Children* 9(3): 404.

Lin, Y. 2024. Laughter in interpersonal communication: When laughter conveys disaffiliation. *Education, Language and Sociology Research* 5(2): 40–50.

Liu, W. 2019. The development of 3 to 5-year-old-children's sense of humor and the relationships among children's temperament and parents' humor style in China. Dlm. Lochizou, E. & Recchia, S. L. (pnyt.). *Research on Young Children's Humor: Theoretical and Practical Implications for Early Childhood Education, Educating the Young Child*, hlm. 61–79, Jil. 15. Cham: Springer.

Lloyd, N., Hyett, N. & Kenny, A. 2024. To member check or not to member check? An evaluation of member checking in an interpretive descriptive study. *International Journal of Qualitative Methods* 23: 16094069241301384.

Low, R. S. T. & Overall, N. C. 2025. Emotion regulation in couple relationships. Dlm. Overall, N. C., Simpson, J. A. & Lavner, J. A. (pnyt.). *Research Handbook on Couple and Family Relationships*, hlm. 168–185. Cheltenham: Edward Elgar Publishing.

LPPKN. t.th. Frontend. <https://www.lppkn.gov.my/lppkngateway/frontend/web/index.php?id=eDAwPK3VIQWM0cGVKbm8wUTA4M2d6QT09&menu=82&r=portal%2Farticle&utm> [2 Januari 2026].

Lusi Satia Rahmawati, Dasrun Hidayat, Nofha Rina & Zikry Fachrul Nurhadi. 2024. The dynamics of family communication among working mothers in the digital era. *Mediator: Jurnal Komunikasi* 17(2): 244–256.

- M. Musthofa. 2023. The ethics of da'wah in the family according to an Islamic perspective. *Al-Risalah: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam* 14(1): 174–193.
- M. Taufiq Hidayah Tanjung & Abdullah. 2025. The concept of communication in the Quran: Analysis of theory and practice. *International Journal of Education, Social Studies, and Management (IJESSM)* 5(1): 72–85.
- Madhusudan Subedi. 2023. Sampling and trustworthiness issues in qualitative research. *Dhaulagiri Journal of Sociology and Anthropology* 17(1): 61–64.
- Main, A., Yung, S. T., Chen, Y., & Zawadzki, M. J. 2025. Predicting emotion regulation strategies from aspects of the social context in everyday life. *Journal of Social and Personal Relationships* 42(2): 568–590.
- Malaysia Government. t.th. Parents to babies and children 0-6 years old. <https://www.malaysia.gov.my/en/personas/parents-to-babies-and-children-0-6-years-old/membesarkan-anak/parenting-program?utm> [2 Januari 2026].
- Malik Ibrahim, Halimah, Nurma Dwi Larasati & Kirina Maynastiti Cahyaning Putri. 2023. Communication psychology in the frame of da'wah: Urgency and theory. *Jurnal Audiens* 4(4): 621–631.
- Mardhiah Rubani, Hasan Sazali & Cut Metia. 2024. Navigating Islamic da'wah for polygamous family resilience: Family communication and the Islamic mindset. *Jurnal Dakwah Risalah* 35(2): 87–101.
- Marlina, Elismayanti Rambe, Rahmi Wahyuni & Sari Fitri. 2024. Interpersonal communication and the application of religious values in building family resilience in mandailing natal. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies* 18(1): 117–132.
- Marshall, C. & Rossman, G. B. 2006. *Designing Qualitative Research*. Edisi Ke-4. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Maya Meilan Sumarna & Rosalia Prismarini Nurdiarti. 2020. Makanan sebagai media komunikasi interpersonal (Studi deskriptif pada hubungan persahabatan, hubungan romantis dan hubungan keluarga). *Jurnal Komunikasi Korporasi Dan Media (JASIMA)* 1(2): 108–127.
- Mazita Ahmad, Norazlin Mohd Rusdin, Noor Insyiraah Abu Bakar, Hapsah Md Yusof, Nurul Ain binti Mohd Daud & Norazani Ahmad. 2025. Investigating the integration of prayer in family counseling among Muslim counselors in Malaysia. *International Journal of Advanced and Applied Sciences* 12(1): 164–171.

- McKim, C. 2023. Meaningful member-checking: a structured approach to member-checking. *American Journal of Qualitative Research* 7(2): 41–52.
- Medina, W. A. A., Velásquez, C. H. F., Zegarra, S. del R. O., Romero, G. P. M., Andía, A. Q., Bellido, I. E. A., Palacios, C. R., Trejo, F. H. A. & Bravo, N. A. 2024. Using ChatGPT in university academic writing: A bibliometric review study on the implications for writing reports, papers, essays, and theses. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 23(12): 360–381.
- Memon, M. A., Thurasamy, R., Ting, H. & Cheah, J. H. 2024. Purposive sampling: A review and guidelines for quantitative research. *Journal of Applied Structural Equation Modeling* 9(1): 1–23.
- Meydan, C. H. & Akkaş, H. 2024. The role of triangulation in qualitative research: Converging perspectives. Dlm. Elhami, A., Roshan, A. & Chandan, H. (pnjt.). *Principles of Conducting Qualitative Research in Multicultural Settings*, hlm. 98–129. USA: IGI Global.
- Mokodenseho, S., Idil, M., Yarbo, S., Toani, F., Korompot, L., Pakelo, F. & Dotinggulo, E. 2024. Communication-based da'wah ethics inspired by the Prophet's Sunnah in the Qur'an. *West Science Islamic Studies* 2(2): 136–142.
- Mohd Yusof Hussein. 1990. *Dua Puluh Lima Soal Jawab Mengenai Komunikasi Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Moon, H. & Lee, S. 2024. Effect of laughter therapy on mood disturbances, pain, and burnout in terminally ill cancer patients and family caregivers. *Cancer Nursing* 47(1): 3–11.
- Muaz Mohd Noor, S. Salahudin Suyurno & Khairul Azhar Meerangani. 2024. The silent language of dakwah: Exploring non-verbal elements in Badiuzzaman Said Nursi's preaching. *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 8(10): 1323–1334.
- Muhammad Hatta, Ismailinar, Alhuda Alhuda & Muhammad Syahril Razali Ibrahim. 2025. Principles of Islamic communication and their relevance in character formation of students: A study of Surah An-Nahl 125 Tafsir At-Tabari's perspective. *Electronic Journal of Education, Social Economics and Technology* 6(1) 8–14.
- Muhammad Iqbal Ghifari, Al Ready Zidan Maulana & Aqil Izzul Fikri. 2023. The influence of the intensity of parent-child interaction on the tendency of passive behavior in children. *APLIKATIF: Journal of Research Trends in Social Sciences and Humanities* 2(2): 96–101.

- Muhammad Mansur, Nuranisah, Afdal, Zakariah Zakariah & Fajar Payuhi. 2022. Peranan komunikasi dakwah dalam keluarga menurut perspektif Islam. *Jurnal Kolaboratif Sains* 5(6): 359–364.
- Muyanga, C. C. & Phiri, J. 2021. Assessment of effective communication in international schools in developing countries based on the Berlo's SMCR model. *Open Journal of Business and Management* 9(1): 448–459.
- Naeem, M., Ozuem, W., Howell, K., & Ranfagni, S. 2023. A step-by-step process of thematic analysis to develop a conceptual model in qualitative research. *International Journal of Qualitative Methods* 22: 16094069231205788.
- Najmuddin Azhar, Irfan Nur Hidayat & Ismail Mubarak. 2024. Penerapan prinsip-prinsip etika komunikasi Islam dalam manajemen komunikasi krisis pada lembaga keagamaan. *Al-Tarbiyah: Jurnal Ilmu Pendidikan Islam* 2(1): 145–152.
- Nor Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Aini. 2017. Bahasa da'i dalam komunikasi dakwah kepada masyarakat orang Asli. *Al-Hikmah* 9(1): 110-127.
- Nor Damia Husna Nor Sad. 2017. Komunikasi bahasa pendakwah masyarakat Orang Asli. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail. 2019. Peranan komunikasi ibu bapa terhadap proses bimbingan dan penyampaian maklumat kepada anak-anak. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019 (PASAK 4, 2019)*, hlm. 87–97.
- Nuraida & Muhammad Zaki Hasan. 2017. Pola komunikasi gender dalam keluarga. *Wardah* 18(2): 181–200.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. 2014. Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(2): 44–56.
- Nurulizzati Mohamed Nawi & Wan Hishamudin Wan Jusoh. 2019. Family communication methods according to the book of Afat Al-Lisan by Imam Al-Ghazali. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 3: 50–57.
- Nyimbili, F. & Nyimbili, L. 2024. Types of purposive sampling techniques with their examples and application in qualitative research studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies* 5(1): 90–99.
- Ohira, T. & Ichiki, M. 2022. Laughter is the best therapy for happiness and healthy life expectancy. Dlm. Soon, G. C., Bodeker, G. & Kariippanon, K. (pnyt.). *Healthy Ageing in Asia*, hlm. 229–240. Boca Raton: CRC Press.

- Onong Uchjana. 2008. *Ilmu Komunikasi: Teori dan Praktek*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Othman Lebar. 2014. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paizah Ismail. 1991. *Asas Pembinaan Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd.
- Pearson, N., Naylor, P.-J., Ashe, M. C., Fernandez, M., Yoong, S. L. & Wolfenden, L. 2020. Guidance for conducting feasibility and pilot studies for implementation trials. *Pilot and Feasibility Studies* 6: 1–12.
- Petty, R. E. & Cacioppo, J. T. 1986. The elaboration likelihood model of persuasion. Dlm. *Communication and Persuasion: Central and Peripheral Routes to Attitude Change*, hlm. 1–24. New York: Springer.
- Popescu, M. 2012. Psychology of communication—between myth and reality. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences* 2(S11): 321–325.
- al-Qarḍāwī, Yūsuf. 1976. *al-Daʿwah ilā al-Islām: Farḍ wa al-Fardiyyah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qarḍāwī, Yūsuf. 1996. *Thaqāfah al-Dāʿiyyah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Ridwan & Hijrayanti Sari. 2021. Metode komunikasi dakwah Rasulullah (Kajian tematik dalam kitab Ṣaḥīḥ Muslim). *Nukhbatul'ulum: Jurnal Bidang Kajian Islam* 7(2): 259–278.
- Ritter, A., Franz, M., Miltner, W. H. R. & Weiss, T. 2019. How words impact on pain. *Brain and Behavior* 9(9): e01377.
- Rochat, M. J. 2023. Sex and gender differences in the development of empathy. *Journal of Neuroscience Research* 101(5): 718–729.
- Rogers, C. R. 1995. *On Becoming a Person: A Therapist's View of Psychotherapy*. Boston: Houghton Mifflin Harcourt.
- Rogers, E. M. & Shoemaker, F. F. 1969. *Communication of Innovations: A Cross-Cultural Approach*. New York: Free Press.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Safinah Ismail, Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd. Majid, Abdul Wahab Md. Ali & Zulkefli Aini. 2024. Development of a Muslim family communication model based on

the Madani society framework. *Pakistan Journal of Life & Social Sciences* 22(2): 389-404.

Ruslin, Saepudin Mashuri, Muhammad Sarib Abdul Rasak, Firdiansyah Alhabsyi & Hijrah Syam. 2022. Qualitative research: Semi-structured interview in data collection. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12(1): 1346–1353.

Rutakumwa, R., Mugisha, J. O., Bernays, S., Kabunga, E., Tumwekwase, G., Mbonye, M. & Seeley, J. 2020. Conducting in-depth interviews with and without voice recorders: a comparative analysis. *Qualitative Research* 20(5): 565-581.

Safinah Ismail & Intan Haziqah Abd Rahim. 2019. Gaya komunikasi puan Siti Nadzrah Sheh Omar dalam pembentukan sahsiah anak. *Jurnal Pengajian Islam* 12(1): 1–19.

Safinah Ismail, Abdul Wahab Md. Ali, Mariam Abd. Majid, Abur Hamdi Usman, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini & Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah. 2024. Pengamalan ilmu keibubapaan dalam kalangan ibu bapa Muslim di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan an Inovasi* 11(2): 132–145.

Safinah Ismail, Muhammad Aufa Haziq Nor Azman, Muhammad Aiman Syakir Aziz & Mohamad Safarudin Bin Rahim. 2020. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, hlm. 743-751.

Safinah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd. Majid, Abdul Wahab Md. Ali & Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah. 2025. Parental role modeling based on affection in Muslim family. *International Journal of Modern Education* 7(24): 288–305.

Safinah Ismail, Rosmawati Mohammad Rasit & Zulkefli Aini. 2019. Mesej komunikasi keluarga dalam Surah Luqman. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal* 6(1): 201–213.

Samsuddin Abdul Rahim. 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. 2005. *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.

Sarrah Hasyim Abdullah & Rose Mini Agoes Salim. 2020. Parenting style and empathy in children: The mediating role of family communication patterns. *HUMANITAS: Indonesian Psychological Journal* 17(1): 34–45.

- Sayyid Quṭb, Ibrāhīm Ḥusayn Shādhilī. 1967. *Fi Dhilālik al-Qur'ān (Tafsir Surah An-Nahl 125)*. Terj. Jil. 7. Jakarta: Gema Insani Press.
- Schramm, W. 1977. *Big Media, Little Media: Tools and Technologies for Instruction*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Searle, J. R. 1979. *Expression and Meaning: Studies in the Theory of Speech Acts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shenton, A. K. 2004. Strategies for ensuring trustworthiness in qualitative research projects. *Education for Information* 22(2): 63-75.
- Shukri Ahmad & Azizan Mohd. 2012. *Kaedah Penyelidikan dalam Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sim, J. & Wright, C. C. 2005. The kappa statistic in reliability studies: Use, interpretation, and sample size requirements. *Physical Therapy* 85(3): 257–268.
- Sims, D. & Cilliers, F. 2025. Assessing data adequacy in qualitative research studies. *Academic Medicine* 100(6): 758.
- Siti Fatimah Azzahra & Robi'ah Machtumah Malayati. 2024. Gaya komunikasi dakwah Ustadzah Halimah Alaydrus pada channel Youtube. *Spektra Komunika* 3(1): 50–71.
- Siti Julaiha, Sariah Afia & Ity Rukayah. 2024. Evaluasi dan assesmen pembiasaan dzikir pagi dalam penguatan nilai spiritual pada anak usia dini di RA Ishlahul Ummah. *EDUCASIA: Jurnal Pendidikan, Pengajaran, dan Pembelajaran*, 9(2), 87–96.
- Siti Mu'awanah. 2022. Peran perempuan dalam membangkitkan kesadaran berdakwah melalui majelis taklim dan media sosial. *Etika: Journal of Islamic Communication and Broadcasting Science* 1(2): 67–78.
- Suci Rahmadillah & Laili Alfita. 2024. Konformitas ditinjau dari jenis kelamin pada remaja. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences* 7(2): 641–647.
- Sutarni, Muliaty Amin & St. Nasriah. 2022. Komunikasi wanita karir dalam mewujudkan keluarga sakinah mawaddah warahmah di kecamatan Sinjai Utara Kabupaten Sinjai. *Jurnal Mercusuar: Journal of Islamic Studies* 3(3): 351–367.

- Syaflin Halim, Mohammad Najib Jaffar & Elma Rida Yanti. 2024. The communication patterns of *husband* and wife couples in resolving household conflicts: Islamic family law perspectives. *KARSA Journal of Social and Islamic Culture* 32(1): 33–71.
- Syarifuddin. 2023. Humourin Islam: A philosophy study of humour. *Jurnal Ilmiah Al Mu'ashirah* 20(1): 60–70.
- Syed Arabi Idid. 1992. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syriani, E., David, I., & Kumar, G. 2024. Screening articles for systematic reviews with ChatGPT. *Journal of Computer Languages* 80: 101287.
- Tannen, D., Kendall, S., & Gordon, C. 2007. *Family Talk: Discourse and Identity in Four American Families*. Oxford: Oxford University Press.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Edisi Ke-2. New York: Wiley.
- Taylor, Z. 2024. Using ChatGPT to clean qualitative interview transcriptions: A usability and feasibility analysis. *American Journal of Qualitative Research* 8(2): 153–160.
- Teja, B. G. & Shailaja, N. 2024. The silent language of the body: Analyzing body language, kinesics, and proxemics in interpersonal communication. *International Journal for Multidisciplinary Research (IJFMR)* 6(6): 1–8.
- al-Tha^olabī, Abū Ishāq Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Nīsābūrī. 1992. *Simāru al-Qulūb fī al-Muḍāf wa al-Mansūb*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Theodorson, A. G. 1969. *A Modern Dictionary of Sociology*. New York: Crowell.
- Tika Mutia. 2022. Da’wahtainment: the creativity of Muslim creators in da’wah communication on social media. *Jurnal Dakwah Risalah* 32(2): 147–163.
- Tisdell, E. J., Merriam, S. B. & Stuckey-Peyrot, H. L. 2025. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Edisi Ke-5. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Tongco, M. D. C. 2007. Purposive sampling as a tool for informant selection. *Ethnobotany Research and Applications* 5: 147–158.
- Turner, H. A. 1994. Gender and social support: Taking the bad with the good? *Sex Roles* 30: 521–541.

- Tustonja, M., Stipić, D. T., Skoko, I., Čuljak, A. & Vegar, A. 2024. active listening—a model of empathetic communication in the helping professions. *Medicina Academica Integrativa* 1(1): 42–47.
- Velentzas, J. & Broni, G. 2014. Communication cycle: Definition, process, models and examples. *Recent Advances in Financial Planning and Product Development* 17: 117–131.
- Wagemaker, H. 2020. Study design and evolution, and the imperatives of reliability and validity. Dlm. *Reliability and Validity of International Large-Scale Assessment: Understanding IEA's Comparative Studies of Student Achievement*, hlm. 7–21. Cham: Springer.
- Wahyu Ilaihi, Luluk Fikri Zuhriyah & M. Yusuf. 2024. Digital da'wah on religious moderation for Madurese women merchants in Tapal Kuda, Indonesia. *Jurnal Ilmu Dakwah* 44(2): 259–274.
- West, R. & Turner, L. H. 2022. *Interpersonal Communication*. New York: Sage Publications
- Wout, M. Van, Chang, L. J. & Sanfey, A. G. 2010. The influence of emotion regulation on social interactive. *Emotion* 10(6): 815–821.
- Xu, Z., Chen, D., Kuang, J., Yi, Z., Li, Y. & Shen, Y. 2024. Dynamic demonstration retrieval and cognitive understanding for emotional support conversation. *Proceedings of the 47th International ACM SIGIR Conference on Research and Development in Information Retrieval*, hlm. 774–784.
- Yin, R. K. 2017. *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. New York: Sage publications.
- YPKDT. t.th. Modul Keluarga Sakinah. <https://ypkdt.gov.my/en/modul-keluarga-sakinah/?utm> [2 Januari 2026].
- Yulita Daru Priliantari, Agustinus Rustanta & Randi Kusuma Setyawati. 2018. Dinamika komunikasi dalam keluarga. *Jurnal Ilmu Komunikasi dan Bisnis* 3(1): 15–24.
- Yusuf, Y. M. 2025. Communication of da'wah in the creative muslim community: A study on the Hijrah Yuk Ngaji community. *Jurnal Scientia* 14(2) 119–128.
- Zaizul Ab. Rahman & Jaffary Awang. 2004. Peningkatan komunikasi sebagai penyelesaian masalah dalam kaunseling perkahwinan dan keluarga. *Islam: Past, Present and Future (Prosiding Seminar Pemikiran Islam)*, hlm. 669–675.
- Zaydan, °Abd al-Karīm. 1987. *Uṣūl al-Da'wah*. Bayrūt: Mu'assasat Dār al-Wafā'.

Zaydan, °Abd al-Karīm. 1993. *Uṣūl al-Da‘wah*. Bayrūt: Dār al-Risālah.

Zaydan, °Abd al-Karīm. 2010. *Uṣūl al-Da‘wah*. Bayrūt: Dār al-Risālah.

Zawiyah Mohammad Yusof. 2009. *Kemahiran Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zhang, H., Chen, Y., Wang, M., & Feng, S. 2024. FEEL: A framework for evaluating emotional support capability with large language models. *Proceedings of the International Conference on Intelligent Computing*, hlm. 96–107.

Zink, T. C. 1988. A psychological process by which parents incorporate humor into their relationships with their children, aged birth to six. Tesis Dr. Fal., University of Massachusetts, Amherst, USA.

Zulkefli Aini, S. Salahudin Suyurno & Rosmawati Mohamad Rasit. 2020. *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkefli Aini & Abdul Ghafar Don. 2022. The implementation of communication skills in da‘wah. *Hamdard Islamicus* 45(1): 81–102.

LAMPIRAN A

SURAT PERMOHONAN MENJALANKAN KAJIAN



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM • FACULTY OF ISLAMIC STUDIES

Rujukan: UKM.FPI.KIK.600-4/6
Tarikh: 22 Oktober 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Assalamu'alaikum wr. wbt.

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

PERMOHONAN MENJALANKAN KAJIAN (TEMU BUAL)

NAMA : DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI
NO. MATRIK : P101410
NO. K/P : 941218-06-5662


Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa penama di atas adalah pelajar Program Sarjana Pengajian Islam di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi 2024/2025.

2. Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat memperoleh Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan), beliau diwajibkan melakukan penyelidikan tesis. Beliau melakukan penyelidikan bertajuk **Komunikasi Pendakwah Wanita terhadap Keluarga** di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail dan Dr. Khazni Osman.

3. Sehubungan itu, pihak kami memohon agar pihak YBhg. Prof./Tuan/Puan dapat memberi kerjasama, kebenaran dan maklumat yang dipohon oleh penama berkenaan bagi urusan kajian selidikannya. Segala maklumat dan bahan kajian yang diperolehi akan disimpan sebagai sulit. Sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh menghubungi terus penama berkenaan di talian 013-955 4180 atau alamat e-mel: dayang@unipsas.edu.my.

Sekian, kerjasama yang diberikan terlebih dahulu diucapkan terima kasih. Wasalam.

Yang benar,


DR. MOHAMAD ZULKIFLI ABDUL GHANI
Pemangku Pengerusi
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam

IsaibesertakajianMyDoc

...2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 91106

PUSAT KAJIAN DAKWAH & KEPIMPINAN, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8921 5677 Faks: +603-8921 3902 E-mel: ppkik@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fpi

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.edu.my

UKM.FPI.KIK.600-4/6

SENARAI EDARAN

Prof. Dr. Siti Rugayah binti Hj Tibek
Profesor Kehormat Institut Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dr. Safiah binti Abd Razak
Dekan Fakulti Pengajian Islam
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS)

Dr. Hasiyah binti Mat Salleh
Pensyarah,
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS)

Dr. Siti Nora'eshah Binti Zakaria
Ketua Jabatan Quran Sunnah, FPI
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS)

Dr. Nur Yani binti Che Hussin
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan
Bahagian Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS)

Puan Nazirah Abu Bakar
Pegawai Hal Ehwal Islam
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Puan Sazilarahimi binti Sepawi
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Keluarga
Jabatan Agama Islam Pahang (JAIPI)

Puan Asmak binti Husin
Penaung Ikhtiar Ihsan Care

Puan Nurul Shahidah binti Ishak
Pendidikwan Bebas

Puan Maizatul Akmalah Mohamed
Aktiviti Dakwah

Puan Nafisah Abdul Rahim
Aktivis Dakwah

-2-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT KAJIAN DAKWAH & KEPIMPINAN, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8921 5977 Faks: +603-8921 3902 E-mel: ppkd@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/tpi

ILMU, MUTU DAN BUDI

© 2022 UKM

LAMPIRAN B

SURAT KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN PAKAR 1



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM / FACULTY OF ISLAMIC STUDIES

Rujukan : UKM.FPI.KIK. 600-1/3/5
Tarikh : 20 Jamadilakhir 1445H
2 Januari 2024

Prof. Madya Dr. Norrodzoh Binti Hj. Siren
Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya.

Assalamualaikum wdt wbt.

YBhg. Dr.

PERMOHONAN SEMAKAN DAN KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN
NAMA : DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI
NO MATRIK : P101410
NO. K/P : 941218-06-5662

Dengan segala hormatnya adalah disahkan bahawa penama tersebut merupakan pelajar program sarjana di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi 2023/2024.

2. Sehubungan itu, bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana (MA) Pengajian Islam, beliau diwajibkan menulis tesis bertajuk *"Komunikasi Pendakwah Wanita terhadap Keluarga"* di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail dan Dr. Khazri Osman.

3. Oleh yang demikian, pihak jabatan memohon agar pihak puan dapat memberi kerjasama dalam menyemak dan mengesahkan instrumen kajian pelajar ini sebelum temu bual dilaksanakan.

Segala kerjasama dan keprihatinan pihak puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Wassalam.

Yang Benar,

DR. MUHAMAD FAISAL ASHAARI
Pengerusi
Pusat Kajian Dakwah Dan Kepimpinan

S.K. : PM. Dr. A'dawiyah Ismail, Penyelia Utama
Dr. Khazri Osman, Penyelia Bersama
Fail



PUSAT KAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel : +603-8921 5977/5528 Faks: +603-8921 3152 E-mel: jpdk@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fpi

Menemikan Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.edu.my

LAMPIRAN C

SURAT KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN PAKAR 2



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM • FACULTY OF ISLAMIC STUDIES

Rujukan : UKM.FPI.KIK. 600-1/3/5

Tarikh : 20 Jamadilakhir 1445H

2 Januari 2024

Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham

Pensyarah

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia.

Assalamualaikum wrt wbt.

YBhg Dato',

PERMOHONAN SEMAKAN DAN KESAHAN INSTRUMEN KAJIAN**NAMA : DAYANG SAKINI BINTI MOHD KADRI****NO MATRIK : P101410****NO. K/P : 941218-06-5662**

Dengan segala hormatnya adalah disahkan bahawa penama tersebut merupakan pelajar program sarjana di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi 2023/2024.

2. Sehubungan itu, bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana (MA) Pengajian Islam, beliau diwajibkan menulis tesis bertajuk *"Komunikasi Pendakwah Wanita terhadap Keluarga"* di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail dan Dr. Khazri Osman.

3. Oleh yang demikian, pihak jabatan memohon agar pihak YBhg. Dato' dapat memberi kerjasama dalam menyemak dan mengesahkan instrumen kajian pelajar ini sebelum temu bual dilaksanakan.

Segala kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Dato' amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. *Wassalam*

Yang Benar,

DR. MUHAMAD FAISAL ASHAARI

Pengerusi

Pusat Kajian Dakwah Dan Kepimpinan

S.K. - PM. Dr. A'dawiyah Ismail, Penyelia Utama
- Dr. Khazri Osman, Penyelia Bersama
- Fail



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 0130

PUSAT KAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5977/5528 Faks: +603-8921 3152 E-mel: jpd@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fpi

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

LAMPIRAN D

SOALAN TEMU BUAL PESERTA KAJIAN

BIL	SOALAN
OBJEKTIF 1 (BENTUK – BENTUK KOMUNIKASI DAKWAH)	
1.	Bagaimanakah puan <u>berkomunikasi</u> dengan ahli keluarga?
2.	Sebagai wanita yang berperanan besar dalam keluarga, bagaimanakah puan <u>merancang</u> untuk memulakan komunikasi?
3.	Apakah <u>topik</u> perbualan yang sering menjadi perbincangan ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga?
OBJEKTIF 2 (JENIS- JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH)	
1.	Pada pandangan puan, adakah elemen <u>gurauan</u> penting dalam komunikasi bersama ahli keluarga? Mengapa puan berpendapat sedemikian?
2.	Bolehkah mesej dakwah sampai kepada ahli keluarga sekiranya menggunakan elemen <u>humor</u> ? Mengapa?
3.	Bagaimanakah <u>batasan</u> gurauan yang perlu diberi perhatian sewaktu berkomunikasi dengan ahli keluarga?
4.	Bagaimanakah reaksi ahli keluarga sekiranya puan menegur perbuatan salah dalam bentuk humor?
5.	Apabila <u>perkara kebiasaan</u> yang biasa puan gunakan apabila ingin memulakan komunikasi?
6.	Boleh puan berikan contoh ayat yang digunakan apabila ingin <u>menegur</u> kesalahan ahli keluarga?
7.	Dari sudut perkataan, apakah perkataan yang menjadi <u>sensitif</u> dan tidak disukai dalam kalangan ahli keluarga?
8.	Dari sudut kata-kata/bahasa apakah ayat yang biasa puan gunakan untuk <u>mempengaruhi</u> anak-anak agar mendengar kata?
9.	Dari sudut emosi, adakah wajar diceritakan tentang hal-hal yang <u>menakutkan</u> dan <u>mengerikan</u> bagi tujuan menegur ahli keluarga?
OBJEKTIF 3 (GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH)	
1.	Apakah bahasa yang paling <u>disukai dan senang</u> diterima oleh ahli keluarga?
2.	Apakah <u>tindakan</u> susulan puan sekiranya tanpa sengaja mengeluarkan perkataan yang tidak disukai oleh ahli keluarga?
3.	Boleh puan terangkan mengapakah seorang isteri dan ibu perlu menjaga <u>adab</u> dan tata tertib dalam pemilihan kata ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga?
4.	Semasa berkomunikasi, apakah perkara yang perlu dipastikan supaya ahli keluarga <u>mempercayai</u> apa yang dikatakan kepada mereka?
5.	Pada pendapat puan, adakah penerangan tentang pengetahuan agama mudah disampaikan jika dimasukkan elemen <u>humor</u> dalam penyampaian?
6.	Bagaimanakah cara yang menunjukkan puan berhemah ketika menegur kesilapan?

7.	Adakah puan menggunakan kaedah bercerita dalam memberi nasihat? Apakah kisah-kisah yang selalu diceritakan?
8.	Adakah ahli keluarga suka jika puan bercakap dengan menggunakan perkataan yang <u>panjang tidak jelas dan laju</u> ?
9.	Apakah <u>respons</u> yang diberikan oleh ahli keluarga jika puan berkomunikasi dengan nada kasar?
10.	Bagaimanakah puan <u>membina</u> hubungan dengan ahli keluarga untuk mewujudkan kemesraan?
11.	Adakah ahli keluarga memahami apabila puan memberi penerangan mengenai sesuatu perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan dan bagaimana puan mengetahui bahawa mereka memahaminya?



LAMPIRAN E

KESAHAN COHEN KAPPA PAKAR 1

KESAHAN SOALAN TEMU BUAL
KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA


BIL	SOALAN	TEMA	SETUJU	TIDAK SETUJU
OBJEKTIF 1 (BENTUK – BENTUK KOMUNIKASI DAKWAH)				
1.	Bagaimanakah puan <u>berkomunikasi</u> dengan ahli keluarga?	KOMUNIKASI DAKWAH	/	
2.	Sebagai wanita yang berperanan besar dalam keluarga, bagaimanakah puan <u>merancang</u> untuk memulakan komunikasi?		/	
3.	Apakah <u>topik</u> perbualan yang sering menjadi perbincangan ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga?		/	
OBJEKTIF 2 (JENIS- JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH)				
1.	Pada pandangan puan, adakah elemen <u>gurauan</u> penting dalam komunikasi bersama ahli keluarga? Mengapa puan berpendapat sedemikian?	HUMOR	/	
2.	Bolehkah mesej dakwah sampai kepada ahli keluarga sekiranya menggunakan elemen <u>humor</u> ? Mengapa?		/	
3.	Bagaimanakah <u>batasan</u> gurauan yang perlu diberi perhatian sewaktu berkomunikasi dengan ahli keluarga?		/	
4.	Bagaimanakah <u>reaksi</u> ahli keluarga sekiranya puan mentertawakan perbuatan kesalahan yang dianggap lucu?		/	
5.	Apabila <u>perkara kebiasaan</u> yang biasa puan gunakan apabila ingin memulakan komunikasi?	PSIKOLOGI	/	
6.	Boleh puan berikan contoh ayat yang digunakan apabila ingin <u>menegur</u> kesalahan ahli keluarga?		/	
7.	Dari sudut perkataan, apakah perkataan yang menjadi <u>sensitif</u> dan tidak disukai dalam kalangan ahli keluarga?		/	
8.	Dari sudut kata-kata/bahasa apakah ayat yang biasa puan gunakan untuk <u>mempengaruhi</u> anak-anak agar mendengar kata?	PERSUASIF	/	
9.	Dari sudut emosi, adakah wajar diceritakan tentang hal-hal yang menakutkan dan mengerikan bagi tujuan menegur ahli keluarga?		/	

KESAHAN SOALAN TEMU BUAL
KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA

OBJEKTIF 3 (GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH)				
1.	Apakah bahasa yang paling <u>disukai</u> dan <u>senang</u> diterima oleh ahli keluarga?	SOPAN	/	
2.	Apakah <u>tindakan</u> susulan puan sekiranya tanpa sengaja mengeluarkan perkataan yang tidak disukai oleh ahli keluarga?		/	
3.	Boleh puan terangkan mengapakah seorang isteri dan ibu perlu menjaga <u>adab</u> dan tatatertib dalam pemilihan kata ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga?		/	
4.	Semasa berkomunikasi, apakah yang perlu dipasukan supaya ahli keluarga <u>mempercayai</u> apa yang dikatakan kepada mereka?	BENAR DAN JUJUR	/	
5.	Pada pendapat puan, adakah penerangan tentang pengetahuan agama mudah disampaikan jika dimasukkan elemen humor dalam penyampaian?	BERUNSUR HUMOR	/	
6.	Bagaimanakah cara yang menunjukkan puan berhemah ketika menegur kesilapan?	BERHEMAH	/	
7.	Apakah <u>kisah-kisah</u> yang biasa diceritakan kepada ahli keluarga?	BERUNSUR PENCERITAAN	/	
8.	Bagaimanakah puan <u>menyusun</u> ayat untuk memberi nasihat kepada ahli keluarga?	BERUNSUR NASIHAT		/
9.	Adakah ahli keluarga suka jika puan bercakap dengan menggunakan perkataan yang <u>panjang</u> tidak <u>jelas</u> dan <u>laju</u> ?	JELAS DAN TERATUR	/	
10.	Apakah <u>respons</u> yang diberikan oleh ahli keluarga jika puan berkomunikasi dengan nada kasar?	LEMAH LEMBUT	/	
11.	Bagaimanakah puan <u>membina</u> hubungan dengan ahli keluarga untuk mewujudkan kemesraan?	MESRA	/	
12.	Adakah ahli keluarga memahami apabila puan memberi penerangan mengenai sesuatu perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan?	MUDAH DIFAHAMI		/

**KESAHAN SOALAN TEMU BUAL
KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA**

Bagaimanakah puan menjelaskan tentang perkara tersebut?			
---	--	--	--

	SETUJU	TIDAK SETUJU
JUMLAH SOALAN (24)	22	2
NAMA PENILAI	NORRODZOH BINTI HJ SIREN	
JAWATAN	PROF. MADYA	
INSTITUSI	AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIV. MALAYA	
NO TELEFON	0123928304	
TARIKH	10 JAN 2024	
TANDATANGAN	 ASSOC. PROF DR NORRODZOH BINTI HJ SIREN Department of Da'wah & Human Development Academy of Islamic Studies Universiti Malaya	

LAMPIRAN F

KESAHAN COHEN KAPPA PAKAR 2

KESAHAN SOALAN TEMU BUAL
KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA

BIL	SOALAN	TEMA	SETUJU	TIDAK SETUJU
OBJEKTIF 1 (BENTUK - BENTUK KOMUNIKASI DAKWAH)				
1.	Bagaimanakah puan <u>berkomunikasi</u> dengan ahli keluarga?	KOMUNIKASI DAKWAH	/	
2.	Sebagai wanita yang berperanan besar dalam keluarga, bagaimanakah puan <u>merancang</u> untuk memulakan komunikasi?		/	
3.	Apakah <u>topik</u> perbualan yang sering menjadi perbincangan ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga?			/
OBJEKTIF 2 (JENIS- JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH)				
1.	Pada pandangan puan, adakah elemen <u>gurauan</u> penting dalam komunikasi bersama ahli keluarga? Mengapa puan berpendapat sedemikian?	HUMOR	/	
2.	Bolehkah mesej dakwah sampai kepada ahli keluarga sekiranya menggunakan elemen <u>humor</u> ? Mengapa?		/	
3.	Bagaimanakah <u>batasan</u> gurauan yang perlu diberi perhatian sewaktu berkomunikasi dengan ahli keluarga?		/	
4.	Bagaimanakah <u>reaksi</u> ahli keluarga sekiranya puan menegur perbuatan salah dalam bentuk humor?			/
5.	Apabila <u>perkara kebiasaan</u> yang biasa puan gunakan apabila ingin memulakan komunikasi?	PSIKOLOGI	/	
6.	Boleh puan berikan contoh ayat yang digunakan apabila ingin <u>menegur</u> kesalahan ahli keluarga?		/	
7.	Dari sudut perkataan, apakah perkataan yang menjadi <u>sensitif</u> dan tidak disukai dalam kalangan ahli keluarga?		/	
8.	Dari sudut kata-kata/bahasa apakah ayat yang biasa puan gunakan untuk <u>mempengaruhi</u> anak-anak agar mendengar kata?	PERSUASIF	/	
9.	Dari sudut emosi, adakah wajar diceritakan tentang hal-hal yang <u>menakutkan dan mengerikan</u> bagi tujuan menegur ahli keluarga?		/	

KESAHAN SOALAN TEMU BUAL
KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA

OBJEKTIF 3 (GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH)				
1.	Apakah bahasa yang paling <u>disukai</u> dan <u>senang</u> diterima oleh ahli keluarga?	SOPAN	/	
2.	Apakah <u>tindakan</u> susulan puan sekiranya tanpa sengaja mengeluarkan perkataan yang tidak disukai oleh ahli keluarga?		/	
3.	Boleh puan terangkan mengapakah seorang isteri dan ibu perlu menjaga <u>adab</u> dan tata tertib dalam pemilihan kata ketika berkomunikasi dengan ahli keluarga?		/	
4.	Semasa berkomunikasi, apakah yang perlu dipastikan supaya ahli keluarga <u>mempercayai</u> apa yang dikatakan kepada mereka?	BENAR DAN JUJUR	/	
5.	Pada pendapat puan, adakah penerangan tentang pengetahuan agama mudah disampaikan jika dimasukkan elemen <u>humor</u> dalam penyampaian?	BERUNSUR HUMOR	/	
6.	Bagaimanakah cara yang menunjukkan puan berhemah ketika menegur kesilapan?	BERHEMAH	/	
7.	Apakah <u>kisah-kisah</u> yang biasa diceritakan kepada ahli keluarga?	BERUNSUR PENCERITAAN	/	
8.	Bagaimanakah puan <u>menyusun</u> ayat untuk memberi nasihat kepada ahli keluarga?	BERUNSUR NASIHAT	/	
9.	Adakah ahli keluarga suka jika puan bercakap dengan menggunakan perkataan yang <u>panjang tidak jelas dan laju</u> ?	JELAS DAN TERATUR	/	
10.	Apakah <u>respons</u> yang diberikan oleh ahli keluarga jika puan berkomunikasi dengan nada kasar?	LEMAH LEMBUT	/	
11.	Bagaimanakah puan <u>membina</u> hubungan dengan ahli keluarga untuk mewujudkan kemesraan?	MESRA	/	
12.	Adakah ahli keluarga memahami apabila puan memberi penerangan mengenai sesuatu perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan? Bagaimanakah puan menjelaskan tentang perkara tersebut?	MUDAH DIFAHAMI	/	

KESAHAN SOALAN TEMU BUAL
KOMUNIKASI PENDAKWAH WANITA TERHADAP KELUARGA

	SETUJU	TIDAK SETUJU
JUMLAH SOALAN (24)	21	3
NAMA PENILAI	Prof Dato' Dr Fariza Md Sham	
JAWATAN	Pengarah	
INSTITUSI	Institut Islam Hadhari, UKM	
NO TELEFON	0192746239	
TARIKH	3/1/2024	
TANDATANGAN		

LAMPIRAN G

KESAHAN TEMU BUAL DATA TRANSKRIPSI


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PENGESAHAN DATA TEMU BUAL OLEH PESERTA KAJIAN

Saya Sazilarahimi binti Sepawi bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan : 

Tarikh : 4 November 2024



1

**PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN**

Saya Maizatul Akmaliah Mohamed bersetuju/~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan :

:

Tarikh

:

5 NOVEMBER 2024



**PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN**

Saya Asmak binti Husin bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan : 

Tarikh : 30/10/2024





PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN

Saya Nurul Shahidah binti Ishak bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan

Tarikh

: 7 November 2024





PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN

Saya Dr Hasiah binti Mat Salleh bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan :

Tarikh :

11-11-2024





PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN

Saya Nafisah Abdul Rahim bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Nafisah

Tandatangan :

Tarikh :

13 November 2024





PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN

Saya Dr Safiah binti Abd Razak bersetuju/~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan

:

Tarikh

:

11/11/2024





PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN

Saya Siti Rugayah binti Hj Tibek bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan :

Tarikh :

16/12/2024





PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN

Saya Nazirah Abu Bakar bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan :

Tarikh :

17 Disember 2024






PENGESAHAN TRANSKRIPSI PESERTA KAJIAN


Saya Nur Yani binti Che Hussin bersetuju/ ~~tidak bersetuju~~ mengesahkan bahawa semua transkripsi perbualan hasil temu bual ini adalah benar seperti yang dinyatakan.

Tandatangan



Tarikh

: 20/11/2024



LAMPIRAN H

KESAHAN UNIT ANALISIS DATA PAKAR 1

KESAHAN UNIT ANALISIS DATA			
TEMA SOALAN	ANALISIS DATA (HASIL KAJIAN OBJEKTIF 1)	SETUJU	TIDAK SETUJU
BENTUK – BENTUK KOMUNIKASI DAKWAH	1. Pendakwah melakukan proses permulaan komunikasi dalam membina hubungan bersama ahli keluarga. - Mulakan dengan berpesan kepada diri sendiri - Mulakan dengan bertanya khabar dan menunjukkan empati - Mulakan dengan kata-kata yang baik dan tidak menyakitkan - Mulakan dengan memanggil gelaran mesta dan positif - Mulakan dengan luahan perasaan - Mulakan dengan pertanyaan aktiviti harian dan perancangan keluarga - Mulakan komunikasi untuk membangunkan keluarga dan menunaikan solat	/	
	2. Pendakwah melakukan perancangan sebelum berkomunikasi dengan ahli keluarga. - Bertanya perthal diri ahli keluarga dan mengetahui aktiviti mereka - Melihat kesesuaian emosi dan kesediaan ahli keluarga	/	
	3. Pendakwah menggunakan dua medium komunikasi. - Verbal - Bercakap secara langsung - Telefon - Bersemuka - Bukan Verbal - Penggunaan aplikasi Whatsapp (mesej/perkongsian video/emoji)	/	

	- Sentuhan / bahasa badan - Panggilan video - Penggunaan aplikasi media sosial lain (Tiktok/Youtube/Instagram/Facebook)		
	4. Pendakwah berkomunikasi dengan ahli keluarga sesuai dengan topik perbualan yang dibincangkan. i. Agama/ nilai murni ii. Emosi / sokongan moral/ psikologi iii. Kekeluargaan/ perhubungan iv. Tanggungjawab v. Pendidikan anak / sosial/ pembangunan diri vi. Perancangan keluarga / masa vii. Kerjaya / aspirasi viii. Isu semasa / masyarakat/ sosial ix. Kesedaran agama / kehidupan x. Rutin kehidupan seharian/ gaya hidup / kesihatan xi. Minat / aktiviti xii. Sosial / harian	/	
OBJEKTIF 2			
TEMA SOALAN	ANALISIS DATA (HASIL KAJIAN OBJEKTIF 2)	SETUJU	TIDAK SETUJU
JENIS- JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH	Pendakwah menggunakan tiga jenis pengungkapan dakwah kepada ahli keluarga iaitu: 1. Jenis Pengungkapan Humor Kesan Humor kepada ahli keluarga: i. Lebih terbuka menegur teguran	/	

	ii. Mewujudkan suasana yang mesra, selesa dan santai Penerimaan ahli keluarga terhadap Humor: i. Mudah berlapang dada ii. Mudah menerima mesej iii. Takut untuk mengulang lagi perbuatan yang tidak baik Batasan Gurauan: i. Gurauan erotik ii. Menyentuh Sensitiviti (Fizikal/Emosi/Sosial) iii. Tidak menjatuhkan maruah dan mengaibkan iv. Bergurau perhal agama		
	2. Jenis Pengungkapan Psikologi Strategi Psikologi dalam Berkomunikasi: i. Memilih waktu yang sesuai untuk berbicara atau menegur ii. Memanggil dengan panggilan manja iii. Berhati-hati dalam memilih kata iv. Memberi penerangan sebelum menyampaikan mesej v. Mengingatkan kembali kepada Allah SWT	/	
	3. Jenis Pengungkapan Persuasif Jenis Kata-Kata yang Mempengaruhi Ahli Keluarga: i. Kata-kata positif dan penuh kasih sayang ii. Kata-kata yang tidak menyinggung dan berkesan iii. Kata-kata yang memperlihatkan empati iv. Kata-kata yang berkaitan dengan rutin dan disiplin v. Kata-kata berdasarkan nilai agama vi. Kata-kata terbuka dan berterus-terang vii. Kata-kata berbentuk penghargaan Jenis Ungkapan Persuasif: i. Pujukan halus	/	

	ii. Memberi ruang untuk meluahkan perasaan iii. Menggunakan humor untuk meredakan ketegangan iv. Memohon maaf dan menjadi contoh teladan v. Bertoleransi dan memahami emosi vi. Menyedarkan Kesalahan dengan Lembut vii. Menggalakkan komunikasi dua hala		
OBJEKTIF 3			
TEMA SOALAN	ANALISIS DATA (HASIL KAJIAN OBJEKTIF 3)	SETUJU	TIDAK SETUJU
GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH	Pendakwah menggunakan sepuluh gaya pengungkapan dakwah semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga iaitu: 1. Gaya Pengungkapan yang Sopan Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya sopan ini iaitu: i. Berlapik-lapik dalam berbicara ii. Menggunakan kata-kata permintaan dengan 'tolong' dan ucapan terima kasih iii. Menggunakan nada lembut dan berhemah dalam menegur iv. Menggunakan bahasa sopan dalam berkomunikasi seharian v. Menggunakan panggilan mesra dan hormat dalam keluarga vi. Menyampaikan teguran secara halus tanpa menyinggung perasaan vii. Mengawal emosi dan bertutur dengan berhati-hati viii. Bersedia memohon maaf apabila melakukan kesilapan	/	
	2. Gaya Pengungkapan yang Benar dan Jujur Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh	/	

	pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Jujur dalam tindakan dan kata-kata <i>Walk the talk</i> dan menjadi contoh - Bina kepercayaan melalui komunikasi - Mendidik mengikut ajaran Islam		
	3. Gaya Pengungkapan Berunsur Humor Hasil kajian mendapati pendakwah mengungkapkan gaya ini untuk beberapa tujuan iaitu: - Humor dalam perbualan harian - Humor dalam teguran untuk mendidik - Humor untuk mencipta kemesraan	/	
	4. Gaya Pengungkapan Berhemah Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Bertanya dan berbincang - Sentuhan emosi dan interaksi fizikal - Masa yang sesuai - Penggunaan teknik perbandingan dan kiasan - Teguran secara tidak langsung - Pendekatan kasih sayang dan empati - Mencontohi akhlak nabi muhammad SAW - Memberikan Penghargaan	/	
	5. Gaya Pengungkapan Berunsur Penceritaan Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Penceritaan kisah nabi sebagai pedoman - Penceritaan sebagai pendekatan tidak langsung - Penggunaan penceritaan berkaitan keadaan sekeliling	/	

	6. Gaya Pengungkapan Berunsur Nasihat Hasil kajian mendapati pendakwah mengungkapkan gaya ini melalui beberapa kaedah iaitu: i. Nasihat melalui penceritaan ii. Nasihat secara lembut dan tidak langsung iii. Nasihat dengan penghargaan terhadap maruah iv. Nasihat melalui aktiviti bersama v. Nasihat menggunakan hukum dan prinsip agama	/	
	7. Gaya Pengungkapan Jelas dan Teratur Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Penggunaan kata-kata yang lembut dan berhati-hati ii. Struktur yang teratur dalam penjelasan iii. Mengelak kekeliruan melalui bahasa mudah dan terus terang	/	
	8. Gaya Pengungkapan Lemah Lembut Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Mengawal nada dan bahasa ii. Memberi ruang kepada ahli keluarga untuk meluahkan perasaan iii. Mengutamakan kesabaran dan memahami budaya diam dalam keluarga	/	
	9. Gaya Pengungkapan yang Mesra Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Menjalin komunikasi berkualiti secara konsisten ii. Mewujudkan suasana kekeluargaan melalui aktiviti bersama iii. Mengajak kepada ibadah secara bersama dan tidak mengarah iv. Menggunakan komunikasi teknologi dengan berhemah	/	


	v. Permohonan maaf dan refleksi diri		
	10. Gaya Pengungkapan yang Mudah Difahami Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Dialog reflektif untuk menyemai kesedaran ii. Bahasa mudah & ringkas – sesuai tahap pemahaman anak iii. Penjelasan berperingkat dan bertahap iv. Menjelaskan larangan dengan logik & hikmah v. Teknik bertanya soalan mudah dan terbuka vi. Gaya bercerita dan visualisasi	/	

UNIVERSITI

KESAHAN UNIT ANALISIS DATA PAKAR 1

Saya dengan ini bersetuju dan mengesahkan analisis data kajian
'Komunikasi Pendakwah Wanita terhadap Keluarga'.

NAMA PAKAR : PROF. Madya DR. NORRODZOH BINTI HJ SIREN
TARIKH : 17 JULAI 2025
TANDATANGAN :



ASSOC. PROF DR NORRODZOH BINTI HJ SIREN
Department of Da'wah & Human Development
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya

MALAYSIA

LAMPIRAN I

KESAHAN UNIT ANALISIS DATA PAKAR 2

KESAHAN UNIT ANALISIS DATA			
TEMA SOALAN	ANALISIS DATA (HASIL KAJIAN OBJEKTIF 1)	SETUJU	TIDAK SETUJU
BENTUK – BENTUK KOMUNIKASI DAKWAH	1. Pendakwah melakukan proses permulaan komunikasi dalam membina hubungan bersama ahli keluarga. - Mulakan dengan berpesan kepada diri sendiri - Mulakan dengan bertanya khabar dan menunjukkan empati - Mulakan dengan kata-kata yang baik dan tidak menyakitkan - Mulakan dengan memanggil gelaran mesta dan positif - Mulakan dengan luahan perasaan - Mulakan dengan pertanyaan aktiviti harian dan perancangan keluarga - Mulakan komunikasi untuk membangunkan keluarga dan menunaikan solat	/	
	2. Pendakwah melakukan perancangan sebelum berkomunikasi dengan ahli keluarga. - Bertanya perthal diri ahli keluarga dan mengetahui aktiviti mereka - Melihat kesesuaian emosi dan kesediaan ahli keluarga	/	
	3. Pendakwah menggunakan dua medium komunikasi. - Verbal - Bercakap secara langsung - Telefon - Bersemuka - Bukan Verbal - Penggunaan aplikasi Whatsapp (mesej/perkongsian video/emoji)	/	

	- Sentuhan / bahasa badan - Panggilan video - Penggunaan aplikasi media sosial lain (Tiktok/Youtube/Instagram/Facebook)		
	4. Pendakwah berkomunikasi dengan ahli keluarga sesuai dengan topik perbualan yang dibincangkan. i. Agama/ nilai murni ii. Emosi / sokongan moral/ psikologi iii. Kekeluargaan/ perhubungan iv. Tanggungjawab v. Pendidikan anak / sosial/ pembangunan diri vi. Perancangan keluarga / masa vii. Kerjaya / aspirasi viii. Isu semasa / masyarakat/ sosial ix. Kesedaran agama / kehidupan x. Rutin kehidupan seharian/ gaya hidup / kesihatan xi. Minat / aktiviti xii. Sosial / harian	/	
OBJEKTIF 2			
TEMA SOALAN	ANALISIS DATA (HASIL KAJIAN OBJEKTIF 2)	SETUJU	TIDAK SETUJU
JENIS- JENIS PENGUNGKAPAN DAKWAH	Pendakwah menggunakan tiga jenis pengungkapan dakwah kepada ahli keluarga iaitu: 1. Jenis Pengungkapan Humor Kesan Humor kepada ahli keluarga: i. Lebih terbuka menegur teguran	/	

	ii. Mewujudkan suasana yang mesra, selesa dan santai Penerimaan ahli keluarga terhadap Humor: i. Mudah berlapang dada ii. Mudah menerima mesej iii. Takut untuk mengulang lagi perbuatan yang tidak baik Batasan Gurauan: i. Gurauan erotik ii. Menyentuh Sensitiviti (Fizikal/Emosi/Sosial) iii. Tidak menjatuhkan maruah dan mengaibkan iv. Bergurau perhal agama		
	2. Jenis Pengungkapan Psikologi Strategi Psikologi dalam Berkomunikasi: i. Memilih waktu yang sesuai untuk berbicara atau menegur ii. Memanggil dengan panggilan manja iii. Berhati-hati dalam memilih kata iv. Memberi penerangan sebelum menyampaikan mesej v. Mengingatkan kembali kepada Allah SWT	/	
	3. Jenis Pengungkapan Persuasif Jenis Kata-Kata yang Mempengaruhi Ahli Keluarga: i. Kata-kata positif dan penuh kasih sayang ii. Kata-kata yang tidak menyinggung dan berkesan iii. Kata-kata yang memperlihatkan empati iv. Kata-kata yang berkaitan dengan rutin dan disiplin v. Kata-kata berdasarkan nilai agama vi. Kata-kata terbuka dan berterus-terang vii. Kata-kata berbentuk penghargaan Jenis Ungkapan Persuasif: i. Pujukan halus	/	

	ii. Memberi ruang untuk meluahkan perasaan iii. Menggunakan humor untuk meredakan ketegangan iv. Memohon maaf dan menjadi contoh teladan v. Bertoleransi dan memahami emosi vi. Menyedarkan Kesalahan dengan Lembut vii. Menggalakkan komunikasi dua hala		
OBJEKTIF 3			
TEMA SOALAN	ANALISIS DATA (HASIL KAJIAN OBJEKTIF 3)	SETUJU	TIDAK SETUJU
GAYA PENGUNGKAPAN DAKWAH	Pendakwah menggunakan sepuluh gaya pengungkapan dakwah semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga iaitu: 1. Gaya Pengungkapan yang Sopan Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya sopan ini iaitu: i. Berlapik-lapik dalam berbicara ii. Menggunakan kata-kata permintaan dengan 'tolong' dan ucapan terima kasih iii. Menggunakan nada lembut dan berhemah dalam menegur iv. Menggunakan bahasa sopan dalam berkomunikasi seharian v. Menggunakan panggilan mesra dan hormat dalam keluarga vi. Menyampaikan teguran secara halus tanpa menyinggung perasaan vii. Mengawal emosi dan bertutur dengan berhati-hati viii. Bersedia memohon maaf apabila melakukan kesilapan	/	
	2. Gaya Pengungkapan yang Benar dan Jujur Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh	/	

	pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Jujur dalam tindakan dan kata-kata <i>Walk the talk</i> dan menjadi contoh - Bina kepercayaan melalui komunikasi - Mendidik mengikut ajaran Islam		
	3. Gaya Pengungkapan Berunsur Humor Hasil kajian mendapati pendakwah mengungkapkan gaya ini untuk beberapa tujuan iaitu: - Humor dalam perbualan harian - Humor dalam teguran untuk mendidik - Humor untuk mencipta kemesraan	/	
	4. Gaya Pengungkapan Berhemah Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Bertanya dan berbincang - Sentuhan emosi dan interaksi fizikal - Masa yang sesuai - Penggunaan teknik perbandingan dan kiasan - Teguran secara tidak langsung - Pendekatan kasih sayang dan empati - Mencontohi akhlak nabi muhammad SAW - Memberikan Penghargaan	/	
	5. Gaya Pengungkapan Berunsur Penceritaan Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Penceritaan kisah nabi sebagai pedoman - Penceritaan sebagai pendekatan tidak langsung - Penggunaan penceritaan berkaitan keadaan sekeliling	/	

	6. Gaya Pengungkapan Berunsur Nasihat Hasil kajian mendapati pendakwah mengungkapkan gaya ini melalui beberapa kaedah iaitu: i. Nasihat melalui penceritaan ii. Nasihat secara lembut dan tidak langsung iii. Nasihat dengan penghargaan terhadap maruah iv. Nasihat melalui aktiviti bersama v. Nasihat menggunakan hukum dan prinsip agama	/	
	7. Gaya Pengungkapan Jelas dan Teratur Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Penggunaan kata-kata yang lembut dan berhati-hati ii. Struktur yang teratur dalam penjelasan iii. Mengelak kekeliruan melalui bahasa mudah dan terus terang	/	
	8. Gaya Pengungkapan Lemah Lembut Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Mengawal nada dan bahasa ii. Memberi ruang kepada ahli keluarga untuk meluahkan perasaan iii. Mengutamakan kesabaran dan memahami budaya diam dalam keluarga	/	
	9. Gaya Pengungkapan yang Mesra Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: i. Menjalin komunikasi berkualiti secara konsisten ii. Mewujudkan suasana kekeluargaan melalui aktiviti bersama iii. Mengajak kepada ibadah secara bersama dan tidak mengarah iv. Menggunakan komunikasi teknologi dengan berhemah	/	

	v. Permohonan maaf dan refleksi diri		
	10. Gaya Pengungkapan yang Mudah Difahami Hasil kajian mendapati perkara-perkara berikut diterapkan oleh pendakwah dalam mengungkapkan gaya ini iaitu: - Dialog reflektif untuk menyemai kesedaran - Bahasa mudah & ringkas – sesuai tahap pemahaman anak - Penjelasan berperingkat dan bertahap - Menjelaskan larangan dengan logik & hikmah - Teknik bertanya soalan mudah dan terbuka - Gaya bercerita dan visualisasi	/	

KESEAHAN UNIT ANALISIS DATA PAKAR 2

Saya dengan ini bersetuju dan mengesahkan analisis data kajian
'Komunikasi Pendakwah Wanita terhadap Keluarga'.

NAMA PAKAR : PROF DATO' DR FARIZA BINTI MD SHAM

TARIKH : 17 JULAI 2025

TANDATANGAN :

